


2012



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SIRI 3



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN | 2012 KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SIRI 3

Untuk Mengetahui Tindakan-Tindakan Yang Telah/Sedang/Akan Diambil Oleh Pihak Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ini, Ia Hendaklah Dibaca Bersama Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2012 Siri 3

KANDUNGAN



KANDUNGAN

ix	KATA PENDAHULUAN
xiii	INTISARI LAPORAN
	BAHAGIAN I
	PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
3	1. Pendahuluan
	JABATAN PERDANA MENTERI
	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
3	2. Pembinaan Kompleks Markas Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) Dan Institut Pengurusan Krisis Dan Bencana Negara (IPKBN)
33	3. Pengurusan Projek <i>Government Intergrated Radio Network</i> (GIRN)
59	BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
	4. Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan: Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru Dan Menara Usahawan, Putrajaya
98	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
	5. Perikanan Marin Dan Alam Sekitarnya
137	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
	6. Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)
155	KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
184	7. Pengurusan Projek Khas
	8. Pengurusan Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Di Sarawak
204	KEMENTERIAN PERTAHANAN
	9. Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia Di Pangkalan TLDM Lumut, Perak
221	HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS
	KEMENTERIAN KERJA RAYA
	Jabatan Kerja Raya
	10. Kenaikan Kos Projek Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) Serta Perbandingan Kos Pembinaan Antara Jabatan Kerja Raya Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

- 235** 11. Pendahuluan
- 236** 12. Pengurusan Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- 273** ***PENUTUP***

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara akan dibentangkan di Parlimen pada setiap kali Parlimen bersidang selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentang di Parlimen pada 1 Oktober 2013. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan syarikat Kerajaan bagi tahun 2012 Siri 3 mengandungi 2 bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, infrastruktur, penyenggaraan, pengurusan aset, alam sekitar, perolehan, pengurusan hasil, pelajaran, modal insan,

pentadbiran kontrak dan program peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 9 program/aktiviti/projek di bawah 6 Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengurusan sebuah syarikat Kerajaan dan pengurusan terhadap prestasi kewangan dan pengawasan syarikat Kerajaan. Pada umumnya, terdapat kelemahan seperti kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti/tidak sesuai; kelewatan tidak munasabah; pembaziran; kelemahan pengurusan hasil; kelemahan pengurusan dan penyenggaraan aset Kerajaan dan ketidakpatuhan terhadap undang-undang alam sekitar. Kelemahan tersebut adalah disebabkan oleh kecuaiannya dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan; kurang teliti semasa merancang program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender; tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/vendor/perunding; kurang kemahiran dalam pengurusan projek; lewat membuat keputusan mengenai perolehan; sistem maklumat Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang tidak lengkap dan tidak kemas kini; kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek dan kekurangan peruntukan untuk penyenggaraan aset.

4. Seperti mana siri yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesanan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 60 syor untuk memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

5. Mulai tahun 2013, Auditor General's Dashboard diwujudkan bagi memantau tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan terhadap isu audit yang dibangkitkan. Ia juga merupakan saluran pemberitahuan kepada pihak awam berhubung status tindakan yang diambil. Melalui pendekatan ini, setiap isu audit yang dibangkitkan akan diberi perhatian serius oleh Kementerian/Jabatan serta Syarikat Kerajaan dan kes-kes lama yang tertunggak juga dapat diselesaikan secepat mungkin.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
8 Oktober 2013

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Majlis Keselamatan Negara

1. Pembinaan Kompleks Markas Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) Dan Institut Pengurusan Krisis Dan Bencana Negara (IPKBN)

a. Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia [Special Malaysia Disaster Assistance And Rescue Team (SMART)] telah ditubuhkan melalui arahan Kabinet pada 18 Mei 1994 di bawah pengurusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai sebuah pasukan mencari dan menyelamat elit negara yang mempunyai kepakaran tinggi mengatasi kemampuan pasukan mencari dan menyelamat sedia ada. Pembinaan Kompleks Markas SMART dan Institut Pengurusan Krisis Dan Bencana Negara (IPKBN) yang bernilai RM90.24 juta di Batu 8, Jalan Puchong-Kajang, Pulau Meranti, Puchong, Selangor adalah bagi menyediakan pusat pengurusan pentadbiran/operasi/logistik/latihan yang sempurna berbanding Markas SMART yang asal di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Kompleks ini juga merangkumi kuarters yang dapat menggantikan 50 unit kediaman di Apartment Ceria Height, Cheras, Kuala Lumpur. Pembinaan Kompleks ini dilaksanakan secara konvensional dalaman oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan dibahagikan kepada 3 fasa iaitu Fasa 1 meliputi kerja pembinaan Kuarters Serta Litar Merempuh Halangan; Fasa 2 merangkumi pembinaan Bangunan Markas SMART, Rumah Kelab dan Surau; dan Fasa 3 merangkumi Bangunan IPKBN dan Bangunan Simulasi khusus bagi latihan kepakaran anggota SMART. Pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 telah disiapkan pada tahun 2009 dan 2010 manakala Fasa 3 tidak diteruskan disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya prestasi pembinaan Kompleks Markas SMART dan IPKBN adalah kurang memuaskan. Matlamat untuk menyediakan kemudahan latihan yang sempurna bagi anggota SMART juga masih belum dicapai disebabkan pembinaan Fasa 3 yang mengandungi bangunan simulasi untuk latihan kepakaran anggota SMART tidak diteruskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. pembinaan dua fasa projek lewat disiapkan 353 hari dan 350 hari dari tarikh sepatutnya;
- ii. pembinaan Fasa 2 lewat diserahkan oleh JKR kepada MKN selama iaitu antara 54 hari hingga 205 hari dari tarikh projek disiapkan disebabkan beberapa komponen pembinaan yang masih belum dapat berfungsi sepenuhnya serta proses kemasukan bekalan air dan elektrik yang masih belum selesai;

- iii. berlaku peningkatan kos kontrak sejumlah RM12.65 juta (kos asal projek berjumlah RM77.59 juta) disebabkan perancangan JKR yang lemah terhadap reka bentuk dan skop kerja, keadaan luar jangka di tapak pembinaan dan masalah kenaikan harga bahan binaan;
 - iv. urusan penyerahan/penyimpanan Lukisan Siap Bina pembinaan Fasa 1 yang tidak teratur sehingga menyulitkan perancangan kerja-kerja penyenggaraan bangunan Kompleks;
 - v. pengeluaran Perakuan Siap Kerja [Certificate of Practical Completion (CPC)] yang tidak teratur di mana CPC pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 telah dikeluarkan sungguhpun terdapat kerja-kerja yang masih belum disempurnakan oleh kontraktor pada tarikh pengeluarannya;
 - vi. reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai/tidak praktikal;
 - vii. pembinaan tidak berkualiti/tidak memuaskan dan terdapat beberapa peralatan elektrik/mekanikal tidak berfungsi;
 - viii. perabot/peralatan/kelengkapan/lekapan elektrik/mekanikal tiada di lokasi yang sepatutnya;
 - ix. kuarters, ruang/kemudahan/bilik/kelengkapan di Rumah Kelab dan Bangunan Markas SMART tidak digunakan dengan optimum;
 - x. Litar Merempuh Halangan bernilai RM1.65 juta jarang digunakan sejak diserahkan secara rasmi kepada MKN pada 25 Mac 2009; dan
 - xi. kelewatan pelantikan kontraktor penyenggaraan Kompleks iaitu mengambil masa selama 1,061 hari daripada tarikh pembinaan Fasa 1 disiapkan dan 509 hari daripada tarikh pembinaan Fasa 2 disiapkan.
- b. Pihak Audit mengesyorkan supaya MKN dan JKR mempertimbangkan perkara berikut:
- i. memastikan perancangan awal dilakukan dengan teliti terhadap reka bentuk dan skop kerja yang sepatutnya dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan pembinaan lewat disiapkan dan peningkatan kos semasa pelaksanaannya;
 - ii. memastikan penyerahan rasmi bangunan yang siap dibina dengan sempurna kepada Jabatan Pelanggan dilakukan seberapa segera bagi membolehkan DLP dimanfaatkan sepenuhnya untuk pengesanan kecacatan binaan;
 - iii. memastikan kerja-kerja pembinaan telah disempurnakan oleh kontraktor sepenuhnya semasa tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja [Certificate of Practical Completion (CPC)]. Tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai yang didapati gagal menjalankan tanggungjawab tersebut dengan berkesan;
 - iv. memastikan urusan penyerahan/penyimpanan Lukisan Siap Bina pembinaan dilaksanakan dengan teratur bagi mengelakkan kesulitan terhadap perancangan kerja-kerja penyenggaraan bangunan;
 - v. memastikan bangunan/peralatan mekanikal/elektrik yang dibina/dibekalkan disenggara dengan rapi bagi membolehkan ianya berfungsi dengan baik dan perolehannya adalah *best value for money*;

- vi. memastikan peralatan/lekapan/lengkapan elektrik/mekanikal yang dibekalkan didaftarkan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Siasatan lanjut hendaklah dijalankan terhadap kes aset yang tiada di lokasi sepatutnya bagi menentukan sama ada berlaku kehilangan atau sememangnya tidak dibekalkan mengikut syarat kontrak; dan
- vii. memastikan unit kuarters; bilik/ruang/kemudahan yang disediakan di Bangunan Markas SMART; Rumah Kelab dan Litar Merempuh Halangan dimanfaatkan dengan optimum selaras dengan objektif pembinaannya.

[muka surat 3 - 32]

Majlis Keselamatan Negara

2. Pengurusan Projek Government Integrated Radio Network (GIRN)

- a. Projek Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan atau *Government Integrated Radio Network* (GIRN) bertujuan untuk mewujudkan satu rangkaian komunikasi khusus yang berkongsi prasarana, tetapi mengekalkan autonomi dan kebebasan setiap agensi. GIRN dibangunkan untuk kegunaan agensi-agensi keselamatan, ketenteraman awam, penguatkuasaan dan kecemasan yang mempunyai liputan ke seluruh negara. Ia dijangka dapat menghapuskan pertindihan dan pembaziran kos dengan pencapaian skala ekonomi (economies of scale) dalam perolehan, operasi penyenggaraan dan pengurusan alat ganti telekomunikasi. Pelaksanaan GIRN adalah melibatkan kerjasama awam swasta melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta [Private Finance Initiative (PFI)]. Operasi dan penyenggaraan rangkaian GIRN diswastakan kepada Sapura Research Sdn. Bhd. (SRSB) bagi tempoh konsesi selama 20 tahun. Anggaran harga kontrak/sewaan rangkaian (estimated network rental) dalam tempoh ini adalah berjumlah RM1.833 bilion. Bagi 5 tahun pertama kos penyenggaraan adalah berjumlah RM956.15 juta. Sebanyak 14 agensi telah menyertai rangkaian GIRN. Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Penyelaras Teknikal sepanjang tempoh pelaksanaan GIRN. MKN, JPM pula dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Penyelaras Teknikal sepanjang tempoh pelaksanaan GIRN. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 538 tapak pemancar GIRN telah dibina di seluruh negara. Pembinaan tapak pemancar GIRN ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu secara *greenfield*, *rooftop* dan *share*. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya pengurusan GIRN adalah memuaskan khususnya dari aspek pembangunan dan liputan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:
 - a. Keadaan perkakasan:
 - i. tindakan pelupusan terhadap *handheld terminal* dan *vehicular terminal* bernilai RM1.85 juta tidak dilakukan sejak tahun 2007.
 - b. Keadaan tapak pemancar:
 - i. generator sokongan (back-up) tidak berfungsi;
 - ii. pondok kawalan tidak disediakan untuk Pengawal Keselamatan;
 - iii. persekitaran tapak generator tidak disenggara dengan sempurna (berminyak);

- iv. pemeriksaan semula terhadap Alat Pemadam Api tidak dilakukan;
 - v. pemasangan kabel yang tidak sempurna; dan
 - vi. pelabelan aset tidak dibuat dengan sempurna:
 - aset tidak dilabelkan/pudar; dan
 - papan tanda amaran pudar.
 - c. hasil sewaan menara pemancar tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan (hasil sewaan berjumlah RM2.44 juta) tetapi telah di akaunkan ke akaun Sapura Research Sdn. Bhd.;
 - d. program pemindahan teknologi belum mencukupi; dan
 - e. perjawatan sedia ada perlu dikaji semula.
- b. Pihak Audit mengesyorkan MKN melaksanakan perkara seperti berikut:
- i. memaklumkan kepada agensi yang terlibat mengenai tatacara pengendalian terminal GIRN yang rosak dan yang memerlukan kerja pembaikan;
 - ii. memantau penggunaan GIRN oleh agensi-agensi bagi memastikan peralatan yang dibekalkan digunakan secara optima;
 - iii. berhubung terus dengan pihak Kementerian Kewangan bagi mendapatkan pandangan untuk membolehkan tindakan pelupusan diambil berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007;
 - iv. MKN perlu memastikan setiap generator termasuk generator sokongan (back up generator) dapat berfungsi dengan baik bagi memastikan tiada gangguan terhadap operasi rangkaian GIRN;
 - v. pemantauan dilakukan bagi memastikan pondok pengawal disediakan di tapak pemancar GIRN yang mempunyai pengawal keselamatan;
 - vi. memantau kerja-kerja penyenggaraan/pembersihan di tapak generator bagi memastikan ianya dilakukan dengan baik/sempurna;
 - vii. memastikan pemeriksaan semula alat pemadam api dijalankan mengikut jadual;
 - viii. memastikan aset dilabel dengan 'Hak Milik Kerajaan Malaysia' dan diberikan nombor siri pendaftaran. Label juga perlulah jelas dan mudah dibaca;
 - ix. tindakan diambil bagi memastikan hasil sewaan menara pemancar diakaunkan kepada hasil Kerajaan;
 - x. memastikan SRSB mengemukakan perancangan untuk menentukan program pemindahan teknologi berlaku sepanjang tempoh konsesi. Aktiviti yang berkaitan dengan pemindahan teknologi termasuk latihan yang berterusan hendaklah dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Kemajuan Projek; dan
 - xi. membincangkan dengan Kementerian Kewangan mengenai perjawatan yang sesuai dan mencukupi bagi memantau projek GIRN memandangkan projek ini berstatus projek strategik Kerajaan.

[muka surat 33 - 58]

Bahagian Pengurusan Hartanah

3. Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan - Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru Dan Menara Usahawan, Putrajaya

a. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertanggungjawab mengawal dan mentadbir 6 daripada 45 Bangunan Gunasama (BGS) Persekutuan. Sebagai pengurus atau pemilik Bangunan BPH akan menyalurkan peruntukan penyenggaraan kepada JKR sebagai agensi pelaksana. Objektif utama BPH dalam menguruskan bangunan-bangunan Kerajaan adalah memastikan ruang pejabat, kompleks pejabat Kerajaan dan kafeteria di bawah seliaannya boleh mencapai taraf dunia dengan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang selamat, selesa dan memenuhi keperluan semasa. Jabatan Kerja Raya (JKR), sebagai agensi pelaksana bertanggungjawab membuat pelantikan kontraktor, memantau serta menguruskan kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik. Dua daripada 6 BGS yang dipertanggungjawabkan oleh BPH kepada JKR bagi tujuan di atas adalah Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan Menara Usahawan (MU) di Putrajaya. Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru berkeluasan 2.87 juta kaki persegi dibina dengan kos RM987.47 juta dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Disember 2008. JKR telah melantik Advanced Maintenance Precision Management Sdn. Bhd. (AMPM) sebagai kontraktor penyenggaraan secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Kontrak bernilai RM484.50 juta telah ditandatangani pada 29 September 2008 bagi tempoh 5 tahun iaitu dari 1 Jun 2007 hingga 31 Mei 2012. Menara Usahawan (MU) atau Lot 2G6 di Putrajaya, berkeluasan lantai 49 ribu meter persegi telah dibina dengan kos RM373.48 juta dan disiapkan sepenuhnya pada 29 Oktober 2005. JKR telah melantik HBS Engineering Sdn. Bhd. (HBSESB) dan Jangka Prestasi Sdn. Bhd. (JPSB) secara tender terbuka sebagai kontraktor penyenggaraan. Kontrak Pengurusan Penyenggaraan dan Operasi bagi tahun 2007 hingga 2010 bernilai RM8.88 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhan pengurusan penyenggaraan bagi 2 Bangunan Gunasama Persekutuan (BGS), iaitu Bangunan Sultan Iskandar dan Menara Usahawan adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, antara perkara yang masih memerlukan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. prestasi penyenggaraan fizikal kurang memuaskan;
- ii. reka bentuk pembinaan kurang sesuai yang menyukarkan kerja penyenggaraan;
- iii. pengisian jawatan tidak dilaksanakan oleh kontraktor mengikut kontrak;
- iv. penalti lanjutan terhadap kelewatan tidak dikenakan;
- v. kesahihan maklumat dalam daftar Arahan Kerja (Work Order) dan *Summary Work Order* diragui kerana terdapat perbezaan maklumat di antara kedua dokumen tersebut. Perbezaan maklumat yang ketara adalah jenis kerja iaitu antara *complaint* dan *self finding*, tarikh, lokasi kerosakan dan jenis masalah/kerosakan;

- vi. mesyuarat penyenggaraan bulanan tidak diadakan pada setiap bulan; dan
 - vii. penyimpanan dokumen penyenggaraan tidak lengkap dan kemas kini.
- b. Bagi memastikan bangunan Bangunan Sultan Iskandar dan Menara Usahawan sentiasa dalam keadaan baik/terjaga serta mengekalkan persekitaran pejabat yang selesa dan selamat, adalah disyorkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM dan JKR mengambil tindakan seperti berikut:
- i. pihak JKR perlu mempertingkatkan pemantauan untuk memastikan pihak Kontraktor bertindak lebih proaktif dalam mengambil tindakan yang melibatkan kerja-kerja penyenggaraan sama ada secara rutin, berkala atau pemulihan selain menjalankan pemeriksaan dan pembaikan terhadap apa-apa kecacatan dan penggantian kerosakan item. Arahan Kerja (Work Order) yang dibuka sepatutnya tidak ditutup selagi kerja-kerja pembaikan belum disempurnakan;
 - ii. laluan khas disediakan di aras 6 Menara Usahawan bagi tujuan kerja-kerja penyenggaraan di kawasan Bumbung Rata memandangkan reka bentuk sedia ada tidak membolehkan ianya dilakukan;
 - iii. pihak JKR perlu mengambil tindakan pemantauan terhadap pengisian kekosongan jawatan bagi memastikan perjalanan operasi penyenggaraan fasiliti di BSI dan Menara Usahawan tidak terjejas walaupun pemotongan bayaran telah dibuat;
 - iv. pihak JKR perlu mengkaji semula klausa penalti atau pemotongan bayaran terhadap Arahan Kerja (Work Order) yang belum diselesaikan dan bukan hanya dikenakan sekali apabila tempohnya melebihi 30 hari kerana terdapat lambakan kerja pembaikan yang tertangguh dan pihak kontraktor didapati lewat mengambil tindakan pembaikan;
 - v. pihak JKR memastikan kesahihan maklumat dalam daftar Arahan Kerja (Work Order) dan Laporan Bulanan disebabkan berlaku kes kesilapan merekod jenis kerja dari *complaint* kepada *self finding*. Ketidakpatuhan piawaian ini akan melibatkan pemotongan bayaran;
 - vi. pihak BPH perlu memastikan Mesyuarat Penyenggaraan Bulanan bagi Menara Usahawan diadakan pada setiap bulan bagi membincangkan pencapaian prestasi kontraktor;
 - vii. pihak BPH sebagai pemilik bangunan Menara Usahawan perlu memastikan penyimpanan dokumen penyenggaraan lengkap termasuk minit mesyuarat, aliran perbelanjaan, pemantauan yang dibuat, laporan penyenggaraan bulanan dan lain-lain dokumen sebagai rujukan dan pemantauan; dan
 - viii. pihak BPH/JKR memastikan penggunaan Sistem Pengurusan Kemudahan dan Infrastruktur Menyeluruh [Total Infrastructure Facilities Management System (TIFM)] disegerakan bagi memastikan peningkatan dalam keberkesanan dan kecekapan pengurusan kerja penyenggaraan.

[muka surat 59 - 97]

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

4. Perikanan Marin Dan Alam Sekitarnya

a. Sektor perikanan negara telah menyumbang kepada pengeluaran ikan negara berjumlah RM11.438 bilion pada tahun 2012, sejumlah RM10.620 bilion pada tahun 2011 dan sejumlah RM9.94 bilion pada tahun 2010. Pengeluaran ikan negara disumbangkan oleh perikanan tangkapan marin, akuakultur dan perikanan umum. Ikan merupakan sumber makanan dan protein yang terpenting kepada rakyat Malaysia di mana penggunaan per kapita ikan adalah sebanyak 46kg pada tahun 2011. Bagaimanapun, penggunaan per kapita ikan dijangka terus meningkat daripada 46kg kepada 55kg seorang dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.9% setahun bagi tempoh tahun 2011 hingga 2020. Dengan itu, Dasar Agromakanan Negara Tahun 2011 hingga 2020 menetapkan industri perikanan perlu ditransformasikan dengan menumpukan kepada pemodenan teknologi penangkapan, naik taraf kemudahan infrastruktur pendaratan dan pemasaran ikan, pengukuhan keupayaan nelayan, pematuhan terhadap piawaian antarabangsa mengenai pengendalian dan pendaratan ikan serta pengurusan sumber perikanan secara mampan. Objektif perikanan tangkapan marin adalah untuk merealisasikan pendaratan ikan bagi tujuan makanan melalui perikanan tangkapan yang optimum sebanyak 1.76 juta tm pada tahun 2020; memastikan sumber perikanan diurus dengan baik agar ia dapat dieksploitasi secara mampan; memastikan majoriti hasil pengeluaran ikan negara disumbangkan oleh perikanan tangkapan marin; memastikan perancangan strategik yang sesuai dilaksanakan dan memberi sokongan yang kuat kepada institusi yang terlibat dalam perikanan bagi membolehkan sektor ini memenuhi permintaan yang dijangkakan dan mengatasi masalah yang dihadapi. Kajian menunjukkan kebelakangan ini aktiviti perikanan tangkapan yang tidak mampan dan akibat pembangunan yang pesat di sepanjang kawasan pesisir pantai dan muara sungai telah memberi kesan buruk terhadap sumber perikanan dan habitat yang berkait rapat dengan perikanan di kawasan tersebut serta hutan paya laut, kawasan terumbu karang dan rumput laut. Aktiviti ini menimbulkan pelbagai impak sosial, ekonomi dan biologi termasuklah pengurangan spesies perikanan komersil dan perubahan ketara ke atas fungsi ekosistem. Pengauditan dijalankan mendapati secara umumnya pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya seperti berikut:

- i. prestasi pendaratan ikan dan indeks penggunaan ikan per kapita tidak konsisten;
- ii. kajian menyeluruh sumber perikanan tidak dibuat sejak tahun 1999 (13 tahun);
- iii. kawalan pemuliharaan sumber dan alam sekitar kurang berkesan;
- iv. pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tidak sepenuhnya;
- v. penggunaan peralatan penangkapan ikan yang tidak dibenarkan mengikut syarat dalam buku lesen (Perkara 15) seperti mata pukat yang digunakan tidak boleh kurang daripada 38mm; dan
- vi. penguatkuasaan/pemantauan kurang berkesan.

- b. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya dilaksanakan dengan cekap dan teratur untuk mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian/ Jabatan dan Agensi yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. menyediakan peruntukan kewangan dan sumber tenaga manusia (di peringkat negeri dan daerah) yang mencukupi bagi melaksanakan aktiviti pemuliharaan sumber, pemantauan dan pengurusan perikanan;
 - ii. meningkatkan kolaborasi bersama dengan agensi penyelidikan seperti universiti tempatan untuk menjalankan kajian sumber perikanan supaya data yang terkini (terutamanya *fish stock*) mengenainya dapat dikeluarkan dan seterusnya digunakan bagi tujuan penangkapan ikan yang berkesan;
 - iii. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) perlu mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan kadar pertumbuhan yang stabil dalam penggunaan ikan per kapita;
 - iv. agensi yang terlibat seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan DOF perlu memastikan pemantauan dijalankan untuk mengatasi masalah pencerobohan zon, *overfishing and destructive fishing* dan penggunaan peralatan menangkap ikan di samping memastikan pengurusan perikanan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
 - v. konsep *blue ocean strategy* perlu dilaksanakan oleh agensi yang terlibat [DOF, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Taman Laut, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan APMM] bagi tujuan memastikan kelestarian alam sekitar terjamin selain daripada menambahkan pewartaan kawasan larangan tangkapan ikan. Selain itu, agensi lain seperti *Non-government Organisations* (NGOs), pihak berkepentingan dan penduduk setempat juga perlu dilibatkan;
 - vi. DOF hendaklah meneliti amalan yang terbaik dalam perlindungan dan konservasi ekosistem untuk menjamin kemapanan sumber perikanan dan mengkaji penggunaan peralatan (seperti pukut tunda) yang boleh mengakibatkan *destructive fishing* dan jika perlu mengharamkannya; dan
 - vii. DOF perlu menyusuli pelan penambahan anggota penguatkuasa di lapangan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan perikanan di Malaysia.

[muka surat 98 - 136]

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

5. Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)

- a. Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Centre* (RTC) merupakan program bersepadu yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy 4* (NBOS4) dan telah dilancarkan secara rasmi pada 31 Mei 2011. RTC berperanan sebagai *One Stop Centre* (OSC) dan berfungsi sebagai pusat integrasi perkhidmatan oleh pihak Kerajaan mahupun oleh pihak swasta meliputi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian; perbankan dan insurans; khidmat nasihat perniagaan; latihan kemahiran; klinik serta ruang niaga. Objektif pelaksanaan program RTC

adalah untuk membolehkan masyarakat luar bandar berdaya maju dan berdaya saing serta berupaya meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mereka. Ini membolehkan produk tersebut bukan sahaja dapat dipasarkan di dalam negara malah dapat menembusi pasaran eksport. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (KPIAT) merupakan Kementerian utama yang menerajui pelaksanaan program-program di bawah RTC. Unit *National Key Result Areas* (NKRA) di KKLW merupakan pihak yang diberi tanggungjawab di dalam pelaksanaan program RTC ini. RTC beroperasi di premis yang sedia ada dimiliki oleh pelbagai agensi Kerajaan namun tidak diduduki/disewa oleh para peniaga/golongan sasaran seperti mana tujuan asalnya. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya pengurusan RTC adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. kelewatan penyaluran peruntukan kepada Kementerian/Agensi pelaksana menyebabkan peruntukan sejumlah RM4.70 juta tidak sempat dibelanjakan;
 - ii. terdapat peniaga tidak menjalankan perniagaan walaupun bilangan ruang niaga yang tidak disewa hanya 96 (14%) berbanding jumlah keseluruhan ruang niaga yang disewa iaitu 592 (86%);
 - iii. tunggakan sewa di RTC sehingga akhir tahun 2012 berjumlah RM1.49 juta; dan
 - iv. peniaga di RTC Kota Bharu dan Gopeng kurang berpuas hati dengan sambutan pengunjung dan sukar untuk mendapatkan bekalan barang niaga.
- b. Bagi memastikan objektif penubuhan RTC tercapai dan masalah pengurusan di RTC diatasi, adalah disyorkan supaya pihak-pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan berikut:
- i. KKLW perlu menyalurkan peruntukan yang diterima dengan segera agar Kementerian/Agensi pelaksana dapat melaksanakan program/aktiviti RTC yang telah dirancang;
 - ii. KKLW sebagai Kementerian peneraju Inisiatif 1 (Latihan Kemahiran Kepada Penduduk Luar Bandar) perlu menyediakan latihan yang secukupnya bagi meningkat pengetahuan, kemahiran, keupayaan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasaran;
 - iii. KKLW perlu memantau secara berterusan terutamanya terhadap kemajuan perbelanjaan dan pencapaian inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan;
 - iv. KKLW dan KPIAT perlu mewujudkan mekanisme penyewaan kepada peniaga RTC seperti penetapan *grace period* pembayaran sewa perlu dibuat bagi memastikan peniaga mampu untuk bertahan dan meneruskan operasi perniagaannya; dan
 - v. KKLW dan pihak pengurusan RTC perlu meningkatkan aktiviti promosi untuk menarik pengunjung ke RTC seperti mengadakan aktiviti kebudayaan, kesenian, sukan dan sebagainya yang melibatkan masyarakat sekitar.

[muka surat 137 - 154]

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

6. Pengurusan Projek Khas

- a. Lawatan Menteri Pelajaran Malaysia sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) mendapati kebanyakan sekolah menghadapi masalah kemudahan sekolah seperti dewan sekolah, pejabat guru, tandas dan padang yang tidak kondusif. Ini telah menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dalam suasana yang selesa. Menteri Pelajaran Malaysia mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) menaik taraf kemudahan untuk menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan sekolah. Kementerian telah mengenal pasti dan merangka strategi pelaksanaan untuk meningkatkan/menaik taraf kemudahan melalui Projek Khas yang terdiri daripada 350 projek melibatkan 27 projek dewan sekolah, 91 projek pejabat guru, 161 projek tandas dan 71 projek naik taraf padang di seluruh negara bagi mengatasi masalah tersebut. Sejumlah RM444.69 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini bagi tahun 2011 dan 2012. Projek Khas ini telah dirancang pada pertengahan tahun 2010 dan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 hingga 2012. Tempoh dijangka siap adalah di antara 6 hingga 12 bulan dan dibahagikan kepada 10 pakej dan 105 sub pakej yang dilaksanakan oleh Kontraktor yang berbeza. Projek ini diuruskan oleh Unit Projek Khas, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebanyak 12 Perunding berbeza telah dilantik secara tender terhad bagi reka bentuk modul Projek Khas untuk pembinaan dewan sekolah, pejabat guru dan tandas sekolah kecuali naik taraf padang. Kementerian juga telah melantik 50 Perunding yang berbeza secara tender terhad bagi kerja-kerja penyeliaan Projek Khas. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara umumnya pengurusan Projek Khas adalah kurang memuaskan kerana prestasi keseluruhan perbelanjaan dan kemajuan kerja Projek Khas sehingga bulan Disember 2012 hanya mencapai 39.5% dan 55.1%. Berdasarkan sampel projek yang diaudit, beberapa kelemahan pengurusan Projek Khas telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki adalah seperti berikut:
- i. Kementerian mengambil masa terlalu lama untuk mengeluarkan SST daripada tarikh surat niat dikeluarkan iaitu antara 478 hingga 732 hari untuk ditandatangani. Selain itu, didapati kontrak perjanjian juga lewat dimeterai selepas SST dikeluarkan iaitu di antara 79 hingga 391 hari (tidak termasuk kes kelewatan kontrak dimeterai kurang 2 bulan). Kelewatan mengeluarkan SST dan menandatangani kontrak perjanjian dengan Perunding menyebabkan Perunding melaksanakan tanggungjawab tanpa sebarang ikatan yang sah dan ini tidak menjamin kepentingan Kerajaan;
 - ii. 25 daripada 26 projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan telah memohon pelanjutan masa di antara 53 hingga 413 hari (termasuk lanjutan masa yang diluluskan). Sehingga Disember 2012, hanya 19 daripada 25 projek telah disiapkan dan diserahkan. Manakala baki 5 projek belum siap/serah dan 1 projek tandas telah siap pada 30 Mei 2012 tetapi tidak dapat diserahkan disebabkan ada bantahan oleh pihak sekolah bersebelahan. Satu lagi projek naik taraf padang telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan tetapi masih dikategorikan gagal kerana tidak menyiapkan 4 projek yang lain dalam pakej projek yang sama; dan

- iii. reka bentuk Projek Khas pada umumnya memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan dari aspek ciri-ciri keselamatan dan kesempurnaan bagi memenuhi keperluan pengguna.
- b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan Projek Khas, Kementerian perlu memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:
 - i. mewujudkan prosedur atau proses kerja yang jelas bagi memastikan rundingan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan selepas surat niat dikeluarkan bagi kontrak Perunding;
 - ii. memastikan kontrak perjanjian ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dan SST segera dikeluarkan selepas Kementerian melantik Perunding/Kontraktor bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Selain itu, semua pembayaran hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap;
 - iii. Perunding/Kontraktor hendaklah membuat perancangan awal bagi permohonan lanjutan masa atas sebab yang munasabah jika projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Perunding juga perlu lebih proaktif melaporkan dengan lebih awal dan segera kepada Kementerian terhadap masalah berbangkit yang menjejaskan prestasi projek;
 - iv. pelantikan Subkontraktor Dinamakan bagi pembekalan perabot bina dalam hendaklah dibuat dalam masa yang ditetapkan supaya projek dapat diduduki/digunakan sebagaimana yang dirancang; dan
 - v. reka bentuk Projek Khas hendaklah mengambil kira ciri-ciri keselamatan bangunan dan keperluan setempat supaya projek dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kemudahannya dapat dinikmati sepenuhnya oleh pengguna.

[muka surat 155 - 183]

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

7. Pengurusan Projek Pembinaan Bangunan Sekolah Di Sarawak

- a. Projek Pembinaan Bangunan Sekolah (PBS) dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran serta memberi keselesaan kepada pelajar dan kakitangan sekolah. Di antara komponen utama projek PBS yang dilaksanakan adalah bilik darjah, makmal, asrama, rumah guru dan dewan makan. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah melaksanakan 737 projek PBS di negeri Sarawak dengan nilai asal kontrak berjumlah RM1.825 bilion. Projek PBS dilaksanakan melalui kaedah perolehan tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus. Pengurusan projek PBS adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pembangunan Kementerian yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh pegawai pentadbiran dan pegawai teknikal yang terdiri daripada jurutera, arkitek dan juruukur bahan. Fungsi Bahagian Pembangunan Kementerian ialah merangka dasar dan strategi pelaksanaan projek PBS; menyediakan anggaran belanjawan tahunan; mengurus perolehan Kementerian; memantau pelaksanaan serta prestasi fizikal dan kewangan projek; membuat pengesahan dan mengesyorkan bayaran kepada kontraktor; mengadakan mesyuarat tapak setiap bulan termasuk menyelia kerja yang dibuat oleh perunding

dan menyelaraskan masalah operasi pembinaan bangunan sekolah di peringkat negeri. Pengauditan yang dijalankan mendapati secara umumnya berdasarkan sampel yang dipilih, pengurusan projek PBS di negeri Sarawak adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. 55 projek dilaksanakan lewat jadual antara 219 hingga 909 hari;
 - ii. reka bentuk bangunan sekolah bagi 8 projek Pembinaan Bangunan Sekolah tidak mengambil kira aspek keselamatan, kesesuaian dan keselesaan pengguna;
 - iii. kualiti pembinaan yang kurang memuaskan; dan
 - iv. pemantauan pengurusan projek PBS yang kurang memuaskan.
- b. Bagi memastikan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*) bagi projek pembinaan bangunan sekolah serta pelaksanaan projek yang lebih teratur dan berhemat pada masa akan datang, adalah disyorkan Kementerian melaksanakan tindakan seperti berikut:
- i. memastikan projek dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan supaya pelajar dan kakitangan sekolah dapat menggunakan kemudahan sekolah yang telah dirancang dan pada masa yang ditetapkan serta mengelakkan imej Kementerian terjejas;
 - ii. memastikan reka bentuk bangunan sekolah mengikut piawaian yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek keselamatan, kesesuaian dan keselesaan supaya projek PBS memberi manfaat sepenuhnya kepada pengguna serta mendapat *best value for money*;
 - iii. memastikan kerja pembinaan PBS dipantau dan diselia dengan berkesan supaya projek dilaksanakan menepati piawaian dan kualiti yang ditetapkan dalam kontrak; dan
 - iv. mempercepatkan tindakan penamatan kontrak terhadap projek sakit dan pelantikan kontraktor penyiap serta menyenaraihitamkan kontraktor dan perunding yang gagal menyempurnakan kerja/tanggungjawab selaras dengan kehendak kontrak/perjanjian.

[muka surat 184 - 203]

KEMENTERIAN PERTAHANAN

8. *Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia Pangkalan TLDM Lumut, Perak*

- a. Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia (Kolej TLDM) merangkumi 2 pusat latihan iaitu Kapal Diraja Sultan Idris 1 (KDSI-1) adalah pusat latihan bagi pegawai dan KD Pelandok untuk anggota Lain-lain Pangkat (LLP). KDSI-1 dahulunya dikenali sebagai Fakulti Pegawai dan mula beroperasi pada tahun 1995. KDSI-1 ini mampu menampung seramai 300 orang pelatih pada satu-satu masa. Pembangunan semula KDSI-1 adalah membina bangunan kediaman bagi menampung jumlah pelatih yang dijangka meningkat sehingga 1,000 orang. Manakala, pembangunan KD Pelandok adalah bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang lebih efektif dan menyediakan kemudahan pembelajaran terkini bagi membantu melatih LLP dan

meningkatkan kemahiran mereka. Projek dibahagikan kepada 2 pakej berasingan. Pakej A meliputi pembinaan semula KDSI-1 dilaksanakan oleh HS Development Sdn. Bhd. (Syarikat HSD) mulai 12 April 2010 dengan kos bernilai RM48.93 juta. Manakala kontrak Pakej B adalah bagi pembinaan KD Pelandok yang terdiri dari pelbagai bangunan seperti bangunan bilik kuliah, bangunan pengurusan hospitaliti dan kulinari, *small arm simulator* dan bengkel ujian jentera, *propulsion* dan *simulator*. Pada asalnya kerja pembinaan berkenaan telah ditawarkan kepada Syarikat Ijhraa (M) Sdn. Bhd. (Syarikat Ijhraa) dengan kos projek berjumlah RM41.46 juta tetapi telah gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Kementerian telah melantik kontraktor penyelamat iaitu JJM Integrated Sdn. Bhd. (Syarikat JJM) pada 3 Oktober 2012 dan tarikh dijangka siap pada 2 Oktober 2013 dengan kos berjumlah RM42.93 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati projek ini secara keseluruhan adalah kurang memuaskan di mana projek Pakej A disiapkan selepas 2 tempoh lanjutan masa diluluskan. Manakala, projek Pakej B melibatkan kelemahan seperti berikut:

- i. kontraktor asal gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan telah ditamatkan kontraknya serta ganti rugi denda lewat belum dikutip; kos projek yang dirancang dan ditetapkan pada awalnya berjumlah RM41.46 juta tetapi telah ditawarkan semula kepada kontraktor penyelamat dengan kos berjumlah RM42.93 juta;
 - ii. kemajuan kerja kontraktor penyelamat bagi projek Pakej B pada Februari 2013 hanya mencapai 11.9% sejak ditawarkan pada 3 Oktober 2012. Tarikh patut siap projek ini adalah pada 20 Oktober 2013 (selama 12 bulan). Walau bagaimanapun pada bulan September 2013, kemajuan kerja meningkat kepada 72.5% berbanding jadual sepatutnya 88.3% iaitu lewat 15.8%;
 - iii. projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit dan tindakan bagi mengatasinya telah menyebabkan kerugian berjumlah RM10.20 juta (19.7%) iaitu RM8.73 juta bayaran kepada kontraktor asal dan perbezaan antara kedua kontrak berjumlah RM1.47 juta; dan
 - iv. syarat dan peraturan perolehan kontrak tidak dipatuhi sepenuhnya.
- b. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan Kerajaan mendapat *best value for money* adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil langkah seperti berikut:
- i. Agensi Pelaksana perlu memantau perunding bagi memastikan pemantauan yang berterusan terhadap pelaksanaan projek terutamanya prestasi kerja kontraktor penyelamat supaya kerja pembinaan menepati spesifikasi dan kualiti serta dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
 - ii. Kementerian perlu memastikan bahawa peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran kontrak perlu diberi perhatian dan dipatuhi sepenuhnya; dan
 - iii. Kementerian perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan bagi memastikan syarat kontrak dikuatkuasakan.

[muka surat 204 - 220]

BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

9. *Pengurusan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)*

a. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 November 1973 dan mula beroperasi pada Jun 1974. Modal dibenarkan adalah berjumlah RM10 bilion dan modal berbayar berjumlah RM3.1 bilion. Manakala dana pemegang saham BPMB setakat 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM7.2 bilion. BPMB berperanan untuk membantu usahawan yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana melalui penyediaan pelbagai kemudahan pembiayaan, latihan dan khidmat nasihat terutamanya kepada usahawan Bumiputera. Objektif BPMB adalah untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan masyarakat Bumiputera dalam industri infrastruktur, maritim, industri berteknologi tinggi serta minyak dan gas. BPMB mempunyai 10 ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan Syarikat pula diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan dibantu oleh seorang Pegawai Ketua Operasi berserta 5 Pegawai Kanan Tertinggi Kumpulan dan 309 Pegawai Eksekutif dan Bukan Eksekutif. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya, BPMB telah menjalankan perkhidmatan selaras dengan mandat yang diberikan. Secara keseluruhannya prestasi kewangan BPMB adalah baik di mana BPMB berjaya mencatat keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012 yang berjumlah di antara RM376 juta hingga RM462.13 juta setahun. Namun terdapat beberapa aspek pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu ditambah baik seperti berikut:

- i. sebahagian kriteria penilaian *Key Performance Indicator* tidak tercapai;
 - ii. kedudukan *Non Performance Loan* tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
 - iii. kos dana pembiayaan yang lebih tinggi berbanding bank tempatan yang lain;
 - iv. komposisi pinjaman tidak mengikut had yang disasarkan;
 - v. kesan terhadap sekuriti bagi pinjaman yang terjejas;
 - vi. projek biodiesel yang berasaskan kelapa sawit menghadapi masalah untuk beroperasi disebabkan oleh peningkatan harga sawit mentah dipasaran yang menyebabkan kos operasi meningkat;
 - vii. dokumen yang tidak lengkap dan kelewatan penyerahan dokumen oleh peminjam; dan
 - viii. pinjaman yang telah di jadual semula masih gagal dibayar oleh peminjam.
- b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:
- i. bagi memastikan risiko terhadap sumber pembiayaan dana dapat diminimumkan sebaik mungkin, komposisi pinjaman hendaklah seimbang dan menyeluruh. Kebergantungan terhadap satu pembiaya dana akan memberi risiko pembiayaan yang tinggi sekiranya terdapat ketidakstabilan kewangan pada pembiaya tersebut;

- ii. penilaian terhadap projek dijalankan dengan mengambil kira semua faktor agar pinjaman yang diberikan dapat diselesaikan dengan berkesan;
- iii. untuk memastikan nilai cagaran mencukupi untuk menampung baki yang terhutang, cagaran luaran perlu diambil sebagai keselamatan tambahan sekiranya perlu sebagai perlindungan keselamatan daripada kegagalan projek;
- iv. pihak BPMB perlulah menilai daya maju projek yang komprehensif bagi memastikan pembiayaan yang berterusan dan aspek kualitatif serta kuantitatif syarikat tersebut;
- v. BPMB perlu mematuhi peraturan penyerahan dokumen mengikut tempoh bagi memastikan kepentingan BPMB terjamin sekiranya berlaku sesuatu perkara yang melibatkan perundangan;
- vi. penilaian dan pemantauan terhadap pinjaman Penjadualan Dan Penstrukturan Semula (R&R) dipertingkatkan supaya bayaran balik pinjaman lebih berkesan; dan
- vii. mengambil langkah proaktif untuk memastikan pinjaman dapat diselesaikan dalam proses pemulihan tanpa melalui kes perundangan yang akan meningkatkan kos kepada BPMB.

[muka surat 236 - 269]



BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 9 aktiviti di 6 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 3 ini. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan, 8 aktiviti dilaporkan secara terperinci manakala 1 aktiviti lain dilaporkan secara ringkas termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

- **PEMBINAAN KOMPLEKS MARKAS PASUKAN MENCARI DAN MENYELAMAT KHAS MALAYSIA (SMART) DAN INSTITUT PENGURUSAN KRISIS DAN BENCANA NEGARA (IPKBN)**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia [Special Malaysia Disaster Assistance And Rescue Team (SMART)] telah ditubuhkan melalui arahan Kabinet pada 18 Mei 1994 di bawah pengurusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai sebuah pasukan mencari dan menyelamat elit negara yang mempunyai kepakaran tinggi mengatasi kemampuan pasukan mencari dan menyelamat sedia ada. Pembinaan Kompleks Markas SMART dan Institut Pengurusan Krisis Dan Bencana Negara (IPKBN) yang bernilai RM90.24 juta di Batu 8, Jalan Puchong-Kajang, Pulau Meranti, Puchong, Selangor adalah bagi menyediakan pusat pengurusan pentadbiran/operasi/logistik/latihan yang sempurna berbanding Markas SMART yang asal di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Selain itu, Kompleks ini juga merangkumi kuarters yang dapat menggantikan 50 unit kediaman di Apartment Ceria Height, Cheras, Kuala Lumpur yang disewa oleh MKN untuk penempatan berpusat anggota SMART.

2.1.2. Pembinaan Kompleks ini dilaksanakan secara konvensional dalam oleh **Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dilantik sebagai agensi pelaksana yang juga bertanggungjawab bagi proses perolehan tender.** Pembinaan Kompleks dibahagikan kepada 3 fasa iaitu Fasa 1 meliputi kerja pembinaan Kuarters serta Litar Merempuh Halangan; Fasa 2 merangkumi pembinaan Bangunan Markas SMART, Rumah Kelab dan Surau; dan Fasa 3 merangkumi Bangunan IPKBN dan Bangunan Simulasi khusus bagi latihan kepakaran anggota SMART. Pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 telah disiapkan pada tahun 2009 dan 2010 manakala Fasa 3 tidak diteruskan disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi. Butiran komponen pembinaan Kompleks adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.1
KOMPONEN PEMBINAAN KOMPLEKS SMART DAN IPKBN**

FASA	KOMPONEN PEMBINAAN	KONTRAKTOR	TARIKH SIAP	KOS PEMBINAAN (RM Juta)
1	A. Kompleks Rumah Keluarga merangkumi 178 unit rumah: <ul style="list-style-type: none"> • 2 unit banglo (Permata) • 4 unit rumah berkembar (Mutiara) • 10 unit rumah berkembar (Jati) • 4 unit rumah berkembar (Villa Kejora) • 32 unit rumah (Pangsapuri Serindit) • 126 unit rumah (Pangsapuri Damai) B. Tempat Latihan Merempuh Halangan	Satria Desa Corporation Sdn. Bhd.	30.01.2009	38.26
2	A. Markas Pasukan SMART B. Rumah Rekreasi/Kelab C. Surau	Aidah Engineering & Construction (M) Sdn. Bhd.	15.06.2010	51.98
3	Institut Pengurusan Krisis Dan Bencana (IPKBN) dan Bangunan Simulasi: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Smoke House</i> dan <i>High Angle</i> (9 tingkat) • <i>Tube - Underground Tunnel</i> • <i>Ground Tunnel</i> • <i>BA Gallery</i> • <i>Under Water Rescue</i> • <i>Sewer</i> • <i>Silo</i> • <i>Industrial</i> • <i>Collapse Structure</i> 	Tidak Diteruskan		
JUMLAH				90.24

Sumber : Bahagian Pembangunan Dan Khidmat Teknikal, MKN

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Kompleks telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembinaan yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Kompleks Markas SMART dan IPKBN. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pembangunan dan Khidmat Teknikal (BPKT), MKN; Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA), JKR; JKR Negeri Selangor; JKR Daerah Sepang; dan Kompleks Markas SMART.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pembinaan Kompleks; pemeriksaan fizikal terhadap bangunan Kompleks dan temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga telah dijalankan.

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga Mac 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi pembinaan Kompleks Markas SMART dan IPKBN adalah kurang memuaskan. Matlamat untuk menyediakan kemudahan latihan yang sempurna bagi anggota SMART juga masih belum dicapai disebabkan pembinaan Fasa 3 yang mengandungi bangunan simulasi untuk latihan kepakaran anggota SMART tidak diteruskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i. pembinaan dua fasa projek lewat disiapkan 353 hari dan 350 hari dari tarikh sepatutnya;
- ii. pembinaan Fasa 2 lewat diserahkan oleh JKR kepada MKN selama iaitu antara 54 hari hingga 205 hari dari tarikh projek disiapkan disebabkan beberapa komponen pembinaan yang masih belum dapat berfungsi sepenuhnya serta proses kemasukan bekalan air dan elektrik yang masih belum selesai;
- iii. berlaku peningkatan kos kontrak sejumlah RM12.65 juta (kos asal projek berjumlah RM77.59 juta) disebabkan perancangan JKR yang lemah terhadap reka bentuk dan skop kerja, keadaan luar jangka di tapak pembinaan dan masalah kenaikan harga bahan binaan;
- iv. urusan penyerahan/penyimpanan Lukisan Siap Bina pembinaan Fasa 1 yang tidak teratur sehingga menyulitkan perancangan kerja-kerja penyenggaraan bangunan Kompleks;
- v. pengeluaran Perakuan Siap Kerja [Certificate of Practical Completion (CPC)] yang tidak teratur di mana CPC pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 telah dikeluarkan sungguhpun terdapat kerja-kerja yang masih belum disempurnakan oleh kontraktor pada tarikh pengeluarannya;
- vi. reka bentuk pembinaan yang tidak sesuai/praktikal;
- vii. pembinaan tidak berkualiti/tidak memuaskan dan terdapat beberapa peralatan elektrik/mekanikal tidak berfungsi;
- viii. perabot/peralatan/kelengkapan/lekapan elektrik/mekanikal tiada di lokasi yang sepatutnya;
- ix. kuarters, ruang/kemudahan/bilik/kelengkapan di Rumah Kelab dan Bangunan Markas SMART tidak digunakan dengan optimum;
- x. Litar Merempuh Halangan bernilai RM1.65 juta jarang digunakan sejak diserahkan secara rasmi kepada MKN pada 25 Mac 2009; dan
- xi. kelewatan pelantikan kontraktor penyenggaraan Kompleks iaitu mengambil masa selama 1,061 hari daripada tarikh pembinaan Fasa 1 disiapkan dan 509 hari daripada tarikh pembinaan Fasa 2 disiapkan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan MKN dan JKR adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Prestasi Projek

2.5.1.1. Pencapaian Fizikal

- a. Berdasarkan kontrak, tempoh pembinaan Fasa 1 Kompleks ini bermula dari 15 Februari 2006 hingga 12 Februari 2008. Manakala pembinaan Fasa 2 pula bermula dari 14 Januari 2008 hingga 29 Jun 2009. Semakan Audit mendapati tempoh pembinaan kedua-dua fasa tersebut melebihi 353 hari dan 350 hari dari tarikh sepatutnya disiapkan.
- b. Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia menetapkan penyerahan bangunan kepada Jabatan Pelanggan hendaklah dilakukan dalam tempoh 2 minggu daripada pengeluaran CPC. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati JKR mengambil tempoh yang lama untuk menyerahkan kedua-dua fasa pembinaan tersebut secara rasmi kepada MKN iaitu antara 54 hari hingga 205 hari dari tarikh projek disiapkan. Kelewatan penyerahan adalah disebabkan terdapat beberapa komponen pembinaan yang masih belum berfungsi sepenuhnya serta proses kemasukan bekalan air dan elektrik yang masih belum selesai. Butiran kelewatan penyiapan dan penyerahan projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.2
TEMPOH PEMBINAAN DAN PENYERAHAN FASA 1 DAN FASA 2
KOMPLEKS SMART DAN IPKBN

FASA	TEMPOH PEMBINAAN				PENYERAHAN RASMI	
	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SEBENAR DISIAPKAN	KELEWATAN		TARIKH	TEMPOH DIAMBIL* (Bil. Hari)
			BIL. HARI	(%)		
1	15.02.2006 hingga 12.02.2008 (727 hari)	30.01.2009	353	48.6	25.03.2009	54
2	14.01.2008 hingga 29.06.2009 (533 hari)	15.06.2010	350	65.7	06.01.2011	205

Sumber : *Bahagian Pembangunan Dan Khidmat Teknikal, MKN*
Nota : (*) - *Dikira Bermula Dari Tarikh Sebenar Disiapkan*

- c. Semakan Audit mendapati kelewatan penyiapan dan penyerahan selama 407 hari bagi pembinaan Fasa 1 dari tarikh sepatutnya telah mengakibatkan MKN terpaksa melanjutkan tempoh penyewaan 50 unit rumah kediaman anggota SMART termasuk ruang letak kereta di Apartment Ceria Height, Cheras, Kuala Lumpur selama 18 bulan dengan kos RM28,500 sebulan. Tempoh penyewaan apartment dilanjutkan iaitu bermula bulan Januari 2008 hingga Jun 2009 dengan kos keseluruhan yang terlibat adalah sejumlah RM0.51 juta.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

Kelewatan penyerahan rasmi pembinaan Fasa 1 disebabkan JKR Daerah Sepang dimaklumkan secara lisan oleh MKN bahawa MKN tidak mempunyai butiran lengkap penghuni yang berminat untuk menduduki bangunan tersebut. Selain itu, pada peringkat awal, sistem bekalan air adalah di bawah tanggungjawab pihak Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS). Bagaimanapun setelah diambil alih oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), pelbagai proses dan peringkat yang memakan masa yang lama perlu dibuat termasuk kelulusan merancang diperlukan untuk kelulusan paip air dalaman dan luaran termasuk penyambungan paip. Semua permohonan semula bagi perkara tersebut perlu dilaksanakan oleh pihak Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur.

- d. Semakan Audit mendapati kedua-dua fasa pembinaan telah diluluskan Lanjutan Masa [Extention Of Time (EOT)] selama 200 hari dan 330 hari disebabkan pertambahan/perubahan/pengiraan semula skop kerja akibat daripada masalah reka bentuk dan kontraktor menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan binaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati EOT yang kedua bagi pembinaan Fasa 2 selama 180 hari adalah disebabkan JKR lewat menyediakan lukisan struktur; lewat melantik Kontraktor Yang Dinamakan [Nominated Sub Contractor (NSC)] dan masalah perbezaan lukisan struktur yang lewat diselesaikan. Butiran EOT yang diluluskan bagi Fasa 1 dan Fasa 2 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.3
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN**

PEMBINAAN	NO. EOT	TEMPOH	SEBAB	BIL. HARI
FASA 1	1	13.02.2008 - 01.07.2008	<ul style="list-style-type: none"> • Pertambahan kerja cerucuk untuk Blok Serindit 2 dan Damai 7 • Pertambahan tangga Blok Damai • Pindaan kepada sistem bekalan air luaran • Pembinaan <i>manhole inspection chamber</i> • Pembinaan kolam takungan 	140
	2	02.07.2008 - 30.08.2008	<ul style="list-style-type: none"> • Kesukaran mendapatkan bekalan bahan (simen dan besi) 	60
JUMLAH EOT FASA 1				200
FASA 2	1	30.06.2009 - 27.09.2009	<ul style="list-style-type: none"> • Kesukaran mendapatkan bahan binaan 	90
	2	28.09.2009 - 26.03.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Lewat di dalam penyediaan dan penyerahan lukisan struktur bangunan Markas, Surau dan Rumah Rekreasi • Lewat di dalam perlantikan NSC mekanikal bagi kerja-kerja pendingin hawa • Lukisan yang diterima terdapat perbezaan dan tidak mendapat penyelesaian dalam masa yang singkat • Pertambahan skop kerja dan juga pengiraan semula kuantiti senarai bahan yang agak besar 	180
	3	27.03.2010 - 25.05.2010	<ul style="list-style-type: none"> • Kelewatan mendapatkan kelulusan sistem retikulasi air dari pihak SYABAS 	60
JUMLAH EOT FASA 2				330

Sumber : JKR Daerah Sepang

- e. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan [Liquidated and Ascertained Damages (LAD)] boleh dikenakan terhadap kontraktor setelah kerja yang sepatutnya disiapkan diperakukan tidak siap dalam tempoh yang telah ditetapkan melalui pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap [Certificate Of Non-Completion (CNC)]. Bagaimanapun, Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 8 Tahun 1995 menetapkan pengecualian bayaran ganti rugi LAD boleh diberikan bagi tempoh tidak melebihi 3 bulan selepas tempoh kontrak kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang melaksanakan kontrak kerja dengan semua agensi tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati tiada EOT diluluskan bagi tempoh kelewatan 153 hari bagi Fasa 1 dan 20 hari bagi Fasa 2 memandangkan kelewatan tersebut adalah masalah di pihak kontraktor yang tidak layak untuk diberikan EOT selaras dengan ketetapan kontrak. Sehubungan itu, kontraktor bagi kedua-dua fasa pembinaan tersebut sepatutnya dikenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan [Liquidated and Ascertained Damages (LAD)] berjumlah RM1.07 juta secara keseluruhannya. Bagaimanapun hanya RM0.38 juta (35.6%) daripada jumlah keseluruhan dikenakan LAD manakala sejumlah RM0.69 juta (64.4%) telah dikecualikan selaras dengan syarat yang ditetapkan oleh SPP Bil. 8 Tahun 1995.

Pada pendapat Audit, perancangan yang lemah terhadap reka bentuk dan skop kerja yang sepatutnya dilaksanakan oleh kontraktor dan pelaksanaan yang tidak efisien di pihak JKR seperti kelewatan penyediaan lukisan struktur dan pelantikan NSC menyumbang kepada kelewatan penyediaan kedua-dua fasa pembinaan tersebut.

2.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

- a. Kementerian Kewangan telah meluluskan siling projek berjumlah RM92.73 juta bagi pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Nilai kontrak asal yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan kontraktor bagi Fasa 1 dan Fasa 2 adalah berjumlah RM77.59 juta. Bagaimanapun, terdapat peningkatan kos RM12.65 juta (16.30%) kesan daripada 16 Arahan Perubahan Kerja (APK) dan 40 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang diluluskan bagi Fasa 1 dan Fasa 2 yang menjadikan kos keseluruhannya berjumlah RM90.24 juta. Butiran APK dan PHK adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KERJA YANG DILULUSKAN

PEMBINAAN	BIL.	BUTIRAN	NILAI (RM Juta)
FASA 1	APK 1	Tambahan besi tetulang tiang di blok Kuarters Serindit (F17).	0.14
	APK 2	Pindaan saiz pintu gelangsar dan tambahan pintu servis di blok Kuarters Damai.	0.21
	APK 3	Tambahan longkang kawalan hakisan (swale).	0.05
	APK 4	Pindaan ketebalan dinding pembahagi di Kuarters Damai dan Kejora.	0.02
	APK 5	Pindaan saiz kolam takungan.	0.01
	APK 6	Pindaan sistem bekalan air luar.	0.43
	APK 7	Tambahan kerja-kerja elektrik.	0.11
	APK 8	Tambahan tangga luar Kuarters Damai.	0.59
	APK 9	Tambahan kabinet gantung (blok Kuarters Serindit).	0.03
	PHK 1	Tambahan <i>inspection chamber</i> bagi sistem kumbahan.	0.19
	PHK 2	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi tangki air bertingkat.	(0.01)
	PHK 3	Pelarasan tambahan kuantiti lapisan kalis air.	0.07
	PHK 4	Pelarasan tambahan kuantiti sesalur paip kemudahan bangunan.	0.03
	PHK 5	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi tangki sedutan.	(0.02)
	PHK 6	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi litar merempuh halangan.	(0.01)
	PHK 7	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi pam penggalakan dan sistem pencegah kebakaran.	(0.03)
	PHK 8	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi sistem pemasangan elektrik.	(0.92)
	PHK 9	Pelarasan kuantiti sementara kerja-kerja cerucuk.	(0.49)
	PHK 10	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi kerja-kerja pemasangan <i>manhole</i> dan <i>ducting cable</i> untuk TNB.	0.10
	PHK 11	Pelarasan kuantiti mata lampu, soket dan kemudahan telefon luar.	0.11
	PHK 12	Pindaan pintu gelangsar aluminium kepada pintu gelangsar kayu (Kuarters Kejora dan Permata).	0.02
	PHK 13	Pemandu kereta projek.	(0.04)
	PHK 14	Pelarasan Arahan Kerja No. 1, 2, 3, 4, 5, 7, 8 dan 9.	(0.05)
	PHK 15	<i>Perspec dome</i> for blok Kuarters Damai dan Serindit.	0.06
PHK 16	Wang peruntukan sementara yang tidak dibelanjakan.	(0.40)	
PHK 17	Pelarasan wang peruntukan sementara bagi loji rawatan kumbahan.	(0.72)	
PHK 18	Pelarasan untuk PHK No. 8 - pengukuran semula sistem pemasangan elektrik.	(0.06)	
PHK 19	Pengukuran semula kuantiti untuk kerja-kerja luaran. Pelarasan kerja-kerja tinggalan untuk kerja-kerja luaran.	0.23	
PHK 20	Pelarasan semula APK No. 6 - paip luaran.	(0.02)	
PHK 21	Kurangan 4 unit wakaf yang tidak dilaksanakan.		
PHK 22	Kurangan kerja-kerja <i>aluminium curtain railing & ledge</i> yang tidak dilaksanakan.	(0.28)	
PHK 23	Pelarasan peruntukan kadar turun naik harga (kerja bangunan dan kerja elektrik) dan kesilapan pembayaran yuran perunding di dalam bayaran interim No. 14.	1.46	
PHK 24	Tambahan kuantiti jubin seramik dan kuantiti <i>sanitary fitting</i> .	0.06	
Jumlah			0.87
FASA 2	APK 1	Kerja-kerja <i>unsuitable material</i> berserta kerja-kerja berkaitan.	0.37
	APK 2	Membina <i>lift shaft</i> bagi bangunan markas terdiri dari <i>reinforced concrete column base, slab</i> dan <i>walls</i> termasuk lapisan kalis air, <i>water stop</i> dan <i>sand backfilling</i> .	0.50
	APK 3	Pemasangan <i>fibreglass rockwool insulation</i> di blok Markas dan Rumah Kelab.	0.13

PEMBINAAN	BIL.	BUTIRAN	NILAI (RM Juta)
		Pemasangan <i>r.c. plinth</i> di blok Markas (bilik AHU dan menara penyejuk).	
		Pemasangan <i>floor hardener</i> di kawasan parkir di blok Markas.	
		Pemasangan <i>mild steel stage framing</i> di dewan serbaguna di blok Markas.	
	APK 4	Perubahan kerja di bangunan blok Markas, Rumah Kelab, Surau dan TNB <i>substation</i> .	1.33
	APK 5	Kerja-kerja pemasangan <i>scupper drain</i> di Blok Markas dan Rumah Kelab, kerja-kerja <i>hacking of lift walls opening</i> di bangunan Markas dan pemasangan <i>hoisting beam</i> di lif penumpang dan lif servis di blok Markas.	0.13
	APK 6	Kerja-kerja luaran iaitu <i>scupper drain, orime coat, tact coat, rubble wall pitching, concrete paver, retaining wall, septic tank, water reticulation dan fencing & gate</i> .	0.36
	APK 7	Pemasangan sistem perlindungan kilat.	0.24
	PHK 1	APK No. 1 dan 2.	
	PHK 2	Pelarasan wang kos prima berdasarkan harga kontrak kerja-kerja sub-kontraktor dinamakan.	0.48
	PHK 3	Pengukuran semula kerja-kerja cerucuk di blok Markas, Rumah Kelab, pencawangan TNB dan landas lori.	4.22
		Pengukuran semula kerja-kerja <i>pile cap</i> di blok Markas dan Rumah Kelab.	
		Pengukuran semula kuantiti sementara kerja-kerja bangunan di blok Markas.	
	PHK 4	Pengukuran semula kerja-kerja di bangunan blok Markas (aras 6 & 7), Rumah Kelab dan Surau.	0.95
	PHK 5	Mengeluarkan skop kerja peruntukan sementara bagi item kolam renang.	(0.62)
	PHK 6	Pengukuran semula kerja-kerja di bangunan blok Markas, Rumah Kelab dan Surau.	0.07
	PHK 7	Pelarasan APK No. 3.	1.14
	PHK 8	Pelarasan turun naik harga besi sehingga bulan Jun 2009.	
	PHK 9	Pelarasan turun naik harga bahan-bahan binaan sehingga bulan Mei 2010.	1.74
	PHK 10	Pelarasan wang peruntukan sementara.	(0.92)
	PHK 11	Pelarasan kerja-kerja permulaan.	(0.08)
	PHK 12	Pengukuran semula kerja-kerja luaran.	1.32
	PHK 13	Pelarasan APK No. 4, 5, 6 dan 7.	0.02
	PHK 14	Pelarasan kerja-kerja mekanikal dan elektrik.	0.13
	PHK 15	Pelarasan keuntungan.	0.27
	PHK 16	Pelarasan turun naik harga bahan akhir.	
Jumlah			11.78
JUMLAH KESELURUHAN			12.65

Sumber : Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor

Nota : APK - Arahan Perubahan Kerja

PHK - Pelarasan Harga Kontrak

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan APK dan PHK yang banyak bagi pembinaan Fasa 2 adalah disebabkan JKR menggunakan kaedah kontrak berdasarkan senarai kuantiti sementara (provisional bill). Berdasarkan Laporan Projek Fokus, Unit Pengurusan Projek K3, CKBA yang disediakan pada bulan Mei 2011, kaedah ini digunakan bagi

mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek memandangkan JKR masih belum dapat memuktamadkan reka bentuk struktur dan kuantiti kerja ketika rundingan harga; menghadapi kekangan masa dan juga peralihan/penyusunan semula JKR secara besar-besaran.

Pada pendapat Audit, selain daripada masalah keadaan luar jangka di tapak dan masalah kenaikan harga bahan binaan, perancangan JKR yang lemah terhadap reka bentuk dan kuantiti kerja turut menyebabkan peningkatan kos pembinaan.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

MKN mengambil maklum bahawa APK dan PHK yang dikeluarkan adalah terlalu tinggi iaitu RM12.65 juta dan juga berpunca daripada kecuaihan reka bentuk oleh pihak JKR.

2.5.2. Pentadbiran Kontrak

Pegawai Penguasa (PP) bagi pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 ini ialah Pengarah JKR Negeri Selangor, manakala wakil PP bagi tujuan penyeliaan dan arahan keseluruhan kerja di bawah kontrak ialah Jurutera Daerah Sepang. Semakan Audit terhadap pengurusan pembinaan Kompleks mendapati perkara berikut:

2.5.2.1. Lukisan Siap Bina

- a. Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia menetapkan Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini sepanjang perjalanan projek dan dikemukakan kepada Pegawai Penguasa oleh Kontraktor secara berperingkat menurut aturan kerja. Pihak JKR juga hendaklah menyerahkan dengan lengkap Lukisan Siap Bina komponen pembinaan antaranya kerja-kerja sivil, arkitek, struktur, mekanikal, elektrik, sistem pencegahan kebakaran, sistem pembentungan dan *road & drainage* kepada Jabatan pelanggan. Bagi memudahkan perancangan kerja-kerja penyenggaraan bangunan, Jabatan Pelanggan hendaklah memastikan dokumen tersebut telah diterima dan disimpan dengan teratur bagi tujuan rujukan.
- b. Berdasarkan rekod yang disemak, penyerahan Lukisan Siap Bina pembinaan Fasa 1 oleh JKR Sepang kepada MKN pada bulan Julai 2009 adalah berkaitan pelan tapak, *road & drainage*, sistem pembentungan, sistem retikulasi air dan kerja tanah. Tiada maklumat dapat disemak bagi menentukan sama ada Lukisan Siap Bina untuk kerja-kerja sivil, arkitek, struktur, mekanikal, elektrik, sistem pencegahan kebakaran telah diserahkan kepada MKN.

- c. Semakan Audit di MKN pula mendapati Lukisan Siap Bina bagi pelan tapak, sistem retikulasi air dan kerja tanah yang telah diterima daripada JKR Sepang tidak dapat dikesan sewaktu pengauditan dijalankan. Selain itu, ketiadaan Lukisan Siap Bina berkaitan kerja-kerja sivil, arkitek, struktur, mekanikal, elektrik dan sistem pencegahan kebakaran menyebabkan perancangan kerja penyenggaraan bagi perkara berkaitan dibuat menggunakan lukisan kontrak. Kesannya, MKN mengalami kesulitan dalam perancangan kerja-kerja penyenggaraan yang berkaitan disebabkan perbezaan yang mungkin wujud antara binaan sebenar dengan lukisan kontrak tersebut.
- d. Selepas teguran Audit, Lukisan Siap Bina berhubung kerja-kerja sivil, arkitek, struktur, mekanikal, elektrik dan sistem pencegahan kebakaran telah diserahkan oleh JKR Sepang kepada MKN pada bulan Julai 2013.

Pada pendapat Audit, urusan penyerahan/penyimpanan Lukisan Siap Bina oleh JKR dan MKN bagi pembinaan Fasa 1 adalah tidak teratur sehingga menyulitkan perancangan kerja-kerja penyenggaraan bangunan Kompleks.

2.5.2.2. Perakuan Siap Kerja Dan Tempoh Tanggungan Kecacatan

- a. Berdasarkan Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia, Perakuan Siap Kerja [Certificate of Practical Completion (CPC)] boleh dikeluarkan sekiranya PP berpuas hati bahawa kerja telah disiapkan menurut peruntukan kontrak yang memenuhi fungsi pembinaan dan bangunan boleh diduduki dengan selamat. Selain itu, pengeluaran CPC juga adalah tertakluk kepada kelulusan pengujian dan pentauliahkan terhadap perkara yang berkaitan serta status penyiapan keperluan utama perkhidmatan seperti yang termaktub dalam kontrak antaranya sistem pembentungan; sistem bekalan air dan elektrik; sistem pencegahan kebakaran; dan lif bomba. Selepas pengeluaran CPC, Tempoh Tanggungan Kecacatan [Defects Liability Period (DLP)] akan berkuat kuasa dalam tempoh yang dinyatakan dalam kontrak.
- b. Semakan Audit mendapati CPC bagi pembinaan Fasa 1 telah dikeluarkan pada 30 Januari 2009 dan DLP berakhir pada 29 Januari 2010. Manakala bagi Fasa 2, CPC telah dikeluarkan pada 24 Jun 2010 dengan perakuan bahawa kerja telah siap dengan memuaskan pada 15 Jun 2010 dan DLP berakhir pada 14 Jun 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati CPC pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 telah dikeluarkan walaupun terdapat beberapa perkara/item masih belum dapat berfungsi sepenuhnya disebabkan ketiadaan bekalan elektrik dan Sijil Permit Mesin Angkat (PMA) serta isu ketidakpatuhan kritikal yang masih belum diselesaikan oleh kontraktor pada tarikh pengeluarannya. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Sistem Rawatan Kumbahan Najis [Sewerage Treatment Plant (STP)] yang dibina di dalam Fasa 1 masih belum dapat berfungsi memandangkan kuasa elektrik ke kawasan STP masih belum dibekalkan. Berdasarkan rekod/dokumen yang disemak, STP hanya mula beroperasi pada 6 Julai 2009 iaitu 151 hari selepas dari tarikh CPC dikeluarkan;
 - ii. sistem lif bangunan Markas SMART yang dibina di dalam Fasa 2 tidak disempurnakan pembinaannya disebabkan kelewatan kerja oleh kontraktor dan belum menerima sijil Permit Mesin Angkat (PMA) dari Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Sijil tersebut hanya diperolehi pada bulan November 2010;
 - iii. Fasa 2 - Pengujian dan pentauliahan kerja-kerja elektrik bangunan Markas SMART masih belum disempurnakan disebabkan bekalan elektrik belum dibekalkan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sehingga tarikh pengeluaran CPC. Pengujian dan pentauliahan kerja-kerja elektrik hanya dapat dilakukan setelah bekalan elektrik diterima pada 26 Ogos 2010 iaitu selepas 73 hari CPC dikeluarkan; dan
 - iv. Fasa 2 - Laporan Audit Dalam Tapak yang disediakan oleh Cawangan Arkitek, JKR bertarikh 8 Julai 2010 menunjukkan isu ketidakpatuhan yang kritikal dan perlu disempurnakan/diperbaiki oleh kontraktor di bangunan Markas SMART. Antaranya isu di bahagian tandas di bilik persediaan lelaki di mana ianya perlu disempurnakan pembinaan mengikut jenis dan tujuan ruang serta memerlukan koordinasi lukisan dengan pihak pengeluar *curtain wall*. Selain itu, pemasangan susur tangan kaca ST10 di Ruang Legar 2 tidak mengikut *method statement* di mana terdapat bahagian yang tiada cermin dan jarak yang agak luas antara susur tangan ke dinding (*curtain wall*).
- c. Kesan daripada pengeluaran CPC tersebut, tanggungan Kontraktor terhadap kerja pembinaan, pengujian dan pentauliahan yang masih belum disiapkan bagi pembinaan Kompleks telah dilepaskan oleh Kerajaan. Sungguhpun kontraktor masih bertanggungjawab dalam DLP, skop tanggungan kontraktor hanya meliputi kerosakan yang diakibatkan oleh kecacatan atau kualiti kerja yang tidak mematuhi kontrak dan jaminan yang diperolehi oleh Kerajaan adalah terhad mengikut jumlah baki wang belum dibayar atau nilai jaminan Bon Pelaksanaan yang masih belum dilepaskan. Keadaan ini boleh mendatangkan risiko kerugian kepada Kerajaan sekiranya kos pengujian, pentauliahan dan penyelesaian isu ketidakpatuhan yang kritikal bagi pembinaan melebihi nilai wang belum dibayar atau nilai jaminan Bon Pelaksanaan yang masih belum dilepaskan.

Pada pendapat Audit, pengeluaran CPC bagi kedua-dua fasa pembinaan tersebut adalah tidak teratur dan mendedahkan Kerajaan kepada risiko kerugian akibat kerja pengujian dan pentauliahan dan penyelesaian isu ketidakpatuhan kritikal yang masih belum disiapkan.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

Sistem lif telah siap dibina serta pengujian dan pentauliahan telah dibuat dengan menggunakan tenaga elektrik daripada set janakuasa elektrik namun masih tidak boleh digunakan kerana kelewatan kelulusan sijil Permit Mesin Angkat (PMA) dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan (JKKP). Selain itu, bekalan elektrik masih gagal dibekalkan oleh pihak TNB bagi pembinaan Fasa 2 adalah di luar bidang kuasa kontraktor terlibat. Bagaimanapun pihak kontraktor telah melaksanakan pengujian dan pentauliahan bersama JKR Daerah Sepang dengan menggunakan bekalan elektrik melalui set janakuasa bagi memutuskan tarikh pra serahan dapat ditentukan. Lanjutan dari perkara tersebut pihak NSC Elektrik telah berterusan berurusan dengan pihak TNB bagi membolehkan bekalan segera dapat diperolehi. Isu ketidakpatuhan yang kritikal permasalahan tersebut adalah disebabkan masalah koordinasi dan perbincangan diantara pihak kontraktor bersama pihak Arkitek IPJKR Kuala Lumpur kerana kelulusan bahan yang berkaitan adalah perlu mendapat kelulusan dari pihak arkitek.

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati DLP bagi pembinaan Fasa 2 adalah bermula pada 15 Jun 2010 hingga 14 Jun 2011. Berdasarkan rekod/ dokumen yang disemak, JKR tidak dapat menyerahkan pembinaan Fasa 2 kepada MKN pada tarikh penyiapan memandangkan masih terdapat kerja-kerja yang belum disempurnakan oleh pihak kontraktor walaupun CPC telah dikeluarkan. Pembinaan Fasa 2 hanya dapat diserahkan secara rasmi kepada pihak MKN pada 6 Januari 2011 iaitu 205 hari selepas tarikh DLP bermula. Kesannya, MKN hanya dapat memanfaatkan selama 160 hari (43.8%) daripada 365 hari DLP untuk mengesan sebarang kecacatan yang ditemui.
- e. Lanjutan daripada itu, MKN melalui surat bertarikh 29 September 2011 memohon JKR untuk melanjutkan tarikh akhir DLP sehingga 5 Januari 2012 bagi tujuan memberikan lebih banyak masa untuk mengesan kecacatan pembinaan Fasa 2. Pada 6 Oktober 2011, JKR melalui Jurutera Daerah Sepang, Selangor sebagai wakil PP di tapak memaklumkan kepada MKN secara bertulis bahawa tiada halangan di pihak JKR mengenai cadangan tersebut memandangkan kontraktor telah bersetuju untuk meneruskan kerja-kerja pembaikan yang masih tertangguh dan kos pembaikan akan

ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor semasa DLP. Semakan Audit selanjutnya mendapati sijil Perakuan Memperbaiki Kecacatan bagi pembinaan Fasa 2 telah ditandatangani oleh PP pada 15 Disember 2011 dan Bon Pelaksanaan berjumlah RM2.01 juta telah dilepaskan.

Pada pendapat Audit, kelewatan penyerahan rasmi pembinaan Fasa 2 kepada MKN adalah disebabkan perancangan dan pemantauan yang lemah di pihak JKR bagi memastikan kerja pembinaan disiapkan dengan sempurna oleh kontraktor.

Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

JKR Daerah Sepang pernah menasihatkan pihak MKN supaya menggunakan sepenuhnya bangunan yang dibina dengan memenuhi penghuni dengan segera bagi mengesan kerosakan pada peringkat permulaan. Namun MKN memaklumkan bahawa MKN sedang menghadapi masalah staf yang sedikit, sedangkan bangunan yang dibina besar dan mewah. Kontraktor telah menyiapkan kerja-kerja sepenuhnya di tapak dan pengujian serta pentauliahan juga telah dijalankan sungguhpun tanpa bekalan elektrik. Selain itu, sepanjang proses pra serahan sehingga tarikh serahan, pihak kontraktor ada menempatkan wakilnya untuk memantau dan membaiki kecacatan serta menerima aduan daripada pihak MKN.

Pihak kontraktor telah menunaikan janji dengan membaiki kerosakan sepanjang tempoh kecacatan dan tempoh yang telah diminta oleh pihak MKN. JKR Sepang telah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan pada 15 Disember 2011 adalah benar tetapi pihak JKR Sepang masih belum menyerahkan sijil tersebut kepada pihak kontraktor kerana berharap pihak kontraktor memenuhi janji bersama pihak MKN. Pihak JKR Sepang telah menghantar surat pelepasan jaminan kepada pihak Allianz General Insurance Company (M) Berhad pada 11 Jun 2012. Tempoh kecacatan yang dimohon oleh MKN adalah sehingga 5 Januari 2012, lebih tempoh kecacatan sebanyak 21 hari adalah atas budi bicara kontraktor dan Jabatan ini telah mendapat khidmat nasihat daripada Bahagian Ukur Bahan JKR Selangor berhubung perkara tersebut. Mengikut kehendak kontrak, sepatutnya Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan mengikut tarikh sebenar yang perlu dikeluarkan kepada kontraktor adalah pada 15 Oktober 2011 (1 tahun 3 bulan 14 hari) namun JKR telah mengeluarkannya pada 15 Disember 2011 iaitu lewat 2 bulan bagi memastikan kecacatan telah dibaiki sepenuhnya oleh kontraktor.

2.5.3. Kualiti Pembinaan

Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit antara 25 hingga 27 Mac 2013 bagi meninjau keadaan Kompleks mendapati perkara seperti berikut:

2.5.3.1. Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai/Praktikal

- a. Bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan dengan sempurna dan mencapai objektif yang ditetapkan, perancangan yang teliti perlu dilakukan semasa peringkat awal reka bentuk pembinaan. Reka bentuk pembinaan hendaklah mengikut keperluan dan dibuat/dibina dengan kepuasan yang optimum, berfungsi dengan baik, selamat, sesuai, kuat dan mudah untuk menjalankan kerja penyenggaraan.
- b. Semakan Audit mendapati sebahagian reka bentuk binaan Fasa 1 dan Fasa 2 adalah tidak sesuai/tidak praktikal. Antaranya adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.5
REKA BENTUK BINAAN YANG TIDAK SESUAI/TIDAK PRAKTIKAL

BANGUNAN	LOKASI	REKA BENTUK YANG TIDAK SESUAI
Bangunan Markas SMART	Bilik Motor Lif	Sebahagian dinding bilik dibina dengan menggunakan papan.
	Bilik Kuliah 1, Aras 1	Reka bentuk kedudukan tiang yang berada di depan bilik kuliah mengganggu pandangan pengguna. Sistem projektor dan skrin layar yang telah dipasang tidak dapat digunakan sepenuhnya.
	Bilik Penginapan Pegawai 1, Aras 1	Siling tandas tidak sepatutnya digantung kepada paip mekanikal.
	Bilik Server Utama, Aras 1	Pintu kaca yang tidak sesuai untuk bilik server utama yang direka bentuk untuk beroperasi 24 jam. Dikhuatiri akan berlaku masalah kondensasi apabila bilik server utama beroperasi sepenuhnya.
	Bilik AHU 1, Aras 1	Tiada <i>outlet</i> dibina di dalam bilik AHU dan menyukarkan kerja penyenggaraan.
	Bilik Persediaan Lelaki, Aras 1	Bilik persediaan lelaki dengan kemas dinding kaca (<i>curtain wall</i>) tidak sesuai dan menyebabkan ruang dalam bilik persediaan boleh dilihat dari luar.
Rumah Kelab	Bahagian Luar Bilik Mesyuarat, Aras Bawah	Terdapat ruang di antara dinding dan <i>ramp</i> di bahagian luar bilik mesyuarat yang boleh menampung air. Saluran paip air buangan juga dialirkan ke bahagian ini. Tiada <i>outlet</i> yang sempurna dibina di kawasan ini dan menyebabkan air meresapi dinding bilik mesyuarat.
Kuarters	Permata 1	Air hujan terus jatuh ke atas kerangka dan daun tingkap kerana tiada salur air hujan (<i>gutter</i>).
	Serindit 2 (S2-1-04)	Paip saluran air buangan dari tingkat atas berada di ruang tengah dapur di tingkat bawah.
	Kuarters Serindit 2 (S2-1-04)	Kotak suis pengguna diletakkan di luar rumah.
	Kuarters Serindit 2, Bilik Meter	Kedudukan paip saluran air di atas <i>trunking</i> elektrik. Sekiranya berlaku kebocoran dan ini akan menjejaskan sistem elektrik.

Sumber : Lawatan Audit Pada Bulan Mac 2013

GAMBAR 2.1



GAMBAR 2.2



Kwarters SMART, Banglo Permata (Fasa 1)
- Gutter Yang Tidak Dipasang Bagi Mengelakkan Aliran Hujan Dari Bumbung Terus Ke Tingkap Menyebabkan Daun Tingkap Kayu Reput
(25.03.2013)

GAMBAR 2.3



Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Stor 1 Di Aras 2 Yang Tidak Mempunyai Pengudaraan Menyebabkan Ianya Panas Dan Berbau
(27.03.2013)

GAMBAR 2.4



Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Bilik Persediaan Lelaki Di Aras 2 Yang Tidak Mempunyai Pengudaraan Menyebabkan Ianya Panas Dan Berbau
(27.03.2013)

Pada pendapat Audit, perancangan reka bentuk yang lemah menyebabkan sebahagian binaan adalah tidak praktikal sehingga tidak dapat memenuhi keperluan pengguna dengan sepatutnya.

2.5.3.2. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Memuaskan Dan Peralatan Mekanikal/Elektrik Tidak Berfungsi

- a. Kerja pembinaan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi standard kualiti umum bagi menjamin keselamatan bangunan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat dikekalkan secara berterusan. Pemeriksaan Audit mendapati binaan Fasa 1 dan Fasa 2 yang sepatutnya dapat kekal bagi tempoh yang lama telah roboh/rosak/tidak sempurna/tidak berkualiti dan tidak disenggara dengan memuaskan antaranya tiang pagar batu; kemas jubin; *manhole*; *aluminium ram*; dan siling/*plaster ceiling*. Bagaimanapun, MKN telah mengambil tindakan terhadap sebahagian kecacatan/kerosakan yang dilaporkan oleh pihak Audit. Gambar berikut menunjukkan kerosakan/kecacatan yang diperhatikan serta contoh tindakan pembaikan yang dilaksanakan oleh MKN melalui kontraktor penyenggaraan yang dilantik.

GAMBAR 2.5



Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Aluminium Ram Di Menara Penyejuk Roboh
(26.03.2013)

GAMBAR 2.6



Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Jubin Di Bilik Pantri Tercabut
(27.03.2013)



GAMBAR 2.7

Rumah Kelab (Fasa 2)
- Siling Tercabut Ruang Legar Aras Atas
(03.04.2013)

SEBELUM

GAMBAR 2.8



Rumah Pam (Fasa I)
- Tiang Pagar Aluminium Ram Tumbang Kerana
Tidak Mengandungi Besi Tetulang
(25.03.2013)

SELEPAS

GAMBAR 2.9



Rumah Pam (Fasa I)
- Tiang Pagar Aluminium Ram Telah
Dibaiki Setelah Teguran Audit
(Sumber : Majlis Keselamatan Negara - 05.08.2013)

SEBELUM

GAMBAR 2.10



Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Jubin Di Anjung Tercabut
(26.03.2013)

SELEPAS

GAMBAR 2.11



Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Jubin Di Anjung Telah Dibaiki
Setelah Teguran Audit
(Sumber: Majlis Keselamatan Negara - 20.06.2013)

SEBELUM

GAMBAR 2.12



*Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Siling Di Ruang Legar Aras 3 Hampir Runtuh
(27.03.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.13



*Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Siling Di Ruang Legar Aras 3 Telah
Dibaiki Setelah Teguran Audit
(Sumber: Majlis Keselamatan Negara - 10.06.2013)*

SEBELUM


GAMBAR 2.14



*Surau (Fasa 2)
- Siling Terangkat Di Anjung Surau
(27.03.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.15



*Surau (Fasa 2)
- Siling Terangkat Di Anjung Surau
Telah Dibaiki Setelah Teguran Audit
(Sumber : Majlis Keselamatan Negara - 01.08.2013)*

- b. Semakan Audit juga mendapati beberapa peralatan elektrik/mekanikal yang dibekalkan/dibina bersekali dengan pembinaan Fasa 1 dan Fasa 2 tidak berfungsi/rosak seperti di gambar berikut:



GAMBAR 2.16

*Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Lif Barang Tidak Berfungsi (Rosak)
(26.03.2013)*

Maklum Balas MKN Dan JKR Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

MKN :

Secara amnya kerosakan yang ditunjukkan dalam gambar adalah kerosakan yang berpunca daripada kelemahan rekabentuk, pemasangan yang tidak sempurna serta pemilihan bahan binaan yang tidak berkualiti.

JKR :

Kerosakan yang berlaku adalah selepas tempoh kecacatan dan berpunca daripada pihak MKN yang tidak menyenggara bangunan tersebut secara berkala serta pengurusan MKN tidak melaporkan perkara tersebut kepada pihak bertanggungjawab semasa kerosakan diperingkat awalan sehingga menyebabkan kerosakan tersebut menjadi lebih kritikal dan menyebabkan kos yang tinggi untuk disenggara. Sedangkan dalam tempoh penyerahan semua bangunan dan keperluan berada di dalam keadaan baik dan berfungsi.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh JKR terhadap penggunaan bahan binaan dan mutu kerja kontraktor sebelum penyerahan Kompleks dan pelaksanaan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh MKN selepas DLP tamat adalah lemah. Pembekalan peralatan mekanikal/elektrik yang tidak berfungsi dan tidak mendapat *best value for money*.

2.5.4. Perabot/Peralatan/Lekapan/Lengkapan Elektrik/Mekanikal Yang Dibekalkan Tiada Di Lokasi Yang Sepatutnya

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) yang berkuat kuasa pada 2 Mac 2007 menetapkan antara lainnya:
 - i. semua aset alih Kementerian/Jabatan didaftarkan di KEW.PA-2 atau KEW.PA-3 dan menyediakan senarai aset yang lengkap di KEW.PA-4 atau KEW.PA-5;
 - ii. semua aset baru hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan dan daftar asal disimpan oleh Pegawai Aset dan salinannya disimpan di lokasi; dan
 - iii. aset perlu dilabel dengan tanda pengenalan "Hak Kerajaan Malaysia" dan nombor siri pendaftarannya.
- b. Lawatan Audit bagi meninjau keadaan peralatan/lekapan/lengkapan elektrik/ mekanikal yang dibekalkan seperti syarat kontrak mendapati ianya masih belum didaftarkan selaras dengan keperluan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan). Selain itu, beberapa peralatan/lekapan/lengkapan elektrik/mechanikal yang sepatutnya dibekalkan didapati tiada/tidak mencukupi di lokasi yang dilawati. Berdasarkan maklum balas MKN, peralatan/lekapan/lengkapan elektrik/ mekanikal yang didapati tiada/tidak mencukupi tidak dapat disahkan sama ada telah dibekalkan memandangkan tiada bukti secara bertulis mengenai pembekalannya dapat dirujuk. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.6
PERBEZAAN BILANGAN DALAM KONTRAK DAN FIZIKAL**

JENIS PERALATAN	BIL. ITEM DALAM KONTRAK	BIL. FIZIKAL	BIL. PERBEZAAN	NILAI KONTRAK (RM)
RUMAH KELAB				
<i>Public Address System</i>	3	1	2	6,300
<i>Audio Visual System</i>	1	0	1	1,000
<i>Theatrette System</i>	5	1	4	1,850
<i>Komponen Dalam Karaoke System</i>	8	0	8	15,900
<i>Keperluan Bomba</i>	2	0	2	900
SURAU				
<i>Public Address System</i>	1	0	1	1,150
BANGUNAN MARKAS SMART				
<i>Keperluan Bomba</i>	1	0	1	650
<i>Audio Visual System</i>	4	0	4	4,300
<i>Visual Projection System</i>	1	0	1	380
<i>Sound Reinforcement System</i>	1	0	1	1,850
<i>Audio Visual & Conference System</i>	4	0	4	3,200
JUMLAH	31	2	29	37,480

Sumber : Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal, JKR Negeri Selangor

Berdasarkan maklum balas yang diterima pada 8 Oktober 2013, MKN bersetuju dengan penemuan Audit.

2.5.5. Penggunaan Kemudahan Yang Siap Dibina

2.5.5.1. Kuarters

- a. Objektif asal pembinaan kuarters/perumahan Kompleks Markas SMART dan IPKBN, Fasa 1 adalah untuk menempatkan pegawai/anggota SMART yang telah diluluskan perjawatan di sesuatu tempat bagi memenuhi keupayaan digerakkan dalam tempoh yang ditetapkan. Setakat tarikh pengauditan, bilangan perjawatan pegawai/anggota SMART yang diluluskan adalah seramai 101 jawatan. Sebanyak 96 (95.05%) daripada bilangan perjawatan tersebut telah diisi. Semakan Audit mendapati kesemua pegawai/anggota SMART yang mengisi jawatan tersebut telah menghuni kuarters/perumahan Kompleks Markas SMART yang disediakan. Selain itu, semakan Audit juga mendapati sebanyak 10 unit kuarters Kompleks Markas SMART telah dihuni oleh lain-lain pegawai MKN. Berdasarkan jumlah pengisian kuarters tersebut, hanya 105 (58.9%) daripada 178 kuarters yang siap dibina tersebut telah diisi. Lebih sebanyak 73 (41.1%) kuarters tersebut adalah dirancang untuk diisi oleh pegawai/kakitangan IPKBN (Fasa 3) yang telah dibatalkan pembinaannya.
- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati MKN telah merancang untuk menjadikan lebihan unit kuarters di Blok Damai 6 dan 7 sebagai asrama penginapan latihan dalaman MKN dan menawarkannya kepada warga MKN yang berminat untuk mendiaminya sebagai langkah mengoptimumkan

penggunaan kuarters yang dibina. Bagaimanapun, perancangan tersebut masih belum dilaksanakan setakat tarikh pengauditan dijalankan. Lawatan Audit ke unit kuarters yang tidak dihuni mendapati unit kuarters dan kawasan sekelilingnya tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti di gambar berikut:




GAMBAR 2.17

*Kuarters SMART (Fasa 1)
- Keadaan Pangsapuri Damai 7
Yang Tidak Didiami
(25.03.2013)*

SEBELUM


GAMBAR 2.18



*Kuarters SMART (Fasa 1)
- Keadaan Rumah Pangsapuri Serindit 2
(S2-1-04) Yang Tidak Didiami
(25.03.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.19



*Kuarters SMART (Fasa 1)
- Keadaan Rumah Pangsapuri Serindit 2
(S2-1-04) Yang Tidak Didiami Telah
Dibersihkan Setelah Teguran Audit
(Sumber : Majlis Keselamatan Negara - 01.08.2013)*

Pada pendapat Audit, pembinaan kuarters SMART Fasa 1 telah mencapai objektif untuk menempatkan anggota SMART di sesuatu tempat bagi memenuhi keupayaan digerakkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, pembatalan pembinaan IPKBN (Fasa 3) dan kegagalan MKN untuk melaksanakan rancangan pengisian lebih kuarters menyebabkan pembinaannya adalah tidak memperoleh *best value for money*.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

Mengikut perancangan awal pembinaan kuarters adalah untuk anggota SMART, pegawai dan kakitangan IPKBN serta mengambil kira perancangan permodenan SMART yang akan melibatkan pertambahan anggota. Unjuran pembinaan tersebut dibuat kerana mengambil kira faktor kos pada masa hadapan yang akan meningkat berkali ganda sekiranya kuarters tidak dibina semasa projek Fasa 1. Bagaimanapun, cadangan pembinaan IPKBN tidak diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) berikutan kos pembinaan yang tinggi dan pertambahan anggota SMART masih belum

diluluskan menyebabkan kuarters tersebut hanya diduduki oleh anggota SMART sedia ada sahaja. Beberapa langkah telah diambil bagi mengisi kuarters tersebut seperti mewajibkan anggota SMART menduduki kuarters tersebut. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Bil. 3/2011 yang diadakan pada 2 Jun 2011 turut memutuskan supaya kuarters SMART dibuka kepada pegawai dan kakitangan MKN sedia ada. Bagi tujuan menjadikan blok kuarters SMART iaitu Damai 6 dan Damai 7 sebagai asrama penginapan untuk peserta kursus, pada tahun 2011 MKN telah membuat pembelian 72 unit katil dan tilam bujang, 17 unit katil dan tilam kelamin, bantal serta cadar untuk bilik penginapan tersebut. Kemudahan lain akan dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan.

2.5.5.2. Litar Merempuh Halangan

- a. Objektif penyediaan Litar Merempuh Halangan (LMH) Fasa 1, adalah untuk meningkatkan keupayaan fizikal pegawai/anggota SMART. Berdasarkan rekod/dokumen perancangan yang disemak, LMH hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 12 jenis halangan seperti yang digunakan dalam latihan ketenteraan. Selain itu, binaan tembok mendaki tiruan dan aktiviti *High Rope* (Repailing & Abseiling) turut disediakan dalam kawasan LMH.
- b. Semakan Audit mendapati spesifikasi dan reka bentuk LMH telah disediakan pada bulan Mac 2007 oleh MKN dan telah dibincangkan bersama Cawangan Arkitek, JKR. Pembinaannya adalah di bawah kontrak pembinaan Fasa 1 dengan kos kontrak berjumlah RM1.65 juta dan diserahkan secara rasmi kepada MKN pada 25 Mac 2009. Butiran pembinaan LMH dan kos yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.7
BUTIRAN DAN KOS PEMBINAAN LITAR MEREMPUH HALANGAN**


BUTIRAN		KOS (RM Juta)
<i>Preliminaries</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Insurans Pampasan Pekerja/Perkeso • Gambar Foto Sebelum/Selepas Siap Kerja • Pembaikan Semula Kerja Sedia Ada Yang Terganggu Akibat Pembinaan Yang Dijalankan • Pembersihan Tapak Binaan • Penyediaan Lukisan Terbina 	0.02
Peralatan Tembok Mendaki Tiruan, <i>Flying Fox</i> Dan <i>Repailing/Abseiling</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>MGV Fiberglass Panel</i> • <i>Climbing Hand Holds</i> • <i>Runner dan Hunges Set</i> • <i>Wooden Lateral Tips</i> • <i>Tope Rope Belay Chain</i> • <i>Hanger Belay Plates</i> • <i>Bolts and Screw Set</i> • Menara konkrit, <i>IPE Beam System</i> dan <i>Repailing/Abseiling/Flying Fox</i> • Jaminan 1 hingga 5 tahun mengikut jenis peralatan • Latihan selama 2 hari dan penyelenggaraan/pentauliahan • Helmet keselamatan, Harness dan Sarung Tangan Kulit (20 unit setiap peralatan) 	0.76

BUTIRAN		KOS (RM Juta)
Peralatan Aktiviti High Rope	<ul style="list-style-type: none"> • Dongle Doe • Burma Bridge • Postman Walk • Trapeze • Multi-Vine • Hour Glass • Jacob's Ladder • Cross Wire Traverse 	0.31
Peralatan Aktiviti Obstacles Dan Low Rope	<ul style="list-style-type: none"> • Tarzan Swing • Graduated Balance Wall • Cargo Nett • Meter Wall • Tunnel • Barb Wire Crawling • Swinging Board (Log) • Balance Beam (Log) • Jacob's Ladder • Multi-Vine Traverse • Monkey Rack 	0.50
Profit & Attendance		0.06
JUMLAH BESAR		1.65

Sumber : Bahagian Pembangunan Dan Khidmat Teknikal, MKN

c. Berdasarkan rekod yang disemak, pihak Audit mendapati binaan halangan, binaan tembok mendaki tiruan dan peralatan aktiviti *High Rope* (Repailing & Abseiling) yang dibina jarang digunakan untuk latihan fizikal secara rasmi oleh pegawai/anggota SMART sejak ianya siap dibina. Berdasarkan maklum balas Seksyen Latihan SMART, latihan tidak dijalankan di LMH khususnya aktiviti *High Rope* disebabkan tiada jaminan secara bertulis oleh badan/agensi yang diiktiraf bagi keselamatan penggunaannya. Bagaimanapun, tiada maklumat dapat disemak mengenai keperluan kontraktor untuk mendapatkan jaminan daripada badan/agensi yang diiktiraf terhadap keselamatan penggunaan binaan *High Rope* tersebut. Lawatan Audit bagi meninjau keadaan LMH mendapati beberapa binaan di LMH tidak mengikut spesifikasi/reka bentuk asal yang ditetapkan dan telah usang akibat tidak disenggarakan dengan memuaskan. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.20



LUKISAN KONTRAK


GAMBAR 2.21



BINAAN SEBENAR

Litar Merempuh Halangan (Fasa 1)
 - Binaan Monkey Rack Berbeza Dengan Reka Bentuk Yang Ditetapkan
 (26.03.2013)

GAMBAR 2.22



LUKISAN KONTRAK

GAMBAR 2.23



BINAAN SEBENAR

*Litar Merempuh Halangan (Fasa 1)
- Binaan Tarzan Swing Berbeza Dengan Reka Bentuk Yang Ditetapkan
(26.03.2013)*

GAMBAR 2.24



*Litar Merempuh Halangan (Fasa 1)
- Jacob Ladder Yang Tidak Disenggara
(26.03.2013)*

GAMBAR 2.25



*Litar Merempuh Halangan (Fasa 1)
- Air Di Kolam Tarzan Swing Yang Kotor
Tidak Dapat Diganti Memandangkan
Discharge Outlet Tidak Disediakan
(26.03.2013)*



GAMBAR 2.26

*Litar Merempuh Halangan (Fasa 1)
- Peralatan/Binaan High Rope Tidak Digunakan
(26.03.2013)*

Pada pendapat Audit, pembinaan Litar Merempuh Halangan adalah satu pembaziran wang awam sekiranya ia masih tidak digunakan dengan optimum selaras dengan objektif yang ditetapkan.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013


Pembinaan LMH telah dilaksanakan oleh Sportec's Divemate Sdn. Bhd. di bawah pemantauan pihak JKR. Pembinaan LMH ini melibatkan pembinaan 12 jenis halangan. 10 jenis halangan boleh digunakan selepas tindakan kerja pembaikan dan penyenggaraan dilaksanakan pada bulan Februari 2013. Bagaimanapun, penggunaannya adalah secara tidak berkala. Satu jenis halangan yang masih tidak dapat digunapakai adalah untuk aktiviti High Rope (Repailing & Abseiling) kerana tali tersebut telah terdedah kepada cuaca dan dikhuatiri akan berlaku kemalangan. Tambahan pula,

pihak MKN tidak dapat menjalankan kerja-kerja pembaikan kerana kekangan peruntukan. Manakala satu jenis halangan iaitu tarzan swing masih dalam tindakan pembaikan. Untuk tempoh jangka panjang, MKN bercadang untuk meluaskan penggunaan LMH ini kepada pelajar-pelajar sekolah seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan merangka silibus bagi pelajar-pelajar beruniform seperti pengakap, persatuan bulan sabit merah (PBSM), pertahanan awam dan pelajar-pelajar uniform yang berkaitan yang mana matlamat memberi kemudahan kepada pelajar sekolah menengah untuk bersedia menghadapi dalam apa-apa bentuk bencana jika berlaku. Tumpuan akan diberikan kepada sekolah-sekolah di sekitar Lembah Klang dan Selangor.

2.5.5.3. Bangunan Markas SMART Dan Rumah Kelab

- a. Pembinaan Bangunan Markas SMART dan Rumah Kelab, Fasa 2 adalah bagi mencapai objektif untuk menyediakan pusat pentadbiran/logistik pengurusan operasi SMART; kemudahan latihan dalaman yang sempurna dalam usaha mencapai sasaran yang dirancang iaitu melatih pasukan penyelamat dari dalam dan luar negara dan kemudahan rekreasi yang sempurna bagi pegawai/anggota SMART. Berdasarkan perancangan, kemudahan seperti perpustakaan, bilik/dewan serbaguna, surau, dewan makan dan bilik rekreasi disediakan di Bangunan Markas SMART dan Rumah Kelab bagi tujuan memenuhi waktu terluang aktiviti sosial anggota SMART yang sedang bersiap sedia.
- b. Lawatan Audit pada bulan Mac 2013 mendapati sebahagian besar kemudahan di Bangunan Markas SMART dan Rumah Kelab tidak digunakan dengan optimum. Semakan Audit juga mendapati bilik/ruang/stor/ kelengkapan elektrik tidak digunakan mengikut perancangan asal dan perabot/kelengkapan tidak disediakan/rosak. Selain itu, lawatan Audit mendapati bilik komputer dan bilik permainan pool di Rumah Kelab telah diubah suai menjadi pejabat tapak untuk kontraktor MKN. Butirannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.27



*Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Bilik TV/Bacaan Tidak Digunakan Dan Terbiar
(26.03.2013)*

GAMBAR 2.28



*Rumah Kelab (Fasa 2)
- Gimnasium Yang Kosong Dan Tidak Digunakan
(26.03.2013)*



GAMBAR 2.29

*Rumah Kelab (Fasa 2)
- Sistem Audio Visual & Conference
Di Bilik Gerakan Tidak Digunakan
(27.03.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 2.30



*Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Dewan Makan Tidak Digunakan/Kosong
(26.03.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.31



*Bangunan Markas SMART (Fasa 2)
- Dewan Makan Telah Digunakan
Setelah Teguran Audit
(Sumber : Majlis Keselamatan Negara)*

SEBELUM


GAMBAR 2.32



*Rumah Kelab (Fasa 2)
- Sistem Teater Di Bilik Mini Teater Tidak Digunakan
(27.03.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 2.33



*Rumah Kelab (Fasa 2)
- Sistem Teater Di Bilik Mini Teater Telah
Digunakan Setelah Teguran Audit
(Sumber: Majlis Keselamatan Negara)*

Pada pendapat Audit, penggunaan kemudahan/ruang/bilik/perabot/kelengkapan elektrik yang tidak efisien/optimum di Bangunan Markas SMART dan Rumah Kelab menyebabkan pembinaan/pembekalannya adalah tidak mendapat *best value for money*.

Maklum Balas Majlis Keselamatan Negara Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

MKN bersetuju dengan pendapat Audit. Perkara ini adalah disebabkan kekangan kewangan yang dihadapi oleh MKN untuk memperoleh perabot baru dan kelengkapan yang lain bagi memenuhi keperluan bilik-bilik tersebut. Pada tahun 2011 MKN telah memperoleh kerusi banquet, meja seminar dan meja bulat. Semua peralatan ini diletakkan di stor dan akan

disediakan di bilik-bilik yang tertentu ketika MKN mengadakan kursus/ taklimat/seminar. Pada tahun 2013 pihak MKN telah mendapat sejumlah peruntukan untuk pembangunan SMART dan permohonan aset serta harta modal telah dimajukan kepada JPM untuk kelulusan. Peruntukan untuk melengkapkan Rumah Kelab pula disalurkan kepada peruntukan penyenggaraan dan baik pulih kerosakan yang serius terhadap keseluruhan Bangunan Markas SMART. Di samping itu, MKN turut memberikan keutamaan kepada keperluan pejabat bagi tujuan kelancaran operasi Bahagian Pengurusan Bencana Negara dan Pasukan SMART.

Pada tahun 2011, sebahagian besar bilik di Rumah Kelab telah dijadikan pejabat tapak bagi Projek Emergency Command Centre (ECC) bagi memudahkan pegawai MKN membuat pemantauan terhadap kemajuan projek tersebut. Memandangkan projek pembangunan ECC telah siap dan diserahkan kepada pihak MKN, pihak Kontraktor ECC telah diarahkan untuk mengosongkan pejabat tapak di Rumah Kelab bermula pada 30 Julai 2013.

Walaupun dalam serba kekurangan, Markas SMART turut menerima beberapa kunjungan dari agensi luar negeri antaranya Singapura, Brunei, Thailand dan Indonesia untuk mengadakan latihan di Malaysia. Pada tahun ini MKN telah mendapat peruntukan sejumlah RM4.05 juta bagi pembangunan SMART untuk mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Daripada jumlah peruntukan tersebut sejumlah RM0.55 juta (13.5%) diperuntukkan untuk perolehan kelengkapan individu, manakala sejumlah RM3.42 juta (84.4%) pula diperuntukkan untuk pembelian harta modal.

2.5.6. Penyenggaraan Kompleks

2.5.6.1. Bagi memanjangkan jangka hayat kemudahan yang telah disediakan, penyenggaraan perlu dilaksanakan untuk menjaga, memulihkan, memperbaiki kemudahan dan persekitaran bangunan Kompleks. Bahagian Pembangunan dan Khidmat Teknikal (BPKT) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan pemantauan penyenggaraan Kompleks Markas SMART. Sehubungan itu, Call Times Engineering Sdn. Bhd (CTE) telah dilantik melalui proses perolehan secara tender terbuka sebagai kontraktor untuk menjalankan penyenggaraan Kompleks. Kontrak telah ditandatangani pada 29 Mei 2012 bagi tempoh 2 tahun bermula 1 Julai 2012 hingga 30 Jun 2014 dengan nilai kontrak yang dipersetujui berjumlah RM3.82 juta. Setakat bulan Disember 2012, sejumlah RM0.66 juta (17.3%) daripada nilai kontrak tersebut telah dibayar kepada CTE bagi tujuan penyenggaraan Kompleks Markas SMART.

2.5.6.2. Semakan Audit terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja-kerja penyenggaraan Kompleks Markas SMART mendapati perkara-perkara berikut:

a. Pelantikan Kontraktor Penyenggaraan

Berdasarkan rekod yang disemak, CTE dilantik sebagai kontraktor penyenggaraan pada 29 Mei 2012. Pelantikan tersebut mengambil masa selama 1,061 hari dari tarikh pembinaan Fasa 1 disiapkan dan 509 hari dari tarikh pembinaan Fasa 2 disiapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kaedah penyenggaraan Kompleks sebelum pelantikan CTE adalah melalui perolehan terus bagi pembaikan dan penyenggaraan kecil yang berjumlah RM0.35 juta.

Pada pendapat Audit, kelewatan untuk melantik kontraktor penyenggaraan berjadual adalah disebabkan perancangan yang lemah terhadap aspek penyenggaraan Kompleks.

Maklum Balas MKN Dan JKR Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

Kelewatan pelantikan kontraktor bagi penyenggaraan Kompleks Markas SMART adalah disebabkan faktor seperti berikut:

- 1. Pihak MKN juga menghadapi pelbagai kesulitan selepas tarikh penyerahan secara rasmi oleh JKR, kesan daripada beberapa isu pembinaan yang masih belum diselesaikan sepenuhnya oleh JKR bagi pembinaan Fasa 1 antaranya kemudahan bekalan air dan elektrik yang tidak sempurna; sistem rawatan kumbahan masih lagi tidak dapat beroperasi; aduan kebocoran paip air utama di kawasan kuarters; dan lukisan siap bina tidak dikemukakan. Pihak MKN telah memohon secara bertulis kepada pihak JKR pada 25 Oktober 2010 agar dapat mengemukakan Lukisan Siap Bina (As Built Drawing) terutamanya bagi Sistem Paip Luaran (Water Reticulation System), Sistem Perpaipan, Sistem Motor & Electrical Schematic Diagram untuk menara tangki air. Bagaimanapun perkara tersebut masih belum diselesaikan dan sehingga menyebabkan MKN tidak dapat mengenal pasti permasalahan, seterusnya menyulitkan perancangan bagi kerja-kerja penyenggaraan.*
- 2. Semasa Mesyuarat Pra-Penyerahan bagi pembinaan Fasa 2 yang telah diadakan pada 21 Disember 2010, MKN telah membangkitkan isu mengenai kecacatan pembinaan akibat daripada kurangnya pemantauan daripada pihak JKR. MKN telah memaklumkan kepada JKR bahawa MKN hanya akan menerima penyerahan projek ini dengan syarat kontraktor pembinaan membaikpulih semua kecacatan dalam*

tempoh satu bulan daripada tarikh penyerahan. Selain daripada itu, pihak MKN akan mengemukakan senarai kecacatan untuk tindakan kepada pihak JKR ekoran daripada keadaan pembinaan yang tidak memuaskan dan terdapat banyak kecacatan.

- 3. Merujuk kepada permasalahan yang dihadapi sepanjang tempoh penyerahan Fasa 1 dan 2 terutamanya berkaitan Lukisan Siap Bina, MKN telah menyediakan tender pembaikan dan penyenggaraan berdasarkan kepada pemerhatian dan siasatan pada bangunan tersebut. Kesimpulannya, pihak MKN bersetuju bahawa terdapat kelewatan dalam pelantikan kontraktor membaikpulih dan penyenggaraan Kompleks Markas SMART. Bagaimanapun, pihak MKN telah mengambil inisiatif untuk memanggil beberapa sebut harga bagi membaik pulih kerosakan dan menyenggara Kompleks Markas SMART. Faktor kelewatan adalah disebabkan kerja-kerja pembinaan yang tidak sempurna, pengurusan projek yang tidak sinergi serta ketiadaan dokumen-dokumen untuk rujukan. Pihak MKN juga terpaksa menanggung kos tambahan bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan tersebut dan hal ini telah merugikan pihak Kerajaan kerana kos ini sepatutnya ditanggung oleh pihak kontraktor.**

b. Skop Penyenggaraan

Skop penyenggaraan Kompleks yang perlu dilaksanakan oleh CTE berdasarkan kontrak adalah meliputi kerja-kerja pembaikan/pengubahsuaian; penyenggaraan berjadual dan peruntukan sementara. Semakan Audit selanjutnya mendapati keperluan pembaikan/pengubahsuaian am dan pembaikan elektrik/mekanikal/struktur/landskap termasuk yang ditetapkan melalui peruntukan sementara adalah berjumlah RM0.93 juta (24.43%) daripada nilai kontrak. Berdasarkan maklum balas MKN, pembaikan/pengubahsuaian tersebut adalah diperlukan bagi membaiki kecacatan binaan/mekanikal/elektrikal kesan daripada pembinaan yang tidak sempurna/berkualiti oleh kontraktor pembinaan. Butiran skop penyenggaraan yang ditetapkan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.8
SKOP PENYENGGARAAN KOMPLEKS MARKAS SMART**

SKOP	BUTIRAN	AMAUN	
		(RM Juta)	(%)
<i>Preliminaries & Management Personnel</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Kos Pekerja • SOCSO • Peralatan/Kenderaan • Insurans 	1.09	28.5
Pembaikan/Pengubahsuaian	<ul style="list-style-type: none"> • Bumbung • Litar Rempuh Halangan • <i>Partition Wall</i> • Loji Rawatan Kumbahan 	0.43	11.3

SKOP	BUTIRAN	AMAUN	
		(RM Juta)	(%)
Penyenggaraan Berjadual	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja Sivil • Kerja Elektrikal • Kerja Mekanikal • Kerja Pembersihan • Kerja <i>Roomservice</i> • Kerja Landskap • Kerja Kawalan Serangga 	1.80	47.1
Peruntukan Sementara	<ul style="list-style-type: none"> • Pembaikan Kerja Elektrikal • Pembaikan Kerja Mekanikal • Pembaikan Kerja Sivil, Struktur Dan Arkitek • Penambahbaikan Kerja Landskap • Latihan Untuk Pengguna (MKN) 	0.50	13.1
JUMLAH		3.82	100

Sumber : Bahagian Pembangunan Dan Khidmat Teknikal, MKN

Pada pendapat Audit, skop kerja-kerja pembaikan/pengubahsuaian yang dimasukkan ke dalam kontrak penyenggaraan adalah disebabkan pembinaan yang tidak sempurna/berkualiti dan keadaan Kompleks yang tidak disenggara dengan efisien sebelumnya.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 8 Oktober 2013

Kerja-kerja pembaikan/pengubahsuaian am dan pembaikan elektrikal/mechanikal/struktur/landskap adalah diperlukan sebelum kerja-kerja penyenggaraan komprehensif dijalankan. Peruntukan Sementara bagi kontrak ini adalah bertujuan untuk menampung kerosakan atau ketidakfungsian bangunan ini yang tidak dapat dikenal pasti sebelum tender dijalankan memandangkan Lukisan Siap Bina yang diperolehi secara tidak lengkap dan tidak menggambarkan keadaan sistem pembinaan sebenar bagi bangunan ini. Selain itu, Peruntukan Sementara juga bertujuan untuk memperbaiki kelemahan rekabentuk dan kecacatan pada bangunan yang memerlukan peruntukan yang besar. Pihak MKN telah mengeluarkan kerja-kerja membaikpulih kerosakan, penyenggaraan dan pembersihan secara one-off sepanjang tempoh selepas penyerahan berikutan kekangan peruntukan kewangan dalam penyenggaraan. Disebabkan peruntukan yang diluluskan adalah terhad, sebahagian daripada Kompleks Markas SMART seperti kuarters yang tidak diduduki tidak diberi keutamaan untuk dibaikpulih dan hanya akan disenggara sekiranya ada penghuni yang akan menduduki rumah tersebut. Selain itu, MKN menjangkakan kerja pembaikan dan penyenggaraan bagi kuarters yang tidak didiami akan melibatkan kos yang tinggi dan malahan kerosakannya juga akan berulang semula disebabkan reka bentuknya tidak tahan lasak dan tidak mesra kepada perubahan cuaca.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perbelanjaan yang dilakukan, adalah disyorkan MKN dan JKR mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

2.6.1. memastikan perancangan awal dilakukan dengan teliti terhadap reka bentuk dan skop kerja yang sepatutnya dilaksanakan oleh kontraktor bagi mengelakkan pembinaan lewat disiapkan dan peningkatan kos semasa pelaksanaannya;

2.6.2. memastikan penyerahan rasmi bangunan yang siap dibina dengan sempurna kepada Jabatan Pelanggan dilakukan seberapa segera bagi membolehkan DLP dimanfaatkan sepenuhnya untuk pengesanan kecacatan binaan;

2.6.3. memastikan kerja-kerja pembinaan telah disempurnakan oleh kontraktor sepenuhnya semasa tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja [Certificate of Practical Completion (CPC)]. Tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai yang didapati gagal menjalankan tanggungjawab tersebut dengan berkesan;

2.6.4. memastikan urusan penyerahan/penyimpanan Lukisan Siap Bina pembinaan dilaksanakan dengan teratur bagi mengelakkan kesulitan terhadap perancangan kerja-kerja penyenggaraan bangunan;

2.6.5. memastikan bangunan/peralatan mekanikal/elektrik yang dibina/dibekalkan disenggara dengan rapi bagi membolehkan ianya berfungsi dengan baik dan perolehannya adalah *best value for money*;

2.6.6. memastikan peralatan/lekapan/lengkapan elektrik/mekanikal yang dibekalkan didaftarkan selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa. Siasatan lanjut hendaklah dijalankan terhadap kes aset yang tiada di lokasi sepatutnya bagi menentukan sama ada berlaku kehilangan atau sememangnya tidak dibekalkan mengikut syarat kontrak; dan

2.6.7. memastikan unit kuarters; bilik/ruang/kemudahan yang disediakan di Bangunan Markas SMART; Rumah Kelab dan Litar Merempuh Halangan dimanfaatkan dengan optimum selaras dengan objektif pembinaannya.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 72 - 96
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

JABATAN PERDANA MENTERI


3. MAJLIS KESELAMATAN NEGARA

- PENGURUSAN PROJEK *GOVERNMENT INTEGRATED RADIO NETWORK (GIRN)*

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Projek Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan atau *Government Integrated Radio Network (GIRN)* bertujuan untuk mewujudkan satu rangkaian komunikasi khusus yang berkongsi prasarana, tetapi mengekalkan autonomi dan kebebasan setiap agensi. GIRN dibangunkan untuk kegunaan agensi-agensi keselamatan, ketenteraman awam, penguatkuasaan dan kecemasan yang mempunyai liputan ke seluruh negara. Ia dijangka dapat menghapuskan pertindihan dan pembaziran kos dengan pencapaian skala ekonomi (economies of scale) dalam perolehan, operasi penyenggaraan dan pengurusan alat ganti telekomunikasi. Kerahsiaan setiap agensi terpelihara tanpa kompromi dari segi keselamatan dan kawalan dan ianya merupakan satu projek nasional yang mempunyai kepentingan strategik. Komponen GIRN adalah seperti berikut:

GAMBAR 3.1
KOMPONEN RANGKAIAN RADIO BERSEPADU KERAJAAN (GIRN)



Sumber : Majlis Keselamatan Negara

3.1.2. Pelaksanaan GIRN adalah melibatkan kerjasama awam swasta melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta [Private Finance Initiative (PFI)]. Perjanjian penswastaan GIRN telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan Sapura Research Sdn. Bhd. (SRSB) pada 4 Januari 2007. Operasi dan penyenggaraan rangkaian GIRN diswastakan kepada SRSB bagi tempoh konsesi

selama 20 tahun. **Anggaran harga kontrak/sewaan rangkaian (estimated network rental) dalam tempoh ini adalah berjumlah RM1.833 bilion.** Kos lain yang terlibat dalam perjanjian konsesi adalah kos Perkhidmatan Penyenggaraan di mana ianya akan disemak setiap 5 tahun. Bagi 5 tahun pertama kos penyenggaraan adalah berjumlah RM956.15 juta. Sebanyak 14 agensi telah menyertai rangkaian GIRN. Butiran mengenai agensi tersebut adalah seperti berikut:

**JADUAL 3.1
AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM RANGKAIAN GIRN**

AGENSI	CATATAN
Angkatan Tentera Malaysia	Mengikut Perjanjian Asal
Polis DiRaja Malaysia	Mengikut Perjanjian Asal
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	Mengikut Perjanjian Asal
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	Mengikut Perjanjian Asal
Jabatan Imigresen Malaysia	Mengikut Perjanjian Asal
Jabatan Pengangkutan Jalan	Mengikut Perjanjian Asal
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Mengikut Perjanjian Asal
Kementerian Kesihatan Malaysia (Ambulan)	Agensi Tambahan
Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri	Agensi Tambahan
Jabatan Penjara Malaysia	Agensi Tambahan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Agensi Tambahan
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia	Agensi Tambahan
Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	Agensi Tambahan
Bahagian Bencana, Majlis Keselamatan Negara (MKN)	Agensi Tambahan

Sumber : Majlis Keselamatan Negara

3.1.3. Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dipertanggungjawabkan sebagai Agensi Penyelaras Teknikal sepanjang tempoh pelaksanaan GIRN. Jawatankuasa Teknikal Dan Operasi Projek (JKTOP) yang dipengerusikan oleh MKN bertindak sebagai pemantau kepada pelaksanaan dan operasi projek GIRN. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil agensi-agensi pengguna GIRN dan pihak SRSB. Seterusnya, semasa kecemasan MKN akan mengambil alih dan berkuasa penuh terhadap operasi GIRN.

3.1.4. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 538 tapak pemancar GIRN telah dibina di seluruh negara. Pembinaan tapak pemancar GIRN ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu secara *greenfield*, *rooftop* dan *share*. Pembinaan tapak pemancar secara *greenfield* adalah pembinaan di kawasan yang terletak atas tanah milik Kerajaan atau milik persendirian. Tiada bayaran sewa dikenakan jika pembinaan dijalankan di atas tanah milik Kerajaan. Bagaimanapun, sekiranya pembinaan dijalankan di atas tapak milik persendirian, sewa akan dibayar oleh SRSB mengikut kadar yang dipersetujui dalam perjanjian. Tapak pemancar di *rooftop* bermaksud pemancar dipasang di atas bangunan. Seterusnya *share* bermaksud berkongsi menara pemancar dengan syarikat telekomunikasi lain. Butiran terperinci jenis-jenis tapak pemancar mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.2
TAPAK PEMANCAR GIRN DI SELURUH MALAYSIA**

NEGERI	SHARE	GREENFIELD	ROOFTOP	JUMLAH
Johor	35	21	1	57
Kedah	20	13	0	33
Kelantan	21	1	0	22
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9	0	13	22
Melaka	12	1	0	13
Negeri Sembilan	22	7	0	29
Pahang	40	10	2	52
Pulau Pinang	13	1	3	17
Perak	26	20	2	48
Perlis	4	1	0	5
Wilayah Persekutuan Putrajaya	5	0	3	8
Sabah	61	21	2	84
Sarawak	59	0	0	59
Selangor	38	24	6	68
Terengganu	16	5	0	21
JUMLAH KESELURUHAN	381	125	32	538

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan GIRN telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang meliputi aspek pembinaan, penyenggaraan dan pengurusan peralatan GIRN di peringkat agensi. Pengauditan ini telah dijalankan di pejabat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan di pejabat Sapura Research Sdn. Bhd. yang merupakan pelaksana kepada pengurusan GIRN. Sebanyak 48 (9%) daripada 538 tapak pemancar GIRN telah dipilih sebagai sampel untuk dilawati.

**JADUAL 3.3
SAMPEL PENGAUDITAN MENGIKUT NEGERI DAN KATEGORI**

NEGERI	GREENFIELD	SHARE	ROOFTOP
Wilayah Persekutuan Putrajaya	-	-	3
Johor	4	7	1
Sabah	7	4	-
Kedah	1	6	-
Perlis	1	1	-
Pulau Pinang	1	1	-
Melaka	1	-	-
Selangor	9	1	-
JUMLAH	24	20	4

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan meliputi semakan fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan GIRN. Lawatan fizikal juga telah dijalankan terhadap 48 stesen pemancar di 8 negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Selain itu, ujian telah dijalankan bagi menguji tahap pemantauan kebolegunaan di Pusat Kawalan Operasi GIRN serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan yang diterima. Temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang terlibat. Seterusnya, borang soal selidik telah diedarkan ke beberapa agensi pengguna untuk menilai keberkesanan penggunaan GIRN.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga Mei 2013 mendapati secara umumnya pengurusan GIRN adalah memuaskan khususnya dari aspek pembangunan dan litupan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- a. Keadaan perkakasan:
 - i. tindakan pelupusan terhadap *handheld terminal* dan *vehicular terminal* bernilai RM1.85 juta tidak dilakukan sejak tahun 2007.
- b. Keadaan tapak pemancar:
 - i. generator sokongan (back-up) tidak berfungsi;
 - ii. pondok kawalan tidak disediakan untuk Pengawal Keselamatan;
 - iii. persekitaran tapak generator tidak disenggara dengan sempurna (berminyak);
 - iv. pemeriksaan semula terhadap Alat Pemadam Api tidak dilakukan;
 - v. pemasangan kabel yang tidak sempurna; dan
 - vi. pelabelan aset tidak dibuat dengan sempurna:
 - aset tidak dilabelkan/pudar;
 - papan tanda amaran pudar.
- c. hasil sewaan menara pemancar tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan (hasil sewaan berjumlah RM2.44 juta) tetapi telah di akaunkan ke akaun Sapura Research Sdn. Bhd.;
- d. program pemindahan teknologi belum mencukupi; dan
- e. perjawatan sedia ada perlu dikaji semula.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan serta ulasan MKN adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Pencapaian Projek

Tiga aktiviti utama projek adalah pembangunan prasarana rangkaian, pembangunan perkhidmatan GIRN dan pembangunan operasi dan khidmat penyenggaraan. Kemajuan projek dipantau oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kemajuan Projek yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan dan Khidmat Teknikal, MKN dan dianggotai oleh wakil daripada agensi pengguna. Mengikut syarat kontrak, pembangunan prasarana rangkaian GIRN (Fasa 1 dan Fasa 2) perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan iaitu pada 3 Julai 2008. Semakan Audit mendapati pembinaan projek ini tidak disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di mana 2 pelanjutan masa (EOT) telah diberikan melibatkan tempoh selama 572 hari. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN GIRN**

PERKARA	TEMPOH LANJUTAN MASA	TARIKH SIAP (SEPATUTNYA)	SEBAB KELEWATAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Kontrak Asal	-	03.07.2008	-	-
EOT 1	04.07.2008 - 30.06.2009	30.06.2009	i. Kelewatan penyerahan senarai tapak milik Kerajaan untuk kajian kepada SRSB oleh agensi. ii. Kelewatan mendapatkan Tapak Milik Persendirian memandangkan tapak milik Kerajaan yang boleh digunakan adalah kurang dari yang dijangkakan. iii. Kelewatan mendapat pengesahan Lokasi Tapak Suis oleh agensi. iv. Kelewatan penyediaan Rangkaian Transmisi Sokongan. (Bagi memastikan tiada kelewatan di dalam menyediakan perkhidmatan GIRN, 5 tapak suis sementara telah dibangunkan dalam tempoh masa EOT1.)	362
EOT 2	01.07.2009 - 02.01.2010	26.01.2010	i. Kelewatan kelulusan penggunaan tanah bagi pembinaan 2 tapak suis milik Kerajaan di ATM Sg. Udang, Melaka dan KDRM AKMAL, Kuching, Sarawak. ii. Kelewatan ini telah menyebabkan kerja-kerja pembinaan, pemasangan peralatan serta pengujian dan pentauliahan telah berganjak dari tempoh asal.	210
JUMLAH KELEWATAN (HARI)				572

Sumber : Majlis Keselamatan Negara

Semakan selanjutnya mendapati, walaupun projek ini tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, peningkatan terhadap kos projek tidak berlaku. Sebaliknya MKN telah menyelaraskan semula program pelaksanaan GIRN selaras dengan tempoh konsesi yang telah dipersetujui.

Pada pendapat Audit, walaupun projek tersebut lewat disiapkan, namun ianya tidak menjejaskan operasi perkhidmatan rangkaian GIRN kepada agensi-agensi yang terlibat.

3.5.2. Prestasi Kewangan Projek GIRN

Peruntukan mengurus untuk melaksanakan projek GIRN telah diluluskan berjumlah RM1.745 bilion bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013. Setakat bulan Mac 2013, sejumlah RM1.408 bilion (80.7%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK GIRN
BAGI TAHUN 2010 HINGGA MAC 2013**

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2010	385.25	378.02	98.12
2011	396.00	394.06	99.51
2012	502.20	448.20	89.25
2013	462.00	188.02*	40.70
JUMLAH	1,745.45	1,408.30	80.68

Sumber : *Majlis Keselamatan Negara*

Nota : (*) - *Perbelanjaan Sebenar Setakat Bulan Mac 2013*

Pada pendapat Audit, MKN telah berjaya menguruskan perbelanjaannya dengan baik.

3.5.3. Prestasi Pencapaian Litupan GIRN

3.5.3.1. Mengikut perjanjian konsesi, litupan GIRN di kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia adalah pada kadar 95%. Kadar capaian ini telah dipinda kepada 95% di Semenanjung Malaysia dan 84% di Sabah dan Sarawak. Untuk mengukur pencapaian operasi GIRN dalam menyediakan perkhidmatan suara dan data kepada pengguna, tahap prestasi minimum bagi setiap *Key Performance Indicator (KPI)* telah dinyatakan di dalam kontrak. **Jadual 3.6** menunjukkan KPI dan parameter yang telah ditetapkan untuk menilai pencapaian operasi GIRN.

**JADUAL 3.6
KPI DAN PENGUKURAN PARAMETER BAGI PENCAPAIAN GIRN**

NETWORK KPI	MEASUREMENT PARAMETERS	MINIMUM PERFORMANCE LEVEL
Accessibility	• Call Setup Success Rate	Call Setup Success Rate > 98%
	• Call Setup Time	Call Setup < 500 millisecs
Retainability	• Drop Call Rate	• Drop Call < 2% for voice • Drop Call Rate < 3 % for data
	• Handover Between Cells	• Handover > 98% for voice • Handover > 97% for data
Data Throughput	• Throughput	• Throughput > 70% of maximum throughput

Sumber : *Dokumen Kontrak*

Mengikut syarat kontrak, laporan pencapaian GIRN iaitu *Network Key Performance Indicator (KPI) Report* perlu dihantar kepada MKN pada setiap bulan. Semakan Audit terhadap laporan tersebut mendapati sasaran KPI dari tahun 2010 hingga Disember 2012 telah tercapai. **Jadual 3.7** menunjukkan pencapaian GIRN bagi bulan Januari 2010 dan Januari 2012.

**JADUAL 3.7
PENCAPAIAN GIRN BAGI BULAN JANUARI 2010 DAN JANUARI 2012**

NETWORK KPI	MEASUREMENT PARAMETERS	MINIMUM PERFORMANCE LEVEL	EVALUATION PERFORMANCE PERIOD (JANUARY 2010)	EVALUATION PERFORMANCE PERIOD (JANUARY 2012)
Accessibility	• Call Setup Success Rate	> 98%	99.94%	99.923%
	• Call Setup Time	< 500 ms	289.09 ms	289.64 ms
Retainability	• Drop Call Rate	• Drop Call < 2% for voice	0.07%	0.052%
		• Drop Call Rate < 3% for data	0.02%	0.002%
	• Handover Between Cells	• Handover > 98% for voice	98.84%	99.87%

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

Nota : ms - millisecs

3.5.3.2. Berdasarkan perjanjian kontrak, keutamaan litupan GIRN adalah di kawasan yang berpopulasi tinggi. Capaian terhadap litupan juga bergantung kepada jenis terminal. Ujian suara semasa lawatan Audit terhadap litupan mendapati GIRN dapat berfungsi dengan baik. Berikut adalah kawasan yang dijalankan ujian suara bersama SRSB:

**JADUAL 3.8
KAWASAN UJIAN SUARA PIHAK AUDIT BERSAMA SRSB**

KAWASAN LITUPAN	TARIKH	UJIAN SUARA
Sekitar Bandar Pulau Pinang, Kedah dan Perlis	26.11.2012 - 30.11.2012	Jelas
Di sepanjang jalan utama Kedah ke Perlis antara stesen pemancar	26.11.2012 - 30.11.2012	Jelas
Di pusat Bandar Pulau Langkawi	30.11.2012	Jelas
Sekitar Bandar Melaka dan Johor	10.12.2012 - 13.12.2012	Jelas
Di sepanjang jalan utama Melaka ke Johor antara stesen pemancar	10.12.2012 - 13.12.2012	Jelas
Sekitar Bandar Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Semporna	17.12.2012 - 21.12.2012	Jelas
Di sepanjang jalan utama Kota Kinabalu ke Sandakan	17.12.2012 - 21.12.2012	Jelas
Di sepanjang jalan utama Sandakan ke Tawau	17.12.2012 - 21.12.2012	Jelas

3.5.3.3. Setiap tapak pemancar GIRN dipantau oleh SRSB di Pusat Kawalan Operasi di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Ianya termasuk *AC Main Failure, Intruder Alarm, Low Fuel, Rectifier Failure, Battery Low Voltage, Aviation Light/Fire* dan *High Temperature* bagi memastikan setiap tapak pemancar GIRN serta peralatan sokongan yang lain berfungsi dengan baik. Bagi menguji tahap pemantauan terhadap kebolegunaan GIRN oleh SRSB dari Pusat Kawalan Operasi apabila berlaku *AC Main Failure, Intruder Alarm* dan *Rectifier Failure* di tapak pemancar, ujian telah dijalankan di tapak pemancar Ayer Hitam, Johor. Hasil daripada ujian mendapati pemantauan yang mencukupi telah dilakukan

oleh Pusat Kawalan Operasi GIRN di Wangsa Maju dan *Screen shot* berkaitan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.2



No	Description	State	Result
1	USUR	act	off
2	AC Main Failure	act	on
3	Intruder Alarm	act	on
4	Low Fuel	act	off
5	Rectifier Failure	act	on
6	Battery Low Voltage	act	off
7	Aviation Light / Fire	act	off
8	High Temperature	act	off

Pusat Operasi GIRN, Wangsa Maju Kuala Lumpur
 - Laporan Ujian Pemantauan
 (Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd. - 15.05.2013)

Pada pendapat Audit, tahap pemantauan terhadap kebolegunaan GIRN oleh SRSB adalah memuaskan.

3.5.4. Pengurusan Peralatan GIRN

3.5.4.1. MKN telah membekalkan peralatan GIRN kepada agensi-agensi yang terlibat bagi membolehkan perkhidmatan GIRN dapat digunakan. Pengagihan peralatan GIRN seperti *handheld*, *desktop* dan *vehicular* kepada agensi-agensi yang terlibat adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
PEMBAHAGIAN PERALATAN GIRN KEPADA AGENSI
SETAKAT BULAN MAC 2013

AGENSI	PERALATAN	HANDHELD	DESKTOP	VEHICULAR
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia		1,322	95	88
Angkatan Tentera Malaysia		6,832	599	990
Jabatan Imigresen Malaysia		3,401	30	176
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia		1,418	74	475
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia		3,918	301	1,832
Jabatan Pengangkutan Jalan		1,403	133	649
Jabatan Perdana Menteri - Bahagian Penyelidikan		250	1	2
Jabatan Penjara Malaysia		1,285	51	173
Jabatan Kastam Diraja Malaysia		2,109	51	461
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK)		1,078	59	102
Kementerian Kesihatan Malaysia (Ambulan)		2,579	375	1,171
Polis DiRaja Malaysia (PDRM)		711	253	23
Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)		104	3	17
Bahagian Bencana - MKN		302	16	1
JUMLAH		26,712	2,041	6,160

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

3.5.4.2. Sapura Research Sdn. Bhd. telah menubuhkan sebuah pusat membaik pulih di Wangsa Maju, Kuala Lumpur untuk membaik pulih terminal yang rosak. SRSB akan melakukan penyenggaraan/membaik pulih sekiranya terdapat kerosakan semasa ianya masih di dalam tempoh jaminan, iaitu 36 bulan. Selepas tempoh jaminan tersebut, agensi perlu membayar kos penyenggaraan/membaik pulih.

3.5.4.3. Lawatan Audit ke agensi-agensi yang menerima peralatan GIRN daripada MKN telah dilakukan pada 12 Oktober 2012 hingga 15 Mac 2013. Tujuan lawatan adalah untuk memastikan segala peralatan yang diterima berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Selain itu, ia juga untuk memastikan peralatan GIRN digunakan secara optima dalam operasi atau tugas-tugas seharian. Sebanyak 7 agensi di 11 lokasi telah dipilih sebagai sampel untuk tujuan pengauditan seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.10
AGENSI YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL

NEGERI	AGENSI KERAJAAN YANG DIPILIH
Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. ATM, Kem Lok Kawi 2. Markas Angkatan Tentera Bersepadu, Kem Kukusan 3. ATM, Kem Pulau Danawan 4. ATM, Kem Pulau Sibuan
Johor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2. Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Pasir Gudang 3. Jabatan Imigresen Malaysia
Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Penjara, Penjara Sungai Buloh 2. Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Selayang 3. Rejimen Perhubungan Strategik (RPS), Kem Paya Jaras
Melaka	<ol style="list-style-type: none"> 1. ATM, Kem Terendak

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

Nota : ATM - Angkatan Tentera Malaysia

Penemuan Audit semasa lawatan di agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

a. Kerosakan Tidak Dilaporkan

Setiap terminal yang rosak hendaklah dilaporkan kepada SRSB untuk tujuan pembaikan. SRSB akan membuat pembaikan terminal secara percuma semasa dalam tempoh jaminan (36 bulan). Selepas tempoh jaminan, kos pembaikan dan penyenggaraan akan ditanggung oleh agensi. Peralatan yang telah diaktifkan akan dimatikan oleh pihak SRSB apabila tidak digunakan dalam tempoh 3 minggu. Pemeriksaan Audit di Penjara Sungai Buloh mendapati 15 terminal telah rosak tetapi tidak dilaporkan kepada SRSB mahupun agensi pusat (Penjara Kajang) di mana 14 daripadanya didapati tidak dapat berfungsi/digunakan. Pihak Audit dimaklumkan ianya mempunyai masalah *Screen Displays Connecting*. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar kerosakan peralatan ini kerana tiada catatan dibuat mengenai perkara tersebut. Berdasarkan rekod, kos setiap unit *Handheld Terminal* adalah berjumlah RM3,951 dan jumlah

yang terlibat bagi 14 terminal yang rosak ini adalah RM55,314. **Gambar 3.3** dan **3.4** menunjukkan keadaan terminal berkaitan semasa lawatan Audit dilakukan.

GAMBAR 3.3



Penjara Sungai Buloh
- *Handheld Terminal Yang Tidak Boleh Digunakan*
Tetapi Kerosakan Tidak Dilaporkan
(15.03.2013)

GAMBAR 3.4



Penjara Sungai Buloh
- *Handheld Terminal Yang Tidak Boleh Digunakan*
Tetapi Kerosakan Tidak Dilaporkan
(15.03.2013)

Pada pendapat Audit, kerosakan ini sepatutnya dimaklumkan oleh pengguna kepada pihak SRSB dengan segera. Kelewatan pembaikan kerosakan juga boleh menyebabkan operasi harian terjejas apabila *Handheld Terminal* tidak dapat digunakan. Agensi pengguna yang terlibat perlu memahami dengan jelas tatacara pengendalian peralatan yang rosak dan yang memerlukan pembaikan.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak Jabatan Penjara Malaysia dan SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini. Tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia dengan menghantar terminal untuk pembaikan kepada SRSB pada 2 April 2013. Pihak Jabatan Penjara Malaysia berusaha untuk sentiasa mematuhi Standard Of Procedure (SOP) atau proses yang telah dipersetujui di mana sebarang kerosakan pada peralatan GIRN yang memerlukan pembaikan perlu dilaporkan kepada SRSB dengan segera. Sebelum ini, pihak Jabatan Penjara Malaysia akan mengumpulkan terminal yang rosak dan dihantar ke SRSB secara berkelompok tetapi untuk proses terkini, setiap kerosakan akan dihantar terus ke SRSB tanpa di kumpul terlebih dahulu. Pihak pengurusan Jabatan Penjara Malaysia secara berterusan akan memastikan pegawai yang mengambil alih tanggungjawab akan sentiasa peka dengan proses dan latihan yang diperlukan.

b. Terminal Tidak Digunakan Secara Optima

Pengagihan alat telekomunikasi seperti *Handheld Terminal* telah dilakukan oleh MKN berdasarkan kajian keperluan operasi sesebuah agensi. Setiap

peralatan GIRN yang diterima sepatutnya digunakan secara optima dalam menjalankan operasi dan tugas-tugas seharian. Semakan Audit di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pejabat Bangunan Sultan Iskandar, Johor mendapati 64 *Handheld Terminal* di simpan di dalam stor sejak Oktober 2012. Pihak Audit dimaklumkan oleh JKDM bahawa penggunaan *Handheld Terminal* tersebut hanya bagi kegunaan operasi risikan atau apabila perlu sahaja.

Pada pendapat Audit, kemudahan GIRN termasuklah *Handheld Terminal* sepatutnya digunakan secara optima, selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu rangkaian yang berkongsi prasarana antara agensi yang terlibat.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak JKDM dan SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya telah pun diambil. Jumlah keseluruhan Handheld Terminal yang telah diagihkan ke cawangan ini ialah sebanyak 265 unit. Pada awalnya, kesemua unit ini telah diagihkan. Bagaimanapun, disebabkan oleh pegawai telah bersara dan bertukar jabatan, sebanyak 64 unit telah dipulangkan semula. Kesemua 64 unit Handheld Terminal ini sepatutnya diserahkan kepada pegawai-pegawai baru yang menggantikan pegawai yang telah bersara dan bertukar jabatan. Handheld Terminal ini tidak dapat diserahkan kerana pegawai baru ini masih belum menghadiri kursus penggunaan peralatan GIRN. Kesemua Handheld Terminal ini akan diserahkan kepada mereka apabila pegawai baru tersebut selesai menghadiri kursus penggunaan GIRN yang akan dijalankan.

c. Pelupusan Dan Tindakan Penggantian Terminal

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil 5. Tahun 2007, pelupusan adalah proses untuk mengeluarkan aset dari milikan, kawalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan. Antara justifikasi untuk tindakan pelupusan dilakukan adalah tidak ekonomik untuk dibaiki, rosak dan tidak boleh digunakan. Semakan Audit di Pusat Operasi GIRN, SRSB Wangsa Maju mendapati 468 *handheld* dan *vehicular terminal* telah dikategorikan sebagai *Beyond Economic Repair* (BER) sejak tahun 2007. Sepanjang tempoh tersebut, tiada tindakan pelupusan dibuat oleh pihak yang terlibat. Pihak Audit dimaklumkan, proses pelupusan tidak diteruskan disebabkan pemilikan aset tersebut masih lagi menjadi persoalan dan sedang dalam peringkat perbincangan. **Jadual 3.11** menunjukkan bilangan serta jenis terminal yang telah dikategorikan sebagai BER namun tiada tindakan pelupusan dilakukan.

JADUAL 3.11
SENARAI ASET TIDAK EKONOMIK UNTUK DIBAIKI (BER) MENGIKUT AGENSI

AGENSI	HANDHELD	VEHICULAR
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	183	4
Angkatan Tentera Malaysia	171	14
Jabatan Imigresen Malaysia	35	1
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	11	4
Jabatan Pengangkutan Jalan	8	-
Jabatan Perkhidmatan Awam	7	8
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	6	-
Polis DiRaja Malaysia	4	3
Kementerian Kesihatan Malaysia	3	-
Jabatan Perdana Menteri	2	3
Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	1	-
JUMLAH	431	37

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

Nota : BER - Beyond Economic Repair

Gambar 3.5 dan 3.6 menunjukkan sebahagian *Handheld Terminal* yang telah dikategorikan sebagai BER dan masih belum diambil tindakan pelupusan.

GAMBAR 3.5



GAMBAR 3.6



Pusat Operasi GIRN, Wangsa Maju
- Contoh Handheld Terminal Yang Tidak Ekonomik Untuk Dibaiki
(15.05.2013)

Semakan selanjutnya mendapati MKN tidak akan mengganti sebarang *terminal* yang telah dikategorikan sebagai BER. Ini berdasarkan kepada surat yang dikeluarkan oleh MKN bertarikh 16 Februari 2010. Kos penggantian terminal atau aksesori adalah di bawah tanggungjawab pihak agensi terbabit.

Pada pendapat Audit, pihak MKN perlu berhubung terus dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pandangan bagi membolehkan tindakan pelupusan diambil. Selain itu, MKN perlu memaklumkan kepada agensi untuk menyediakan peruntukan untuk menggantikan peralatan yang dikategorikan sebagai BER.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Status pemilikan aset GIRN masih di peringkat perbincangan dan belum diputuskan disebabkan oleh perolehan aset GIRN yang dibuat secara Private Finance Initiative (PFI) di mana ia hanya menjadi aset Kerajaan selepas bayaran balik dibuat. Pelupusan akan dilaksanakan sebaik sahaja keputusan pemilikan ini dibuat oleh Kementerian Kewangan dan MKN akan memastikan semua chip yang mengandungi maklumat dimusnahkan.

3.5.5. Keadaan Di Tapak Pemancar

Penyenggaraan yang berkesan oleh pihak SRSB dapat memastikan aset dan persekitaran tapak pemancar sentiasa berada dalam keadaan baik. Hasil dari pemeriksaan Audit di 48 tapak pemancar GIRN di 8 negeri pada bulan Disember 2012 hingga bulan Mac 2013 mendapati perkara-perkara berikut:

3.5.5.1. Generator Sokongan (Back-Up) Tidak Berfungsi

Operasi rangkaian GIRN perlu dipastikan boleh berfungsi secara sepenuh masa (24 jam x 7 hari) bagi membolehkan objektif pelaksanaan GIRN dicapai. Secara umumnya kemudahan generator digunakan bagi tujuan memastikan bekalan tenaga elektrik sokongan (back-up) bagi tapak pemancar GIRN sentiasa berterusan. Generator akan berfungsi secara automatik semasa ketiadaan bekalan elektrik. Selain dari generator, bateri dalam kabin juga bertindak sebagai bekalan tenaga sokongan sekiranya generator tidak berfungsi. Berdasarkan pengujian pihak Audit dan SRSB terhadap generator di tapak pemancar GIRN di Pekan Darat Pulau Pinang mendapati generator tidak berfungsi (rosak). Manakala di tapak pemancar GIRN di Gunung Lambak dan Bukit Tinggi, Johor, generator tidak dapat berfungsi secara automatik dan memerlukan suis ditekan secara manual bagi membolehkan tenaga elektrik dibekalkan. Pemeriksaan Audit di tapak pemancar Aping Barat, Kota Tinggi, Johor pula mendapati tiada bekalan elektrik ke tapak pemancar dan bekalan elektrik hanya diperolehi melalui generator. Walaupun terdapat dua generator di tapak pemancar tersebut, namun hanya satu generator yang berfungsi dan dengan ini generator kedua tersebut tidak dapat berfungsi sebagai generator sokongan.

Pada pendapat Audit, MKN perlu memastikan setiap generator termasuk generator sokongan (back up generator) berfungsi dengan baik bagi memastikan tiada gangguan terhadap operasi rangkaian GIRN.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SRSB.

Peralatan generator di Pekan Darat, Pulau Pinang; Gunung Lambak, Kluang; dan Bukit Tinggi di Johor telah melalui ujian generator sebanyak 2 kali dan telah berfungsi secara automatik. Bagi tapak pemancar yang bergantung sepenuhnya dengan bekalan kuasa menggunakan generator seperti di tapak pemancar Aping Barat, Kota Tinggi, Johor, penyenggaraan berkala memerlukan salah satu generator dimatikan bagi melaksanakan major overhauls. Ketika aktiviti ini dijalankan, pihak SRSB dikehendaki menyediakan generator mudah alih bagi persediaan menghadapi sebarang gangguan bekalan kuasa jika ianya berlaku. Pembaikan generator GIRN untuk tapak pemancar Aping Barat, Kota Tinggi, Johor telah siap sepenuhnya pada 13 Mac 2013.

3.5.5.2. Pondok Pengawal Tidak Disediakan Untuk Pengawal Keselamatan

Pengawal Keselamatan akan dilantik oleh SRSB untuk menjaga keselamatan di tapak pemancar yang berisiko tinggi berlakunya kecurian dan kehilangan terutamanya bagi tapak pemancar yang penting (switch). Di tapak pemancar GIRN Aping Barat, Kota Tinggi, Johor, pengawal telah ditugaskan sepenuh masa untuk mengawal tapak pemancar tersebut. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pondok pengawal keselamatan tidak disediakan bagi memberikan perlindungan kepada pengawal keselamatan. Berdasarkan maklum balas, pengawal keselamatan hanya berteduh dan berehat di bawah kabin. **Gambar 3.7** menunjukkan keadaan ini:



GAMBAR 3.7

*Aping Barat, Kota Tinggi, Johor
- Pondok Pengawal Tidak Disediakan
(20.12.2012)*

Pada pendapat Audit, pondok pengawal perlu dibina bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan sesuai. Selain itu, perkara ini juga dapat memastikan keadaan dan kebersihan kawasan tersebut terjaga.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SRSB. Pondok pengawal telah dibina di tapak pemancar GIRN Aping Barat, Kota Tinggi, Johor.

3.5.5.3. Persekitaran Tapak Generator Tidak Disenggara Dengan Sempurna (Berminyak)

Tangki minyak disediakan di tapak pemancar bagi membolehkan bekalan minyak sentiasa mencukupi khususnya bagi generator. Semasa lawatan Audit didapati tapak pemancar disenggarakan dengan baik kecuali tapak pemancar Pulau Danawan di mana terdapat tumpahan minyak yang tidak dibersihkan dengan sempurna. Gambar berikut menunjukkan keadaan kawasan yang terlibat:

SEBELUM

GAMBAR 3.8



*Pulau Danawan, Sabah
- Kawasan Persekitaran Yang Berminyak
(20.12.2012)*

SELEPAS

GAMBAR 3.9



*Pulau Danawan, Sabah
- Kawasan Persekitaran Yang Telah Dibersihkan
Selepas Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 31.12.2012)*

SEBELUM

GAMBAR 3.10



*Pulau Danawan, Sabah
- Kawasan Persekitaran Yang Berminyak
(20.12.2012)*

SELEPAS

GAMBAR 3.11



*Pulau Danawan, Sabah
- Kawasan Persekitaran Yang Telah Dibersihkan
Selepas Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 31.12.2012)*

Pada pendapat Audit, kerja-kerja penyenggaraan/pembersihan hendaklah dilakukan dengan baik/semurna di setiap tapak pemancar. Ini untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan/kejadian yang tidak diingini di tapak pemancar GIRN tersebut.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SRSB. Secara keseluruhannya, semua tapak GIRN yang menggunakan generator adalah dalam keadaan baik dan bersih. Kejadian terpicil seperti di kawasan tapak pemancar GIRN yang berminyak di Pulau Danawan telah dibersihkan semula pada 31 Disember 2012.

3.5.5.4. Pemeriksaan Semula Terhadap Alat Pemadam Api Tidak Dilakukan


Alat pemadam api disediakan bagi membolehkan kebakaran dapat dicegah dari merebak di tapak pemancar GIRN. Alat pemadam api berperanan sebagai “alat bantu mula”, iaitu digunakan untuk memadam kebakaran di peringkat awal. Oleh itu, pemeriksaan berkala perlu dibuat oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat terhadap alat pemadam api tersebut untuk memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan apabila berlakunya situasi kecemasan. Pemeriksaan Audit pada 17 hingga 21 Disember 2012 di 10 tapak pemancar GIRN di Sabah mendapati pemeriksaan semula oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat terhadap alat pemadam api tidak dilakukan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.12
ALAT PEMADAM API TIDAK DIBUAT PEMERIKSAAN SEMULA


NEGERI	DAERAH	TAPAK PEMANCAR	TARIKH DIPERIKSA	TARIKH TAMAT TEMPOH	TEMPOH TAMAT (Hari)
Sabah	Kota Kinabalu	BTS Lok Kawi	16.02.2009	15.02.2010	1,040
		Taman Bukit Tiga (Gambar 3.12 dan 3.13)	24.02.2009	23.02.2010	1,032
		Mesilau	17.04.2008	16.04.2009	1,344
	Ranau	SBC Hill 2000 (Gambar 3.14 dan 3.15)	17.04.2008	16.04.2009	1,344
		Mile 36	09.01.2007	08.01.2008	1,807
	Sandakan	SBC Mile 20 (Gambar 3.16 dan 3.17)	04.04.2008	03.04.2009	1,357
		Kem Sri Kinabatangan	27.08.2007	26.08.2008	1,552
		SBC Sungai Manila	09.02.2009	08.02.2010	1,047
	Semporna	Kem Pulau Danawan	08.10.2007	07.10.2008	1,534
	Tawau	Sg. Kawa	24.10.2007	23.10.2008	1,519

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

GAMBAR 3.12




GAMBAR 3.13




Taman Bukit Tiga, Kota Kinabalu
- Alat Pemadam Api Telah Tamat Tempoh
(17.12.2012)

GAMBAR 3.14




GAMBAR 3.15




SBC Hill 2000, Sabah
- Alat Pemadam Api Telah Tamat Tempoh
(18.12.2012)

GAMBAR 3.16



GAMBAR 3.17



SBC Mile 20, Sabah
- Alat Pemadam Api Telah Tamat Tempoh
(19.12.2012)

Pada pendapat Audit, SRSB dan MKN perlu melakukan pemantauan terhadap pemeriksaan semula alat pemadam api oleh pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat bagi memastikan kesemua alat pemadam api berada dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SRSB. Semua alat pemadam api yang dipasang di tapak pemancar di setiap negeri mempunyai sijil senggaraan dan pengesahan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan ianya diperbaharui secara berperingkat. Pemeriksaan semula alat pemadam api di 11 tapak pemancar GIRN di Sabah telah dibuat dan tarikh tamat tempoh yang baru adalah pada tahun 2014.

3.5.5.5. Pemasangan Kabel Yang Tidak Sempurna


Pemeriksaan Audit di Kem Pulau Sibuan mendapati kabel *Desktop Terminal* GIRN tidak dipasang dengan sempurna. Pemasangan kabel ini telah dilakukan melalui ruang pengudaraan seperti di **Gambar 3.18** dan **3.19**.

GAMBAR 3.18



*Kem Pulau Sibuan, Sabah
- Pemasangan Kabel Yang Tidak Sempurna
(20.12.2012)*

GAMBAR 3.19



GAMBAR 3.20

*Kem Pulau Sibuan, Sabah
- Bulatan Menunjukkan Wayar Kabel Telah
Diperbetulkan Setelah Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 21.12.2012)*

Pada pendapat Audit, SRSB dan MKN perlu melakukan pemantauan terhadap kerja-kerja pemasangan kabel *Dekstop Terminal ini*. Hal ini penting supaya ianya tidak menjejaskan kemudahan dan peralatan lain serta menjamin keselamatan penggunaan peralatan tersebut.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pihak SRSB. Pemasangan awal kabel di Kem Pulau Sibuan pada tahun 2007 adalah mengikut prosedur dan telah dipersetujui di mana ianya tidak melalui ruang kipas pengudaraan. Pihak MKN mendapati pengubahsuaian kabel telah dilakukan sendiri oleh pihak ATM tanpa dimaklumkan kepada MKN. Bagi memastikan pemasangan kabel GIRN sentiasa berada dalam keadaan sempurna, pihak SRSB telah membuka dan memasang kembali kabel di Kem Pulau Sibuan pada 21 Disember 2012.

3.5.5.6. Pelabelan Aset Tidak Dibuat Dengan Sempurna

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 5. Tahun 2007, aset hendaklah diberi tanda pengenalan dengan cara melabel, mengecat atau *emboss* bagi menunjukkan tanda 'Hak Kerajaan Malaysia' dan diberi nombor siri pendaftaran. Pekeliling tersebut juga menyatakan label aset mestilah


jasas, terang dan mudah dibaca bagi memudahkan semakan dan pengesahan dapat dibuat terhadap aset. SRSB telah diberi tanggungjawab oleh MKN untuk melabel kesemua aset-aset Kerajaan ini. Pemeriksaan Audit di lokasi yang dipilih mendapati perkara berikut:

a. Aset Tidak Dilabelkan/Pudar

Pemeriksaan Audit di tapak pemancar GIRN di Gunung Lambak, Kluang, Anjung Batu dan Air Papan, Mersing di Johor dan Kem Sri Kinabatangan, Sabah mendapati aset seperti penghawa dingin tidak dilabel seperti sepatutnya. **Gambar 3.21** dan **3.23** adalah contoh aset yang tidak dilabelkan dengan 'Hak Milik Kerajaan' dan diberi nombor siri pendaftaran.

SEBELUM


GAMBAR 3.21



*Gunung Lambak, Kluang, Johor
- Tiada Label 'Hak Kerajaan Malaysia'
(11.12.2012)*

SELEPAS

GAMBAR 3.22



*Gunung Lambak, Kluang, Johor
- Bulatan Menunjukkan Aset Telah Dilabel Setelah Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 23.7.2013)*

SEBELUM


GAMBAR 3.23



*Anjung Batu, Mersing, Johor
- Tiada Label 'Hak Kerajaan Malaysia'
(11.12.2012)*

SELEPAS

GAMBAR 3.24



*Anjung Batu, Mersing, Johor
- Bulatan Menunjukkan Aset Telah Dilabel Setelah Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 23.7.2013)*

Pemeriksaan Audit di Kepala Batas Hill, Kepala Batas, Kedah, Kampung Batu Laut, Tanjong Sepat dan RPS ATM, Sungai Buloh, Selangor serta Kong Kong, Masai, Johor pula mendapati label aset telah pudar dan sukar dibaca. Akibatnya semakan bagi tujuan pengesahan fizikal rekod aset (generator, kabin dan menara pemancar) sukar dilakukan. Keadaan aset berkaitan adalah seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 3.25



*Kepala Batas Hill, Kepala Batas, Kedah
- Label Pudar
(29.11.2012)*

SELEPAS


GAMBAR 3.26



*Kepala Batas Hill, Kepala Batas, Kedah
- Label Yang Telah Ditukar Setelah
Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 23.07.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 3.27



*Kampung Batu Laut, Tanjong Sepat, Selangor
- Label Pudar
(12.03.2013)*

SELEPAS


GAMBAR 3.28



*Kampung Batu Laut, Tanjong Sepat, Selangor
- Label Yang Telah Ditukar Setelah
Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 23.07.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 3.29



*Kong Kong, Masai, Johor
- Label Pudar
(13.12.2012)*

SELEPAS

GAMBAR 3.30



*Kong Kong, Masai, Johor
- Label Yang Telah Ditukar Setelah
Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 23.07.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 3.31



RPS ATM, Sungai Buloh, Selangor
- Label Pudar
(12.03.2013)

SELEPAS

GAMBAR 3.32



RPS ATM, Sungai Buloh, Selangor
- Label Yang Telah Ditukar Setelah
Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 23.07.2013)

Pada pendapat Audit, setiap aset Kerajaan perlu dilabel dengan Hak Milik Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran. Label juga perlulah jelas, terang dan mudah dibaca.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya juga telah diambil. Label baru telah dipasang pada aset yang tidak mempunyai label manakala label yang telah pudar telah diganti dengan label yang baru. Selain itu, MKN juga telah merancang untuk mengadakan lawatan ke tapak-tapak lain.

b. Papan Tanda Amaran Pudar

Papan tanda amaran mestilah jelas dan mudah dilihat oleh orang awam. Pemeriksaan Audit mendapati papan tanda yang diletakkan di tapak pemancar GIRN ini telah pudar dan sukar dibaca seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 3.33



Pauh, Perlis
- Papan Tanda Amaran Yang Pudar
(28.11.2012)

SELEPAS

GAMBAR 3.34



Pauh, Perlis
- Papan Tanda Amaran Yang Telah Ditukar
Setelah Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB -23.07.2013)

SEBELUM

GAMBAR 3.35



Simpang Morib, Banting, Selangor
- Papan Tanda Amaran Yang Pudar
(12.03.2013)

SELEPAS

GAMBAR 3.36



Simpang Morib, Banting, Selangor
- Papan Tanda Amaran Yang Telah Ditukar
Setelah Mendapat Teguran Audit
(Sumber : SRSB - 24.07.2013)

Pada pendapat Audit, papan tanda amaran ini perlu diganti dan dicat semula bagi memastikan ia jelas dan mudah dibaca oleh orang awam.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Pihak MKN telah meminta pihak SRSB untuk mengambil tindakan mengenai isu ini dan tindakan sewajarnya juga telah diambil. Papan tanda amaran telah ditukar dengan yang baru dan dipasang pada tapak pemancar GIRN.

3.5.6. Hasil Sewaan Menara Pemancar Tidak Diakaunkan Kepada Hasil Kerajaan

Semakan Audit mendapati MKN telah memberi kebenaran kepada syarikat telekomunikasi untuk menempatkan pemancar mereka di 12 tapak GIRN dengan dikenakan caj sewaan. Hasil kutipan sewaan setakat bulan Mei 2013 adalah berjumlah RM2.44 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.13
HASIL SEWAAN YANG DITERIMA OLEH SRSB
BAGI TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2013

TAHUN	HASIL SEWAAN (RM Juta)
2010	0.39
2011	1.03
2012	0.78
2013 *	0.23
JUMLAH	2.43

Sumber : Sapura Research Sdn. Bhd.

Nota : (*) - Sehingga Bulan Mei 2013

Semakan Audit selanjutnya mendapati kaedah mengakaunkan kutipan hasil dari sewaan menara pemancar tidak dinyatakan dalam kontrak. Pada masa ini, MKN telah mengakaunkan hasil tersebut kepada akaun SRSB. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan tiada keputusan muktamad diperolehi mengenai kaedah perakaunan hasil kutipan tersebut walaupun beberapa perbincangan telah diadakan dengan Kementerian Kewangan mengenainya.

Pada pendapat Audit hasil tersebut adalah hasil Kerajaan Persekutuan dan disyorkan tindakan segera diambil bagi memastikan kaedah perakaunan yang betul dapat dilaksanakan.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara yang diadakan pada 24 April 2013 telah memutuskan untuk membenarkan syarikat telekomunikasi untuk terus menyewa di tapak-tapak milik GIRN dan memasukkan hasil kutipan sewa tersebut ke dalam Consolidated Account. Bagaimanapun, MKN masih menunggu maklum balas terkini daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk menambahkan klausa berkaitan pengendalian hasil sewaan ini di dalam perjanjian tambahan kepada kontrak sedia ada.

3.5.7. Program Pemindahan Teknologi Belum Mencukupi

Perenggan 12.03 kontrak konsesi menyatakan “(a) *The consession company shall ensure that systems and other information about the GIRN shall be shared with the Government by providing competency training to such reasonable number of Government employees. (b) The consession company shall endeavor, as may be practicable, to ensure that any benefit obtained by the consession company from any service provider, sub-contractor or supplier by way of technology transfer be made available to the government*”. Pemindahan teknologi diperlukan bagi memastikan Kerajaan mendapat faedah dalam mengendalikan projek GIRN. Semakan Audit mendapati Program *Technology Transfer* yang dijalankan oleh SRSB adalah dengan mengadakan lawatan ke luar negara yang turut disertai oleh pelbagai agensi yang terlibat dengan GIRN. Walaupun program ini antara pendekatan untuk tujuan pemindahan teknologi namun ianya tidak mencukupi untuk meningkatkan kemahiran khususnya bagi pengurusan operasi dan penyenggaraan projek GIRN. Kemahiran ini diperlukan bagi membolehkan Kerajaan mempunyai pegawai yang mahir untuk mengendalikan operasi GIRN apabila tamat tempoh perjanjian konsesi.

Pada pendapat Audit, SRSB perlu menyediakan perancangan khusus untuk memantapkan lagi program pemindahan teknologi sepanjang tempoh konsesi. Selain itu, MKN hendaklah memastikan pegawai dari pelbagai agensi diberi pendedahan dan kemahiran yang sesuai bagi mengoperasi dan menyenggara perkakasan/perisian/rangkaian projek GIRN. Aktiviti yang berkaitan dengan pemindahan teknologi termasuk latihan yang berterusan hendaklah dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Kemajuan Projek. Ini adalah bertujuan supaya pegawai yang terlibat dengan operasi GIRN bersedia untuk mengendalikan operasi ini apabila ianya diserahkan kepada Kerajaan selepas tamat perjanjian konsesi.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Latihan bagi pengurusan projek dan pengendalian peralatan rangkaian tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana tiada perjawatan yang khusus untuk menguruskan GIRN di MKN dan ia menyebabkan proses pemindahan teknologi tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Hanya seorang pegawai sahaja yang menguruskan projek secara tidak sepenuh masa kerana ada tugas dan projek lain untuk dilaksanakan. Oleh itu, semua tugas pengendalian dilakukan oleh SRSB dengan dipantau oleh MKN. Program latihan sepenuhnya hanya akan dapat dilaksanakan sekiranya perjawatan untuk GIRN diluluskan dan diisi.

3.5.8. Kajian Semula Perjawatan

Bagi memastikan objektif pelaksanaan GIRN dapat dicapai, keperluan perjawatan yang mencukupi amatlah penting. Bahagian Pembangunan Dan Khidmat Teknikal, MKN telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi penyelaras operasi GIRN. Berdasarkan waran perjawatan sedia ada, Bahagian Pembangunan Dan Khidmat Teknikal, MKN mempunyai 24 perjawatan. Bagaimanapun, hanya seorang pegawai ditugaskan untuk memantau pelaksanaan operasi GIRN dengan dibantu oleh seorang pegawai dari SRSB. Majlis Keselamatan Negara telah memohon pertambahan 39 perjawatan dengan mewujudkan seksyen baru iaitu Seksyen Teknikal GIRN dan Seksyen ICT GIRN di bawah Bahagian Pembangunan dan Khidmat Teknikal namun ianya masih belum mendapat kelulusan. MKN telah membuat rayuan pada tahun 2009 dan 2011 kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan kelulusan perjawatan secara keseluruhan di MKN termasuklah perjawatan bagi operasi GIRN. Perkara ini masih dalam perbincangan berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada MKN.

Pada pendapat Audit, memandangkan projek GIRN diberi status projek strategik yang diluluskan, pengisian perjawatan perlulah diberi keutamaan yang sewajarnya bagi memastikan objektif projek tercapai. Selain itu, ia juga sebagai persediaan Kerajaan untuk melatih pegawai bagi mengambil alih operasi GIRN apabila tempoh konsesi tamat pada tahun 2027. Langkah susulan bagi mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan berkaitan penyusunan semula MKN amat diperlukan dan dilaksanakan dengan segera.

Maklum Balas MKN Yang Diterima Pada 5 Ogos 2013

Surat permohonan [No.Rujukan MKN.9.500-1/5(91)] bertarikh 23 Julai 2013 untuk pewujudan Seksyen Pengurusan GIRN dan perjawatan untuk menguruskan operasi GIRN telah dihantar kepada Ketua Setiausaha Negara pada 23 Julai 2013.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya MKN mengambil tindakan/menjalankan pemantauan mengenai perkara berikut:

3.6.1. memaklumkan kepada agensi yang terlibat mengenai tatacara pengendalian terminal GIRN yang rosak dan yang memerlukan pembaikan;

3.6.2. memantau penggunaan GIRN oleh agensi-agensi bagi memastikan peralatan yang dibekalkan digunakan secara optima. Ianya selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu rangkaian yang berkongsi prasarana antara agensi yang terlibat dan dapat menghapuskan pertindihan dan pembaziran kos dengan pencapaian skala ekonomi (economies of scale) dalam perolehan;

3.6.3. berhubung terus dengan pihak Kementerian Kewangan bagi mendapatkan pandangan bagi membolehkan tindakan pelupusan diambil berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007;

3.6.4. MKN perlu memastikan setiap generator termasuk generator sokongan (back up generator) dapat berfungsi dengan baik bagi memastikan tiada gangguan terhadap operasi rangkaian GIRN;

3.6.5. pemantauan dilakukan bagi memastikan pondok pengawal disediakan di tapak pemancar GIRN yang mempunyai pengawal keselamatan;

3.6.6. memantau kerja-kerja penyenggaraan/pembersihan di tapak generator bagi memastikan ianya dilakukan dengan baik/semurna. Perkara ini bertujuan untuk mengelakkan daripada sebarang kemalangan/kejadian yang tidak diingini berlaku di tapak pemancar GIRN;

3.6.7. memastikan pemeriksaan semula alat pemadam api dijalankan mengikut jadual;

3.6.8. memastikan aset dilabel dengan 'Hak Milik Kerajaan Malaysia' dan diberikan nombor siri pendaftaran. Label juga perlulah jelas dan mudah dibaca;

3.6.9. tindakan diambil bagi memastikan hasil sewaan menara pemancar diakaunkan kepada hasil Kerajaan seperti sepatutnya;

3.6.10. memastikan SRSB mengemukakan perancangan untuk menentukan program pemindahan teknologi berlaku sepanjang tempoh konsesi. Aktiviti yang berkaitan dengan pemindahan teknologi termasuk latihan yang berterusan hendaklah dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Kemajuan Projek; dan

3.6.11. membincangkan dengan Kementerian Kewangan mengenai perjawatan yang sesuai dan mencukupi bagi memantau projek GIRN memandangkan projek ini berstatus projek strategik Kerajaan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 97-106
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

JABATAN PERDANA MENTERI

4. BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH PENGURUSAN PENYENGGARAAN BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN : - BANGUNAN SULTAN ISKANDAR, JOHOR BAHRU DAN MENARA USAHAWAN, PUTRAJAYA

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertanggungjawab mengawal dan mentadbir 6 daripada 45 Bangunan Gunasama (BGS) Persekutuan. Sebagai pengurus atau pemilik bangunan, BPH akan menyalurkan peruntukan penyenggaraan kepada JKR yang merupakan sebagai agensi pelaksana. Maklumat BGS adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.1
BANGUNAN GUNASAMA (BGS) LAIN DI BAWAH SELIAAN BPH**

NAMA BGS LAIN	NEGERI / WILAYAH	KONTRAKTOR PENYENGGARAAN
Terminal Bersepadu Selatan (TBS)	Kuala Lumpur	Maju TMAS Sdn. Bhd.
Terminal Bersepadu Timur (TBT)	Kuala Lumpur	Terminal Bersepadu Gombak Sdn. Bhd.
Menara Integriti	Kuala Lumpur	Diuruskan oleh Institut Integriti Malaysia
Menara Usahawan	Putrajaya	HBS Engineering Sdn. Bhd. & Jangka Prestasi Sdn. Bhd. (2007 - 2012)
		JRM Services Sdn. Bhd. (2012 - 2016)
Bangunan Sultan Iskandar (BSI)	Johor	AMPM Sdn. Bhd.
JB Sentral	Johor	AMPM Sdn. Bhd.

Sumber : Jabatan Kerja Raya

Objektif utama BPH dalam menguruskan bangunan-bangunan Kerajaan adalah memastikan ruang pejabat, kompleks pejabat Kerajaan dan kafeteria di bawah seliaannya boleh mencapai taraf dunia dengan mewujudkan suasana persekitaran kerja yang selamat, selesa dan memenuhi keperluan semasa. Seksyen Pengurusan Ruang Pejabat, BPH bertanggungjawab bagi memastikan fungsi tersebut dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

4.1.2. Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana bertanggungjawab membuat pelantikan kontraktor, memantau serta menguruskan kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik. Dua daripada 6 BGS yang dipertanggungjawabkan oleh BPH kepada JKR bagi tujuan di atas adalah Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan Menara Usahawan (MU) di Putrajaya.

4.1.3. Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru berkeluasan 2.87 juta kaki persegi dibina dengan kos RM987.47 juta dan telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Disember 2008. Hak milik bangunan ini telah diserahkan kepada BPH pada

8 Januari 2009. Bangunan ini bersaiz mega, nasional dan bertaraf dunia yang diklasifikasikan sebagai kawasan Sasaran Penting Kategori Satu, Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298). Ia menjadi pintu masuk utama Negara dari selatan tanah air. Bangunan ini menempatkan sebanyak 22 agensi Kerajaan, beroperasi 24 jam setiap hari dan berupaya menampung kapasiti sehingga 100.62 juta orang pengguna setahun. JKR telah melantik Advanced Maintenance Precision Management Sdn. Bhd. (AMPM) sebagai kontraktor penyenggaraan secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Kontrak bernilai RM484.50 juta telah ditandatangani pada 29 September 2008 bagi tempoh 5 tahun dari 1 Jun 2007 hingga 31 Mei 2012. Dua pelanjutan perkhidmatan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi tempoh setahun iaitu 1 Jun hingga 30 November 2012 (6 bulan) dan 1 Disember 2012 hingga 31 Mei 2013 (6 bulan) yang masing-masingnya bernilai RM51.60 juta dan RM48 juta.

4.1.4. Menara Usahawan (MU) atau Lot 2G6 di Putrajaya, berkeluasan lantai 49 ribu meter persegi telah dibina dengan kos RM373.48 juta dan disiapkan sepenuhnya pada 29 Oktober 2005. MU merupakan bangunan pejabat asal bagi Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MeCD). Pada tahun 2009, Kabinet telah memutuskan untuk membubarkan MeCD dan hak milik bangunan ini telah diserahkan kepada BPH pada bulan April 2009. Bangunan MU menempatkan ruang pejabat bagi 5 Kementerian/Jabatan/Agensi. JKR telah melantik HBS Engineering Sdn. Bhd. (HBSESB) dan Jangka Prestasi Sdn. Bhd. (JPSB) secara tender terbuka sebagai kontraktor penyenggaraan. Kontrak Pengurusan Penyenggaraan dan Operasi bagi tahun 2007 hingga 2010 bernilai RM8.88 juta. Kontrak ini adalah bagi Lot 2G6 (MU - BPH) dan juga Lot 2G5 (Jabatan Pendaftaran Negara). Kedua-dua kontraktor HBSESB dan JPSB telah diluluskan pelanjutan perkhidmatan bagi tempoh 18 bulan, iaitu dari 1 Oktober 2010 hingga 30 April 2012 yang bernilai RM4.37 juta. Bagi tempoh bulan Mei 2012 hingga April 2016, JRM Services Sdn. Bhd. (JRM) telah dilantik sebagai kontraktor penyenggaraan bagi kedua-dua lot dengan kaedah tender terbuka. Kontrak yang bernilai RM34.08 juta ini telah ditandatangani pada 12 Julai 2012.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGS) telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan bagi 2 BGS iaitu Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan Menara Usahawan (MU), Putrajaya. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat BPH, JKR Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan (CSFB), Kuala Lumpur bagi BSI dan JKR Wilayah Persekutuan, Putrajaya bagi MU, Pejabat Advanced Maintenance Precision Management Sdn. Bhd. (AMPM) dan JRM Services Sdn. Bhd.

Kualiti kerja penyenggaraan dinilai hanya dalam tempoh lawatan Audit iaitu pada 15 hingga 16 Januari 2013 di BSI dan pada 21 Januari 2013 di MU serta berdasarkan laporan bulanan yang disediakan oleh pihak kontraktor.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen kontrak yang berkaitan bagi tahun 2010 hingga 2012. Lawatan fizikal bersama pihak JKR dan kontraktor telah dijalankan selain menemu bual pegawai yang terlibat serta edaran borang soal selidik kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pengguna.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara keseluruhan pengurusan penyenggaraan bagi 2 Bangunan Gunasama Persekutuan (BGS), iaitu Bangunan Sultan Iskandar dan Menara Usahawan adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, antara perkara yang masih memerlukan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. prestasi penyenggaraan fizikal kurang memuaskan;
- ii. reka bentuk pembinaan kurang sesuai yang menyukarkan kerja penyenggaraan;
- iii. pengisian jawatan tidak dilaksanakan oleh kontraktor mengikut kontrak;
- iv. penalti lanjutan terhadap kelewatan tidak dikenakan;
- v. kesahihan maklumat dalam daftar Arahan Kerja (Work Order) dan *Summary Work Order* diragui kerana terdapat perbezaan maklumat di antara kedua dokumen tersebut. Perbezaan maklumat yang ketara adalah jenis kerja iaitu antara *complaint* dan *self finding*, tarikh, lokasi kerosakan dan jenis masalah/kerosakan;
- vi. mesyuarat penyenggaraan bulanan tidak diadakan pada setiap bulan; dan
- vii. penyimpanan dokumen penyenggaraan tidak lengkap dan kemas kini.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri adalah seperti berikut:

4.5.1. Prestasi Kewangan Penyenggaraan

BPH telah memperuntukkan sejumlah RM535.26 juta bagi penyenggaraan BSI bagi tempoh bulan Jun 2007 hingga Mei 2013 manakala sejumlah RM4.29 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan penyenggaraan bangunan MU bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012.

4.5.1.1. Perbelanjaan Penyenggaraan BSI

Sejumlah RM535.26 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan penyenggaraan BSI bagi tempoh 1 Jun 2007 hingga 31 Mei 2013 dan sejumlah RM517.68 juta (96.72%) telah dibelanjakan seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.2
PRESTASI PERBELANJAAN PENYENGGARAAN BSI
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2013

TAHUN	PERUNTUKAN KEWANGAN	PERBELANJAAN	PRESTASI PERBELANJAAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2007	42.45	42.45	100.00
2008	65.70	63.91	97.30
2009	83.70	83.38	99.60
2010	97.66	96.81	99.13
2011	110.69	104.65	94.54
Jan. - Mei 2012	41.41	41.41	100.00
Jun - Nov. 2012	45.65	45.65	100.00
Dis. 2012	48.00	7.66	15.96
Jan. - Mei 2013		31.76	66.17
JUMLAH	535.26	517.68	96.72

Sumber : Jabatan Kerja Raya

Kos penyenggaraan bagi tempoh 1 Jun 2007 hingga 31 Mei 2013 iaitu 6 tahun termasuk pelanjutan perkhidmatan adalah berjumlah RM517.68 juta (52.43%) daripada kos pembinaan Kompleks BSI yang berjumlah RM987.41 juta.

4.5.1.2. Perbelanjaan Penyenggaraan MU

Sejumlah RM4.29 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan penyenggaraan MU bagi tahun 2010 hingga 2012. Daripada peruntukan tersebut sejumlah RM4.03 juta (93.76%) telah dibelanjakan seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.3
PRESTASI PERBELANJAAN PENYENGGARAAN MU
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	PERUNTUKAN KEWANGAN	PERBELANJAAN	PRESTASI PERBELANJAAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2010	1.21	1.18	96.94
2011	1.48	1.36	91.80
2012	1.60	1.49	93.20
JUMLAH	4.29	4.03	93.76

Sumber : Jabatan Kerja Raya

Nota : () - 2010 Hingga April 2012 (HBSSEB & JPSB), Mei 2012 Hingga April 2016 (JRM)*

4.5.2. Prestasi Penyenggaraan Fizikal BGS

Penyenggaraan fasiliti secara komprehensif di kedua-dua BGS hendaklah dilaksanakan mengikut pelan penyenggaraan yang telah ditetapkan dalam kontrak yang melibatkan kerja-kerja mekanikal, elektrik, sivil dan struktur, sistem pembetulan dan kerja am seperti perkemasan, pembersihan, kawalan serangga perosak dan kerja landskap. Selain itu, ia juga termasuk penyenggaraan tambahan terhadap peralatan ICT dan kawalan keselamatan di BSI.

- i. Semakan Audit terhadap pelan penyenggaraan BSI dan laporan penyenggaraan bulanan yang disediakan oleh pihak AMPM mendapati kerja telah dilaksanakan setiap bulan mengikut ketetapan kontrak dan direkodkan. AMPM menggunakan Sistem Pengurusan Penyenggaraan Berkomputer atau

Computerised Maintenance Management System (CMMS) untuk merekodkan semua aduan kerosakan dan tindakan pembaikan yang telah dilakukan.

- ii. Semakan Audit terhadap pelan penyenggaraan MU dan laporan penyenggaraan bulanan yang disediakan oleh pihak JRM mendapati kerja telah dilaksanakan setiap bulan mengikut ketetapan kontrak dan direkodkan. Semua aduan kerosakan dan aktiviti pembaikan yang dilaksanakan telah direkodkan secara manual.

4.5.2.1. Penyenggaraan Sivil Dan Struktur Di BSI

Skop kerja penyenggaraan sivil dan struktur adalah pembaikan bumbung, siling, dinding, tingkap, pintu, lantai, pengemasan cat, perparitan, struktur tiang batu dan struktur tiang besi. Berdasarkan jadual penyenggaraan dalam Kontrak Pengurusan Fasiliti, pihak AMPM dikehendaki memeriksa sebarang kerosakan, keretakan dan kebocoran yang berlaku serta dibaiki atau diganti sekiranya perlu. Hasil lawatan Audit terhadap kerja penyenggaraan sivil yang dijalankan di BSI adalah seperti berikut:

a. Lapisan *Waterproof* Telah Rosak/Terkoyak Dan Air Bertakung

Perenggan 1.3.2.3 Sivil, Struktur dan Senibina, Seksyen A (Spesifikasi Perkhidmatan), Lampiran 5 Kontrak menghendaki pemeriksaan dan pembaikan terhadap apa-apa kecacatan pada lapisan kalis air dan penggantian semua item yang rosak. Lawatan Audit ke Aras Tangki Air, Bumbung Rata mendapati lapisan kalis air atau *waterproof* telah rosak, terkoyak dan air bertakung telah menyebabkan kawasan sekitarnya berlumut dan licin seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.1



Aras Tangki Air, Bumbung Rata
- Lapisan 'Waterproof' Rosak
(16.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.2



Aras Tangki Air, Bumbung Rata
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Punca kerosakan terhadap fasiliti tersebut adalah disebabkan oleh pemasangan yang tidak sempurna. Sehubungan itu, tindakan terhadap kerja-kerja pembaikan telah dilakukan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

b. Keretakan Dinding

Perenggan 1.3 dalam Skop Perkhidmatan *Building Maintenance Management* (BMM), Seksyen A, Lampiran 5 Kontrak menghendaki operasi penyenggaraan dirancang secara khusus mengikut kaedah pemulihan dan pencegahan. Lawatan Audit ke kawasan Perhentian Bas di Zon Kempas, Aras 2 (outbound) mendapati berlaku keretakan pada dinding bangunan. Tindakan pembaikan telah diambil oleh pihak kontraktor, namun hasil kemas kerja (finishing) didapati kurang memuaskan di mana kerja-kerja lepaan simen terhadap keretakan berkenaan tidak rata, kasar dan tidak kemas seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.3



Perhentian Bas - Zon Kempas, Aras 2 (Outbound)
- Keretakan Yang Dibaiki Kurang Memuaskan
(16.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.4



Perhentian Bas - Zon Kempas, Aras 2 (Outbound)
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Punca kerosakan terhadap fasiliti tersebut adalah disebabkan oleh kerja kemas yang tidak sempurna. Sehubungan itu, tindakan terhadap kerja-kerja pembaikan telah dilakukan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

c. Kerosakan *Interlocking Paver*

Mengikut perenggan 1.3.2.3 *Road, Drainage, Earthwork and Retaining Walls*, Seksyen A, Lampiran 5 Kontrak, operasi penyenggaraan adalah untuk menyediakan persekitaran kemudahan yang selamat dan cekap terhadap semua peringkat lalu lintas melalui kaedah penyenggaraan serta-merta, rutin, berkala dan pemulihan. Lawatan Audit mendapati *Interlocking Paver* di kawasan laluan lori (outbound) telah rosak dan boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna. Pihak JKR memaklumkan bahawa kerosakan *Interlocking Paver* ini berpunca dari lori yang membawa lebih muatan melalui jalan tersebut seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.5



Laluan Lori (Outbound)
- Interlocking Paver Rosak
(16.01.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.6



Laluan Lori (Outbound)
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Punca kerosakan terhadap fasiliti tersebut adalah disebabkan oleh muatan lori yang berlebihan melalui jalan tersebut. Sehubungan itu, tindakan terhadap kerja-kerja pembaikan telah dilakukan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

d. Air Bertakung Di Ruang Dapur Kafeteria

Semakan Audit di Kafeteria Aras 2 juga mendapati air bertakung di lantai dapur dan kelihatan kotor, cat permukaan dinding dapur menggelupas dan air meleleh dari paip air di beberapa kawasan di ruangan Kafeteria Aras 2 seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.7



Kafeteria, Aras 2
- Cat Permukaan Dinding Menggelupas
(16.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.8



Kafeteria, Aras 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.9



Kafeteria, Aras 2
- Air Bertakung Di Lantai Dapur
(16.01.2013)

SELEPAS


GAMBAR 4.10



Kafeteria, Aras 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.11



Kafeteria, Aras 2
- Air Meleleh Dari Paip Air
(16.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.12




Kafeteria, Aras 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Punca kerosakan terhadap fasiliti tersebut adalah disebabkan oleh masalah 'gradient' pada lantai dapur serta kerja-kerja kemasam awal dan penyambungan paip yang tidak sempurna dan perlu dibaiki. Sehubungan itu, tindakan terhadap kerja-kerja pembaikan dan penukaran penyambungan telah dilakukan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

e. Warna Dinding Cladding Pudar

Lawatan Audit terhadap kerja-kerja penyenggaraan di kawasan luar (outbound) mendapati warna dinding *cladding* didapati telah pudar dan perlu diganti seperti di gambar berikut:



GAMBAR 4.13

Kawasan Luar (Outbound)
- Cladding Bangunan Pudar
(16.01.2013)

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal mendapati isu warna *cladding* yang pudar ini telah mula dibangkitkan dalam mesyuarat ke 21 pada 13 April 2010. Merujuk kepada Minit Mesyuarat yang ke 41 bertarikh 12 Disember 2011, pihak AMPM memaklumkan sedang membuat ukuran untuk *cladding* yang hendak diganti dan pemasangan dijangka siap pada penghujung bulan Disember 2011. Namun sehingga ke tarikh pengauditan dijalankan pada 17 Januari 2013, kecacatan ini masih belum diambil tindakan pembaikan.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Cladding asal pada dinding luaran BSI telah mencapai tempoh kitaran hayat dan kerja penukaran komponen tersebut sedang dilaksanakan mengikut jadual. Segala kerja penukaran telah dilakukan dan tindakan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

Pada pendapat Audit, pihak JKR perlu mempertingkatkan pemantauan untuk memastikan pihak Kontraktor bertindak lebih proaktif dalam mengambil tindakan yang melibatkan kerja-kerja penyenggaraan sama ada rutin, berkala atau pemulihan selain menjalankan pemeriksaan dan pembaikan terhadap apa-apa kecacatan dan penggantian kerosakan item. Pihak kontraktor juga perlu dipastikan mengambil tindakan proaktif untuk menggantikan lapisan *waterproof* yang rosak dan menggantikan dinding *cladding* yang pudar. Keutamaan perlu diberikan bagi mengekalkan imej BSI sebagai bangunan Sasaran Penting Kategori Satu.

4.5.2.2. Penyenggaraan Sivil Dan Struktur Di MU

Skop kerja-kerja penyenggaraan sivil dan struktur adalah pembaikan bumbung, siling, dinding, tingkap, pintu, lantai, pengemasan cat, perparitan, struktur tiang batu dan struktur tiang besi. Kerja-kerja penyenggaraan di MU adalah merujuk kepada Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan di dalam Kontrak. Perkara-perkara yang ditemui semasa lawatan Audit adalah seperti berikut:

a. Pengaratan Pada Gutter

Mengikut butiran 2.0 *Rainwater Goods (Inclusive of Gutter)* kepada Lampiran 4(f), pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap tahap pengendalian setiap komponen *rainwater* termasuk *hangers* dan *brackets*. Sekiranya berlaku kerosakan/kecacatan, tindakan pembaikan atau penggantian hendaklah dilaksanakan dengan segera. Kerja-kerja penyenggaraan ini perlu dilakukan sekali dalam tempoh 3 bulan. Lawatan Audit ke aras bumbung mendapati *gutter* jenis *galvanised iron* telah berkarat seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.14



GAMBAR 4.15



Aras Bumbung
- Gutter Jenis 'Galvanised Iron' Berkarat
(21.01.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Pengajaran berpunca dari lelehan air dari kebocoran pada gutter tersebut dan terdedah kepada cuaca. Pihak JRM Services telah membuat pembaikan dengan membersihkan kawasan yang berkarat, menampal bitumen di kawasan yang berlubang dan menampal lapisan kedua dengan menggunakan sealant jenis 'sikaflex' untuk memperkukuhkan lagi sokongan dan lapisan kalis air pada 7 September 2013. Pihak JRM Services akan mengecat dengan menggunakan cat antikorosi di kawasan pembaikan tersebut setelah pemantauan dilakukan selama sebulan dari tempoh pembaikan bagi memastikan tiada kebocoran berlaku.

b. Lumut Pada Gutter Dan Tiang

Lampiran 4(f) juga menyatakan pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap gutter konkrit untuk mengesan sebarang kecacatan, kegagalan mekanisme, retakan, arus lapisan lepaan dan mengambil tindakan pembaikan sekiranya perlu. Kerja-kerja ini hendaklah dijalankan sekali dalam setahun. Lawatan Audit ke aras bumbung mendapati kemas pada tiang dan gutter konkrit di bumbung rata, Aras 6 juga berlumut seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.16



SEBELUM

GAMBAR 4.17



Aras Bumbung
- Kemas Pada Tiang Dan Gutter Berlumut
(21.01.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.18



Bumbung Rata, Aras 6
- Gutter Konkrit Berlumut
(21.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.19



Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Punca kerosakan pada tiang dan gutter adalah disebabkan oleh pendedahan pada cuaca dan kadar kelembapan yang tinggi. Gutter konkrit telah dibersihkan daripada lumut pada 17 Ogos 2013 (No. WO:JRM/WO-08/13/0147 dan JRM/WO-08/13/0166). Selain itu, kerja kemas tiang yang berlumut dibersihkan dalam skop 'external cleaning' yang dijadualkan setiap 3 bulan.

c. Air Bertakung Dan Meresap Pada Bumbung

Mengikut butiran 4.1 *Bricks Wall (Including Tiled Wall)* kepada Lampiran 4(f), pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap segala kemas dinding yang rosak. Pemeriksaan ini hendaklah meliputi komponen-komponen seperti kertas hiasan dinding, jubin dinding, hasil kemas batu, kayu dan sebagainya. Kerja-kerja penyenggaraan ini hendaklah dilaksanakan secara bulanan dan ia hendaklah dibaiki dan diganti sekiranya perlu. Lawatan Audit ke Aras Bumbung mendapati kesan resapan air pada dinding menyebabkan air meleleh dan bertakung di lantai seperti di gambar berikut:


SEBELUM

GAMBAR 4.20



SEBELUM

GAMBAR 4.21



Aras Bumbung
- Kesan Resapan Air Pada Dinding Menyebabkan Air Meleleh Dan Bertakung Di Lantai
(21.01.2013)



SELEPAS

GAMBAR 4.22

*Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)*

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Lelehan air pada dinding berpunca dari kebocoran pada gutter jenis galvanised menyebabkan air bertakung pada lantai bumbung. Selain itu, terdapat masalah gradient pada lantai bumbung. Kebocoran pada gutter jenis galvanised telah dibaiki pada 7 September 2013 dan air yang bertakung pada lantai telah dikeringkan dan kawasan tersebut juga telah dibersihkan pada 17 Ogos 2013 (No W/O: JRM/WO-08/13/0165) serta didapati kerja-kerja mengecat kembali dinding juga telah dilakukan pada 28 Ogos 2013.

Seterusnya, lawatan Audit ke parkir, *Basement 2* pula mendapati air bertakung di lantai dan dinding berlumut selain pemasangan saluran paip air pada *scupper drain* kurang sempurna menyebabkan air melimpah keluar, kotor dan berlumut seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.23



*Parkir, Basement 2
- Air Bertakung Di Lantai Dan Dinding Berlumut
(21.01.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.24



*Parkir, Basement 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 4.25



*Basement 2
- Pemasangan Saluran Paip Air Pada Scupper Drain
Kurang Sempurna Menyebabkan Air Melimpah
Keluar, Kotor Dan Berlumut (21.01.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.26



*Basement 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)*

**Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
Pada 13 September 2013**

Pemasangan saluran paip air ke scupper drain adalah mengikut rekabentuk asal bangunan. Terdapat juga masalah gradient pada lantai dan scupper drain dan kadar kelembapan yang tinggi pada parkir Basement 2 telah menyebabkan dinding berlumut. Longkang dan kawasan berlumut telah dibersihkan pada 16 Ogos 2013 menggunakan kaedah waterjet (No W/O: JRM/WO-08/13/0145 dan JRM/WO-08/13/0146). Selain itu, kerja-kerja mengecat kembali dinding kawasan yang berlumut juga telah dilakukan pada 28 Ogos 2013.

d. Retakan Pada Lantai Dan Siling

Mengikut butiran 1.0 *Roofing* kepada Lampiran 4(f), pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan tahunan terhadap keadaan konkrit bumbung rata untuk mengenal pasti sebarang kecacatan, kegagalan mekanisme dan keretakan yang berlaku. Kerja-kerja penyenggaraan ini perlu dilakukan sekali dalam tempoh setahun dan sekiranya terdapat sebarang kerosakan, tindakan pembaikan/penggantian hendaklah dilaksanakan dengan segera.

Lawatan Audit ke Bumbung Rata, Aras 6 mendapati terdapat keretakan selebar 8 mm di antara *gutter* dan lantai seperti di **Gambar 4.27** dan **4.28**. Selain itu, lawatan Audit ke *Basement 2* dan *Basement 3* mendapati kesan retakan pada permukaan lantai *Basement 2* dan siling *Basement 3* seperti di **Gambar 4.29** dan **4.30**.

GAMBAR 4.27




*Bumbung Rata, Aras 6
- Retakan Di Antara Gutter Dan Lantai
(21.01.2013)*

GAMBAR 4.28




*Bumbung Rata, Aras 6
- Lebar Keretakan Adalah 8 mm
(21.01.2013)*

GAMBAR 4.29



*Basement 2 Dan Basement 3
- Kesan Retakan Pada Lantai Basement 2 Dan Siling Basement 3
(21.01.2013)*

GAMBAR 4.30



Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri pada 13 September 2013

Keretakan pada permukaan lepaan di antara gutter dan lantai pada bumbung rata berpunca dari kesan kembangan dan kecutan bahan yang terdedah pada suhu dan kelembapan yang tinggi serta kualiti bahan binaan yang rendah. Manakala kesan keretakan pada permukaan lantai Basement 2 dan siling Basement 3 berpunca dari kualiti kerja semasa pembinaan dan kerja-kerja pembaikan telah dilakukan oleh pihak pemaju.

Kerja-kerja pembaikan telah dilakukan dengan menampal/menutup semula rekahan dengan sealant 'Sikaflex' dan kerja-kerja pemantauan terhadap keretakan sentiasa dilaksanakan. Bagi penyelesaian jangka panjang, pihak JKR dan JRM sedang dalam perbincangan dan penilaian untuk melantik perunding struktur yang bertauliah untuk menilai keadaan struktur bangunan termasuk keretakan pada lantai Basement 2 dan 3 serta pada bumbung rata yang dikenal pasti oleh Audit dan skop pemeriksaan terhadap struktur bangunan oleh perunding bertauliah terdapat dalam kontrak pengurusan fasiliti JRM Services.

4.5.2.3. Penyenggaraan Elektrikal Dan Mekanikal Di BSI

Skop kerja penyenggaraan elektrikal adalah kawalan terhadap pengaliran elektrik bervoltan rendah, sederhana dan tinggi, sistem telekomunikasi, pbumian kilat, CCTV dan penyiaran. Kerja-kerja ini hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan di dalam kontrak FM BSI klausa 3.0 serta *Government General Requirement (B.S 7671:1992 16th Edition IEE Wiring Regulations; MS.IEC 60364-1996)*. Manakala skop kerja penyenggaraan mekanikal adalah pembaikan lif, penyaman udara, pengudaraan, pelawas udara, pengudaraan di tempat letak kereta, sistem *sprinkler, fire alarm* dan *fire fighting*.

a. Pengaratan Pada Bracket Dan Penutup Flow Switch

Lawatan Audit ke Bilik *Air Handling Unit (AHU)*, Aras 2 dan Bilik *Chiller Plant* mendapati kesan lelehan air pada *ducting aircond* serta berlakunya pengaratan pada *bracket* dan penutup *flow switch*. Selain itu didapati penapis udara di bilik berkenaan kotor dan berhabuk tanpa pembersihan yang rapi walaupun perkara ini telah pun ditegur oleh Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan, JKR Malaysia melalui Laporan Audit Fasiliti yang dijalankan pada 18 hingga 19 Januari 2012. Keadaannya adalah seperti gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.31



*Bilik AHU Berdekatan Tangga Kecemasan No. 22,
Aras 2
- Kesan Lelehan Air Pada Aircond Ducting
Dan Bracket Telah Berkarat
(16.01.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.32



*Bilik AHU Berdekatan Tangga Kecemasan No. 22,
Aras 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 4.33



*Chiller Plant Room
- Penutup Flow Switch Berkarat
(16.01.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.34



*Chiller Plant Room
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 4.35



*Bilik AHU Berdekatan Tangga Kecemasan No.22,
Aras 2
- Penapis Udara Kotor Dan Berhabuk
(16.01.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.36



*Bilik AHU Berdekatan Tangga Kecemasan No.22,
Aras 2
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber Gambar: BPH 26.08.2013)*

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Punca pengajaran terhadap fasiliti tersebut adalah disebabkan oleh tindak balas kondensasi. Selain itu, tempoh pembersihan berjadual terhadap penapis udara tersebut adalah sebulan sekali. Sehubungan itu, tindakan penukaran penutup, penapis dan penebatan semula serta kerja-kerja mengecat telah dilakukan. Kekerapan penukaran penapis tersebut telah dikaji semula dan dilaksanakan 2 kali sebulan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

b. Pengaratan Pada Peralatan Besi

Besi yang berkarat akan mudah terhakis dan patah serta akan menyebabkan kerosakan pada peralatan berkenaan. Lawatan Audit ke Aras Bumbung mendapati kebanyakan peralatan besi di situ mengalami pengaratan yang ketara. Keadaan fizikal semasa lawatan adalah seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.37



*Aras Bumbung
- Skru Dan Peredam Pada Tapak
(Base Support) Berkarat
(16.01.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.38



*Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 4.39



*Aras Bumbung
- Bracket Paip Penghawa Dingin Berkarat Dan Terhakis
(16.01.2013)*

SEBELUM

GAMBAR 4.40



SELEPAS

GAMBAR 4.41



*Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)*

SELEPAS

GAMBAR 4.42




Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Punca pengaratan terhadap fasiliti tersebut adalah disebabkan oleh tindak balas pendedahan terhadap cuaca. Sehubungan itu, tindakan terhadap kerja-kerja mengecat (anti-rust) telah dijalankan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

c. Sesalur Udara Bekal (Supply Duct) Kotor Serta Berhabuk

Lawatan Audit turut menemui kebanyakan sesalur udara bekal (supply duct) kotor serta berhabuk, lampu *down light* yang tertanggal dari kedudukan masing-masing dan kebanyakan *sprinkler head* berkarat seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.43



GAMBAR 4.44



Aras 2

- Kebanyakan Sesalur Udara Bekal (Supply Duct) Kotor Dan Berhabuk
(16.01.2013)

GAMBAR 4.45



Aras 7

- Sprinkler Head Berkarat
(16.01.2013)

GAMBAR 4.46



Berdekatan Bilik AHU, Aras 2
- Lampu Down Light Tertanggal
(16.01.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013 Dan 13 September 2013

Tindakan penukaran berjadual terhadap sprinkler head berkarat telah dilaksanakan. Sprinkler head yang karat juga akan dikenal pasti dan dibuat pembaikan secara berperingkat. Selain itu, punca kepada kerosakan terhadap lampu down light merujuk kepada pemegang (clip) yang longgar. Tindakan pemasangan semula telah dilakukan dengan lebih sempurna. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut apabila penyenggaraan dijalankan.

d. Penggunaan Clamp Tidak Kukuh

Mengikut Seksyen 13 JKR LS I - *Specification For Low Voltage Internal Electrical Installation*, bagi memastikan sistem pembumian dapat beroperasi dengan berkesan dalam jangka masa yang lebih lama, sambungan antara *Copper Rod* dengan *Copper Tape* pada sistem pembumian sepatutnya menggunakan kaedah *Exothermic Welding*. Lawatan Audit di persekitaran luar BSI mendapati sambungan antara *Copper Rod* dengan *Copper Tape* bagi sistem pembumian hanya menggunakan *Clamp*. Pengaratan mudah

berlaku sekiranya menggunakan *Clamp* yang tidak berkualiti dan menyebabkan ikatan mudah tertanggal. Selain itu, didapati penutup *sump* (grating) berkarat dan terhakis di kawasan *Sewerage Treatment Plant* (STP). Kecacatan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.47



GAMBAR 4.48




Persekitaran BSI

- Sambungan Antara Copper Rod Dengan Copper Tape Bagi Sistem Pembedaan Menggunakan Clamp Tidak Kukuh
(16.01.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.49



Sewerage Treatment Plant
- Penutup Sump (Grating) Yang Berkarat Dan Terhakis
(16.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.50



Sewerage Treatment Plant
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 26.08.2013)

Pada pendapat Audit, tindakan pemantauan penyenggaraan perlu dijalankan secara berkala khususnya mengenai perkara yang telah dilaporkan oleh JKR dari semasa ke semasa. Kerosakan/kecacatan sepatutnya dikenal pasti di peringkat awal supaya langkah pencegahan dan pembaikan dapat dilaksanakan. Walaupun keadaan tersebut tidak berada pada tahap yang kritikal, namun kelewatan dalam mengambil tindakan pembaikan atau penyenggaraan secara langsung akan memberikan implikasi terhadap jangka hayat sesuatu peralatan. Tindakan membersihkan terhadap sesalur udara serta penggantian lampu *down light* dan *sprinkler head* perlu dilakukan oleh pihak kontraktor bagi mengelakkan kegagalan fungsi fasiliti tersebut. Tindakan penambahbaikan juga perlu diambil terhadap sistem pembedaan bagi memastikan ianya sentiasa berfungsi.

**Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
Pada 26 Ogos 2013**

Penyambungan terhadap sistem pbumian telah dibuat mengikut reka bentuk asal seperti di dalam 'as-built drawing'. Selain itu, punca kerosakan terhadap penutup sump tersebut adalah disebabkan oleh pendedahan kepada cuaca. Sehubungan itu, tindakan terhadap kerja-kerja pembaikan telah dijalankan. Kawalan dan pemantauan ke atas sistem tersebut dibuat apabila penyenggaraan dijalankan.

4.5.2.4. Penyenggaraan Elektrikal Dan Mekanikal Di MU

Skop kerja-kerja penyenggaraan elektrikal adalah kawalan terhadap elektrik bervoltan rendah, sederhana dan tinggi, sistem telekomunikasi, pbumian kilat, CCTV dan penyiaran. Manakala skop kerja-kerja penyenggaraan mekanikal, antaranya adalah pembaikan lif, penyaman udara, pengudaraan, pelawas udara, pengudaraan di tempat letak kereta, sistem sprinkler, *fire alarm* dan *fire fighting*. Perkara-perkara yang ditemui semasa lawatan Audit adalah seperti berikut:

a. Pengaratan Pada Penyokong Besi Dan Paip Konduit

Mengikut butiran 4.2 *Final Circuit Continuity And Protection Circuit Test* kepada Lampiran 4(f), pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan serta menguji perlindungan sistem untuk konduit dan penyenggaraan hendaklah dijalankan sebulan sekali. Lawatan Audit ke Aras Bumbung, Bilik AHU Aras Bumbung, Bumbung Rata Aras 6 dan Aras 11 mendapati kebanyakan peralatan besi telah berkarat. Antara peralatan yang didapati telah berkarat adalah penyokong besi tangki air, paip konduit mudah lentur (penemuan ini juga ditemui di kebanyakan paip konduit mudah lentur yang lain), paip konduit mudah lentur pada *condenser unit* seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.51



Aras Bumbung
- Penyokong Besi Tangki Air Berkarat
(21.01.2013)

SELEPAS


GAMBAR 4.52



Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.9.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.53



Aras Bumbung
- Paip Konduit 'Mudah Lentur' Berkarat
(21.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.54



Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.55



Aras Bumbung
- Paip Konduit 'Mudah Lentur' Pada Condenser Unit Berkarat
(21.01.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.56



SELEPAS

GAMBAR 4.57

Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

Pada pendapat Audit, walaupun keadaan pengawatan tidak berada pada tahap yang kritikal, namun besi yang berkarat akan mudah terhakis dan patah serta akan menyebabkan ianya tidak dapat menampung tangki air dan kerosakan kepada konduit.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Pengawatan pada penyokong besi dan paip konduit berpunca dari pendedahan terhadap cuaca dan kelembapan tinggi. Selain itu, tindak balas kondensasi telah menyebabkan pengawatan berlaku. Penyokong besi tangki air telah dicat dengan cat anti karat, paip konduit mudah lentur yang telah berkarat telah dicat dengan cat anti karat.

b. Kebocoran Tangki Air

Mengikut butiran (iii) *domestic hot, cold domestic, mains and portable water including tanks*, perenggan 5.4(c) kepada Lampiran 4(a) Spesifikasi Teknikal, perkhidmatan mekanikal adalah termasuk sistem dan aset yang berkaitan. Lawatan Audit ke Aras Bumbung mendapati tangki air mengalami kebocoran yang menyebabkan berlakunya lelehan air dari tangki air seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.58



SEBELUM

GAMBAR 4.59



**Aras Bumbung
- Kesan Lelehan Air Pada Tangki Air
(21.01.2013)**



SELEPAS

GAMBAR 4.60

**Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)**

Pihak JKR memaklumkan bahawa tindakan pembaikan terhadap kebocoran tangki air di Aras Bumbung tersebut telah diambil oleh pihak kontraktor. Semakan Audit terhadap WO bernombor JRM/WO/12/0118 bagi kerja pembaikan tersebut mendapati ia telah ditutup atau tindakan pembaikan telah selesai dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, WO tidak ditutup selagi kerja-kerja pembaikan belum disempurnakan bagi memastikan kerosakan yang sama tidak berulang dan pemantauan terhadap kualiti kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor dipertingkatkan.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Kebocoran pada tangki air berpunca dari getah sambungan antara plat-plat tangki yang telah mengeras dan hilang keanjalan. Tangki air yang bocor telah diambil tindakan dan dibaiki dengan menggantikan penyambung dan menampal tempat yang bocor. WO bagi kerja tersebut telah ditutup pada 30 Januari 2013 (No. W/O: JRM/WO-01/13/587).

c. Kecacatan/Kerosakan Aset Dan Fasiliti

Mengikut butiran 3.3 *Switches & Switch Socket Outlet (S/S/O)* kepada Lampiran 4(f), pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan visual dan membuat penggantian jika rosak dan penyenggaraan dijalankan seminggu sekali. Lawatan Audit ke Bilik AHU 1 Aras Bumbung, Kafeteria dan Bilik Kawalan Aras Tanah dan *Basement 3* mendapati berlaku kecacatan/ kerosakan aset dan fasiliti. Kecacatan/kerosakan yang ditemui antaranya adalah paip konduit mudah lentur telah tertanggal menyebabkan kabel terdedah, soket alir keluar tertanggal, lampu amaran tidak menyala dan motor pam telah rosak seperti di gambar berikut:

SEBELUM

GAMBAR 4.61



Bilik AHU 1, Aras Bumbung
- Kabel Pada Paip Konduit 'Mudah Lentur' Terdedah
(21.01.2013)

SELEPAS


GAMBAR 4.62



Bilik AHU 1, Aras Bumbung
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.63



Kafeteria, Aras Tanah
- Soket Alir Keluar Tertanggal
(21.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.64



Kafeteria, Aras Tanah
-Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.65



Bilik Kawalan, Aras Tanah
- Lampu Amaran Tidak Menyala
(21.01.2013)

SELEPAS


GAMBAR 4.66



Bilik Kawalan, Aras Tanah
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

SEBELUM

GAMBAR 4.67



Basement 3
- Satu Motor Pam Telah Rosak
(21.01.2013)

SELEPAS

GAMBAR 4.68



Basement 3
- Tindakan Telah Diambil
(Sumber : BPH - 02.09.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Kecacatan/kerosakan yang dikenal pasti kerana kurangnya pemantauan dan pemeriksaan oleh JRM Services dalam melaksanakan Planned Preventive Maintenance (PPM) yang sepatutnya dilakukan. Semua kecacatan/kerosakan yang dikenal pasti telah dibaiki seperti menggantikan paip konduit mudah lentur telah tertanggal, menggantikan lampu amaran tidak menyala dan menggantikan motor pam telah rosak. Penalti telah dikenakan terhadap Pihak JRM di atas kecacatan/kerosakan tersebut dan pemotongan dilaksanakan dalam pembayaran bulanan.

d. Pemasangan Compressor Penghawa Dingin Di Basement 2, MU

Lawatan Audit ke *Basement 2* iaitu di mana pemasangan *compressor* penghawa dingin tidak dibuat dengan sempurna di mana paip buangan air penghawa dingin tidak disalurkan terus ke *floor trap* dan *scupper drain* yang berdekatan. Ini menyebabkan lantai sentiasa berkeadaan basah, berlumut dan licin seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.69



Basement 2
- Pengaliran Air Dari Compressor Penghawa Dingin
(21.01.2013)

GAMBAR 4.70



Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013


Pihak BPH sedang dalam tindakan mengadakan perbincangan bersama MAXIS yang merupakan operator alat komunikasi di dalam Bilik Telco

berkenaan pada 17 September 2013. Tujuan perbincangan adalah untuk mengenal pasti kaedah pemasangan saluran air buangan ke floor trap dan scupper drain berdekatan serta kos pemasangan yang perlu ditanggung oleh pihak MAXIS.


e. Laluan Untuk Penyenggaraan *Pilot Light* Dan Bumbung Rata di MU

Mengikut butiran 3.6 *Outdoor Lighting - Compound and Street Lighting, Building Floodlighting & Security Lighting* kepada Lampiran 4(f), pihak kontraktor hendaklah menjalankan pemeriksaan serta membuat penggantian komponen bagi pemasangan lampu yang rosak. Lawatan Audit ke Aras Bumbung, MU mendapati tiada laluan khas disediakan untuk kerja-kerja menyenggara *pilot light* yang terletak di atas bumbung luar bangunan. Pihak kontraktor terpaksa memasang kerangka besi setiap kali penyenggaraan dilakukan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.71



GAMBAR 4.72



Aras Bumbung

- Laluan Kerangka Besi Perlu Dipasang Untuk Menyenggara *Pilot Light*
(Sumber : JRM Services Sdn. Bhd.)

Selain itu, laluan khas juga tidak disediakan bagi kerja-kerja penyenggaraan di kawasan Bumbung Rata, Aras 6. Penyenggara perlu keluar melalui tingkap bilik pegawai untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan. Kawasan Bumbung Rata Aras 6 dan tingkap bilik pegawai yang digunakan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.73



GAMBAR 4.74



Aras 6

- Laluan Melalui Tingkap Digunakan Untuk Membuat Penyenggaraan Di Sekitar Kawasan Bumbung Rata
(21.01.2013)

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Dalam rekabentuk asal, bangunan Menara Usahawan memang tidak disediakan laluan penyenggaraan di beberapa lokasi. Pihak JRM mengambil langkah proaktif dengan memasang scaffolding untuk menyenggara lampu pilot light aras bumbung. Bagi menyenggara lampu fasad di Aras 6, pihak JRM akan menggunakan tangga yang terdapat di bilik pegawai Aras 6 dan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan. Penyelesaian jangka panjang memerlukan peruntukan tambahan untuk penambahan laluan baru ke lampu pilot light dan lampu fasad Aras 6.

4.5.3. Pengurusan Penyenggaraan BSI

4.5.3.1. Kekosongan Perjawatan Di AMPM Tidak Diisi

- a. Mengikut perenggan 20.2 Kontrak FM BSI, sekiranya terdapat sebarang kekosongan jawatan di dalam organisasi, pihak kontraktor hendaklah mengisi kekosongan tersebut dengan menggantikan kakitangan sementara yang berkecualan dengan serta-merta.
- b. Semakan Audit terhadap tuntutan bayaran Interim pihak AMPM bagi bulan Jun 2012 hingga November 2012 mendapati terdapat kekosongan jawatan di Bahagian *Building Maintenance Management* (BMM) dan *Security, Safety, Health and Environment* (SSHE) yang tidak diisi mengikut ketetapan kontrak. Kekosongan jawatan di kedua-dua bahagian tersebut adalah di antara 1.6% hingga 36.37% dan ia sangat ketara pada bulan Jun 2012 hingga November 2012 iaitu tempoh pelanjutan perkhidmatan yang pertama. Sejumlah RM2.49 juta pemotongan bayaran telah dikenakan terhadap kekosongan perjawatan yang tidak diisi di unit BMM dan sejumlah RM350,718 di unit SSHE bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.4
KEKOSONGAN JAWATAN DI BAHAGIAN BMM**

TEMPOH	KONTRAK		DIISI				KEKOSONGAN				PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
	M&O (Bil.)	C (Bil.)	M&O* (Bil.)	(%)	C* (Bil.)	(%)	M&O* (Bil.)	(%)	C* (Bil.)	(%)	
Nov.- 2012	186	270	168.15	90.40	250.12	92.64	17.85*	9.60	19.88	7.36	570,429.98
Okt.- 2012	186	270	175	94.09	225.48	83.51	11	5.91	44.52	16.49	428,646.69
Sept.- 2012	186	270	168	90.32	181.07	67.06	18	9.68	88.93	32.94	524,601.95
Ogos - 2012	186	270	170	91.40	171.81	63.63	16	8.60	98.19	36.37	499,272.09
Jul.- 2012	186	270	172	92.47	191.29	70.85	14	7.53	78.71	29.15	263,719.35
Jun - 2012	186	270	183	98.39	139.67	51.73	3	1.61	130.33	48.27	206,968.34
JUMLAH											2,493,638.40

Sumber : AMPM Sdn. Bhd.

Nota : M&O - Management & Operation;

C - Cleaners;

(*) - Man Hours

JADUAL 4.5
KEKOSONGAN JAWATAN DI BAHAGIAN SSHE (AUXILIARY POLICE)

TEMPOH	KONTRAK	DIISI		KEKOSONGAN		PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
	(Bil.)	(Bil.)	(%)	(Bil.)	(%)	
Nov. - 2012	172	149	86.63	23	13.37	30,757.59
Okt. - 2012	172	150	87.21	22	12.79	44,375.46
Sept. - 2012	172	154	89.53	18	10.47	58,697.70
Ogos - 2012	172	156	90.70	16	9.30	64,567.47
Jul. - 2012	172	159	92.44	13	7.56	70,437.24
Jun - 2012	172	163	94.77	9	5.23	81,883.29

Sumber : AMPM Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, pihak JKR perlu mengambil tindakan pemantauan terhadap pengisian kekosongan jawatan bagi memastikan perjalanan operasi penyenggaraan fasiliti di BSI tidak terjejas. Penggunaan tenaga kerja yang mencukupi dapat melancarkan perjalanan operasi penyenggaraan dan penyampaian perkhidmatan kepada Jabatan Pengguna dalam mengekalkan ruang pejabat bangunan sentiasa dalam keadaan baik, kondusif, selesa dan selamat.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 26 Ogos 2013

Kekosongan perjawatan di Bahagian BMM dan SSHE adalah disebabkan tempoh kontrak asal berakhir pada 31 Mei 2012. Lanjutan tempoh kontrak selama 6 bulan sahaja telah memberikan implikasi langsung bagi kekosongan perjawatan yang direkodkan.

- (i) Sebahagian kakitangan khususnya Juruteknik telah meletakkan jawatan disebabkan ketidakpastian kontrak yang dilanjutkan selama 6 bulan sahaja. Pembukaan Taman Tema Legoland dan beberapa projek pembangunan di Iskandar Malaysia dengan kontrak pekerjaan yang lebih panjang, pada masa yang sama telah membuka peluang untuk mendapatkan pekerjaan kepada kebanyakan kakitangan yang bertugas sebagai persediaan sekiranya kontrak semasa tidak disambung.*
- (ii) Kekosongan perjawatan di Bahagian SSHE disebabkan oleh bilangan perjawatan Polis Bantuan (PB) yang tidak dapat dipastikan bagi kontrak lanjutan. Penggantian anggota memerlukan calon mengikuti Latihan Asas Polis Bantuan di pusat-pusat latihan polis bagi melayakkan untuk menjawat jawatan PB di BSI. Sesi Pengurusan Nilai pada 1 - 5 April 2012 dan 12 - 14 April 2012 bagi perlanjutan tempoh 5 tahun telah memutuskan pengurangan Polis Bantuan dari 354 anggota kepada 322 Anggota sahaja bagi keseluruhan kompleks BSI dan JB Sentral. Pihak kontraktor telah mengekalkan keanggotaan PB mengikut jumlah yang wajar bagi memenuhi kontrak lanjutan yang dimaksudkan. Justeru*

penambahan anggota dilihat tidak perlu dan kekurangan yang terlibat telah digantikan dengan kerja lebih masa anggota yang dikekalkan bagi memenuhi kontrak 6 bulan.

Pihak kontraktor telah memaklumkan status penggajian semasa kepada JKR melalui Mesyuarat Teknikal serta laporan yang dikemukakan setiap bulan. Sebahagian kekosongan jawatan telah dipenuhi dengan kakitangan sementara, namun sebahagiannya telah digantikan dengan kerja lebih masa bagi kebanyakan kakitangan yang ada serta lain-lain remedi yang wajar bagi memastikan perjalanan operasi penyenggaraan fasiliti khususnya pencapaian KPI tidak terjejas selaras dengan peruntukan kontrak.

4.5.3.2. Penggunaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) merupakan suatu mekanisme ukuran bagi menentukan sama ada kualiti yang ditetapkan telah dicapai oleh pihak Kontraktor atau sebaliknya. Mengikut perenggan 13.1 kontrak FM BSI, Kontraktor hendaklah menyempurnakan perkhidmatan mengikut standard KPI yang ditetapkan seperti di Lampiran 5, Seksyen A kontrak tersebut. Sekiranya Nilai Sasaran (Target Value) yang ditetapkan tidak dicapai, pihak Kontraktor akan dikenakan penalti yang melibatkan pemotongan bayaran interim.

a. Penambahbaikan KPI

Nilai Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dibuat kajian semula oleh Pasukan Penyelia Kontrak Fasiliti BSI, Pejabat Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan JKR Malaysia bersama pihak AMPM dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 1/2010 pada 5 April 2010. Penambahbaikan yang terlibat sebagai contoh, bagi KPI No. 4 yang asal mengikut kontrak adalah: Bagi pengukuran prestasi masa pemulihan (turnaround time) dalam menyelesaikan aduan am terhadap sesuatu perkhidmatan, Nilai Sasaran adalah Maksimum 25% Insiden WO yang tidak ditutup daripada jumlah keseluruhan dalam tempoh 30 hari. KPI ini telah dipinda dan ditambah baik di mana Nilai Sasaran adalah 0% Insiden WO yang tidak ditutup daripada jumlah keseluruhan dalam tempoh 30 hari.

b. Corrective WO Di BSI Masih Belum Ditutup

Mengikut KPI No. 4 yang dipinda, Nilai Sasaran adalah 0% Insiden WO yang tidak ditutup daripada jumlah keseluruhan dalam tempoh 30 hari. Masa yang ditetapkan untuk menyelesaikan sesuatu aduan adalah dalam tempoh 30 hari dari tarikh terima aduan. Penalti akan dikenakan bagi WO yang belum ditutup atau yang masih belum diambil tindakan pembaikan dalam tempoh 30 hari pertama selepas aduan diterima.

Semakan Audit terhadap Laporan Ringkasan CMMS mendapati 95 *Corrective* WO yang diterima antara 5 Februari 2012 hingga 23 Oktober 2012 masih belum ditutup. Penalti hanya dikenakan sekali sahaja iaitu selepas 30 hari WO tersebut tidak ditutup. Sehingga ke tarikh akhir pengauditan pada 18 Januari 2013, *Corrective* WO tersebut masih belum diselesaikan dan berlaku kelewatan antara 87 hari hingga 348 hari. Pihak JKR memaklumkan bahawa ada di antara kerja-kerja pembaikan untuk WO tersebut memerlukan kos yang tinggi dan sukar untuk dijalankan atas sebab kesesakan lalu lintas dan aliran trafik kenderaan yang tidak putus.

Pada pendapat Audit, faktor kos yang tinggi atau kesesakan lalu lintas tidak dapat digunakan sebagai penyebab kepada penangguhan kerja-kerja penyenggaraan yang ditetapkan dalam kontrak oleh pihak Kontraktor. Selain itu, penalti tambahan sepatutnya dikenakan terhadap WO yang belum diselesaikan dan bukan hanya dikenakan sekali apabila tempohnya melebihi 30 hari.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Sejumlah 94 Corrective WO di BSI telah pun diselesaikan dan ditutup. Pihak kontraktor telah melaksanakan keseluruhan WO yang direkodkan kecuali item 89 - Pipeline Hydrant Underground Leaking HYD/030 (WO No. CIQ12012591). Pihak JKR juga bersetuju bahawa penalti dikenakan hanya sekali selepas 30 hari kerja tidak disiapkan. Adalah dicadangkan supaya perkara ini disemak semula bagi menjaga kepentingan Kerajaan untuk kontrak akan datang. Bagi kerja-kerja yang tertangguh melebihi tempoh ditetapkan, penalti akan dikenakan sehingga kerja ditutup.

c. Nilai Ketidakpatuhan Kontraktor

Butiran 4 dan 5 dalam Lampiran 5 Kontrak FM BSI telah menetapkan bahawa setiap kerja penyenggaraan akan dipantau secara berkala berdasarkan KPI. Ini bertujuan untuk mengukur dan mengenal pasti sebarang kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan akan dikenakan penalti.

Semakan Audit mendapati bagi tempoh kontrak antara 1 Jun 2007 hingga 31 Mei 2013, penalti bagi kerja-kerja yang tidak mencapai sasaran KPI dan pemotongan bayaran bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan oleh Kontraktor adalah kecil. Hanya sejumlah RM1.10 juta (0.21%) penalti dan pemotongan bayaran yang dikenakan terhadap kontraktor berbanding jumlah pembayaran keseluruhan iaitu sejumlah RM517.68 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.6
NILAI KETIDAKPATUHAN KONTRAKTOR**

JENIS/BUTIRAN KERJA	JUMLAH (RM)
Penalti*	22,048
Plan Preventive Maintenance Distribution Board (PPM DB)**	66,000
Plan Preventive Maintenance Fan Coil Unit (PPM FCU)**	124,620
Plan Preventive Maintenance semasa Chiller rosak**	290,727
Chiller Pump berfungsi 2 nos yang sepatutnya 3 nos**	180,560
Relay Calibration tidak dibuat**	5,251
Bilangan Anggota Polis Bantuan*	410,506
Lain-lain perkara tidak dipatuhi*	843
JUMLAH KESELURUHAN	1,100,555
JUMLAH PEMBAYARAN PENYENGGARAAN KESELURUHAN***	517,674,390
PERATUSAN (%)	0.21

Sumber : Jabatan Kerja Raya

Nota : (*) - Tempoh Kontrak 01.06.2007 - 30.11.2012

(**) - Tempoh EOS Pertama (01.06.2012 - 30.11.2012)

(***) - Tempoh Jun 2007 Hingga April 2013

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya berdasarkan rekod, kontraktor telah mencapai Nilai Sasaran yang ditetapkan. Hanya sejumlah kecil penalti serta nilai ketidakpatuhan pihak kontraktor dalam melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan tersebut.

4.5.4. Pengurusan Penyenggaraan MU

4.5.4.1. Kekosongan Perjawatan Di JRM

Perenggan 15.2 Kontrak FM telah menetapkan bahawa sekiranya terdapat sebarang kekosongan jawatan dalam syarikat, pihak kontraktor hendaklah menggantikan dengan kakitangan sementara yang berkelayakan dengan serta-merta. Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan JRM bagi bulan Mei hingga Disember 2012 mendapati kekosongan jawatan tidak diisi mengikut ketetapan kontrak di antara 4.55% hingga 27.27%. JKR bagaimanapun telah melakukan pemotongan bayaran sejumlah RM164,600 bagi tempoh bulan Mei hingga Disember 2012 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.7
KEKOSONGAN JAWATAN KAKITANGAN DI JRM**

INTERIM/ BULAN	KONTRAK		DIISI				KEKOSONGAN				PEMOTONGAN BAYARAN (RM)
	P/M (BIL.)	O (BIL.)	P/M (BIL.)	(%)	O (BIL.)	(%)	P/M (BIL.)	(%)	O (BIL.)	(%)	
1 / Mei 2012	15	33	14	93.33	24	72.73	1	6.67	9	27.27	31,700
2 / Jun 2012	15	33	13	86.67	29	87.88	2	13.33	4	12.12	23,200
3 / Julai 2012	15	33	14	93.33	28	84.85	1	6.67	5	15.15	19,200
4 / Ogos 2012	22	33	21	95.45	29	87.88	1	4.55	4	12.12	16,500
5 / Sept. 2012	22	33	21	95.45	27	81.82	1	4.55	6	18.18	19,300
6 / Okt. 2012	22	33	20	90.91	28	84.85	2	9.09	5	15.15	20,450

INTERIM/ BULAN	KONTRAK		DIISI				KEKOSONGAN				PEMOTONGAN BAYARAN
	P/M (BIL.)	O (BIL.)	P/M (BIL.)	(%)	O (BIL.)	(%)	P/M (BIL.)	(%)	O (BIL.)	(%)	(RM)
7 / Nov. 2012	22	33	20	90.91	27	81.82	2	9.09	6	18.18	23,500
8 / Dis. 2012	22	33	20	90.91	28	84.85	2	9.09	5	15.15	10,750
JUMLAH											164,600

Sumber : JRM Services Sdn. Bhd. Dan Jabatan Kerja Raya

Nota : (*) - P/M : Personnel/Management; O - Operation

Pada pendapat Audit, walaupun pemotongan bayaran telah dibuat, namun pihak JKR perlu mengambil tindakan pemantauan terhadap pengisian kekosongan jawatan bagi memastikan perjalanan operasi penyenggaraan fasiliti di Menara Usahawan tidak terjejas. Penggunaan tenaga kerja yang mencukupi dapat melancarkan perjalanan operasi penyenggaraan dan penyampaian perkhidmatan kepada Jabatan Pengguna dalam mengekalkan ruang pejabat bangunan sentiasa dalam keadaan baik, kondusif, selesa dan selamat.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Kekosongan kakitangan yang dikenal pasti oleh pihak Audit ekoran daripada peletakan jawatan kakitangan penyenggaraan dan kontraktor gagal mencari pengganti yang layak mengikut syarat-syarat kontrak dalam kontrak FM. Terdapat juga beberapa kekosongan jawatan seperti pengurus tenaga yang tidak diisi kerana calon-calon yang dikemukakan oleh kontraktor tidak memenuhi kelayakan yang disyaratkan dalam kontrak FM. Pihak JKR amat mengambil berat terhadap kelayakan dan kompetensi calon-calon kakitangan yang dikemukakan agar perkhidmatan FM dapat dilaksanakan dengan sempurna.

4.5.4.2. Pengurusan Aktiviti Penyenggaraan

Perenggan 4.14.1(a) dan (e) Lampiran 4 - Spesifikasi Teknikal menghendaki kontraktor membangunkan *Operation and Maintenance Management System* dan menggunakan sistem tersebut untuk merekod pemeriksaan berkala bagi setiap item aset dan sub item aset dan merekod kerosakan/kecacatan bagi memenuhi standard prestasi dan/atau indikator yang ditetapkan. Sistem tersebut perlu menentukan tindak balas penyenggaraan yang sesuai bagi memperbaiki kerosakan/kecacatan yang berlaku. Semakan Audit mendapati pengurusan penyenggaraan oleh pihak JRM masih dilaksanakan secara manual. Borang WO digunakan untuk merekodkan sebarang aktiviti penyenggaraan untuk kes aduan (corrective) atau proaktif (self finding). Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak

JKR dan JRM sedang dalam proses membangunkan Sistem Pengurusan Kemudahan dan Infrastruktur Menyeluruh atau *Total Infrastructure Facilities Management System* (TIFM). Perkara-perkara yang berbangkit berkaitan dengan WO adalah seperti berikut:

a. Perbezaan Catatan Maklumat Di WO Dan SWO

Mengikut pihak JRM, setiap aduan kerosakan yang diterima akan dicatatkan dalam Daftar Aduan dan borang WO disediakan. Berdasarkan bilangan WO yang dikeluarkan, satu senarai ringkasan iaitu *Summary Work Order* (SWO) akan disediakan setiap hujung bulan untuk tujuan penyediaan Laporan Bulanan yang akan dikemukakan kepada pihak JKR. Semakan Audit terhadap 48 sampel WO dan SWO mendapati perbezaan maklumat di antara kedua dokumen tersebut. Perbezaan maklumat yang ketara adalah jenis kerja iaitu antara *complaint* dan *self finding*, tarikh, lokasi kerosakan dan jenis masalah/kerosakan. Pihak Audit mendapati sebanyak 21 daripada 48 sampel WO *Complaint* telah direkodkan sebagai *Self Finding* dalam senarai ringkasan WO. Pihak kontraktor memaklumkan perbezaan tersebut berlaku kerana kesilapan mencatat. Butiran mengenai perbezaan maklumat tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.8
PERBEZAAN CATATAN MAKLUMAT DI WO DAN SWO DI JRM**

TARIKH DI		NO. RUJUKAN WO	KATEGORI	JENIS KERJA DI		ZON DI		BUTIRAN MASALAH DI	
WO	SWO			WO	SWO	WO	SWO	WO	SWO
27.06.2012	27.06.2012	JUN168	Sivil	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	TM	JPN	Door Closer Rosak	Tandas Tersumbat
27.06.2012	27.06.2012	JUN167	Sivil	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	JPN	Kepala Paip	WC Tersumbat
22.06.2012	20.06.2012	JUN134	Sivil	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	JPN	Sinki Tersumbat	Handle Pintu Longgar
14.06.2012	14.06.2012	JUN91	Sivil	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	TM	MU	Marble Jatuh	Handle Pintu Longgar
06.06.2012	07.06.2012	JUN31	Sivil	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	JPN	Tiada Handle Holderbit	Toilet Seat Cover Tiada
07.06.2012	06.06.2012	JUN21	Elektrikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	JPN	Internet Problem	Lampu Tidak Menyala
18.09.2012	18.09.2012	SEP28	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Wayar Fire Switch Tercabut	Wayar Fire Switch Tercabut
18.09.2012	18.09.2012	SEP27	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Bilik Kotor	Bilik Kotor
19.09.2012	19.09.2012	SEP26	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Lift Rosak	Lift Rosak
18.09.2012	18.09.2012	SEP25	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Bilik Tiada Kunci	Bilik Tiada Kunci
18.09.2012	18.09.2012	SEP24	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Exhaust Fan Kotor	Exhaust Fan Kotor
18.09.2012	18.09.2012	SEP23	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Exhaust Fan Kotor	Exhaust Fan Kotor
18.09.2012	18.09.2012	SEP22	Mekanikal	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Aircond Drill Rosak	Aircond Drill Rosak
18.09.2012	18.09.2012	SEP019	Environment	<i>Complaint</i>	<i>Self Finding</i>	MU	MU	Bilik Kotor	Bilik Kotor

TARIKH DI		NO. RUJUKAN WO	KATEGORI	JENIS KERJA DI		ZON DI		BUTIRAN MASALAH DI	
WO	SWO			WO	SWO	WO	SWO	WO	SWO
18.09.2012	18.09.2012	SEP020	Environment	Complaint	Self Finding	MU	MU	Bilik Kotor Dan Tidak Berkunci	Bilik Kotor Dan Tidak Berkunci
18.09.2012	18.09.2012	SEP021	Environment	Complaint	Self Finding	MU	MU	Bilik Kotor Dan Tidak Berkunci	Bilik Sesalur Komunikasi Kotor
18.09.2012	18.09.2012	SEP022	Environment	Complaint	Self Finding	MU	MU	Bilik Kotor Dan Tiada Trunking	Bilik Sesalur Elektrik Kotor
18.09.2012	18.09.2012	SEP023	Environment	Complaint	Self Finding	MU	MU	Bilik Kotor Dan Tidak Berkunci	Bilik Kotor Dan Tidak Berkunci
04.09.2012	04.09.2012	SEP52	Sivil	Complaint	Self Finding	MU	MU	End Cab Tercabut	End Cab Tercabut
21.11.2012	30.10.2012	NOV019	Sivil	Complaint	Self Finding	MU	MU	Basic tool	WC Sensor Tidak Berfungsi
16.11.2012	23.10.2012	NOV011	Elektrikal	Complaint	Self Finding	MU	MU	Tiada Kerangka Lampu	Fluorescent - Lampu Rosak

Sumber : JRM Services Sdn. Bhd.

Nota : TM - Tiada Maklumat

Pada pendapat Audit, kesilapan merekod jenis kerja dari aduan kepada proaktif (self finding) tidak sepatutnya berlaku kerana ini melibatkan ketepatan maklumat yang dilaporkan dalam Laporan Bulanan. Selain itu sekiranya berlaku ketidakpatuhan piawaian ini akan melibatkan pemotongan bayaran.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Ini terdapat kesilapan dan kecuaiian pihak JRM dalam mendaftarkan maklumat yang diperlukan. Kesilapan dan kecuaiian menunjukkan pengurusan aduan yang dilaksanakan oleh pihak JRM tidak berkesan. Masalah ini selesai apabila sistem pengurusan aduan (TIFM/CMMS) digunakan sepenuhnya. Sistem ini akan diaktifkan oleh JKR dalam masa sebulan.

b. WO Aduan Tidak Dicatat Tarikh, Masa Dan Nama Penerima Aduan

KPI ke-6 di Lampiran 5 Kontrak FM, menetapkan kriteria yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dalam mengendalikan serta mengambil tindakan terhadap penerimaan sesuatu aduan seperti di **Jadual 4.9**. Semakan Audit terhadap WO bagi bulan Ogos 2012 hingga Disember 2012 mendapati 50 WO Aduan tidak dicatatkan dengan lengkap, butiran aduan yang diterima tiada tarikh, masa dan nama penerima aduan seperti di **Lampiran 2**. Semakan Audit ke atas Daftar Aduan juga mendapati WO Aduan tersebut tiada direkodkan. Tanpa maklumat yang lengkap, adalah sukar mengesahkan sama ada piawaian yang ditetapkan telah dipatuhi.

JADUAL 4.9

NO. KPI	PERIHAL	PENGUKURAN PRESTASI	NILAI SASARAN
6	Keberkesanan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Mengenai Permintaan Dan Aduan	Masa Maklum Balas	Kecemasan - Maklum balas disusul serta merta dalam masa 15 minit Penting - Maklum balas disusul dalam tempoh 15 minit hingga 1 jam Biasa - Maklum balas disusul dalam tempoh 30 minit hingga 24 jam

Sumber : Jabatan Kerja Raya

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan dalam pengurusan aduan. Ketepatan maklumat aduan adalah penting bagi tujuan pengukuran tempoh masa maklum balas diambil dalam menentukan Nilai Sasaran yang ditetapkan dipatuhi. Adalah disyorkan supaya *Verifier* yang mewakili Kerajaan lebih teliti dalam membuat pengesahan terhadap pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan oleh kerana ketidakpatuhan kontraktor terhadap piawaian akan melibatkan pemotongan bayaran dibuat.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Ini terdapat kesilapan dan kecuaiian pihak JRM dalam mendaftarkan maklumat yang diperlukan. Kesilapan dan kecuaiian menunjukkan pengurusan aduan yang dilaksanakan oleh pihak JRM tidak berkesan. Masalah ini selesai apabila sistem pengurusan aduan (TIFM/CMMS) digunakan sepenuhnya. Sistem ini akan diaktifkan oleh JKR dalam masa sebulan.

c. Pengeluaran Working Order (WO)

Semakan Audit terhadap Laporan Analisis Aduan JRM bagi bulan Mei 2012 hingga Disember 2012 mendapati sebanyak 1,737 WO telah dikeluarkan mengikut jenis kerja. Daripada jumlah WO tersebut, sebanyak 1,172 (68%) adalah daripada jenis Proaktif (Self Finding). WO jenis *Self Finding* didapati paling tinggi berbanding WO jenis *Complaint*, *Defect*, *Energy Saving* dan *Special Request* seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.10
ANALISIS PENGELUARAN WO
BAGI BULAN MEI 2012 HINGGA DISEMBER 2012

JENIS WO	2012								JUMLAH WO (Bil.)	PERATUS (%)
	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.		
COMPLAINT	30	32	37	72	73	80	79	74	477	27.46
SELF FINDING	153	95	118	139	223	242	104	98	1172	67.47
DEFECT	19	3	0	1	6	0	0	0	29	1.67
ENERGY SAVING	5	0	0	0	0	0	0	0	5	0.29
SPECIAL REQUEST	6	4	5	3	2	27	4	3	54	3.11

Sumber: JRM Services Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, berdasarkan bilangan WO yang dikeluarkan jenis *self finding* adalah tertinggi, menunjukkan bahawa pihak kontraktor proaktif dalam tindakan penyenggaraan. Bagaimanapun dengan kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit di perenggan terdahulu, kesahihan maklumat perlu ditentukan dan pemantauan lebih teliti sewajarnya dilakukan oleh pihak JKR. Adalah disyorkan supaya Sistem Pengurusan Kemudahan dan Infrastruktur Menyeluruh [Total Infrastructure Facilities Management System (TIFM)] digunakan segera bagi memastikan operasi penyenggaraan serta pemantauan yang dilaksanakan lebih sistematik.

4.5.5. Pemantauan Terhadap Prestasi Penyenggaraan BSI

Perenggan 4.3.8.7 (a) dan (b) dalam Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) telah menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memantau dan mengukur prestasi perkhidmatan aset bagi memastikan tahap kesediaan, keboleharapan dan kecekapan kepada penyampaian perkhidmatan agensi mengikut kriteria yang ditetapkan dalam Pelan Operasi Penyenggaraan Aset (POPA). Selain itu, setiap agensi juga hendaklah memantau dan mengukur prestasi pencapaian pengurusan aset berdasarkan objektif Pelan Operasi Penyenggaraan Aset Tahunan (POPAT) dan Belanjawan Operasi Penyenggaraan Aset Tahunan (BOPAT).

4.5.5.1. Mesyuarat Penyenggaraan BSI

Semakan Audit mendapati pihak JKR telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal setiap bulan bagi membincangkan pencapaian prestasi kontraktor. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Projek Kontrak Pengurusan Fasiliti Kompleks KIK. Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh wakil pihak BPH dan pihak kontraktor AMPM. Pihak kontraktor perlu membentangkan Laporan Prestasi Pengurusan Fasiliti dalam mesyuarat tersebut. Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang juga dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Pengurusan), JKR telah diadakan setiap 3 bulan sekali bagi membincangkan Laporan Pelaksanaan Kontrak Pengurusan Fasiliti BSI serta pencapaian sasaran KPI oleh kontraktor.

4.5.5.2. Kepuasan Pelanggan Terhadap Penyenggaraan BSI

- a. Berdasarkan kontrak, mengikut KPI No. 1 - *Customer Satisfaction Survey* (CSS), pihak AMPM dikehendaki menjalankan soal selidik Kajian Kepuasan Pelanggan setahun sekali untuk setiap Jabatan Pengguna yang beroperasi di premis berkenaan. Soal selidik ini bertujuan mendapatkan pandangan dari Jabatan Pengguna untuk mengukur tahap kepuasan terhadap perkhidmatan penyenggaraan yang telah diberikan oleh pihak kontraktor.
- b. Pihak AMPM telah menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan secara dwitahunan bermula dari tahun 2008 hingga 2011. Bagi tahun 2012, pihak AMPM telah menjalankan kaji selidik ini secara bulanan oleh kerana kontrak

asal tamat pada 31 Mei 2012. Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan yang telah dijalankan bagi tahun 2008 hingga 2012, tahap kepuasan pelanggan yang diperolehi oleh AMPM adalah antara 63% hingga 73.4% seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.11
KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN BSI BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	MARKAH* (SKALA 5)	PERATUS (%)
2008	3.31	66.2
2009	3.15	63.0
2010	3.24	64.8
2011	3.67	73.4
2012	3.62**	72.4

Sumber : AMPM Sdn. Bhd.

Nota : (*) - Markah Keseluruhan / 5.00

(**) - Markah purata

4.5.5.3. Laporan Prestasi Kerja AMPM

Semakan Audit terhadap borang GA1 - Laporan Jurutera Projek Atas Prestasi Kerja Semasa Pentender bertarikh 26 April 2012 dan 22 Oktober 2012 yang disediakan oleh pihak JKR, mendapati pada keseluruhannya pihak JKR melaporkan prestasi pengurusan fasiliti oleh pihak AMPM berada pada tahap yang baik.

4.5.5.4. Kajian Kepuasan Pelanggan

Semasa lawatan diadakan, pihak Audit telah mengedarkan 140 borang soal selidik kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pengguna sebagai responden untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan penyenggaraan yang diberikan oleh pihak kontraktor. Ringkasan hasil maklum balas responden adalah seperti berikut:

- i. seramai 62 responden (44.3%) berpendapat keadaan ruang pejabat dan ruang gunasama di BSI adalah berkeadaan baik, manakala 42 responden (30.5%) berpendapat ia pada tahap sederhana;
- ii. seramai 61 responden (43.6%) berpendapat tahap kualiti pembaikan oleh pihak kontraktor adalah baik dan hanya 3 responden (2.1%) berpendapat kualiti pembaikan kurang memuaskan;
- iii. seramai 62 responden (44.3%) menyatakan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kontraktor adalah baik dan 6 responden (4.3%) berpendapat ianya kurang memuaskan;
- iv. seramai 64 responden (45.7%) berpuas hati dengan tahap *responsiveness* pihak kontraktor dalam mengendalikan aduan yang diterima dan 5 responden (3.6%) kurang berpuas hati;
- v. seramai 97 responden (69.3%) pula bersetuju bahawa jadual penyenggaraan telah disediakan oleh pihak Kontraktor dan diedarkan kepada Jabatan Pengguna; dan

- vi. seramai 99 responden (70.7%) bersetuju bahawa kerja penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut jadual.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pihak Jabatan Pengguna berpuas hati dengan kerja-kerja penyenggaraan yang telah dijalankan oleh kontraktor AMPM di BSI.

4.5.6. Pemantauan Terhadap Prestasi Penyenggaraan MU

4.5.6.1. Mesyuarat Penyenggaraan Bulanan

Mengikut perenggan 4.16 (d) kepada Lampiran 4(a) Spesifikasi Teknikal, pihak kontraktor perlu mengadakan mesyuarat setiap bulan untuk tujuan penilaian prestasi bulanan. Mesyuarat Penyenggaraan Bulanan dipengerusikan oleh pihak JKR yang turut dihadiri oleh wakil pihak BPH, wakil Jabatan Pengguna bersama pihak kontraktor. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2012, pihak JKR telah mengadakan Mesyuarat Penyenggaraan Bulanan hanya diadakan 2 kali iaitu pada 27 Januari 2012 dan 23 Februari 2012 bersama kontraktor terdahulu, dan 2 kali bersama kontraktor JRM iaitu pada 26 Julai 2012 dan 28 September 2012.

Pada pendapat Audit, mesyuarat tersebut sepatutnya diadakan setiap bulan bagi membincangkan pencapaian prestasi kontraktor.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Pihak JKR pada awal tahun telah menyediakan takwim bagi mesyuarat penyenggaraan dijalankan setiap bulan. Walaupun pihak Audit mendapati hanya 4 kali sahaja yang dilaksanakan, terdapat lagi mesyuarat yang lain yang turut membincangkan prestasi kontraktor dan agenda yang sama seperti Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Bangunan Menara Usahawan dipengerusikan oleh KP UKAS yang dilaksanakan 4 kali pada tahun 2012. Pihak JKR juga telah melaksanakan mesyuarat teknikal secara berkala bersama kontraktor untuk menggantikan mesyuarat penyenggaraan bulanan bagi membincangkan prestasi dan kualiti kerja kontraktor secara lebih terperinci. Hasil semakan mendapati tiada pekeliling atau garis panduan (termasuk Manual Pengurusan Aset Menyeluruh) yang mewajibkan mesyuarat penyenggaraan dilaksanakan secara bulanan. Mesyuarat-mesyuarat ini dilaksanakan hasil inisiatif JKR dan salah satu kaedah pemantauan terhadap prestasi kontraktor FM.

4.5.6.2. Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Penyenggaraan

Petunjuk Prestasi Utama [Key Performance Indicator (KPI)] merupakan suatu mekanisme ukuran bagi menentukan sama ada kualiti yang ditetapkan telah dicapai oleh pihak Kontraktor atau sebaliknya. Mengikut KPI No.1, pihak kontraktor perlu menjalankan kajian kepuasan pelanggan untuk mengukur tahap

prestasi penyampaian perkhidmatan penyenggaraan secara keseluruhan. Pihak JRM telah menjalankan kaji selidik terhadap kepuasan pelanggan untuk setiap Jabatan Penghuni yang beroperasi di premis berkenaan. Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan yang telah dijalankan bagi bulan Mei hingga Disember 2012, puratus markah purata yang diperolehi oleh JRM adalah 77% atau 3.85 dari skala 5.0 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.12
HASIL KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN YANG
DILAKSANAKAN JRM BAGI TAHUN 2012**

TAHUN 2012 (Bulan)	MARKAH*	PERATUS (%)
Mei	3.36	67.20
Jun	3.65	73.00
Julai	3.59	71.80
Ogos	3.86	77.20
September	3.96	79.20
Oktober	4.11	82.20
November	4.14	82.80
Disember	4.12	82.40
PNGK	3.85	77.00

Sumber : JRM Services Sdn. Bhd

Nota : PNGK - Purata Nilai Gred Keseluruhan

(*) - Markah Keseluruhan / 5.00

4.5.6.3. Dokumen Penyenggaraan Tidak Diselenggara Oleh Pihak BPH

Mengikut surat Unit Perancang Ekonomi, JPM rujukan (73) UPE.Sulit 11/126/100/03/25-2 bertarikh 31 Januari 2008, BPH berperanan menguruskan bangunan-bangunan Kerajaan dan menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan penyenggaraan bangunan. Penyelenggaraan rekod dan dokumen yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi memudahkan urusan pemantauan dan penyediaan laporan. Semakan Audit mendapati BPH tidak menyimpan sebarang dokumen penyenggaraan bangunan dan hanya menyimpan rekod waran peruntukkan penyenggaraan sahaja.

Pada pendapat Audit, BPH sewajarnya menyimpan dokumen berkaitan sama ada minit mesyuarat, aliran perbelanjaan, pemantauan yang dibuat, laporan penyenggaraan bulanan dan lain-lain dokumen sebagai rujukan dan pemantauan.

Maklum Balas Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri Pada 13 September 2013

Pihak BPH ada menerima laporan penyenggaraan bulanan yang dikeluarkan oleh pihak JRM Services tetapi tidak secara berkala (bulanan). Untuk tahun 2013, laporan penyenggaraan yang diterima sehingga kini hanyalah bagi bulan Februari 2013 dan Jun 2013 sahaja menerusi Mesyuarat Penyenggaraan Bangunan yang dipengerusikan oleh JKR Putrajaya yang diadakan pada bulan berkenaan. Sebagai tindakan susulan, penyelarasan di antara BPH dengan JKR Putrajaya dan JRM Services telah

dibuat supaya laporan penyenggaraan dihantar secara bulanan mulai bulan September 2013 dan seterusnya.

4.5.6.4. Kajian Kepuasan Pelanggan

Semasa lawatan Audit diadakan, pihak Audit telah mengedarkan 93 borang soal selidik kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pengguna sebagai responden untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan penyenggaraan yang diberikan oleh pihak kontraktor. Ringkasan hasil maklum balas responden adalah seperti berikut:

- i. seramai 39 responden (42.8%) berpendapat keadaan ruang pejabat dan ruang gunasama di BSI adalah berkeadaan baik, manakala 35 responden (37.4%) berpendapat ia pada tahap sederhana;
- ii. seramai 54 responden (58.1%) berpendapat tahap kualiti kerja pembaikan oleh pihak kontraktor adalah memuaskan dan hanya 2 responden (2.2%) berpendapat kualiti pembaikan kurang memuaskan;
- iii. seramai 43 responden (46.2%) menyatakan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kontraktor adalah memuaskan dan 9 responden (9.7%) berpendapat ianya kurang memuaskan;
- iv. Seramai 52 responden (55.9%) berpuas hati dengan tahap *responsiveness* pihak kontraktor dalam mengendalikan aduan yang diterima dan 1 responden (1.1%) tidak berpuas hati;
- v. seramai 52 responden (55.9%) pula bersetuju bahawa jadual penyenggaraan telah disediakan oleh pihak Kontraktor dan diedarkan kepada Jabatan Pengguna; dan
- vi. seramai 56 responden (60.2%) bersetuju bahawa kerja penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut jadual.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pihak Jabatan Pengguna berpuas hati dengan kerja-kerja penyenggaraan yang telah dijalankan oleh kontraktor JRM di Menara Usahawan.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Bangunan Sultan Iskandar dan Menara Usahawan sentiasa dalam keadaan baik/terjaga serta mengekalkan persekitaran pejabat yang selesa dan selamat, adalah disyorkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM dan JKR mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.6.1. pihak JKR perlu mempertingkatkan pemantauan untuk memastikan pihak Kontraktor bertindak lebih proaktif dalam mengambil tindakan yang melibatkan kerja-kerja penyenggaraan sama ada secara rutin, berkala atau pemulihan selain menjalankan pemeriksaan dan pembaikan terhadap apa-apa kecacatan dan

penggantian kerosakan item. Kelewatan dalam mengambil tindakan pembaikan atau penyenggaraan boleh memberikan implikasi terhadap prestasi aset itu sendiri selain jangka hayatnya akan merosot. WO yang dibuka sepatutnya tidak ditutup selagi kerja-kerja pembaikan belum disempurnakan;

4.6.2. laluan khas disediakan di aras 6 Menara Usahawan bagi tujuan kerja-kerja penyenggaraan di kawasan Bumbung Rata memandangkan reka bentuk sedia ada tidak membolehkan ianya dilakukan;

4.6.3. pihak JKR perlu mengambil tindakan pemantauan terhadap pengisian kekosongan jawatan bagi memastikan perjalanan operasi penyenggaraan fasiliti di BSI dan Menara Usahawan tidak terjejas walaupun pemotongan bayaran telah dibuat;

4.6.4. pihak JKR perlu mengkaji semula klausa penalti atau pemotongan bayaran terhadap WO yang belum diselesaikan dan bukan hanya dikenakan sekali apabila tempohnya melebihi 30 hari kerana terdapat lambakan kerja pembaikan yang tertangguh dan pihak kontraktor didapati lewat mengambil tindakan pembaikan;

4.6.5. pihak JKR memastikan kesahihan maklumat dalam daftar WO dan Laporan Bulanan disebabkan berlaku kes kesilapan merekod jenis kerja dari *complaint* kepada *self finding*. Ketidakpatuhan piawaian ini akan melibatkan pemotongan bayaran;

4.6.6. pihak BPH perlu memastikan Mesyuarat Penyenggaraan Bulanan bagi Menara Usahawan diadakan pada setiap bulan bagi membincangkan pencapaian prestasi kontraktor;

4.6.7. pihak BPH sebagai pemilik bangunan Menara Usahawan perlu memastikan penyimpanan dokumen penyenggaraan lengkap ianya termasuk minit mesyuarat, aliran perbelanjaan, pemantauan yang dibuat, laporan penyenggaraan bulanan dan lain-lain dokumen sebagai rujukan dan pemantauan; dan

4.6.8. pihak BPH/JKR memastikan penggunaan Sistem Pengurusan Kemudahan dan Infrastruktur Menyeluruh [Total Infrastructure Facilities Management System (TIFM)] disegerakan bagi memastikan peningkatan dalam keberkesanan dan kecekapan pengurusan kerja penyenggaraan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 107-134
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

5. PERIKANAN MARIN DAN ALAM SEKITARNYA

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Sektor perikanan negara telah menyumbang kepada pengeluaran ikan negara sejumlah RM11.438 bilion pada tahun 2012, sejumlah RM10.620 bilion pada tahun 2011 dan sejumlah RM9.94 bilion pada tahun 2010. Pengeluaran ikan negara disumbangkan oleh perikanan tangkapan marin, akuakultur dan perikanan umum. Ikan merupakan sumber makanan dan protein yang terpenting kepada rakyat Malaysia di mana penggunaan per kapita ikan adalah sebanyak 46kg pada tahun 2011. Bagaimanapun, penggunaan per kapita ikan setahun dijangka terus meningkat daripada 46kg kepada 55kg seorang dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.9% setahun bagi tempoh tahun 2011 hingga 2020. Dengan itu, Dasar Agromakanan Negara Tahun 2011 hingga 2020 menetapkan industri perikanan perlu ditransformasikan dengan menumpukan kepada pemodenan teknologi penangkapan, naik taraf kemudahan infrastruktur pendaratan dan pemasaran ikan, pengukuhan keupayaan nelayan, pematuhan terhadap piawaian antarabangsa mengenai pengendalian dan pendaratan ikan serta pengurusan sumber perikanan secara mapan.

5.1.2. Perikanan tangkapan marin terbahagi kepada perikanan laut pantai dan laut dalam. Perikanan laut pantai merujuk kepada kegiatan menangkap ikan di kawasan kurang 30 batu nautika (bn) daripada garisan pantai. Manakala perikanan laut dalam merupakan perikanan berskala besar dan sederhana yang beroperasi di kawasan lebih daripada 30 bn. Bagaimanapun tiada halangan bagi vesel dari zon yang berhampiran pantai untuk menjalankan operasi tangkapan ikan di zon yang lebih jauh.


5.1.3. Objektif perikanan tangkapan marin adalah untuk merealisasikan pendaratan ikan bagi tujuan makanan melalui perikanan tangkapan yang optimum sebanyak 1.76 juta tm pada tahun 2020; memastikan sumber perikanan diurus dengan baik agar ia dapat dieksploitasi secara mapan; memastikan majoriti hasil pengeluaran ikan negara disumbangkan oleh perikanan tangkapan marin; memastikan perancangan strategik yang sesuai dilaksanakan dan memberi sokongan yang kuat kepada institusi yang terlibat dalam perikanan bagi membolehkan sektor ini memenuhi permintaan yang dijangkakan dan mengatasi masalah yang dihadapi.

5.1.4. Perikanan tangkapan marin masih menjadi penyumbang utama pengeluaran ikan negara di mana sejumlah 1.48 juta tan metrik (tm) ikan dengan nilai berjumlah RM7.982 bilion telah didaratkan pada tahun 2012. Bilangan nelayan yang berdaftar bagi tahun 2012 adalah seramai 136,514 orang manakala bilangan vesel menangkap ikan pula adalah sebanyak 54,211 buah.

5.1.5. Kajian menunjukkan kebelakangan ini aktiviti perikanan tangkapan yang tidak mapan dan akibat pembangunan yang pesat di sepanjang kawasan pesisir pantai dan muara sungai telah memberi kesan buruk terhadap sumber perikanan dan habitat yang berkait rapat dengan perikanan di kawasan tersebut serta hutan paya laut, kawasan terumbu karang dan rumput laut. Aktiviti ini menimbulkan pelbagai impak sosial, ekonomi dan biologi termasuklah pengurangan spesies perikanan komersil dan perubahan ketara ke atas fungsi ekosistem.

5.1.6. Polisi Perlesenan 1981 menghadkan aktiviti perikanan dengan cara pengeluaran lesen mengikut saiz enjin bot, kelengkapan menangkap dan pengezonan. Akta Perikanan 1985 memperkenalkan satu zon tangkapan nelayan di perairan negara bagi mencegah perselisihan antara nelayan tradisional dengan pengusaha bot nelayan besar. Sistem pengezonan perikanan marin terbahagi kepada 5 zon seperti di gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 5.1
SISTEM PENGEZONAN PERIKANAN MARIN**



Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

Nota : bn - batu nautika

GRT - Gross Registered Tonnage

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perikanan marin telah diuruskan dengan teratur dan cekap untuk mencapai objektifnya serta mengambil kira kesan kepada kualiti alam sekitar.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya bagi tahun 2010 hingga 2012. Bagaimanapun, bagi analisis trend ia merangkumi tempoh 3 hingga 10 tahun. Pengauditan telah dijalankan di 4 negeri iaitu Johor, Perak, Sabah dan Terengganu yang melibatkan Jabatan Perikanan Malaysia/*Department of Fisheries* (DOF), Pejabat Perikanan Negeri dan Daerah; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan pejabat cawangannya; Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan pejabat cawangannya; Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Lawatan ke pangkalan LKIM dan jeti nelayan di 4 negeri juga telah dilakukan. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap vesel telah dibuat, menganalisis data dengan menggunakan teknologi *Remote Sensing* (RS) dan *Geographical Information System* (GIS), temu bual dengan pegawai berkaitan, Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan dan nelayan juga telah diadakan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan dijalankan dari bulan September hingga Disember 2012 mendapati secara umumnya pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya seperti berikut:

- i. prestasi pendaratan ikan dan indeks penggunaan ikan per kapita tidak konsisten;
- ii. kajian menyeluruh sumber perikanan tidak dibuat sejak tahun 1999 (13 tahun);
- iii. kawalan pemuliharaan sumber dan alam sekitar kurang berkesan;
- iv. pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tidak sepenuhnya;
- v. penggunaan peralatan penangkapan ikan yang tidak dibenarkan mengikut syarat dalam buku lesen (Perkara 15) seperti mata pukot yang digunakan tidak boleh kurang daripada 38mm; dan
- vi. penguatkuasaan/pemantauan kurang berkesan.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan ulasan Kementerian/Jabatan serta Agensi berkaitan adalah seperti di perenggan berikut:

5.5.1. Prestasi Perikanan

5.5.1.1. Prestasi Pendaratan Ikan Tangkapan Marin

DOF telah menetapkan sasaran pendaratan ikan tangkapan marin secara tahunan. Di bawah Dasar Perikanan Negara Ketiga (tahun 1998 hingga 2010) dan Dasar Agromakanan Negara (tahun 2011 hingga 2020), sasaran pendaratan ikan tangkapan marin bagi tahun 2011 adalah 1.35 juta tm dan bagi tahun 2020 adalah 1.76 juta tm. Analisis Audit dari tahun 2008 hingga 2012 mendapati peratus pendaratan ikan tangkapan marin adalah melebihi daripada sasaran pendaratan ikan bagi 5 tahun tersebut. Sasaran dan pendaratan ikan tangkapan marin bagi tempoh 5 tahun (2008 hingga 2012) adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
SASARAN DAN PENDARATAN IKAN TANGKAPAN MARIN
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	SASARAN PENGELUARAN (Juta tm)	PENGELUARAN SEBENAR (Juta tm)	PERATUS PENCAPAIAN SASARAN (%)
2008	1.25	1.40	112.0
2009	1.29	1.40	108.5
2010	1.29	1.43	110.9
2011	1.35	1.37	101.5
2012	1.39	1.48	106.5

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia
Nota : tm - tan metrik

5.5.1.2. Prestasi Pengeluaran Sektor Perikanan Negara

- a. Peningkatan/pengurangan pendaratan ikan bergantung kepada pendaratan ikan oleh nelayan. Pada tahun 2012, sektor perikanan negara yang terdiri daripada perikanan tangkapan marin, tangkapan bukan marin dan ikan bukan makan (rumpai laut, ikan hiasan dan tumbuhan akuatik) telah menyumbang kepada pengeluaran ikan negara sejumlah RM11.438 bilion. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 7.7% dan 15.1% berbanding tahun 2011 dan 2010. Bagaimanapun, pengeluaran ikan makan bagi tahun 2011 iaitu sebanyak 1.66 juta tm bernilai RM9.379 bilion telah menurun sebanyak 8.3% dan 0.3% masing-masing dari segi kuantiti dan nilai berbanding tahun 2010. Bagi tahun 2012, pengeluaran ikan makan telah meningkat balik sebanyak 7.8% dan 13.0% dari segi kuantiti dan nilai berbanding tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
PENGELUARAN DAN NILAI SEKTOR PERIKANAN NEGARA
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

SEKTOR PERIKANAN	TAHUN 2010		TAHUN 2011		TAHUN 2012		PURATA	
	KUANTITI (Juta tm)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (Juta tm)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (Juta tm)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (Juta tm)	NILAI (RM Juta)
Laut Pantai	1.11	5,362.97	1.08	5,704.65	1.14	6,310.36	1.10	5,792.66
Laut Dalam	0.32	1,288.92	0.29	1,234.82	0.34	1,671.61	0.32	1,398.45
JUMLAH TANGKAPAN MARIN	1.43	6,651.89	1.37	6,939.47	1.48	7,981.97	1.42	7,191.11
Air Tawar	0.15	760.34	0.12	684.15	0.16	992.22	0.14	812.24
Air Payau	0.22	1,955.24	0.16	1,701.49	0.14	1,566.78	0.17	1,741.17
Perairan Umum	0.01	44.67	0.01	54.83	0.01	56.78	0.01	52.09
JUMLAH TANGKAPAN BUKAN MARIN	0.38	2,760.25	0.29	2,440.47	0.31	2,615.78	0.32	2,605.50
JUMLAH IKAN MAKAN	1.81	9,412.14	1.66	9,379.94	1.79	10,597.75	1.74	9,796.61
Rumpai Laut	0.21	83.16	0.24	670.46	0.33	198.94	0.26	317.52
Ikan Hiasan	341,757,064 ekor	430.31	308,351,014 ekor	549.75	373,007,525 ekor	629.4	-	536.49
Tumbuhan Akuatik	143,651,684 ikat	14.47	187,948,329 ikat	20.82	114,453,668 ikat	12.26	-	15.85
JUMLAH IKAN BUKAN MAKAN	-	527.94	-	1,241.03	-	840.60	-	869.86
JUMLAH BESAR	-	9,940.08	-	10,620.97	-	11,438.35	-	10,666.47

Sumber : *Jabatan Perikanan Malaysia*

Nota : (-) - Tidak Boleh Diukur

- b. Bagi tahun 2010 hingga 2012, perikanan tangkapan marin yang merangkumi laut pantai dan laut dalam, secara purata masih menjadi penyumbang terbesar pengeluaran ikan iaitu sebanyak 1.42 juta tm bernilai RM7.191 bilion, berbanding dengan akuakultur dan pengeluaran bukan makanan.
- c. Pada tahun 2012, seramai 136,514 orang nelayan bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang dilesenkan oleh DOF. Jumlah ini menunjukkan peningkatan seramai 2,404 orang nelayan (1.8%) berbanding tahun 2011. Manakala pada tahun 2011 juga telah berlaku peningkatan seramai 4,488 orang nelayan (3.5%) berbanding tahun 2010. Daripada jumlah 136,514 orang nelayan (tahun 2012), seramai 30,667 orang adalah nelayan asing yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat negara Thailand, Vietnam, Filipina, Indonesia dan China. Bilangan tersebut menunjukkan penurunan sebanyak 1.6% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Seterusnya menurun lagi sebanyak 14.8% pada tahun 2012. Manakala bagi nelayan tempatan pula telah meningkat sebanyak 5.5% pada tahun 2011 berbanding 7.9% pada tahun 2012. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan pemberian lesen vesel/nelayan tradisional. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.3
BILANGAN NELAYAN BEKERJA DI VESEL YANG DILESENKAN
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

TAHUN	BIL. NELAYAN				BIL. NELAYAN	
	TEMPATAN		ASING		ORANG	PERATUS PENINGKATAN (%)
	ORANG	PERATUS PENINGKATAN (%)	ORANG	PERATUS PENURUNAN (%)		
2010	93,056	-	36,566	-	129,622	-
2011	98,135	5.5	35,975	1.6	134,110	3.5
2012	105,847	7.9	30,667	14.8	136,514	1.8

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

- d. Bilangan vesel penangkapan ikan yang dilesenkan adalah sebanyak 54,211 bagi tahun 2012 berbanding sebanyak 53,002 pada tahun 2011 dan 49,756 pada tahun 2010. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.3% dan 6.5% berbanding tahun 2011 dan 2010. Sebanyak 1,108 (2%) daripada 54,211 vesel tersebut adalah vesel penangkapan ikan laut dalam yang bermuatan 70 GRT ke atas manakala 53,103 (98%) adalah untuk penangkapan ikan laut pantai. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4
BILANGAN VESEL MENGIKUT ZON BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

TAHUN	BIL. VESEL		JUMLAH VESEL	PERATUS PENINGKATAN (%)
	LAUT PANTAI	LAUT DALAM		
2010	48,446	1,310	49,756	-
2011	51,844	1,158	53,002	6.5
2012	53,103	1,108	54,211	2.3

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF telah dan sedang mengambil beberapa tindakan bagi meningkatkan pendaratan ikan laut dalam seperti menetapkan syarat minima pendaratan tahunan mengikut jenis peralatan, memantau ketulenan operasi syarikat/vesel, melantik syarikat peneraju, merangka program i-catch (membantu mempercepatkan pembangunan industri perikanan laut dalam dan mengeluarkan permit vesel/peralatan baru).

Pada pendapat Audit, walaupun pendaratan perikanan tangkapan marin telah meningkat dan melebihi sasaran yang ditetapkan, namun kuantiti yang disumbangkan dari laut dalam hanya 28% sahaja berbanding laut pantai. Adalah disyorkan supaya DOF memastikan program yang dirancang/sedang dilaksana bagi pendaratan ikan dari vesel laut dalam diteruskan sehingga tahap pendaratan ikan sebagai mana yang disasarkan pada tahun 2020 dicapai. DOF hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi memastikan program-program dapat dilaksanakan secara konsisten dan lebih berkesan.

5.5.2. Prestasi Kewangan

5.5.2.1. Bagi memastikan aktiviti perikanan dapat dilaksanakan dengan berkesan, DOF pada tahun 2010 hingga 2012 telah mengagihkan peruntukan mengurus sejumlah RM18.55 juta kepada Bahagian Pelesenan Dan Pengurusan Sumber dan Bahagian Perlindungan Sumber. Daripada peruntukan ini, sejumlah RM16.49 juta (88.9%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2010	4.90	4.90	100
2011	6.15	6.06	98.5
2012	7.50	5.53	73.7
JUMLAH	18.55	16.49	88.9

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

5.5.2.2. Di bawah RMKe-9, DOF telah mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM75.49 juta bagi melaksanakan pengurusan perikanan. Bagi tahun 2006 hingga 2010, DOF telah membelanjakan sejumlah RM70.89 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT PROJEK DI BAWAH RMKe-9

PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Peningkatan Produktiviti Perikanan Laut Dalam	3.45	3.36	97.4
Pemindahan Teknologi Pembenihan Ikan Laut	3.00	2.96	98.7
Pengekalan Sumber Laut Pantai	2.32	2.27	97.8
Pembangunan Industri Perikanan Tuna Laut Antarabangsa	2.80	2.64	94.3
Pengurusan Dan Pemuliharaan Perikanan	42.93	39.19	91.3
Pre Tukun Tiruan	15.00	14.81	98.7
Kemudahan Perikanan (*Tidak Termasuk ZIA)	5.99	5.66	94.5
JUMLAH	75.49	70.89	93.9

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

5.5.2.3. Di bawah RMKe-10 (setakat akhir tahun 2012) pula tiada peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan projek/aktiviti pengurusan perikanan. Ini menyebabkan aktiviti pengurusan perikanan yang utama seperti pembangunan tukun tiruan, pemuliharaan spesies terancam, mengawal selia vesel nelayan, pengawasan aktiviti perikanan dan penyelidikan tidak dapat dilaksanakan bagi 2 tahun pertama dalam RMKe-10.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

Anggaran peruntukan pembangunan di bawah RMKe-10 (mulai tahun 2013 sehingga 2015) yang diperakukan adalah hanya sejumlah RM14.73 juta (3.8%) daripada RM387.56 juta yang dimohon oleh DOF. Antara sebab pengurangan peruntukan diluluskan oleh Kerajaan adalah kerana penumpuan bajet kepada projek sambungan sedia ada dan projek-projek yang bersifat people centrik yang memberi kesan langsung kepada kumpulan sasaran. Daripada jumlah yang diperakukan, sejumlah RM5.23 juta telah diperolehi oleh DOF pada awal tahun 2013.

Pada pendapat Audit, aktiviti DOF dalam RMKe-9 hendaklah diteruskan supaya kemapanan sumber perikanan dapat dikekalkan serta dipertingkatkan lagi. Dengan itu, DOF hendaklah berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk menjelaskan kepentingan memperolehi peruntukan yang mencukupi bagi membolehkan aktiviti berkaitan dengan pengurusan dan pemuliharaan sumber dapat dilaksanakan dengan konsisten dan berkesan.

5.5.3. Kemapanan Sumber Ikan

Sumber perikanan hendaklah konsisten bagi memastikan generasi akan datang dapat menikmati serta memperolehi protein yang secukupnya. Kemapanan sumber ikan penting untuk mengelak atau melambatkan kepupusan sumber ikan, mengelak kepupusan spesies ikan di samping memastikan industri perikanan tidak merosakkan alam sekitar. Menurut sumber kajian dari *US Journal Science* terbitan bulan November 2006, dunia akan mengalami kepupusan sumber perikanan jika kemapanan sumber ikan tidak dipelihara. Dengan itu, setiap negara hendaklah memainkan peranan bagi menghindari kepupusan tersebut. Dalam hubungan ini, DOF perlu mengambil langkah kawalan untuk mengekalkan keseimbangan sumber ikan seperti penggunaan peralatan tangkapan ikan yang lebih mesra alam, pengurusan sumber berasaskan ekosistem, pembangunan tukun tiruan, unjam serta mewartakan kawasan larangan perikanan dan kawasan tangkapan bermusim.

Adalah didapati kemapanan sumber perikanan di Malaysia telah berkurangan. Ini dapat dilihat dari segi kemerosotan pendaratan beberapa jenis ikan seperti ikan terubuk, kekek dan kurau di perairan negara bagi tahun 2010 hingga 2012 di mana peratus kemerosotan yang paling minimum adalah 0.2% dan peratus paling maksimum adalah 31.4%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.7
PENDARATAN JENIS IKAN YANG SEMAKIN KURANG
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

JENIS IKAN	TAHUN			PERATUS PENURUNAN (%)
	2010 (tm)	2011 (tm)	2012 (tm)	
Terubuk	491	490	336	0.2 - 31.4
Kekek	2,548	2,344	1,788	8 - 23.7
Kurau	1,354	1,423	1,098	0 - 22.8

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

5.5.3.1. Tahap Eksploitasi Yang Berlebihan (Kajian Tahun 1999)


Sumber perikanan perlu diurus dengan baik agar ia dapat dieksploitasi secara mapan. Perikanan laut pantai merupakan kawasan yang kaya dengan sumber ikan dan menyumbang kepada pendaratan ikan tertinggi daripada keseluruhan ikan marin yang didaratkan. Namun sumber perikanan laut pantai ini telah mencapai tahap penerokaan maksimum akibat dari pengeksploitasian yang berlebihan (overfishing). Jika keadaan ini tidak dibendung, stok ikan di perairan pantai Semenanjung Malaysia dijangka akan mengalami kemerosotan sumber berbanding keadaan sekarang. Tahap eksploitasi sumber perikanan spesies demersal (ikan merah/kerapu/jenahak) dan pelagik (ikan kembung/selayang/ tamban) bagi tahun 1999 adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 5.8
TAHAP EKSPLOITASI YANG BERLEBIHAN TAHUN 1999


KAWASAN	SPESES	PENDARATAN IKAN (tm)	PARAS MAXIMUM SUSTAINABLE YIELD IKAN (tm)	PERATUS TAHAP EKSPLOITASI YANG BERLEBIHAN (%)
Pantai Barat Semenanjung	Demersal	317,900	293,477	8.3
	Pelagik	254,540	139,945	81.9
Pantai Timur Semenanjung	Demersal	165,965	64,000	159.3
	Pelagik	149,463	143,952	3.8

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

CARTA 5.1
TAHAP EKSPLOITASI PENDARATAN IKAN TAHUN 1999



Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia



GAMBAR 5.1

- Tahap Eksploitasi Ikan Pada Tahun 1972 Dan Tahun 1997
(Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia)

5.5.3.2. Penggunaan Peralatan Pukat Tunda

Mengikut Kod Amalan Untuk Perikanan Yang Bertanggungjawab (CCRF) - Operasi Penangkapan Ikan, negara-negara harus mensyaratkan alat, cara dan amalan penangkapan ikan yang sesuai untuk meminimumkan pembaziran ikan buangan, hasil tangkapan spesies bukan sasaran bagi ikan dan bukan ikan (terumbu karang/plankton) serta kesan terhadap spesies yang berkaitan. Vesel pukat tunda merupakan kapal yang berkuasa tinggi yang menarik pukat yang besar dan berat di sepanjang dasar laut. Peralatan menangkap ikan yang digunakan oleh vesel pukat tunda adalah paling efektif tetapi destruktif kerana ia tidak mesra alam dan boleh merosakkan habitat dasar laut. Contoh vesel pukat tunda dan peralatannya adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.2



Jeti Ikan Persendirian Hutan Melintang, Perak
- Peralatan Pukat Tunda
(30.10.2012)

GAMBAR 5.3



Jeti LKIM Chendering Terengganu
- Kapal Pukat Tunda
(15.10.2012)

Pengesahan selanjutnya melalui sumber rujukan media Persidangan Persatuan Pengurusan Perikanan Laut Pasifik Selatan mendapati beberapa buah negara di peringkat antarabangsa telah bersetuju mengharamkan penggunaan pukat tunda. Semakan Audit mendapati penggunaan pukat tunda diamalkan oleh nelayan di semua negeri yang dilawati. Berdasarkan Perangkaan Tahunan 2012, daripada sejumlah 54,211 vesel yang direkodkan, sebanyak 5,993 (11%) adalah merupakan vesel pukat tunda.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013
Bagi menangani isu tahap eksploitasi yang berlebihan, DOF dan LKIM telah memperkenalkan program “Community Based Fisheries Management” dan “Ecosystem Approach To The Fisheries Management”.

Bagi menangani isu pukut tunda pula, DOF telah melaksanakan pelbagai program seperti menghalang aktiviti pukut tunda di Zon A; melaksanakan Exit Plan bagi vesel pukut tunda; penguatkuasaan di laut bersama APMM; menggantung lesen vesel yang melanggar peraturan; membina tukun tiruan bagi menghalang operasi pukut tunda; menubuhkan Rakan Fish bagi mengawal sumber perikanan pantai; menggalakkan vesel pukut tunda Zon B untuk pindah ke Zon C; menggalakkan penggunaan Turtle Extruder Device (TED) bagi vesel Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT). DOF bercadang untuk menguatkuasakan pemasangan VMS di vesel pukut tunda Zon B dan pengharaman pukut boya/sorong. LKIM pula bersetuju untuk pengharaman destructive gear seperti pukut tunda.

Pada pendapat Audit, walaupun DOF telah melaksanakan pelbagai program bagi menangani masalah keselamatan sumber ikan namun ia belum memberi kesan yang positif merujuk kepada tahap eksploitasi yang berlebihan dan bilangan vesel yang menggunakan *destructive gear*. Untuk itu, DOF perlu menyediakan alternatif lain seperti memperbanyakkan program kesedaran kepada para nelayan mengenai kemusnahan sumber perikanan dan mengkaji semula untuk mengharamkan penggunaan pukut tunda.

5.5.3.3. Pencerobohan Zon Penangkapan Ikan

Sistem pengezonan perairan perikanan mula diperkenalkan melalui dasar pelesenan pada tahun 1983. Pengezonan ini melibatkan pengagihan perairan antara nelayan tradisional dan nelayan komersil. Hanya nelayan tradisional dibenarkan beroperasi di perairan Zon A kerana peralatan tradisional bersifat lebih selektif berbanding dengan peralatan komersil.

Pelesenan vesel dan peralatan menangkap ikan di perairan negara dibahagikan mengikut zon penangkapan yang telah ditetapkan oleh DOF. Vesel yang beroperasi di Zon A yang lebih dekat dengan pantai boleh beroperasi di zon yang lebih jauh, sebaliknya vesel Zon B, C dan C2 yang beroperasi lebih jauh tidak dibenarkan memasuki kawasan yang lebih dekat dengan pantai.

Semakan Audit mendapati vesel yang sepatutnya beroperasi di Zon B, C dan C2 telah menceroboh kawasan menangkap ikan di zon yang lebih dekat dengan pantai. Sebagai contoh, vesel Zon C2 menceroboh Zon C/B/A. Ini telah menyebabkan kepupusan sumber perikanan dengan lebih drastik di samping mengancam pendapatan nelayan pantai. Statistik tangkapan vesel nelayan yang menceroboh zon adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.9
STATISTIK TANGKAPAN VESEL NELAYAN YANG MENCEROBOH ZON
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

NEGERI	AGENSI	BIL. KES TANGKAPAN / TAHUN		
		2010	2011	2012
Johor	APMM	22	14	27
	DOF	61	13	5
Perak	APMM	14	13	43
	DOF	36	14	4
Sabah	APMM	0	4	1
	DOF	14	7	6
Terengganu	APMM	19	12	19
	DOF	71	76	45
JUMLAH		237	153	150

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Hasil daripada pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan oleh pihak APMM dan DOF, kes pencerobohan zon telah dapat dikurangkan. Pada tahun 2012 statistik tangkapan ikan bagi 4 buah negeri (Johor, Perak, Sabah dan Terengganu) mendapati hanya 150 kes tangkapan direkodkan berbanding 237 kes dan 153 kes bagi tahun 2010 dan 2011. Mengikut artikel eksklusif Utusan Malaysia bertarikh 27 September 2013, masih terdapat pencerobohan zon oleh nelayan yang menggunakan pukot tunda untuk menangkap ikan di Zon A (kurang daripada 5 bn/9.26km dari pantai).

5.5.3.4. Penggunaan Mata Pukat (Keroncong)


Mengikut syarat dalam buku lesen (Perkara 15), mata pukat yang digunakan tidak boleh kurang daripada 38mm. Bagaimanapun semakan Audit pada 27 November 2012 mendapati ada pukat yang digunakan mempunyai ukuran mata pukat bersaiz 28mm iaitu kurang daripada ukuran yang sepatutnya. Penggunaan mata pukat sedemikian boleh menjeratkan sekali gus anak-anak ikan yang mempunyai nilai komersil/protein yang tinggi. Butiran lanjut mengenai vesel dan ukuran mata pukat adalah seperti di **Jadual 5.10**, **Gambar 5.4** dan **Gambar 5.5**.

JADUAL 5.10
SAIZ MATA PUKAT BAGI 4 VESEL NELAYAN DI SABAH


NOMBOR VESEL	MATA PUKAT	
	SEPATUTNYA (mm)	DIGUNAKAN (mm)
SJN00266F	38	10
SBF12	38	15
SJN00279F	38	15
SJN8121F	38	15

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

GAMBAR 5.4



GAMBAR 5.5



*Jeti Persendirian QL Sdn. Bhd. Kota Kinabalu, Sabah
 - Saiz Mata Pukat Keroncong 28mm Tidak Mengikut Spesifikasi Lesen iaitu 38mm
 (27.11.2012)*

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF mula mempergiatkan penguatkuasaan pelaksanaan saiz mata pukat tunda minimum 38mm mulai bulan November 2013. LKIM bersetuju untuk penguatkuasaan secara berterusan dilaksanakan dan penggantungan lesen pengusaha yang gagal mematuhi peraturan ini.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penggunaan mata pukat yang tidak mengikut saiz spesifikasi lesen hendaklah dipertingkatkan secara berterusan serta mengambil tindakan yang serius seperti tindakan undang-undang dan membatalkan lesen.

5.5.3.5. Pendaratan Ikan Baja

Ikan baja yang terdiri daripada anak ikan merupakan salah satu punca kepupusan bekalan ikan negara. Sebahagian daripada anak ikan ini mempunyai nilai komersil/protein yang tinggi jika dibiarkan membesar. Kegiatan menangkap ikan baja semakin berleluasa berikutan peningkatan permintaan ikan baja untuk projek akuakultur.

Analisis Audit mendapati secara keseluruhan pendaratan ikan baja menunjukkan trend menurun dari tahun 2008 hingga 2012. Bagaimanapun berlaku peningkatan pada tahun 2010 dan 2012. Pendaratan ikan baja pada tahun 2011 telah menunjukkan penurunan sebanyak 261,669 tm (14.9%) berbanding pendaratan ikan baja pada tahun 2010 iaitu sebanyak 307,439 tm. Bagi tahun 2012 pula, didapati pendaratan ikan baja meningkat sebanyak 262,687 tm (0.4%) berbanding tahun 2011. Butiran lanjut pendaratan ikan baja adalah seperti di jadual berikut:


**JADUAL 5.11
 PENDARATAN IKAN BAJA BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2012**

TAHUN	PENDARATAN IKAN BAJA (tm)	PERATUS PENINGKATAN/(PENURUNAN) (%)
2008	316,203	(7.8)
2009	285,376	(9.7)
2010	307,439	7.7

TAHUN	PENDARATAN IKAN BAJA (tm)	PERATUS PENINGKATAN/(PENURUNAN) (%)
2011	261,669	(14.9)
2012	262,687	0.4
JUMLAH	1,433,374	

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

CARTA 5.2
PENDARATAN IKAN BAJA BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2012



Analisis Audit selanjutnya mendapati walaupun pendaratan ikan baja menunjukkan penurunan tapi masih di tahap yang tinggi jika dibandingkan dengan jumlah pendaratan ikan secara keseluruhan iaitu 17.8% pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual di bawah dan contoh ikan baja yang didaratkan adalah seperti di **Gambar 5.6** hingga **5.11**.

JADUAL 5.12
JUMLAH PENDARATAN IKAN BAJA DAN PENDARATAN IKAN MAKAN BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2012

TAHUN	PENDARATAN IKAN SECARA KESELURUHAN (tm)	PENDARATAN IKAN MAKAN (tm)	PENDARATAN IKAN BAJA (tm)	PERATUS PENDARATAN IKAN BAJA (%)
2008	1,377,700	1,061,497	316,203	23.0
2009	1,393,226	1,107,850	285,376	20.5
2010	1,428,881	1,121,442	307,439	21.5
2011	1,373,105	1,111,436	261,669	19.1
2012	1,472,239	1,209,642	262,687	17.8

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

GAMBAR 5.6



*Jeti Perikanan Cendering, Terengganu
- Ikan Baja
(15.10.2012)*

GAMBAR 5.7



*Jeti Persendirian Kukup, Johor
- Ikan Baja
(22.11.2012)*

GAMBAR 5.8




*Jeti Perikanan Kota Kinabalu, Sabah
- Ikan Baja
(27.11.2012)*

GAMBAR 5.9



*Jeti Persendirian Kudat, Sabah
- Ikan Baja
(28.11.2012)*

GAMBAR 5.10



*Jeti Persendirian Kudat, Sabah
- Ikan Baja Terdiri Dari Ikan Bernilai Komersial Jika Dibiarkan Membesar
(Contoh : Kerapu, Ikan Sebelah, Ikan Yu, Udang)
(28.11.2012)*

GAMBAR 5.11



Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF sedia maklum bahawa 60% daripada komposisi tangkapan pukat tunda adalah ikan baja. Namun begitu DOF telah mengambil inisiatif bagi mengurangkan penangkapan ikan kecil ini seperti menguatkuasakan penggunaan saiz pukat minima iaitu 38mm; menggalakkan pemasangan alat Juvenile & Trash Excluder Device (JTED) kepada vesel Pukat Tunda; menggalakkan penggunaan Malaysia Acetes Efficiency Device (MAED) kepada pukat udang baring; dan memberi kesedaran kepada nelayan terlibat. LKIM pula bercadang untuk menghadkan musim tangkapan dengan memperkenalkan 'closed season' seperti di negara China dan memperkenalkan kuota tangkapan ikan baja kepada 200 tan metrik sahaja setahun.

Pada pendapat Audit, penangkapan ikan baja akan mengurangkan *fish stock* yang berpotensi dan seterusnya boleh menjejaskan sumber protein bagi rakyat Malaysia jika dibiarkan berlarutan. DOF perlu mengeluarkan suatu dasar bagi menghadkan penangkapan ikan baja supaya kepupusan ikan komersil dapat diminimakan. Selain itu, mekanisme penangkapan ikan hendaklah dikaji semula dan meningkatkan kesedaran nelayan terhadap penangkapan ikan yang bertanggungjawab (*responsible fishing*).

5.5.3.6. Tukun Tiruan

DOF telah membelanjakan sejumlah RM32 juta untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan tukun tiruan di seluruh negara. Peruntukan ini diterima di bawah RMKe-9, Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2) dan daripada Kerajaan Negeri Terengganu. Sebahagian besar daripada peruntukan digunakan untuk kajian pemilihan tapak, kajian reka bentuk, kajian kepelbagaian spesies ikan di kawasan tukun, kajian ketahanan dan kestabilan tukun selepas dilabuh serta kajian tabiat ikan. Agihan peruntukan kepada Ibu Pejabat, Pusat Penyelidikan dan Pejabat Perikanan Negeri (PPN) adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.13
AGIHAN PERUNTUKAN KEPADA NEGERI/PUSAT
MENGIKUT JENIS PERUNTUKAN**

NEGERI / PUSAT	RMKe-9		PRE 2 (RM)	PERUNTUKAN KHAS NEGERI TERENGGANU (RM)	JUMLAH (RM)
	PEMBANGUNAN TUKUN TIRUAN (RM)	REKREASI (RM)			
Ibu Pejabat	79,500	-	147,568	-	227,068
Pusat Penyu Dan Ekosistem Marin, Rantau Abang, Terengganu	67,000	-	-	-	67,000
Pembangunan Dan Pengurusan Sumber Marin, Terengganu	580,000	-	-	-	580,000
PPN Perlis	3,000	195,000	302,000	-	500,000
PPN Kedah	1,447,730	-	1,546,200	-	2,993,930
PPN Pulau Pinang	300,000	332,000	569,000	-	1,201,000
PPN Perak	580,000	508,000	916,200	-	2,004,200
PPN Selangor	1,079,500	-	1,115,900	-	2,195,400
PPN Negeri Sembilan	400,000	-	196,400	-	596,400
PPN Melaka	410,000	-	185,400	-	595,400
PPN Kelantan	503,000	-	1,556,500	-	2,059,500
PPN Terengganu	455,000	100,000	1,457,300	6,932,832	8,945,132
PPN Pahang	1,010,000	310,000	516,000	-	1,836,000
PPN Johor	490,500	100,000	320,100	-	910,600
PPN Wilayah Persekutuan Labuan	672,000	300,000	832,000	-	1,804,000
PPN Sabah	-	-	3,130,000	-	3,130,000
PPN Sarawak	100,000	40,000	2,208,532	-	2,348,532
JUMLAH	8,177,230	1,885,000	14,999,100	6,932,832	31,994,162

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Bagi tahun 2006 hingga 2010, DOF telah berjaya mewujudkan sebanyak 115 tapak tukun tiruan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 103 tapak adalah untuk konservasi dan 12 tapak lagi untuk tujuan rekreasi. Ringkasan bilangan keseluruhan tapak tukun baru mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.14
BILANGAN TUKUN BARU MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2010

NEGERI / PUSAT	RMKe - 9		PRE - 2	PERUNTUKAN KHAS NEGERI TERENGGANU	JUMLAH
	PEMBANGUNAN TUKUN TIRUAN	REKREASI			
Perlis	-	1	1	-	2
Kedah	4	-	7	-	11
Pulau Pinang	-	2	2	-	4
Perak	2	3	2	-	7
Selangor	5	-	4	-	9
Negeri Sembilan	2	-	1	-	3
Melaka	2	-	1	-	3
Kelantan	1	-	7	-	8
Terengganu	2	1	7	14	24
Pahang	5	2	2	-	9
Johor	2	1	1	-	4
Labuan	3	2	4	-	9
Sabah	-	-	16	-	16
Sarawak	-	-	6	-	6
JUMLAH	28	12	61	14	115

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Semakan Audit terhadap aktiviti tukun mendapati kajian impak tukun tiruan telah dijalankan di 52 pangkalan nelayan di seluruh negara antara bulan September hingga Disember 2011. Di samping itu, pemantauan secara selaman SCUBA telah dijalankan di 3 tapak tukun dalam perairan negeri Terengganu antara tahun 2008 hingga 2010. Berdasarkan analisis oleh DOF adalah didapati pembinaan tukun tiruan telah menambahkan habitat baru dan kawasan pembiakan ikan berdekatan dengan pantai, meningkatkan sumber perikanan laut pantai yang merosot dan juga meningkatkan pendapatan nelayan tradisional pantai. Contoh jenis tukun yang dibina dan pembiakan ikan di kawasan tukun tiruan berdasarkan maklumat DOF adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.12



Tukun Tetrapod

GAMBAR 5.13




Tukun Kiub

GAMBAR 5.14




GAMBAR 5.15



Habitat Ikan Di Kawasan Tukun Tiruan


Bagaimanapun, di bawah RMKe-10 tiada peruntukan diterima bagi pembinaan tukun. Oleh kerana tukun tiruan merupakan satu kaedah yang berkesan untuk memulihara sumber perikanan, pada pendapat Audit peruntukan perlu disediakan untuk membantu kemapanan sumber perikanan terutama sekali apabila berlaku kerosakan ekosistem terumbu karang. Analisis Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) melalui GIS menunjukkan status (hidup/mati) terumbu karang di Pulau Manukan, Sabah dan Pulau Giam, Perak seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.16
STATUS TERUMBU KARANG
DI PULAU MANUKAN, SABAH



Sumber : Imej Satelit Dari Agensi Remote Sensing Malaysia Pada 11 Julai 2011

GAMBAR 5.17
STATUS TERUMBU KARANG
DI PULAU GIAM, PERAK



Sumber : Imej Satelit Dari Agensi Remote Sensing Malaysia Pada Tahun 2008

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF menghadapi kesulitan untuk menambahkan bilangan tukun tiruan secara ideal kerana peruntukan pembangunan yang terhad. Bagaimanapun, DOF telah berkolaborasi dengan pihak swasta berkaitan pembangunan tukun tiruan. Jabatan Taman Laut Malaysia pula telah menubuhkan kawasan taman laut seluas 235,723 hektar sebagai usaha untuk memelihara habitat ikan serta memasang peranti pemuliharaan biodiversiti secara berterusan.

Pada pendapat Audit, kemapanan sumber perikanan hendaklah dipelihara bagi memastikan pengeluaran ikan sebagai sumber protein secara berterusan dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Di samping itu, kajian keperluan dan pemuliharaan hendaklah dilakukan secara berterusan terhadap kawasan perairan yang mengalami kerosakan terumbu karang. Dengan itu, DOF hendaklah menambahkan bilangan tukun tiruan di samping meningkatkan kolaborasi dengan agensi yang berkaitan dengan pemuliharaan terumbu karang bagi tujuan penempatan lokasi tukun tiruan.

5.5.3.7. Pemberian Lesen Khas Sampan

Bagi mengatasi eksploitasi yang berlebihan, semua pengeluaran lesen perikanan laut pantai dibekukan bermula pada tahun 1982 termasuk pengeluaran lesen sampan. Pada tahun 2002, Kerajaan mendaftar sampan sedia ada yang tiada lesen sebelum ini dengan harapan tidak akan wujud lagi sampan tidak berlesen. Bagaimanapun, dengan adanya bantuan subsidi diesel, petrol dan elaun sara hidup pada tahun 2006 ramai yang berminat untuk bergiat aktif dalam perikanan tangkapan. Pada tahun 2008 pula, Jemaah Menteri telah meluluskan pemberian lesen 15,111 sampan khas kepada nelayan yang tidak berlesen di seluruh negara. Pada tahun 2012 jumlah ini telah meningkat kepada 22,254 lesen dengan peningkatan sebanyak 47.3%. Butiran lanjut mengenai lesen khas sampan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.15
BILANGAN KELULUSAN LESEN KHAS SAMPAN
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2012

NEGERI	BIL. LESEN KHAS SAMPAN / TAHUN					JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	2012	
Perlis	298	0	0	0	95	393
Kedah	1,161	0	3	87	898	2,149
Pulau Pinang	822	0	0	77	383	1,282
Perak	775	0	189	78	511	1,553
Selangor	976	0	41	194	255	1,466
Negeri Sembilan	128	0	0	25	34	187
Melaka	239	0	0	7	16	262
Johor	1,219	0	21	479	456	2,175
Pahang	602	0	0	22	354	978
Terengganu	864	0	1	79	535	1,479
Kelantan	768	0	62	258	0	1,088
W.P. Labuan	169	0	0	5	34	208
Sarawak	1,844	0	0	1,425	519	3,788
Sabah	5,246	0	0	0	0	5,246
JUMLAH	15,111	0	317	2,736	4,090	22,254 (47.3%)

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Peningkatan bilangan nelayan baru sepatutnya boleh meningkatkan jumlah tangkapan. Bagaimanapun, didapati kuantiti pendaratan ikan telah berkurangan sejumlah 55,776 tm bagi tahun 2011 berbanding dengan tahun 2010. Namun dari segi nilai pengeluaran pula, ia telah meningkat sebanyak 4.3% berbanding tahun 2010. Ini disebabkan oleh kenaikan harga ikan di pasaran kerana berlaku kekurangan dalam pendaratan ikan (permintaan melebihi penawaran). Jadual di bawah menunjukkan perbandingan harga borong bagi 9 jenis ikan dan kenaikan harga ikan di pasaran di antara 1.9% hingga 12.7%.

JADUAL 5.16
PERBANDINGAN HARGA BORONG IKAN DI PASARAN
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

JENIS IKAN	TAHUN			PERATUS KENAIKAN (%)
	2010 (RM/kg)	2011 (RM/kg)	2012 (RM/kg)	
Terubuk	11.85	12.52	TM	5.7
Jenahak	17.40	17.73	TM	1.9
Kerapu	17.09	17.69	TM	3.5
Merah	13.34	13.74	TM	3.0
Bawal Hitam	13.78	14.65	TM	6.3
Senangin	15.20	16.41	TM	8.0
Tenggiri	13.06	13.88	TM	6.3
Kurau	22.16	24.98	TM	12.7
Kembong	6.66	6.88	TM	3.3

Sumber : *Jabatan Perikanan Malaysia*

Nota : *TM - Tiada Maklumat*

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF telah memutuskan untuk membekukan semua pengeluaran lesen khas sampan bermula 1 Julai 2013. Selain itu program pemutihan ke atas nelayan sampan khas akan dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, pembekuan pengeluaran lesen khas sampan yang baru hendaklah diteruskan. Bagi kes pembaharuan lesen sedia ada, kriteria *responsible fishing* hendaklah diutamakan.

5.5.3.8. Program *Exit Plan*

Bagi memulihkan semula sumber perikanan pantai, Kerajaan telah memperkenalkan program *Exit Plan* iaitu skim pembelian balik vesel dan *matching grant* bagi mengubahsuai vesel. Program *Exit Plan* dilaksanakan untuk mengeluarkan sejumlah vesel pukat tunda Zon B daripada beroperasi di kawasan 12 batu nautika dari pantai kerana kawasan ini yang mengalami kemerosotan sumber ikan demersal. Selain itu, pelaksanaan program ini juga menggalakkan penggunaan peralatan mesra sumber bagi mengurangkan tangkapan berlebihan (*overfishing*) di perairan zon persisiran pantai; menyusun semula sumber tenaga manusia dan memajukan pelaburan dalam sektor penangkapan ikan Zon C dan C2; dan meningkatkan kesedaran nelayan dalam pengurusan sumber perikanan melalui program Komuniti Pengurusan Sumber Perikanan.

Semakan Audit mendapati sejumlah RM8 juta telah diperuntukkan di bawah RMKe-9 untuk program ini. Sejumlah RM6.95 juta telah dibelanjakan untuk pembelian balik vesel di negeri Kedah dan Selangor dan sejumlah RM0.85 juta adalah untuk aktiviti promosi *Exit Plan*. Bagaimanapun, di negeri lain, program ini kurang mendapat sambutan daripada nelayan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.17
PEMBELIAN BALIK VESEL BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2009**

TAHUN	NEGERI	BIL. VESEL	KOS PEMBELIAN (RM Juta)
2007	Kedah	40	2.07
2008	Kedah	44	2.57
2009	Kedah	31	2.27
	Selangor	1	0.04
JUMLAH		116	6.95

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF akan meneruskan program Exit Plan bagi Zon C dan dipanjangkan bagi pukat tunda Zon B sekiranya peruntukan pembangunan mencukupi. Selain itu DOF akan menggalakkan nelayan menukar pukat tunda kepada peralatan yang lebih mesra alam dan berkecimpung dalam industri hiliran. DOF juga akan melaksanakan kempen kesedaran “Sayangi Ekosistem Dan Sumber Perikanan Marin”.

Pada pendapat Audit, perancangan dan pelaksanaan bagi program ini hendaklah dikaji secara berterusan bagi memastikan ia adalah relevan serta dapat mengurangkan aktiviti penangkapan ikan yang destruktif. Program kesedaran kepada nelayan hendaklah dijalankan secara menyeluruh terhadap pelaksanaan program *exit plan*. Di samping itu, kajian terperinci terhadap pencapaian program hendaklah dijalankan untuk memastikan sama ada program tersebut sesuai untuk diteruskan atau mewujudkan program yang baru.

5.5.4. Pengurusan Perikanan

5.5.4.1. Kajian Sumber Ikan Tidak Dikemaskini

Maklumat sumber perikanan untuk mengetahui status *fish stock* terkini adalah untuk membantu pengurusan perikanan dan penangkapan ikan yang lebih berkesan. Potensi sumber perikanan di Malaysia pada masa kini tidak diketahui secara tepat kerana kajian *Fisheries Resources Survey* tidak dilaksanakan sejak tahun 1999 iaitu telah melebihi 13 tahun. Menurut pegawai perikanan, kajian sumber tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan kewangan tidak disediakan. Oleh itu, data sumber perikanan dan pemuliharaan sumber tidak tepat dan *obsolete*. Tiada data terkini mengenai *fish stock* menyebabkan perancangan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh, tepat dan holistik.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF masih belum dapat melaksanakan kajian kerana kekurangan peruntukan. Bagaimanapun permohonan telah dibuat kepada EPU sebanyak RM7 juta bagi tahun 2013 dan 2014 dan jawapan belum diterima.

Pada pendapat Audit, sektor perikanan negara kurang bergantung kepada sumber ikan yang diimpot dan lebih bergantung kepada sumber ikan di perairan Malaysia. Maka kajian terhadap sumber ikan harus diberi keutamaan bagi mengetahui status stok ikan di perairan Malaysia. Selain itu, hasil kajian ini boleh digunakan sebagai salah satu asas utama bagi pengurusan sumber perikanan laut yang mapan dan berkesan.

5.5.4.2. *Standard Operating Procedure (SOP) Tidak Disediakan*

Gross Registered Tonnage (GRT) ialah ukuran yang akan menentukan pengelasan zon ke atas setiap vesel nelayan yang akan dilesenkan. DOF sebagai pihak yang mengeluarkan lesen vesel telah menetapkan satu kaedah pengiraan berpandukan standard antarabangsa yang diguna pakai di seluruh negara kecuali Sabah. Pengeluaran lesen di Sabah pula, dikeluarkan oleh 3 Agensi yang berbeza iaitu Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga, Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan mengikut ukuran GRT. Semakan selanjutnya mendapati SOP tidak disediakan untuk memudahkan rujukan agensi-agensi tersebut.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF akan membantu Jabatan Perikanan Sabah dalam menyediakan Dasar dan prosedur perlesenan peralatan menangkap ikan bagi negeri Sabah.

Pada pendapat Audit, SOP hendaklah disediakan secara komprehensif dan sentiasa dikemaskini supaya asas piawaian yang relevan berteraskan Akta Perikanan, undang-undang negeri, lain-lain peraturan domestik dan antarabangsa.

5.5.4.3. *Penggunaan Ikan Per Kapita*

Di bawah Dasar Agromakanan Negara bagi tahun 2011 hingga 2020, penggunaan ikan per kapita setahun bagi penduduk Malaysia dijangka meningkat daripada 46kg kepada 55kg seorang setahun dengan pertumbuhan sebanyak 1.9% setahun bagi tempoh yang sama. Peningkatan ini disebabkan oleh kesedaran pengguna terhadap sumber protein.

Analisis Audit terhadap penggunaan ikan per kapita secara tahunan dari tahun 2006 hingga 2011 mendapati berlaku trend penurunan dalam lingkungan 1.6% hingga 7.0% dan peningkatan dalam lingkungan 0.9% hingga 2.0%. Ini menggambarkan kadar pertumbuhan penggunaan ikan per kapita tidak konsisten. Manakala perbandingan kadar pertumbuhan penggunaan ikan per kapita tahun 2006 hingga 2011 dengan berasaskan tahun 2006 berlaku penurunan dalam lingkungan 2.8% hingga 11.0%. Ini menggambarkan kadar penggunaan ikan per kapita menurun sejak tahun 2006. Berdasarkan trend ini,

penggunaan ikan per kapita pada tahun 2020 boleh terjejas. Butiran lanjut penggunaan ikan per kapita bagi tahun 2006 hingga 2020 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.18
KADAR PERTUMBUHAN PENGGUNAAN IKAN PER KAPITA
BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2012

TAHUN / PERKARA	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2020 (JANGKAAN)
KG (Per Kapita)	50.7	49.3	48.5	45.1	45.5	46.4	TM	55.0
Peratus Kadar Pertumbuhan Tahunan	TB	(2.8)	(1.6)	(7.0)	0.9	2.0	TM	18.5
Peratus Kadar Pertumbuhan Berdasarkan Tahun 2006	TB	(2.8)	(4.3)	(11.0)	(10.3)	(8.5)	TM	TB

Sumber : *Jabatan Perikanan Malaysia*

Nota : *TM - Tiada Maklumat;*

TB - Tidak Berkaitan

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

Faktor yang mendorong penurunan penggunaan per kapita ikan adalah kenaikan harga ikan dengan kadar pertumbuhan tahunan (2006 - 2010) sebanyak 5.3% mengurangkan kuasa beli pengguna dan kesan penggantian sumber protein (ayam dan daging lembu). Selain itu, LKIM berpendapat antara punca lain adalah akibat kekurangan bekalan ikan tempatan. Bagaimanapun LKIM telah memperkenalkan program Ikan Rakyat 1 Malaysia bagi mengawal harga ikan.

Pada pendapat Audit, penurunan penggunaan per kapita ikan adalah membimbangkan bagi penggunaan sumber protein dari ikan pada masa hadapan. DOF bersama-sama dengan semua agensi yang terlibat termasuk agensi berkaitan alam sekitar hendaklah mengkaji secara mendalam punca kekurangan bekalan ikan tempatan dan cara untuk memastikan keamanan sumber perikanan sentiasa konsisten.

5.5.4.4. Sasaran Pendaratan Ikan Pada Tahun 2020 Sukar Direalisasikan

Salah satu objektif Perikanan Marin adalah untuk merealisasikan pendaratan ikan untuk tujuan makanan melalui perikanan tangkapan yang optimum sebanyak 1.76 juta tm pada tahun 2020. Analisis Audit terhadap pendaratan ikan dari tahun 2003 (1.28 juta tm) hingga 2012 (1.48 juta tm) mendapati kadar peningkatan pengeluaran ikan untuk tempoh 10 tahun itu hanya 188,984 tm dengan kadar peningkatan 14.7%. Oleh itu, perkiraan kadar pertumbuhan purata setiap tahun dalam lingkungan 1.5%. Berpandukan kepada sasaran pengeluaran ikan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 1.76 juta tm, kadar pertumbuhan yang ideal mulai tahun 2012 adalah 2.4%. Jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan yang sebenar dari tahun 2003 hingga 2012 iaitu 1.5%, maka dapat disimpulkan bahawa sasaran pendaratan ikan pada tahun 2020 adalah sukar direalisasikan. Butiran lanjut mengenai pendaratan ikan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.19
DATA PENDARATAN IKAN BAGI TAHUN 2003 HINGGA 2012

TAHUN	LAUT PANTAI (tm)	LAUT DALAM (tm)	JUMLAH (tm)	TAMBAH/ (KURANG) (%)
2003	1,084,802	198,453	1,283,255	-
2004	1,060,150	271,495	1,331,645	3.8
2005	988,313	221,288	1,209,601	(9.2)
2006	1,128,439	251,331	1,379,770	14.1
2007	1,117,058	246,400	1,363,458	(1.2)
2008	1,091,200	286,500	1,377,700	1.0
2009	1,096,663	296,563	1,393,226	1.1
2010	1,108,897	319,984	1,428,881	2.6
2011	1,085,965	287,140	1,373,105	(3.9)
2012	1,136,182	336,057	1,472,239	7.2

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Antara sebab kadar pertumbuhan pendaratan ikan yang tidak konsisten dan kurang daripada kadar ideal tersebut adalah *overfishing*, *fish migration*, kemusnahan karang dan *landbase/seabase pollution*.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

Antara strategi yang dirancang oleh DOF bagi menggalak pendaratan ikan daripada vesel laut dalam adalah seperti mempertingkatkan penguatkuasaan penggunaan alat MTU, pemantauan vesel melalui LOV, menggalakkan pelaburan swasta, menggalakkan industri hiliran melalui inisiatif “Perikanan Tangkapan Bersepadu i-CATCH”. Selain itu maklum balas dari LKIM, JAS dan JTLM juga menekankan strategi seperti peningkatan dalam pemantauan, penguatkuasaan, kerjasama antara agensi, kesedaran nelayan, penjagaan alam sekitar/sumber asli, usaha melindungi tempat pembiakan ikan dan taman laut.

Pada pendapat Audit, bagi merealisasikan sasaran pendaratan ikan pada tahun 2020, hendaklah diusahakan secara bersama, komprehensif dan konsisten berdasarkan strategi-strategi yang telah ditetapkan oleh DOF, LKIM, JAS dan JTLM. Strategi ini hendaklah juga mengambil kira penglibatan pihak APMM dan pihak berkaitan di peringkat regional dan antarabangsa.

5.5.4.5. Aktiviti Pelesenan

a. Lesen Vesel Dikeluarkan Sebelum Peralatan *Mobile Transceiver Unit* (MTU) Dipasang

Mengikut Manual Pelaksanaan dan Pengawalseliaan Vesel, sebelum vesel laut dalam (Zon C2) dilesenkan dan didaftarkan, pemilik vesel hendaklah memasang peralatan MTU yang dibeli melalui vendor yang dilantik oleh

DOF. Vendor akan menguji peralatan tersebut dan mengaktifkannya melalui sistem satelit Telekom Malaysia Berhad. MTU perlu berfungsi setiap kali aktiviti penangkapan ikan dijalankan dan ia juga sebagai salah satu syarat untuk pembaharuan lesen. Semakan Audit terhadap 30 fail vesel di Pejabat Perikanan Daerah Mersing, Johor mendapati 4 lesen telah dikeluarkan sebelum MTU dipasang pada vesel berkenaan, manakala 2 vesel bernombor JHF 8878T dan JHF 8738T tidak dapat dipastikan kerana maklumat MTU tiada dalam fail. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.20
SENARAI VESEL YANG DILESENKAN SEBELUM MTU DIPASANG

NOMBOR VESEL	TARIKH DILESENKAN	TARIKH MTU DIPASANG
JHF 8777T	15.04.2010	19.04.2010
JHF 9308T	26.09.2011	03.10.2011
JHF 8878T	-	-
JHF 8776T	15.04.2010	17.12.2010
JHF 8883T	27.01.2011	18.04.2011
JHF 8738T	-	-

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF akan memantau secara konsisten pemasangan alat MTU sebelum pendaftaran/pelesenan vesel dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pemberian lesen tanpa pemasangan MTU akan menjejaskan sistem pemantauan terhadap vesel berkenaan dan boleh mengakibatkan kes pencerobohan yang sukar dijejak dan menyukarkan urusan pendakwaan kerana bukti pergerakan vesel tidak dapat dikemukakan. Dengan itu, pihak DOF hendaklah memastikan hanya vesel yang mematuhi syarat pelesenan sahaja dikeluarkan lesen dan didaftarkan. Disyorkan DOF menyiasat pemberian lesen tanpa pemasangan MTU di Mersing, Johor. Selain itu, pengaktifan MTU hendaklah sentiasa dipantau dan dipanjangkan kepada vesel kategori Zon C.

5.5.4.6. Aktiviti Penguatkuasaan

a. Pemantauan Vesel

Vessel Monitoring System (VMS) merupakan satu sistem berkomputer yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi satelit untuk mengesan pergerakan vesel. Alat pengesan yang dikenali sebagai MTU dipasang di atas vesel untuk mendapatkan kedudukan vesel melalui *Global Positioning System (GPS)*. Data kedudukan, trek perjalanan dan kelajuan vesel dihantar melalui sistem satelit immarsat ke server VMS DOF di Putrajaya. Laporan bulanan MTU perlu dikeluarkan oleh Bahagian Perlindungan Sumber, DOF bagi mengenal pasti keaktifan penggunaan peralatan MTU bagi vesel

penangkapan laut dalam C2. Salah satu syarat untuk memperbaharui lesen tahunan adalah apabila tahap keaktifan tahunan penggunaan peralatan MTU mencapai 80% setahun.

Semakan Audit mendapati Bahagian Perlindungan Sumber, DOF telah mengeluarkan laporan bulanan keaktifan peralatan MTU bagi setiap vesel C2. Bagaimanapun di negeri Sabah, MTU masih belum digunakan bagi vesel bermuatan GRT 70 dan ke atas kerana MTU tidak dipasang pada vesel berkenaan. Status keaktifan MTU bagi vesel C2 mengikut negeri yang dilawati bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.21
VESEL YANG TIDAK MENCAPI KEAKTIFAN 80% BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

NEGERI	JUMLAH VESEL YANG DIKESAN MELALUI SISTEM VMS			BIL. VESEL YANG TIDAK MENCAPI KEAKTIFAN PENGGUNAAN MTU 80%			PERATUS VESEL TIDAK MENCAPI KEAKTIFAN PENGGUNAAN MTU 80% (%)		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012	2010	2011	2012
Johor	48	67	72	34	30	38	70.8	44.8	52.8
Perak	142	155	179	97	96	98	68.3	61.9	54.7
Terengganu	46	62	66	37	47	56	80.4	75.8	84.8
Sabah	MTU masih belum digunakan								

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Nota : VMS - Vessel Monitoring System
MTU - Mobile Transceiver Unit

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

Tindakan tegas menggantung lesen vesel sekiranya pemilik masih tidak memasang MTU akan diambil (Semenanjung Malaysia dan Sarawak). Bagaimanapun di negeri Sabah, pemasangan MTU akan dikuatkuasakan.

Pada pendapat Audit, pemasangan MTU bagi setiap vesel terutamanya vesel laut dalam adalah penting bagi mengetahui pergerakan dan kedudukan sesebuah vesel supaya dapat membantu DOF dan agensi penguatkuasaan dalam mengenal pasti kes pencerobohan zon, penyeludupan/penjualan ikan ke negara lain dan dapat mengetahui kedudukan terakhir vesel (jika berlaku bencana). Dengan itu sistem pemantauan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan. Oleh itu pihak DOF perlu memastikan semua pemilik vesel yang terlibat memasang MTU.

b. Aktiviti Penguatkuasaan Oleh Jabatan Perikanan Malaysia

Aktiviti penguatkuasaan perikanan di laut (laut pantai dan laut dalam) yang sebelum ini dijalankan oleh DOF telah diambil alih oleh APMM. Bagaimanapun, Bahagian Perlindungan Sumber, DOF masih memantau dengan membuat pemeriksaan rambang di samping pemeriksaan tahunan untuk pembaharuan lesen vesel dan peralatan ikan. Bagaimanapun, didapati

tiada bajet diperuntukkan kepada DOF di bawah RMKe-10 bagi aktiviti penguatkuasaan perikanan di laut.

Mengikut program tahunan yang ditetapkan oleh Bahagian Perlindungan Sumber, pejabat pangkalan perlu melakukan pemeriksaan tahunan sekurang-kurangnya 50% terhadap vesel/lesen yang dikeluarkan oleh Pejabat Perikanan Negeri. Semakan Audit bagi 4 sampel negeri mendapati pemeriksaan vesel ada dilaksanakan tetapi tidak mencapai 50% kecuali di negeri Johor bagi tahun 2012 dan di negeri Perak bagi tahun 2011. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.22
BILANGAN PEMERIKSAAN VESEL BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012

NEGERI	TAHUN 2010			TAHUN 2011			TAHUN 2012		
	JUMLAH VESEL	VESEL DIPERIKSA	PERATUS DIPERIKSA (%)	JUMLAH VESEL	VESEL DIPERIKSA	PERATUS DIPERIKSA (%)	JUMLAH VESEL	VESEL DIPERIKSA	PERATUS DIPERIKSA (%)
Johor	4,396	258	5.9	5,135	1,873	36.5	5,679	3,461	60.9
Perak	5,098	668	13.1	5,413	3,565	65.9	5,623	1,598	28.4
Terengganu	2,573	531	20.6	2,906	849	29.2	3,107	1,450	46.7
Sabah	Tiada Maklumat								
JUMLAH	12,067	1,457	-	13,454	6,287	-	14,409	6,509	-

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan penguatkuasaan seperti menubuhkan Komuniti Pengurusan Ekosistem Perikanan (KPEP) / Rakan Fish, menjalankan program pemeriksaan fizikal vesel C2 yang bermasalah, mewujudkan Standard Operating Prosedure (SOP) LOV, mengadakan majlis interaksi bersama pengusaha vesel laut dalam dan memperkasakan semula Bahagian Perlindungan Sumber di DOF di perairan pantai (Zon A).

Pada pendapat Audit, aktiviti pemantauan yang telah mula dijalankan oleh DOF hendaklah diteruskan secara konsisten dengan memastikan sumber tenaga manusia/kewangan sentiasa mencukupi. Aktiviti ini adalah penting bagi memperkasakan sistem perhubungan dua hala antara nelayan dan DOF.

c. Pengendalian Kes Tangkapan

Mengikut Seksyen 25, Akta Perikanan 1985, mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan Akta adalah bersalah dan boleh dikenakan kompaun. Kompaun akan ditentukan oleh Cawangan Perundangan DOF berdasarkan jenis kesalahan. Selain itu, fungsi Cawangan Perundangan juga meliputi pendakwaan, rayuan dan penyeliaan

ke atas semua kes tangkapan. Bilangan kes tangkapan vesel nelayan tempatan dan vesel nelayan asing bagi tahun 2010 hingga 2012 bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.23
PERIHAL TANGKAPAN VESEL NELAYAN TEMPATAN DAN ASING
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

TAHUN	BIL. KES TANGKAPAN NELAYAN		HASIL LELONGAN IKAN NELAYAN		DENDA MAHKAMAH NELAYAN	
	TEMPATAN	ASING	TEMPATAN (RM)	ASING (RM)	TEMPATAN (RM)	ASING (RM)
2010	786	103	263,020	99,204	1,147,500	37,734,000
2011	558	70	183,096	60,921	753,450	23,925,000
2012	390	43	285,948	23,750	601,460	580,000
JUMLAH	1,734	216	732,064	183,875	2,502,410	62,239,000

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Pada pendapat Audit, kes tangkapan nelayan oleh APMM dan prestasi pelaksanaan serta pengendalian/penyeliaan terhadap pendakwaan/ rayuan ke atas kes tangkapan oleh Cawangan Perundangan DOF adalah baik. Adalah diperhatikan trend penurunan bilangan kes tangkapan nelayan tempatan dan asing menunjukkan impak positif dari segi penguatkuasaan undang-undang. Usaha ini perlu diteruskan untuk tujuan pencegahan kes kesalahan dan pelanggaran peruntukan undang-undang oleh nelayan tempatan dan asing di bawah Akta ini.

5.5.4.7. Kekurangan Kakitangan Bagi Aktiviti Pelesenan

Kakitangan bagi aktiviti pelesenan di setiap daerah dikehendaki mengendalikan permohonan pembaharuan dan perubahan syarat lesen, mengeluarkan permit, membuat pemeriksaan bagi tujuan pembaharuan lesen tahunan, pindah milik, ubahsuai kulit, ganti kulit, ganti enjin, pendaftaran lesen baru serta kes kehilangan enjin dan peralatan. Tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepada kakitangan tersebut termasuklah merekodkan/mengemas kini data dalam sistem SIRIP, mengendalikan pentadbiran dan kewangan, menghadiri mesyuarat antara agensi, kursus dan siasatan permohonan lesen baru serta aktiviti pelesenan. Adalah didapati bilangan perjawatan yang terlibat dengan aktiviti pelesenan di negeri adalah kecil iaitu antara 1 hingga 2 kakitangan bagi setiap daerah. Sebagai contoh di daerah Mersing, Johor seorang pegawai perikanan bertanggungjawab terhadap 871 vesel yang melibatkan 4,407 orang nelayan. Di Langkawi, Kedah pula seorang pegawai perikanan bertanggungjawab terhadap 1,849 vesel yang melibatkan 5,394 orang nelayan. Perbandingan bebanan tugas kakitangan terlibat dengan aktiviti pelesenan mengikut negeri adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.24
PERBANDINGAN BEBANAN TUGAS PEGAWAI YANG TERLIBAT
DENGAN AKTIVITI PELESENAN DI SELURUH NEGARA

NEGERI	BIL. PEGAWAI			BIL. NELAYAN			BIL. VESEL		
	2010	2011	2012	2010	2011	2012	2010	2011	2012
Perak	7	7	7	12,947	14,965	15,727	5,623	5,550	5,764
Johor	8	8	8	11,765	13,210	12,261	5,135	5,679	4,943
Terengganu	7	7	7	11,163	10,547	10,775	3,107	3,078	3,330
Sabah	16	16	16	25,107	28,554	29,043	12,172	15,217	15,706
Kelantan	3	3	3	10,797	9,223	8,976	2,033	2,058	1,974
Perlis	2	2	2	6,306	6,376	6,153	1,121	1,067	1,063
Melaka	3	3	3	1,908	1,932	1,835	1,138	1,106	1,055
Kedah	3	3	3	11,158	11,158	12,945	3,458	3,823	4,731
Pulau Pinang	5	5	5	6,071	5,633	5,548	3,358	2,887	2,970
Negeri Sembilan	2	2	2	476	486	523	393	364	389
Selangor	5	5	5	7,655	7,309	6,782	4,197	3,877	3,354
Pahang	3	3	3	7,996	7,590	7,917	2,029	1,985	2,000
W.P. Labuan	1	1	1	701	1,127	1,216	303	322	358
Sarawak	23	23	23	15,572	16,000	16,813	5,689	5,989	6,574
JUMLAH KESELURUHAN	88	88	88	129,622	134,110	136,514	49,756	53,002	54,211

Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia

Selain itu, didapati bebanan tugas pengurusan lesen vesel dan nelayan oleh kakitangan di daerah dan negeri adalah tidak seimbang. Adalah didapati pada tahun 2012 di Negeri Sembilan hanya 2 orang kakitangan bahagian pelesenan dipertanggungjawabkan dalam menguruskan 389 vesel dan 523 orang nelayan berbanding dengan daerah dan negeri lain yang mempunyai bilangan vesel dan nelayan melebihi daripada 1,000 vesel/orang di bawah jagaan bilangan kakitangan yang sama. Ketidakeragaman agihan kakitangan di daerah dan negeri adalah disebabkan ketiadaan perjawatan.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

DOF dan LKIM sedia maklum mengenai isu kekurangan kakitangan. Dengan itu, permohonan penambahan jawatan di kawasan kritikal telah dibuat kepada JPA dan menunggu maklum balasnya.

Pada pendapat Audit, tahap pengurusan perikanan di peringkat daerah adalah tidak komprehensif berbanding dengan tenaga kerja sedia ada. Bagi meningkatkan tahap kecekapan pengurusan perikanan DOF perlu juga mengkaji semula keperluan dan keseimbangan perjawatan setiap daerah dan negeri di samping meningkatkan usaha memperolehi bilangan perjawatan yang ideal dari pihak JPA. Dengan itu, tahap pengurusan perikanan termasuk di peringkat ibu pejabat dapat dipertingkatkan dengan lebih efisien.

5.5.4.8. Pemantauan

Semakan Audit mendapati pelbagai jenis mesyuarat diadakan di peringkat Ibu Pejabat Perikanan Malaysia dan juga di Pejabat Perikanan Negeri dan Daerah. Antara mesyuarat yang diadakan oleh Bahagian Pelesenan adalah mesyuarat pengurusan pelesenan, mesyuarat jawatankuasa penyelarasan pembangunan tukun tiruan kebangsaan, mesyuarat jawatankuasa induk pemantauan vesel dan pelaksanaan *vesel monitoring system* serta mesyuarat jawatankuasa penilaian permit laut dalam dan tuna. Bahagian Perlindungan Sumber pula mengadakan mesyuarat ketua-ketua pangkalan perlindungan sumber, mesyuarat dengan agensi lain seperti mesyuarat jawatankuasa kerja APMM dan DOF, mesyuarat jawatankuasa bertindak operasi bersama APMM dan agensi lain serta mesyuarat jawatankuasa kerjasama APMM dan DOF. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat - mesyuarat tersebut di atas adalah seperti aktiviti perlesenan, penggunaan sistem e-lesen, pembatalan permit vesel laut dalam, prestasi bulanan vesel, penguatkuasaan, pencerobohan, penyeludupan, kes-kes tangkapan dan isu keselamatan nelayan.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

Operasi pemantauan vesel di laut telah diserahkan kepada APMM, bagaimanapun DOF akan menjalankan program Port State Measure, menangani masalah overfishing dan destructive fishing dengan cara meningkatkan kerjasama dengan nelayan, mengadakan operasi bersama APMM dan mengenal pasti kawasan hot spots supaya tindakan lebih efektif dapat diambil.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang teratur, komprehensif dan konsisten hendaklah diteruskan. Kerjasama dan hubungan baik antara DOF dan APMM bagi menjamin kelangsungan sumber perikanan daripada terus dieksploitasi/dicerobohi perlu dipertingkatkan. Bagaimanapun, mekanisme pemantauan secara langsung terhadap tangkapan ikan hendaklah dipergiatkan memandangkan terbuiktinya berlaku *overfishing and destructive fishing*.

5.5.5. Impak Terhadap Alam Sekitar

Pembangunan perikanan mapan perlu mengambil kira keadaan spesifik untuk aktiviti perikanan termasuk keperluan menyeluruh bekalan dan kemudahan asas yang dikenal pasti seperti air untuk pembersihan, ais dan lain-lain. Para 8.9, Garis Panduan Pelabuhan Dan Kawasan Pendaratan Vesel Menangkap Ikan menggariskan perkara yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk dan membina pelabuhan dan tempat pendaratan ikan seperti berikut:

- i. tempat yang selamat untuk vesel menangkap ikan dan kemudahan perkhidmatan yang mencukupi untuk vesel, pemborong dan pembeli;
- ii. bekalan air bersih yang mencukupi dan kemudahan sanitari perlu disediakan;
- iii. memperkenalkan sistem pembuangan sampah termasuk kemudahan untuk pembuangan sisa minyak, air yang bercampur minyak dan alat menangkap ikan;
- iv. mengurangkan pencemaran daripada aktiviti perikanan dan pencemaran luaran yang lain; dan
- v. mengaturkan cara untuk mengatasi kesan hakisan dan pemendakan.

5.5.5.1. Pembuangan Sisa Pepejal Dan Air Sisa

- a. Perkampungan nelayan dan perusahaan atau perniagaan yang berhubung dengan perikanan seperti restoran makanan laut serta keperluan nelayan merupakan aktiviti yang terdapat di jeti pendaratan ikan terutamanya jeti persendirian. Di samping itu, penternakan ikan dan udang dijalankan secara aktif di kawasan berhampiran jeti persendirian selain daripada aktiviti pembinaan dan penyenggaraan vesel.
- b. Lawatan Audit ke Negeri Perak dan Negeri Johor mendapati pelupusan dan pembuangan sisa pepejal serta kumbahan dari restoran makanan laut adalah tidak teratur. Manakala air rawatan daripada penternakan ikan dalam sangkar yang dijalankan di kawasan perairan berhampiran jeti pendaratan disalurkan terus ke laut. Sisa pepejal yang terdiri daripada sisa makanan, plastik, polisterin dan kertas didapati bersepah dan bertaburan serta terapung di kawasan perairan Jeti Persendirian Hutan Melintang, Perak dan Jeti Persendirian Kukup serta Pontian Kecil, Johor. Peralatan perikanan seperti tempat penyimpanan hasil tangkapan dan pukot yang telah rosak tidak dilupuskan dan dilonggokkan di kawasan tersebut. **Gambar 5.18** hingga **Gambar 5.21** menunjukkan sisa pepejal yang bertaburan dan longgokkan peralatan perikanan yang tidak digunakan lagi.

GAMBAR 5.18



*Jeti Persendirian Pangkor, Perak
- Pembuangan Sampah Sarap
(30.10.2012)*

GAMBAR 5.19



*Jeti Persendirian Hutan Melintang, Perak
- Longgokan Peralatan Perikanan
(01.11.2012)*

GAMBAR 5.20



*Jeti Persendirian Kukup, Johor
- Sampah Sarap Terapung
(04.12.2012)*

GAMBAR 5.21



*Jeti Persendirian Pontian Kecil, Johor
- Sampah Sarap Bersepah Dan Bertaburan
(04.12.2012)*

- c. Sistem pembuangan sisa pepejal adalah tidak teratur di mana tempat pembuangan sampah tidak disediakan untuk kegunaan penduduk di jeti tersebut. Selain itu, sistem kumbahan dan kemudahan sanitari tidak disediakan dengan teratur di mana pembuangan sisa pepejal disalurkan terus ke laut. Di samping itu, kerja pembersihan dan pungutan sisa pepejal tidak dijalankan menyebabkan air resapan mengalir terus ke laut. Air resapan yang terkumpul di laut dan mendap bersama lumpur akan kelihatan ketika air surut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.22



*Jeti Persendirian Hutan Melintang, Perak
- Air Resapan Yang Terkumpul Di Laut
Dan Mendap Bersama Lumpur
(01.11.2012)*


GAMBAR 5.23



*Jeti Persendirian Hutan Melintang, Perak
- Mendapan Lumpur Yang Bercampur Sampah
Berhampiran Rumah Kediaman
(01.11.2012)*

- d. Pembuangan sisa pepejal dan sistem kumbahan yang tidak teratur akan menjejaskan kualiti air marin dan seterusnya terhadap kelestarian perikanan sekiranya tidak dikawal secara berterusan. Pengambilan sampel air bagi ujian kualiti air di Jeti Persendirian Kukup, Pontian, Johor telah dijalankan secara insitu pada koordinat N 01⁰ 19' 31.5" E 103⁰ 26' 28.2" oleh pegawai JAS, Johor pada 4 Disember 2012. Mengikut pegawai JAS, kandungan minyak dan gris semasa ujian kualiti air dilaksanakan adalah pada kadar 1mg/l di mana ia masih di bawah paras standard yang ditetapkan.
- e. Jeti Persendirian Kukup merupakan kawasan utama bagi aktiviti restoran makanan laut, penternakan ikan dalam sangkar dan laluan kapal secara aktif sama ada komersial atau nelayan. Aktiviti ini akan menyumbang kepada pencemaran minyak dan gris serta bakteria *Escherichia Coli* (E. Coli) akibat

tumpahan dan sistem pelupusan pepejal dan kumbahan tidak teratur. DOF dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) haruslah bekerjasama bagi mencegah aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran. Walaupun ujian kualiti air marin menunjukkan ia masih terkawal, pemantauan dan penguatkuasaan hendaklah dijalankan agar aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran di perairan dan pesisiran pantai adalah terjamin. Aktiviti perniagaan restoran makanan laut dan penternakan ikan dalam sangkar adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 5.24

*Jeti Persendirian Kukup, Pontian, Johor
- Sampah Bertaburan Di Sekeliling
Restoran Makanan Laut
(01.11.2012)*


5.5.5.2. Kualiti Air Marin

- a. Pencemaran yang berlaku di muara dan zon pantai disebabkan oleh pencemaran daripada sumber dan tanpa sumber (point and non-point sources) yang mana akhirnya dicairkan di laut atau menjadi mendapan di muara. Mendapan tersebut menyimpan bahan pencemaran logam berat dan lain-lain yang merupakan antara punca berlakunya pencemaran di daratan di sepanjang pantai. Logam berat seperti hidrokarbon petroleum biasanya ditemui dalam mendapan marin yang terkumpul di pelabuhan dan limbungan akibat daripada tumpahan dan pelepasan *ballast water* semasa proses pengangkutan. Bahan pencemaran ini dengan kepekatan yang tinggi dilaporkan menjadi toksik dan seterusnya merosakkan ekosistem dan hidupan marin.
- b. Garis Panduan Perlindungan Akuatik menggariskan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan berdasarkan kepada *International Convention on Prevention of Pollution from Ship, 1973* dan *Marine Pollution Protocol (MARPOL) 78/73*. MARPOL 73/78 adalah salah satu protokol marin yang sangat penting berkenaan alam sekitar di peringkat antarabangsa dan diterima pakai oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2003. Protokol ini bertujuan untuk mengurangkan pencemaran laut seperti tumpahan minyak, pelepasan bahan yang berbahaya serta pencemaran ekzos. Selain itu, kualiti air marin juga dipantau oleh JAS mengikut Standard Kualiti Air Marin Malaysia (MWQCS) bagi mengukur kehadiran bahan pencemar utama seperti minyak dan gris, pepejal terampai, bakteria koliform (E. Coli) dan logam berat.

i. Pembersihan Vesel Dan Pelepasan Karbon

Proses pendaratan ikan di jeti akan menyumbang berlakunya tumpahan tompokan minyak dan pembuangan *bilgest water* dari vesel nelayan. Adalah didapati tompokan minyak yang tumpah dari vesel mengalir di sepanjang persekitaran perairan di jeti pendaratan terutamanya bagi vesel Zon B hingga Zon C2. Di samping itu, terdapat juga aktiviti pembersihan vesel dilakukan di jeti dan pelepasan karbon serta *bilgest water* terus ke laut semasa vesel bergerak. Tompokan minyak dan pelepasan sisa air hasil pembersihan vesel adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.25



*Jeti Persendirian Hutan Melintang, Perak
- Tompokan Minyak Di Sekeliling Vesel
Yang Mendarat Di Jeti
(01.11.2012)*

GAMBAR 5.26



*Jeti Persendirian Cendering, Terengganu
- Air Sisa Dibuang Terus Ke Laut
Selepas Pembersihan Vesel
(16.10.2012)*

ii. Tumpahan Minyak

Jeti Pengerang, Johor merupakan lokasi bagi nelayan-nelayan Zon A dan nelayan pantai menjalankan aktiviti perikanan seperti pendaratan ikan. Perairan Pengerang ini meliputi kawasan Tanjung Ayam yang diwartakan sebagai kawasan pemprosesan pembuangan terjadual kapal dan terdapat **projek pembinaan terminal petroleum laut dalam bebas**. Berdasarkan maklumat daripada nelayan di kawasan perairan Pengerang, didapati aktiviti tersebut telah menjejaskan penangkapan ikan di kawasan berhampiran di mana berlaku tumpahan minyak dan kematian ikan akibat mendapan minyak. Statistik aduan tumpahan minyak di Pengerang, Pontian dan Mersing adalah seperti di jadual berikut:


JADUAL 5.25
**STATISTIK ADUAN TUMPAHAN MINYAK DI PENGERANG,
PONTIAN DAN MERSING BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2012**

LOKASI	BIL. ADUAN/TAHUN		
	2010	2011	2012
Pengerang	3	6	4
Pontian Dan Mersing	3	3	7

Sumber : Jabatan Alam Sekitar, Johor

Selain itu, Pengerang juga merupakan perairan untuk kapal dagangan berlabuh dan laluan pesat bagi Malaysia dan Selat Singapura. Berdasarkan analisis GIS pada 31 Mei 2010, terdapat 145 buah kapal berada di Selat Johor, manakala 454 buah kapal berada di Selat Singapura seperti di gambar berikut:

GAMBAR 5.27
TABURAN KAPAL DI PERAIRAN Pengerang



Sumber : Agensi Remote Sensing Malaysia Bertarikh 31 Mei 2010

iii. Tangkapan Ikan Menggunakan Bahan Letupan

Amalan perikanan yang merosakkan selain daripada penggunaan pukat tunda, penangkapan ikan yu dan aktiviti perlombongan karang adalah termasuk menangkap ikan menggunakan bahan letupan dan sianida di kawasan terumbu karang yang cetek atau kawasan rumpai laut. Penggunaan bom buatan sendiri bagi kaedah ini akan merosakkan struktur karang yang berfungsi sebagai habitat ikan dan kawasan pembiakan ikan.

Kaedah penangkapan ini tidak dibenarkan dan boleh dihukum di bawah sekyen 26(1)a, b dan c, Akta Perikanan 1985. Namun ia adalah sukar untuk membuktikan bahawa ikan tersebut ditangkap dengan menggunakan sianida. Semakan Audit mendapati aktiviti penangkapan ikan menggunakan bahan letupan dan sianida telah berlaku di Sabah terutamanya di kawasan perairan *Sulu Sulawesi Malaysian Ecoregion* (SSME). Pada tahun 2011, laporan teknikal *Sulu Sulawesi Sea Sustainable Fisheries Management Transboundary Diagnostic Analysis (TDA) of the Sulu-Celebes Sea Large Marine Ecoregion (SCSLME) For Malaysia*, menunjukkan bahawa bilangan kes penangkapan ikan secara haram tertumpu di daerah SSME seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.26
BILANGAN KES PENANGKAPAN IKAN SECARA HARAM
PADA TAHUN 2011 DI DAERAH SSME

DAERAH	JENIS KESALAHAN MENGIKUT AKTA PERIKANAN 1985		
	26(1)a	26(1)b	26(1)c
Sandakan	-	-	1
Tawau	-	-	6
Kudat	-	-	2
Kota Marudu	-	-	-
Kunak	-	-	-
Semporna	-	1	-
Lahad Datu	-	-	-
Beluran	-	-	-
JUMLAH	-	1	9

Sumber : Jabatan Perikanan Sabah

Berdasarkan statistik Jabatan Perikanan Sabah, **Jadual 5.26** di atas didapati 9 kes penangkapan ikan secara haram telah dilaporkan di bawah Seksyen 26(1)c, manakala 1 kes di bawah Seksyen 26(1)b.

Maklum Balas Jabatan Perikanan Malaysia Yang Diterima Pada 3 Julai 2013

Pemantauan secara berterusan akan dipergiatkan oleh pihak DOF, LKIM, JAS dan Kerajaan Tempatan bagi mencegah aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran laut dan jeti-jeti pendaratan ikan. JAS telah bekerjasama dengan APMM dan Jabatan Laut untuk menangani isu tumpahan minyak dengan menubuhkan satu cawangan baru di Pengerang, Johor.

Pada pendapat Audit, alam sekitar memainkan peranan yang amat penting dalam pengurusan perikanan mapan. Dengan itu, adalah menjadi satu kewajipan kepada pelbagai pihak yang berkaitan untuk bekerjasama dalam menangani punca utama pencemaran. Tindakan drastik, tegas dan segera hendaklah diambil bagi menghindari pencemaran yang berleluasa.

5.5.5.3. Hakisan Pantai

Pantai sepanjang 4,809 km yang mengelilingi Malaysia dianggarkan hampir 1,400 km pesisiran muaranya dikesan mengalami masalah hakisan yang kritikal. Jumlah tersebut membabitkan kawasan pesisir pantai dengan kebanyakan lokasi utama terletak di bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia. Hakisan pantai ini telah menjejaskan kualiti kehidupan komuniti pesisir pantai yang banyak bergantung pada laut sebagai sumber pendapatan. Berdasarkan kepada kajian *National Coastal Vulnerability Index* (NCVI) oleh Jabatan

Pengairan Dan Saliran, Tanjung Piai, Kukup, Pontian, Johor adalah terdedah kepada kesan hakisan pantai dan kesan kenaikan paras air laut. Analisis GIS mendapati Tanjung Piai sedang mengalami hakisan pantai yang kritikal dengan kadar 50 meter hingga 58 meter dalam tempoh 6 tahun dan dijangkakan akan berlaku hakisan pantai pada kadar yang sama menjelang tahun 2017. **Gambar 5.28** menunjukkan kawasan pantai yang telah terhakis sejak tahun 2005 hingga 2011 dan jangkaan sehingga tahun 2017.


GAMBAR 5.28
HAKISAN PANTAI PADA TAHUN 2005 DAN 2011 DI TANJUNG PIAI,
KUKUP, PONTIAN, JOHOR DAN JANGKAAN HAKISAN PANTAI
YANG AKAN BERLAKU SEHINGGA TAHUN 2017



Sumber : Agensi Remote Sensing Malaysia

Kesan hakisan pantai yang teruk di Tanjung Piai adalah akibat dari laluan kapal dari Selat Melaka ke Tanjung Pelepas (PTP) di Selat Tebrau dan akan menyebabkan keluasan tanah semakin mengecil sekiranya tidak dikawal. Laluan kapal yang pesat ini akan menyebabkan kerosakan hutan paya bakau dan seterusnya kehilangan ekosistem serta menjejaskan sumber perikanan di perairan Tanjung Piai dan di sekelilingnya selain menjadi penampas kepada hakisan akibat ombak besar. Tanjung Piai sebagai destinasi kapal-kapal berlabuh juga akan menyumbang kepada kejadian tumpahan minyak dan pembersihan kapal. **Gambar 5.29** menunjukkan taburan kapal di Tanjung Pelepas yang merentasi Selat Melaka pada 31 Mei 2010.

GAMBAR 5.29
TABURAN KAPAL DI TANJUNG PELEPAS PADA 31 MEI 2010



Sumber : Agensi Remote Sensing Malaysia Bertarikh 31 Mei 2010

Pada pendapat Audit, kekerapan dan bilangan kapal yang tinggi melalui Selat Johor dan Selat Singapura pada satu-satu masa merupakan faktor utama penyumbang kepada hakisan pantai yang dijangka mencapai sehingga 100 meter menjelang tahun 2017.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pengurusan perikanan marin dan alam sekitarnya dilaksanakan dengan cekap dan teratur untuk mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian/Jabatan dan Agensi yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 5.6.1. menyediakan peruntukan kewangan dan sumber kakitangan (di peringkat negeri dan daerah) yang mencukupi bagi melaksanakan aktiviti pemuliharaan sumber, pemantauan dan pengurusan perikanan;
- 5.6.2. meningkatkan kolaborasi bersama dengan agensi penyelidikan seperti universiti tempatan untuk menjalankan kajian sumber perikanan supaya data yang terkini (terutamanya *fish stock*) mengenainya dapat dikeluarkan dan seterusnya digunakan bagi tujuan penangkapan ikan yang berkesan;
- 5.6.3. DOF perlu mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan kadar pertumbuhan yang stabil dalam penggunaan ikan per kapita;
- 5.6.4. agensi yang terlibat seperti APMM dan DOF perlu memastikan pemantauan dijalankan untuk mengatasi masalah pencerobohan zon, *overfishing and destructive fishing* dan penggunaan peralatan menangkap ikan di samping memastikan pengurusan perikanan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;

5.6.5. konsep *blue ocean strategy* perlu dilaksanakan oleh agensi yang terlibat (DOF, JAS, Jabatan Taman Laut, LKIM dan APMM) bagi tujuan memastikan kelestarian alam sekitar terjamin selain daripada menambahkan pewartaan kawasan larangan tangkapan ikan. Selain itu, agensi lain seperti *Non-government Organisations* (NGOs), pihak berkepentingan dan penduduk setempat juga perlu dilibatkan;

5.6.6. DOF hendaklah meneliti amalan yang terbaik dalam perlindungan dan konservasi ekosistem untuk menjamin keamanan sumber perikanan dan mengkaji penggunaan peralatan (seperti pukut tunda) yang boleh mengakibatkan *destructive fishing* dan jika perlu mengharamkannya; dan

5.6.7. DOF perlu menyusuli pelan penambahan anggota penguat kuasa di lapangan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan perikanan di Malaysia.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 135-154
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

6. PUSAT TRANFORMASI LUAR BANDAR (RTC)

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Centre* (RTC) merupakan program bersepadu yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy 4* (NBOS4) dan telah dilancarkan secara rasmi pada 31 Mei 2011. RTC berperanan sebagai *One Stop Centre* (OSC) dan berfungsi sebagai pusat integrasi perkhidmatan oleh pihak Kerajaan mahupun oleh pihak swasta meliputi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian; perbankan dan insurans; khidmat nasihat perniagaan; latihan kemahiran; klinik serta ruang niaga. Objektif pelaksanaan program RTC adalah untuk membolehkan masyarakat luar bandar berdaya maju dan berdaya saing serta berupaya meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mereka. Ini membolehkan produk tersebut bukan sahaja dapat dipasarkan di dalam negara malah dapat menembusi pasaran eksport. Secara tidak langsung, pendapatan penduduk luar bandar dapat ditingkatkan dan seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan.

6.1.2. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (KPIAT) merupakan Kementerian utama yang menerajui pelaksanaan program-program di bawah RTC. Memandangkan RTC ini dilaksanakan melalui konsep NBOS, ia turut melibatkan kerjasama pelbagai Kementerian lain antaranya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan serta Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan. Unit *National Key Result Areas* (NKRA) di KKLW merupakan pihak yang diberi tanggungjawab di dalam pelaksanaan program RTC ini.

6.1.3. RTC beroperasi di premis yang sedia ada dimiliki oleh pelbagai agensi Kerajaan namun tidak diduduki/disewa oleh para peniaga/golongan sasaran seperti mana tujuan asalnya. Sebagai contoh, RTC Kota Bharu, Kelantan dan RTC Gopeng, Perak merupakan bangunan kepunyaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang dibina untuk dijadikan pasar borong namun kurang mendapat sambutan di kalangan peniaga dan penduduk. Manakala premis di RTC Kuala Linggi, Melaka dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Sejumlah RM35 juta peruntukan mengurus telah disalurkan kepada KKLW pada tahun 2012 oleh Kementerian Kewangan sebelum disalurkan kepada Kementerian/ Agensi berkaitan untuk pelaksanaan Program RTC.

GAMBAR 6.1



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Majlis Pelancaran RTC
(Sumber : KKLW)*

GAMBAR 6.2



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Majlis Pelancaran RTC
(Sumber : KKLW)*

GAMBAR 6.3



*RTC Gopeng, Perak
- Majlis Pelancaran RTC
(Sumber : KKLW)*

GAMBAR 6.4



*RTC Kuala Linggi, Melaka
- Majlis Pelancaran RTC
(Sumber : KKLW)*

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan RTC telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan RTC bagi tahun 2012 memandangkan peruntukan RTC hanya disediakan mulai tahun berkenaan. Pengauditan dijalankan di Unit NKRA, KKLW dan 3 RTC yang dilawati iaitu di Kota Bharu, Kelantan; Gopeng, Perak dan Kuala Linggi, Melaka. Tumpuan pengauditan adalah kepada peruntukan berjumlah RM35 juta yang disalurkan pada tahun 2012 kepada KKLW. Senarai RTC yang dilawati dan agensi yang menguruskannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.1
SENARAI RTC YANG DIAUDIT**

BIL.	NAMA RTC	AGENSI PENGURUSAN RTC
1.	RTC Kota Bharu, Kelantan	FAMA
2.	RTC Gopeng, Perak	FAMA
3.	RTC Kuala Linggi, Melaka	LKIM

Sumber : KKLW

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan bagi tahun 2012. Selain itu temu bual dengan peserta/peniaga, pengunjung dan penduduk sekitar juga telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas mereka terhadap perkhidmatan yang disediakan di RTC.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya pengurusan RTC adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

- i. kelewatan penyaluran peruntukan kepada Kementerian/Agensi pelaksana menyebabkan peruntukan sejumlah RM4.70 juta tidak sempat dibelanjakan;
- ii. terdapat peniaga tidak menjalankan perniagaan walaupun bilangan ruang niaga yang tidak disewa hanya 96 (14%) berbanding jumlah keseluruhan ruang niaga yang disewa iaitu 592 (86%);
- iii. tunggakan sewa di RTC sehingga akhir tahun 2012 berjumlah RM1.49 juta; dan
- iv. peniaga di RTC Kota Bharu dan Gopeng kurang berpuas hati dengan sambutan pengunjung ke RTC dan sukar untuk mendapatkan bekalan barang niaga.

6.5.1. Prestasi Fizikal Program RTC

6.5.1.1. Prestasi fizikal program RTC dapat diukur berdasarkan pertambahan RTC yang dilancarkan. Pada tahun 2012 iaitu tahun pertama RTC dilancarkan, tiada sasaran ditetapkan untuk melancarkan RTC. Bagaimanapun, pada tahun 2013 KKLW ada mensasarkan pelancaran RTC yang mana sebuah RTC dirancang akan dilancarkan setiap bulan. Pada tahun 2012 sebanyak 3 RTC telah dilancarkan manakala sehingga 1 Mac 2013, satu RTC telah dilancarkan iaitu RTC Kuala Pahang di Pekan, Pahang. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.2
SENARAI RTC YANG TELAH DILANCARKAN

BIL.	NAMA RTC	TARIKH DILANCARKAN
1.	RTC Gopeng, Perak	18.02.2012
2.	RTC Kota Bharu, Kelantan	04.05.2012
3.	RTC Kuala Linggi, Melaka	10.11.2012
4.	RTC Pekan, Pahang	01.03.2013

Sumber : KKLW

6.5.1.2. Semakan Audit mendapati KKLW merancang untuk melancarkan beberapa RTC pada tahun 2013 seperti RTC Kulai Jaya, Johor pada Mac 2013; Sarawak pada April 2013; Sabah pada Mei 2013; Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang pada Jun 2013; Marang, Terengganu pada Julai 2013; Jitra, Kedah pada Ogos 2013 dan Jempol, Negeri Sembilan pada September 2013. Bagaimanapun, sehingga 30 Jun 2013 hanya RTC Pekan, Pahang yang telah dilancarkan.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 18 Jun 2013

KKLW mengakui tiada sasaran pada tahun 2012 memandangkan tahun berkenaan merupakan pengenalan kepada pelaksanaan RTC. Namun sasaran ditetapkan pada tahun 2013 di mana Kerajaan bersetuju memperluaskan RTC ke negeri-negeri lain di bawah NBOS 5 - Expansion of RTCs.

6.5.2. Prestasi Kewangan

6.5.2.1. Peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

- a. RTC mula mendapat peruntukan pada tahun 2012 dan Kementerian Kewangan telah mengeluarkan 2 waran peruntukan mengurus berjumlah RM35 juta kepada KKLW seperti di **Jadual 6.3**. KKLW seterusnya menyalurkan peruntukan kepada beberapa Kementerian/Agensi untuk melaksanakan program RTC.

**JADUAL 6.3
WARAN PERUNTUKAN YANG DITERIMA OLEH KKLW**

BIL.	NO.WARAN	TARIKH WARAN	AMAUN (RM Juta)
1.	00082	09.02.2012	30
2.	00207	17.05.2012	5
JUMLAH			35

Sumber : KKLW

- b. Semakan Audit mendapati KKLW hanya menyalurkan peruntukan berjumlah RM30.30 juta ke beberapa Kementerian/Agensi pelaksana iaitu 86.6% daripada jumlah keseluruhan peruntukan dan tidak sempat menyalurkan baki sejumlah RM4.70 juta (13.4%).

6.5.2.2. Peringkat Kementerian/Agensi

- a. KKLW menyalurkan peruntukan kepada Kementerian/Agensi pelaksana berjumlah RM30.30 juta dan menetapkan bahawa setiap penerima waran peruntukan perlu mengemukakan laporan perbelanjaan sebelum 3 hari bulan pada bulan yang berikutnya kepada Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun, KKLW bagi tujuan rekod dan pemantauan.

- b. Semakan Audit mendapati laporan perbelanjaan tidak dikemukakan oleh penerima waran peruntukan seperti yang dikehendaki oleh KKLW bagi menunjukkan perbelanjaan sebenar termasuk peratusan perbelanjaan dan jumlah baki peruntukan yang tidak digunakan. Butiran penyaluran peruntukan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.4
PENYALURAN PERUNTUKAN MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	KEMENTERIAN/AGENSI	JUMLAH (RM)
1.	KPIAT	14,965,705
2.	KKLW	6,285,602
3.	KPT	3,256,537
4.	KKM	1,812,743
5.	Setiausaha Kerajaan Negeri Perak	761,000
6.	Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	1,683,000
7.	Kem. Sumber Manusia	649,200
8.	Jabatan Pembangunan Persekutuan	333,220
9.	Kem. Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	35,000
10.	Kem. Dalam Negeri	15,500
11.	Kem. Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	13,000
12.	Kem. Pertahanan	10,000
13.	Kem. Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	8,000
14.	Lain-lain/Pihak Swasta	468,636
JUMLAH		30,297,143

Sumber : KKLW

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 18 Jun 2013

Laporan prestasi perbelanjaan bagi penyaluran peringkat pertama ada dibuat namun bagi penyaluran kedua masih terdapat agensi yang belum mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan. Semua agensi telah dimaklumkan berhubung kewajipan menghantar laporan prestasi perbelanjaan semasa penyaluran peruntukan.

Pada pendapat Audit, pemantauan peruntukan yang disalurkan kurang memuaskan kerana arahan supaya laporan perbelanjaan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Akaun, KKLW bagi tujuan rekod dan pemantauan tidak dipatuhi oleh Kementerian/Agensi pelaksana.

6.5.3. Pelaksanaan Inisiatif-Inisiatif Di RTC

6.5.3.1. Untuk mencapai objektif penubuhan RTC, sejumlah 8 inisiatif telah dan akan dilaksanakan. Berikutan pelancaran RTC Kuala Linggi pada 10 November 2012, satu lagi inisiatif telah diwujudkan untuk dilaksanakan di RTC tersebut iaitu Agro Pelancongan. Beberapa Kementerian telah dilantik sebagai peneraju

kepada inisiatif-inisiatif yang merupakan program atau aktiviti utama RTC seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.5
SENARAI INISIATIF RTC DAN KEMENTERIAN PENERAJU

INISIATIF	NAMA INISIATIF	KEMENTERIAN PENERAJU
1.	Latihan Kemahiran Kepada Penduduk Luar Bandar	KKLW
2.	Penubuhan Kios Informasi 1Malaysia	KKLW
3.	Pertanian Bernilai Tinggi	KPIAT
4.	Pemprosesan Produk Agro Makanan	KPIAT
5.	Pengurusan Rantaian Bekalan	KPIAT
6.	Kerjasama Universiti	Kementerian Pengajian Tinggi
7.	Perkhidmatan Keselamatan Makanan Dan Farmaseutikal	Kementerian Kesihatan Malaysia
8.	Kemudahan Pembiayaan Kewangan Kepada Penduduk Luar Bandar	Kementerian Kewangan
9.	Agro Pelancongan	Kementerian Pelancongan Malaysia

Sumber : KKLW

6.5.3.2. Semakan Audit mendapati daripada RM30.3 juta peruntukan yang diagihkan, hanya sejumlah RM11.57 juta (38.2%) peruntukan disalurkan untuk melaksanakan inisiatif yang merupakan aktiviti utama RTC.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 18 Jun 2013 Dan 16 Julai 2013

Jumlah penyaluran peruntukan ini telah dipersetujui bersama oleh semua Kementerian peneraju RTC sama ada bagi tujuan pelaksanaan inisiatif, kos baik pulih dan majlis pelancaran RTC.

6.5.3.3. KKLW dan KPIAT bertanggungjawab memantau pencapaian RTC supaya ianya mencapai matlamat seperti yang telah disasarkan. Semakan Audit secara terperinci telah dibuat terhadap Inisiatif 1, 2 dan 8 telah mendapati perkara berikut:

a. Inisiatif 1 (Latihan Kemahiran Kepada Penduduk Luar Bandar)

- i. Latihan kemahiran merupakan aktiviti utama program RTC bertujuan mempertingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran golongan sasaran. Antara latihan yang ditawarkan adalah seperti keusahawanan; pembungkusan dan penjenamaan; persembahan produk; pengurusan makanan ternakan dan teknik fertigasi. Sejumlah RM2.09 juta peruntukan diagihkan kepada 3 Kementerian iaitu KKLW, KPIAT dan Kementerian Sumber Manusia untuk membiayai latihan yang dilaksanakan sama ada di RTC atau di mana-mana lokasi/pusat latihan di dalam lingkungan 100 km dari RTC. Setiap permohonan peruntukan

oleh Kementerian/Agensi kepada KKLW perlu berserta dengan justifikasi permohonan seperti nama latihan, tempoh, tempat, penganjur, bilangan peserta dan kos yang terlibat. Antara latihan yang dilaksanakan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.5




*RTC Gopeng, Perak
- Sesi Latihan Sedang Dilaksanakan
(Sumber : KKLW)*

GAMBAR 6.6



*RTC Gopeng, Perak
- Sesi Latihan Sedang Dilaksanakan
(Sumber : KKLW)*

GAMBAR 6.7



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Kursus Solekan Dan Terapi Kecantikan
(Sumber : KKLW)*

GAMBAR 6.8



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Kursus Seni Reka Gaya Rambut Lelaki
(Sumber : KKLW)*

- ii. Waran peruntukan E0060 berjumlah RM60,560 dan bertarikh 13 Mac 2012 disalurkan kepada Institut Kemajuan Desa (INFRA), KKLW untuk aktiviti latihan di RTC Gopeng pada bulan Mac hingga Mei 2012. Perbelanjaan yang dilakukan hanya RM22,110 (36.5%) dan sejumlah RM38,450 (63.5%) peruntukan tidak dibelanjakan kerana kehadiran peserta kurang daripada sasaran, kos sewa dewan yang minimum, tiada bayaran elaun diberikan dan kos makan minum peserta lebih rendah berbanding anggaran perbelanjaan yang dibuat.
- iii. Majlis Amanah Rakyat (MARA) disalurkan sejumlah RM216,520 peruntukan melalui waran B2328 bertarikh 21 Mac 2012 untuk aktiviti latihan di RTC Kota Bharu dan Gopeng. Berdasarkan justifikasi permohonan, sejumlah 20 siri latihan akan dilaksanakan anjuran oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Mara, Pusat Giat Mara dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Sebanyak 29 kursus telah dilaksanakan namun 14 kursus tidak bersamaan dengan permohonan iaitu 6 kursus di RTC Perak dan 8 kursus di RTC Kelantan.

- iv. KKLW (Cawangan Negeri Kelantan) telah menerima waran Peruntukan E0090 berjumlah RM150,000 pada 18 Mei 2012 untuk melaksanakan 6 latihan yang dirancang. Bagaimanapun, adalah didapati sebanyak 7 kursus telah dilaksanakan dan kesemua kursus berbeza dengan permohonan awal.
- v. KKLW melalui Bahagian Pengupayaan Ekonomi ada menyediakan Borang Soal Selidik mengenai Keberkesanan (Outcome) Program-Program Latihan Di RTC. Bagaimanapun semakan Audit di RTC yang dilawati mendapati usaha yang berterusan untuk mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan program-program latihan daripada bekas peserta latihan tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Antara faktor kurang berkesan adalah kesukaran menghubungi bekas peserta latihan dan kekangan kakitangan untuk mengumpul maklumat tersebut.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 16 Julai 2013

Pihak MARA melaksanakan kursus berdasarkan permintaan peserta atau jumlah kehadiran semasa kursus dilaksanakan. Kursus yang tidak ada di dalam senarai asal permohonan dilaksanakan bagi mengganti kursus yang kurang mendapat sambutan.

Perubahan kursus di RTC Kota Bharu, Kelantan telah mendapat persetujuan Unit NKRW, KKLW memandangkan kursus tersebut mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta. Langkah penjimatan yang dilakukan membolehkan 7 kursus dilaksanakan berbanding 6 kursus semasa permohonan dilakukan.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh KKLW selaku Kementerian peneraju melalui Unit NKRA terhadap pelaksanaan Inisiatif 1 kurang memuaskan. Pemantauan penting agar setiap permohonan peruntukan untuk mengendalikan sesuatu kursus dilaksanakan dengan sewajarnya dan laporan terperinci pelaksanaan kursus diserahkan oleh Kementerian/Agensi pelaksana bagi tujuan semakan semula oleh KKLW.


b. Inisiatif 2 (Penubuhan Kios Informasi 1Malaysia)

- i. Kios Informasi 1Malaysia yang terdapat di RTC menawarkan pelbagai maklumat antaranya mengenai Infodesa, perkhidmatan mencari kerja, pembangunan komuniti agro-makanan. Selain mesin kios, ruang perkhidmatan juga menyediakan beberapa unit komputer bagi

membolehkan pelawat melayari internet. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

- didapati siling peruntukan Inisiatif ini berjumlah RM2.40 juta, namun berdasarkan Jadual Penyaluran Peruntukan hanya RM0.63 juta yang telah disalurkan untuk Kios Informasi 1Malaysia iaitu kurang sejumlah RM1.77 juta (73.66%). Peruntukan kios tidak digunakan sepenuhnya kerana telah mendapat sumbangan kios dan komputer daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia dan MyEG Sdn. Bhd.;
- perbelanjaan untuk kerja-kerja ubah suai menyediakan ruang kios adalah berjumlah RM199,969 di RTC Kota Bharu dan RM158,486 bagi RTC Gopeng. Manakala tiada maklumat mengenai perbelanjaan tersebut bagi RTC Kuala Linggi;
- lawatan Audit mendapati semua 3 unit Kios di RTC Kota Bharu dan 3 dari 4 unit di RTC Gopeng telah rosak. Namun, semua 2 unit Kios di RTC Kuala Linggi, masih dapat beroperasi dengan baik. Kios yang rosak adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.9



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Semua 3 Unit Kios Telah Rosak
(03.02.2013)*

GAMBAR 6.10



*RTC Gopeng, Perak
- 3 Daripada 4 Kios Yang Telah Rosak
(20.02.2013)*


- berdasarkan Buku Daftar Pelawat, Kios Informasi 1Malaysia di RTC Kota Bharu kurang mendapat sambutan iaitu hanya 21 orang pengunjung bagi tempoh 13 Disember 2012 hingga 3 Februari 2013. Bagaimanapun, kios di RTC Kuala Linggi mendapat sambutan pengunjung yang mana pada bulan November 2012 dikunjungi seramai 309 orang dan meningkat kepada seramai 453 orang (46.6%) pada bulan Disember 2012. Begitu juga di RTC Gopeng di mana purata pengunjung sehari ialah seramai 20 orang. Buku Daftar Pelawat adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.11



**RTC Kota Bharu, Kelantan
- Buku Pelawat
(05.02.2013)**

GAMBAR 6.12



**RTC Kota Bharu, Kelantan
- Hanya 21 Orang Pengunjung Dalam Tempoh
13 Disember 2012 Hingga 3 Februari 2013
(05.02.2013)**

- Kios Informasi 1Malaysia hanya dikendalikan oleh seorang Pekerja Harian Sambilan (PHS). Mereka baru dilantik pada pengujung tahun 2012 (November dan Disember) dan tidak pernah diberi latihan berkaitan tugas mereka. Menurut mereka, kadang kala pengunjung bertanyakan soalan yang di luar pengetahuan mereka.

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 18 Jun 2013

Peruntukan kios tidak digunakan sepenuhnya kerana mendapat sumbangan kios dan komputer daripada pihak luar seperti Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia dan MyEG Sdn. Bhd. Selain itu, penubuhan kios RTC Melaka dibiayai oleh LKIM yang mendapat peruntukan berasingan berjumlah RM3 juta daripada Kementerian Kewangan untuk kerja-kerja baik pulih RTC Melaka. Gangguan/kerosakan berlaku pada unit kios akibat kerja-kerja pembinaan Agromall dan Pasaraya MYDIN. Sambutan pengunjung ke Kios Informasi menunjukkan peningkatan selepas pembukaan Agromall dan Pasaraya MYDIN. Pekerja Sambilan Harian telah diberi senarai tugas dan taklimat berhubung peranan yang perlu dilaksanakan di RTC.

Pada pendapat Audit kurangnya pengunjung ke Kios Informasi 1Malaysia kerana masyarakat tidak mendapat maklumat yang jelas berhubung peranan dan faedah yang diperolehi apabila mengunjungi kios tersebut.

c. Inisiatif 8 (Kemudahan Pembiayaan Kewangan)

Inisiatif ini diterajui oleh Kementerian Kewangan bertujuan untuk menyediakan pembiayaan mikro kredit kepada peminjam di kawasan RTC. Inisiatif ini mempunyai siling peruntukan berjumlah RM3 juta, namun tiada peruntukan sebenar disalurkan kerana institusi kewangan terlibat seperti

AgroBank, Bank Simpanan Nasional, MARA, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, SME Bank dan TEKUN mempunyai dana sendiri bagi melaksanakan inisiatif ini. Salah satu institusi kewangan yang beroperasi di RTC Kelantan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.13



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Bank Simpanan Nasional
(20.02.2013)*

GAMBAR 6.14



*RTC Kota Bharu, Kelantan
- Bank Simpanan Nasional
(20.02.2013)*

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 18 Jun 2013

Inisiatif ini diterajui oleh Kementerian Kewangan melalui penglibatan Institusi/Agensi seperti AgroBank, Bank Simpanan Nasional, MARA, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, SME Bank dan TEKUN. Memandangkan semua institusi/agensi mempunyai dana sendiri maka tiada penyaluran peruntukan dibuat.

6.5.4. Hasil Jualan Penyewa RTC

6.5.4.1. Pencapaian RTC antara lain berdasarkan nilai jualan di sesuatu RTC yang diperolehi dengan kaedah pengisian ke atas borang Laporan Nilai Jualan mingguan dan bulanan yang disediakan oleh pengurusan RTC. Borang tersebut diisi oleh peniaga ataupun pihak pengurusan RTC berdasarkan anggaran atau catatan hasil temu bual pegawai RTC ke atas para peniaga.

6.5.4.2. Analisis Audit terhadap prestasi jualan/pendapatan di RTC Kota Bharu dan Gopeng sepanjang tahun 2012 menunjukkan trend sedikit penurunan. Bagaimanapun, prestasi jualan/pendapatan bagi RTC Kuala Linggi menunjukkan trend peningkatan terutamanya bagi bulan Disember 2012. Butiran adalah seperti di jadual berikut:





**JADUAL 6.6
PRESTASI JUALAN/PENDAPATAN TAHUN 2012**

BULAN (2012)	PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTC)			JUMLAH (RM)
	KOTA BHARU (RM)	GOPENG (RM)	KUALA LINGGI (RM)	
Januari	17,447,405	1,138,806	36,703	18,622,914
Februari	19,755,621	1,233,446	61,849	21,050,916
Mac	18,383,225	1,366,119	50,392	19,799,736
April	16,328,784	1,086,794	60,410	17,475,988
Mei	21,543,488	1,350,142	53,994	22,947,624
Jun	16,236,107	1,170,430	49,943	17,456,480
Julai	15,459,942	1,162,492	63,989	16,686,423
Ogos	18,484,214	1,118,668	43,058	19,645,940
September	15,153,950	1,158,802	35,202	16,347,954
Oktober	15,327,046	1,020,627	38,625	16,386,298
November	14,806,015	987,561	37,017	15,830,593
Disember	14,912,192	980,740	59,659	15,952,591
JUMLAH	203,837,989	13,774,627	590,841	218,203,457

Sumber : FAMA Dan LKIM

Nota : Maklumat Ini Tidak Termasuk Aktiviti Perniagaan Pasar Pagi (Harian) Dan Pasar Tani (Mingguan) Dan Pasar Karat Di RTC Kota Bharu Dan RTC Gopeng. Manakala Bagi RTC Kuala Linggi, Kebanyakan Sumber Pendapatan Adalah Dari Cukai Pelabuhan.

**CARTA 6.1
HASIL JUALAN RTC BAGI TAHUN 2012**



6.5.4.3. Semakan lanjut oleh pihak Audit mendapati hasil jualan/pendapatan yang direkodkan di RTC Kuala Linggi bukanlah hasil jualan para peniaga tempatan yang berasaskan RTC, sebaliknya merupakan sumber pendapatan melalui aktiviti yang sedia ada iaitu melalui aktiviti perkapalan dan perniagaan *barter trade*. Antara aktiviti yang dijalankan di RTC Kuala Linggi adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 6.15

*RTC Kuala Linggi, Melaka
- Pendapatan Dari Aktiviti Pelabuhan Dan
Perniagaan Barter Trade Masih Menjadi
Pendapatan Utama
(25.02.2013)*

Maklum Balas KKLW Yang Diterima Pada 18 Jun 2013

Kaedah temu bual dilakukan kerana ada peniaga tidak merekod hasil jualan menggunakan borang disediakan. Peniaga akan menjalani kursus asas perakaunan di bawah Inisiatif 1. Penurunan nilai jualan disebabkan proses penstabilan operasi oleh pemborong/usahawan dan penurunan keghairahan pengunjung berbanding awal pembukaan RTC. FAMA dengan kerjasama Jabatan/Agensi dan pihak swasta terus merancang dan melaksanakan program promosi dari semasa ke semasa bagi menarik pengunjung. RTC Melaka mempunyai kawasan yang terhad maka tiada gerai disediakan kecuali semasa mengadakan sesuatu majlis.

Pada pendapat Audit objektif penubuhan RTC dalam membantu penduduk luar bandar untuk meningkatkan pendapatan mereka memerlukan masa untuk direalisasikan.

6.5.5. Sewaan Ruang Niaga RTC

6.5.5.1. Pengisian Ruang Niaga

- a. Selain menyediakan ruang kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi menyediakan perkhidmatan dan kemudahan kepada orang awam, pengurusan RTC juga menyediakan ruang niaga untuk disewa oleh peniaga khususnya di kalangan peniaga tempatan yang menjual produk terutamanya produk yang berasaskan pengeluaran tempatan. Kadar sewa yang dikenakan mengikut keluasan dan pada amnya sewa yang dikenakan adalah sejumlah RM500 sebulan bagi ruang niaga yang berkeluasan 400 kaki persegi (20' x 20') dan RM250 bagi ruang niaga berkeluasan 200 kaki

persegi (20' x 10'). Sewa dikutip oleh agensi yang menguruskan RTC seperti FAMA di RTC Kota Bharu dan RTC Gopeng. Manakala bagi RTC Kuala Linggi, pihak LKIM telah membuat perjanjian untuk menswastakan pengurusan RTC tersebut kepada Persatuan Nelayan Negeri Melaka (PNNM).

b. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

i. Pada keseluruhannya sebanyak 592 (86%) daripada 688 ruang niaga di RTC telah disewakan. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.7
JUMLAH RUANG NIAGA YANG DISEDIAKAN OLEH FAMA

RTC	BILANGAN RUANG NIAGA	BILANGAN RUANG NIAGA YANG DISEWA	JUMLAH RUANG NIAGA YANG KOSONG	PERATUS KEKOSONGAN (%)
Kota Bharu	519	447	72	13.9
Gopeng	115	102	13	11.3
Kuala Linggi	54	43	11	20.4
JUMLAH	688	592	96	14.0

Sumber : FAMA Dan LKIM

ii. Berdasarkan jadual di atas, walaupun bilangan ruang niaga yang kosong (tidak disewa) adalah rendah iaitu hanya 14% namun semasa lawatan Audit mendapati kebanyakan ruang niaga tidak dibuka untuk operasi perniagaan. Berdasarkan temu bual dengan peniaga di RTC Kota Bharu dan RTC Gopeng serta pegawai pengurusan RTC, peniaga tidak menjalankan perniagaan kerana perniagaan mereka tidak menguntungkan. Mereka juga tidak mampu menjelaskan sewa serta enggan mengosongkan ruang niaga kerana masih berhasrat meneruskan perniagaan sekiranya RTC mendapat sambutan pada masa hadapan. Gambar berikut menunjukkan tiada aktiviti perniagaan di ruang niaga RTC Kota Bharu, Kelantan dan RTC Gopeng, Perak semasa lawatan Audit:

GAMBAR 6.16



RTC Kota Bharu, Kelantan

- Antara Ruang Niaga Yang Tiada Aktiviti Perniagaan (05.02.2013)

GAMBAR 6.17



RTC Kota Bharu, Kelantan

- Antara Ruang Niaga Yang Tiada Aktiviti Perniagaan (05.02.2013)

GAMBAR 6.18

RTC Gopeng, Perak
- Antara Ruang Niaga Di Pasar Ikan
Yang Tiada Aktiviti Perniagaan
(20.02.2013)

GAMBAR 6.19

RTC Gopeng, Perak
- Antara Ruang Niaga Di Pasar Ayam
Yang Tiada Aktiviti Perniagaan
(20.02.2013)

- iii. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 590 (85.8%) penyewa daripada 688 ruang niaga yang disewa masih belum lagi menandatangani perjanjian penyewaan. Kebanyakannya perjanjian penyewaan masih di dalam peringkat draf dan semakan oleh Penasihat Undang-Undang (PUU). Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.8
BILANGAN PESERTA YANG BELUM MENANDATANGANI PERJANJIAN PENYEWaan

RTC	BIL. RUANG NIAGA YANG DISEWA	DOKUMEN PERJANJIAN LENGKAP	DOKUMEN DALAM PROSES PENYAMBUNGAN	DOKUMEN DALAM PROSES MENANDATANGANI (Draf PUU)	LAIN-LAIN
Kota Bharu	447	-	-	447	-
Gopeng	102	9	36	55	2*
Kuala Linggi	43	43	-	-	-
JUMLAH	592	52	36	502	2

Sumber : FAMA Dan LKIM

Nota : (*) - Ruang Niaga Yang Diduduki Oleh FAMA (Tidak Memerlukan Perjanjian)

6.5.5.2. Tunggakan Sewaan

- a. Berdasarkan semakan Audit, jumlah sewa yang tertunggak sehingga 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM1.49 juta. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.9
TUNGGAKAN SEWA RUANG NIAGA SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

RTC	JUMLAH TUNGGAKAN 2012 (RM)
Kota Bharu	913,951
Gopeng	577,792
JUMLAH	1,491,743

Sumber : FAMA Dan LKIM


Pada pendapat Audit, ruang niaga yang banyak ditutup menyebabkan pengunjung kurang berminat untuk mengunjungi ruang niaga yang lain di RTC. Selain itu, kelewatan menandatangani perjanjian sewaan menyebabkan penguatkuasaan terhadap klausa perjanjian tidak boleh dilakukan terhadap penyewa yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

6.5.6. Kajian Kepuasan Pelanggan

6.5.6.1. Pihak Audit telah menemu bual peniaga dan pengunjung menggunakan soal selidik yang seragam di RTC Kota Bharu serta RTC Gopeng bagi menilai tahap kepuasan mereka terhadap kewujudan RTC. Sebanyak 100 temubual telah dilakukan masing-masing terhadap peniaga dan pengunjung RTC.


6.5.6.2. Hasil analisis daripada soal selidik bersama dengan peniaga mendapati kebanyakan mereka kurang berpuas hati di RTC Kota Bharu, Kelantan dan RTC Gopeng, Perak dengan 57% peniaga menyatakan bahawa kadar sewa di RTC adalah tinggi. Selain itu, sebanyak 68% peniaga menyatakan sukar untuk mengembangkan perniagaan akibat kurang sambutan pengunjung ke RTC dan 61% menyatakan sukar untuk mendapatkan bekalan barang niaga. Hasil soal selidik diringkaskan seperti di carta berikut:

CARTA 6.2
SOAL SELIDIK KEPUASAN PENIAGA



6.5.6.3. Bagaimanapun, hasil analisis soal selidik bersama pengunjung mendapati kebanyakan mereka berpuas hati dengan kewujudan RTC iaitu hanya sekitar 40% pengunjung yang mengatakan barang yang jual tidak mencukupi (kurang) dan barang yang dijual tidak berkualiti. Di samping itu, 63% mengatakan harga barangan adalah berpatutan dan 87% berpuas hati dengan kemudahan di RTC. Hasil temubual diringkaskan seperti di carta berikut:

**CARTA 6.3
KAJIAN KEPUASAN PENGUNJUNG**



6.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan RTC tercapai dan masalah pengurusan di RTC diatasi, adalah disyorkan supaya pihak-pihak terlibat mengambil tindakan penambahbaikan berikut:

- 6.6.1. KKLW perlu menyalurkan peruntukan yang diterima dengan segera agar Kementerian/Agensi pelaksana dapat melaksanakan program/aktiviti RTC yang telah dirancang;
- 6.6.2. KKLW sebagai Kementerian peneraju Inisiatif 1 (Latihan Kemahiran Kepada Penduduk Luar Bandar) perlu menyediakan latihan yang secukupnya bagi meningkat pengetahuan, kemahiran, keupayaan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasaran;
- 6.6.3. KKLW perlu memantau secara berterusan terutamanya terhadap kemajuan perbelanjaan dan pencapaian inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan;

6.6.4. KKLW dan KPIAT perlu mewujudkan mekanisme penyewaan kepada peniaga RTC seperti penetapan *grace period* pembayaran sewa perlu dibuat bagi memastikan peniaga mampu untuk bertahan dan meneruskan operasi perniagaannya; dan

6.6.5. KKLW dan pihak pengurusan RTC perlu meningkatkan aktiviti promosi untuk menarik pengunjung ke RTC seperti mengadakan aktiviti kebudayaan, kesenian, sukan dan sebagainya yang melibatkan masyarakat sekitar.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 155-162
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

7. PENGURUSAN PROJEK KHAS

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Hasil lawatan Menteri Pelajaran Malaysia sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) mendapati kebanyakan sekolah menghadapi masalah kemudahan sekolah seperti dewan sekolah, pejabat guru, tandas dan padang yang tidak kondusif. Ini telah menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dalam suasana yang selesa. Menteri Pelajaran Malaysia mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) menaik taraf kemudahan untuk menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan sekolah. Kementerian telah mengenal pasti dan merangka strategi pelaksanaan untuk meningkatkan/menaik taraf kemudahan melalui Projek Khas yang terdiri daripada 350 projek melibatkan 27 projek dewan sekolah, 91 projek pejabat guru, 161 projek tandas dan 71 projek naik taraf padang di seluruh negara bagi mengatasi masalah tersebut. Sejumlah RM444.69 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini bagi tahun 2011 dan 2012.

7.1.2. Kriteria pemilihan tapak Projek Khas antara lain ialah sekolah bebas daripada masalah tapak dan memberi impak kepada kemudahan pelajaran, sosial serta boleh dilaksanakan dengan segera. Projek Khas ini telah dirancang pada pertengahan tahun 2010 dan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 hingga 2012. Tempoh dijangka siap adalah di antara 6 hingga 12 bulan dan dibahagikan kepada 10 pakej dan 105 sub pakej yang dilaksanakan oleh Kontraktor yang berbeza. Terdapat juga Projek Khas yang dilaksanakan secara serentak di lokasi yang sama melibatkan kombinasi di antara dewan sekolah, pejabat guru, tandas sekolah atau padang yang dilaksanakan oleh satu Kontraktor sahaja.

7.1.3. Projek ini diuruskan oleh Unit Projek Khas, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Sebanyak 12 Perunding berbeza telah dilantik secara tender terhad bagi reka bentuk modul Projek Khas untuk pembinaan dewan sekolah, pejabat guru dan tandas sekolah kecuali naik taraf padang. Selain itu, Kementerian juga telah melantik 50 Perunding yang berbeza secara tender terhad bagi kerja-kerja penyeliaan Projek Khas.

7.1.4. Terdapat beberapa modul dewan, pejabat guru dan tandas sekolah yang melibatkan kos di antara RM113,000 hingga RM3 juta bergantung kepada jenis dan modul sesebuah Projek Khas. Penentuan modul adalah berdasarkan kepada bilangan guru, pelajar dan lokasi sekolah yang terlibat.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Projek Khas telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan 3 daripada 4 Projek Khas iaitu projek pembinaan pejabat guru, tandas sekolah dan naik taraf padang bagi tahun 2010 hingga 2012. Sebanyak 26 (7%) daripada 350 projek telah dipilih sebagai sampel Audit di Negeri Sembilan, Perlis dan Wilayah Persekutuan (W.P.) Labuan.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

7.4.1. Pemeriksaan fail, rekod kewangan dan dokumen berkaitan telah dijalankan di peringkat Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Perunding dan sekolah yang dipilih. Pihak Audit juga mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dengan Projek Khas dan melaksanakan pemeriksaan fizikal/lawatan tapak bagi menentukan perolehan/kerja-kerja telah dilaksanakan mengikut peraturan, skop dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan sebagaimana tujuan perolehan/pembinaan serta projek digunakan dengan sebaik mungkin.

7.4.2. Borang soal selidik juga telah diedarkan kepada seramai 281 guru dan 160 pelajar di 21 buah sekolah di negeri yang dilawati. Nama sekolah, jenis projek dan tarikh lawatan Audit adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.1
SENARAI SEKOLAH YANG DILAWATI

KONTRAKTOR	SEKOLAH	JENIS PROJEK/MODUL	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH LAWATAN	STATUS PROJEK (Sehingga 31.12.2012)
PERLIS					
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd.	SMK Syed Alwi	Pejabat Guru/3B	969,529	26.11.2012	CPC 12.06.2012
		Tandas/A1	390,209		
	SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah	Tandas/A2	341,929	27.11.2012	CPC 12.06.2012
UPEN Enterprise Sdn. Bhd.	SK Kampong Serdang	Tandas/A2	334,832	27.11.2012	CPO 17.02.2012
	SMK Kuala Perlis	Pejabat Guru/1A	884,324	28.11.2012	CPO 16.03.2012
		Tandas/B2	622,269		CPO 17.02.2012
		Padang	316,450		CPO 19.07.2011
		SK Sena	Tandas/A2		332,011

KONTRAKTOR	SEKOLAH	JENIS PROJEK/MODUL	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH LAWATAN	STATUS PROJEK (Sehingga 31.12.2012)
Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd.	SMK Tengku Sulaiman	Pejabat Guru/3A	790,083	29.11.2012	CPC 07.07.2012
		Tandas/B2	644,502	29.11.2012	
NEGERI SEMBILAN					
Armada Prima Engineering	SK Sendayan	Pejabat Guru/3A	830,604	21.11.2012	CPC 21.11.2012
	SMK Dato' Klana Putra	Pejabat Guru/2A	1,263,919	22.11.2012	
	SMK Dato' Sedia Raja	Pejabat Guru/2A	1,522,554	11.12.2012	
Hasrul Izwan Construction	SK Tampin	Tandas/A1	451,999	20.11.2012	Belum Siap
	SMK Undang Jelebu	Tandas/A1	450,199	10.12.2012	Belum Siap
	SMK Dato' Undang Manap	Tandas/A1	454,499	11.12.2012	Belum Siap
Pembinaan JS Sepadu Sdn. Bhd.	SMK Palong 11	Pejabat Guru/1A	797,578	12.12.2012	Belum Siap
	SK Kuala Pilah	Pejabat Guru/1A	796,378		Belum Siap
N.B.K. Enterprise	SMK Seri Ampangan	Padang	165,408	10.12.2012	Belum Siap
	SMK Undang Dato' Musa Al-Haj		165,408		Belum Siap
W.P. LABUAN					
Evolusi Waja Enterprise	SMK Lajau	Pejabat Guru/1A	971,610	18.12.2012	CPC 30.05.2012
		Tandas/A1	358,048		CPC 30.05.2012
	SK Lubok Temiang	Tandas/A1	380,820		CPC 30.05.2012
Kamiru Enterprise	SK Bukit Kalam	Pejabat Guru/1A	944,513	19.12.2012	CPO 30.05.2012
	SM Teknik Labuan	Tandas/A1	334,133		CPO 30.05.2012
	SMK Labuan	Tandas/A1	326,042		Belum Serah

Sumber : Kontrak Perjanjian Dan Sijil Siap Kerja, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Nota : CPC - Certificate Of Practical Completion
CPO - Certificate Of Partial Occupation

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2012 hingga Januari 2013 mendapati secara umumnya pengurusan Projek Khas adalah kurang memuaskan kerana prestasi keseluruhan perbelanjaan dan kemajuan kerja Projek Khas sehingga bulan Disember 2012 hanya mencapai 39.5% dan 55.1%. Berdasarkan sampel projek yang diaudit, beberapa kelemahan pengurusan Projek Khas telah dikenal pasti dan boleh diperbaiki adalah seperti berikut:

- a. kelemahan Kementerian dalam pentadbiran kontrak khususnya berkenaan dengan pengurusan Surat Setuju Terima (SST) dan Kontrak Perjanjian lewat dikeluarkan dan ditandatangani serta kelewatan permohonan lanjutan masa oleh Kontraktor. Beberapa Perunding juga lewat berurusan dengan pihak berkuasa tempatan berkenaan permohonan kebenaran masuk ke tapak.
- b. 25 daripada 26 projek gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan telah memohon pelanjutan masa di antara 53 hingga 413 hari (termasuk lanjutan

masa yang diluluskan). Sehingga Disember 2012, hanya 19 daripada 25 projek telah disiapkan dan diserahkan. Manakala baki 5 projek belum siap/serah dan 1 projek tandas telah siap pada 30 Mei 2012 tetapi tidak dapat diserahkan disebabkan ada bantahan oleh pihak sekolah bersebelahan. Satu lagi projek naik taraf padang telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan tetapi masih dikategorikan gagal kerana tidak menyiapkan 4 projek yang lain dalam pakej projek yang sama.

- c. reka bentuk Projek Khas pada umumnya memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan dari aspek ciri-ciri keselamatan dan kesempurnaan bagi memenuhi keperluan pengguna.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui serta ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

7.5.1. Prestasi Pencapaian Projek Khas

7.5.1.1. Setakat 31 Disember 2012, prestasi keseluruhan perbelanjaan Projek Khas ialah 39.5% seperti di **Jadual 7.2**. Manakala bagi 26 sampel Projek Khas melibatkan 3 negeri yang dilawati, prestasi perbelanjaan sehingga bulan Disember 2012 ialah 77.6% seperti di **Jadual 7.3**.

JADUAL 7.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROJEK KHAS TAHUN 2011 DAN 2012

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		BAKI	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
2011	274.30	53.38	19.5	220.92	80.5
2012	170.39	122.44	71.9	47.95	28.1
JUMLAH	444.69	175.82	39.5	268.87	60.5

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

JADUAL 7.3
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK KHAS
MENGIKUT SAMPEL AUDIT SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

KONTRAKTOR	SEKOLAH	NILAI KONTRAK (RM)	PERBELANJAAN		BAKI	
			(RM)	(%)	(RM)	(%)
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd.	SMK Syed Alwi	2,476,263	1,801,666	72.8	674,597	27.2
	SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah					
UPEN Enterprise Sdn. Bhd.	SK Kampong Serdang	2,489,886	2,365,085	95	124,801	5
	SK Sena					
	SMK Kuala Perlis					
Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd.	SMK Tengku Sulaiman	3,254,178	2,886,186	88.7	367,992	11.3
Armada Prima Engineering	SK Sendayan	3,617,074	2,791,835	77.2	825,239	22.8
	SMK Dato' Klana Putra					
	SMK Dato' Sedia Raja					

KONTRAKTOR	SEKOLAH	NILAI KONTRAK (RM)	PERBELANJAAN		BAKI	
			(RM)	(%)	(RM)	(%)
Hasrul Izwan Construction	SK Tampin	2,256,898	1,331,055	59	925,843	41
	SMK Undang Jelebu					
	SMK Dato' Undang Abd Manap					
Pembinaan JS Sepadu Sdn. Bhd.	SMK Palong 11	1,593,957	643,590	40	950,367	60
	SK Kuala Pilah					
N.B.K. Enterprise	SMK Seri Ampangan	975,219	786,307	80.6	188,912	19.4
	SMK Undang Dato' Musa Al-Haj					
Evolusi Waja Enterprise	SMK Lajau	1,710,110	1,512,836	88.5	197,274	11.5
	SK Lubok Temiang					
Kamiru Enterprise	SK Bukit Kalam	1,604,687	1,393,595	86.8	211,092	13.2
	SM Teknik Labuan					
	SMK Labuan					
JUMLAH		19,978,272	15,512,155	77.6	4,466,117	22.4

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

7.5.1.2. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja yang disediakan oleh Perunding yang dilantik sehingga bulan Disember 2012, sebanyak 193 (55.1%) daripada 350 projek yang dilaksanakan telah siap. Manakala bakinya sebanyak 157 (44.9%) projek belum siap seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.4
STATUS PROJEK KHAS SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

PAKEJ	NEGERI	JENIS PROJEK KHAS								JUMLAH	
		DEWAN SEKOLAH		PEJABAT GURU		TANDAS SEKOLAH		NAIK TARAF PADANG			
		BINA	SIAP	BINA	SIAP	BINA	SIAP	BINA	SIAP	BINA	SIAP
1	Perlis	1	1	4	4	6	6	1	1	12	12
	Kedah	2	2	5	3	10	10	4	4	21	19
	Pulau Pinang	-	-	2	2	3	3	-	0	5	5
2	Perak	3	2	8	8	14	10	9	3	34	23
3	Selangor	4	2	6	6	12	5	5	5	27	18
4	W.P. Kuala Lumpur	1	0	3	0	6	4	3	0	13	4
5	Negeri Sembilan	2	2	5	3	9	0	4	4	20	9
	Melaka	1	1	4	1	10	7	5	5	20	14
6	Johor	3	0	14	2	21	9	9	6	47	17
7	Pahang	3	2	6	5	14	10	5	4	28	21
8	Kelantan	1	0	5	3	5	0	5	0	16	3
	Terengganu	1	0	6	0	11	5	8	5	26	10
9	Sabah	1	0	15	3	20	13	8	8	44	24
	W.P. Labuan	1	0	2	2	4	3	0	0	7	5
10	Sarawak	3	0	6	0	16	4	5	5	30	9
JUMLAH		27	12	91	42	161	89	71	50	350	193

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pada pendapat Audit, berdasarkan laporan kemajuan kerja sehingga bulan Disember 2012, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek dan kemajuan kerja adalah kurang memuaskan kerana masing-masing hanya mencapai 39.5% dan 55.1%.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 7 Oktober 2013

Mengikut Kementerian, sehingga 30 September 2013 sebanyak 296 daripada 350 (84.6%) projek yang dilaksanakan telah siap manakala bakinya sebanyak 54 (15.4%) projek masih dalam pembinaan. Kementerian sedang membuat pemantauan yang rapi terhadap prestasi setiap projek yang dilaksanakan. Sekiranya kelewatan projek melebihi 20% daripada jadual yang telah ditetapkan, ia akan dilaporkan kepada projek sakit untuk penyelesaian.

7.5.2. Pengurusan Kontrak Perjanjian Dan Surat Setuju Terima

Surat Setuju Terima (SST) adalah pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender, draf dokumen kontrak yang telah dikeluarkan terdahulu, syarat-syarat yang telah dipersetujui di dalam surat niat dan lain-lain syarat yang telah dipersetujui. SST hendaklah ditandatangani selepas semua rundingan selesai dan persetujuan dicapai. Kontrak perjanjian pula hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit terhadap pengurusan kontrak perjanjian dan SST mendapati perkara berikut:

7.5.2.1. Menandatangani SST Dan Kontrak Perjanjian

- a. Kementerian telah melantik Perunding Penyelia Projek secara tender terhadap Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Perunding pada 9 Mac 2010 telah memperakukan senarai Perunding untuk dilantik menyelia Projek Khas. Ekoran itu, Mesyuarat Lembaga Perolehan Kerja Kementerian Bil. 3 Tahun 2010 pada 12 April 2010 telah meluluskan senarai Perunding Penyelia Projek Khas dan seterusnya surat niat telah dikeluarkan kepada Perunding pada bulan April 2010. Antara perkara yang dinyatakan di dalam surat niat adalah untuk mengadakan perundingan cadangan teknikal dan kewangan dalam tempoh 14 hari daripada surat niat dikeluarkan. Semakan Audit mendapati tiada bukti bahawa perundingan telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kementerian mengambil masa terlalu lama untuk mengeluarkan SST dari tarikh surat niat dikeluarkan iaitu antara 478 hingga 732 hari untuk ditandatangani. Selain itu, didapati kontrak perjanjian juga lewat dimeterai selepas SST dikeluarkan iaitu di antara 79 sehingga 391 hari (tidak termasuk kes kelewatan kontrak dimeterai kurang 2 bulan). Kelewatan mengeluarkan SST dan menandatangani kontrak perjanjian dengan

Perunding menyebabkan Perunding melaksanakan tanggungjawab tanpa sebarang ikatan yang sah dan ini tidak menjamin kepentingan Kerajaan. Butiran kelewatan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.5
KELEWATAN KEMENTERIAN MENGELUARKAN SST DAN
MEMETERAI KONTRAK PERJANJIAN DENGAN PERUNDING**

PERUNDING	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN MENGELUARKAN SST (c) [(b) - (a) = (c)] (Hari)	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN METERAI KONTRAK (f) [(e) - (d) = (f)] (Hari)
	SURAT NIAT (a)	SST (b)		KONTRAK DIMETERAI (d)	AKHIR KONTRAK SEPATUTNYA DIMETERAI (e)	
Arkitek ATMA	16.04.2010	23.12.2011	616	21.05.2012	26.04.2012	-
Ilham Jurutera Sdn. Bhd.	19.04.2010	23.12.2011	613	24.05.2012	22.04.2012	-
GH Consultants Sdn. Bhd.	19.04.2010	23.12.2011	613	10.07.2012	22.04.2012	79
Perunding Quants Utara	19.04.2010	20.04.2012	732	30.07.2012	19.08.2012	-
Jasmin Architect	19.04.2010	10.01.2012	631	24.02.2012	09.05.2012	-
MSJ Consulting Engineering	19.04.2010	10.01.2012	631	07.03.2012	09.05.2012	-
Perunding Wangsa Sdn. Bhd.	19.04.2010	10.01.2012	631	20.06.2012	09.05.2012	-
Azatech Quantity Surveyors	19.04.2010	10.01.2012	631	09.08.2012	09.05.2012	92
Haoyun Architect	19.04.2010	10.08.2011	478	31.10.2011	09.12.2011	-
Perunding Teknovasi	19.04.2010	10.08.2011	478	02.11.2011	09.12.2011	-
Sistem Consult Sdn. Bhd.	19.04.2010	10.08.2011	478	03.01.2013	09.12.2011	391
P.T. Ong Cost Consultants	19.04.2010	10.08.2011	478	17.02.2011	09.12.2011	-

Sumber : Dokumen Kontrak Projek Khas

- b. Semakan Audit terhadap Kontrak Perjanjian dengan Kontraktor Projek Khas mendapati kontrak lewat dimeterai antara 62 hingga 174 hari selepas tamat tempoh kontrak sepatutnya dimeterai. Semakan Audit mendapati kurangnya penyelarasan di antara unit-unit yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Khas menyebabkan pengurusan kontrak kurang teratur. Kelewatan menandatangani kontrak perjanjian dengan Kontraktor menyebabkan Kontraktor melaksanakan tanggungjawab tanpa sebarang ikatan yang sah dan ini tidak menjamin kepentingan Kerajaan. Butiran kelewatan adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.6
KELEWATAN KEMENTERIAN MEMETERAI
KONTRAK PERJANJIAN DENGAN KONTRAKTOR

KONTRAKTOR	TARIKH SST (a)	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN METERAI KONTRAK (d) [(c) - (b) = (d)] (Hari)
		KONTRAK DIMETERAI (b)	AKHIR KONTRAK SEPATUTNYA DIMETERAI (c)	
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd.	06.01.2011	11.08.2011	05.05.2011	98
UPEN Enterprise Sdn. Bhd.	06.01.2011	18.08.2011	05.05.2011	105
Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd.	24.03.2011	15.09.2011	23.07.2011	-
Armada Prima Engineering	09.02.2011	02.11.2011	08.06.2011	147
Hasrul Izwan Construction	26.04.2011	15.02.2012	25.08.2011	174
Pembinaan JS Sepadu Sdn. Bhd.	31.05.2011	15.02.2012	30.09.2011	138
N.B.K. Enterprise	21.04.2011	16.12.2011	20.08.2011	118
Evolusi Waja Enterprise	24.03.2011	23.09.2011	23.07.2011	62
Kamiru Enterprise	09.02.2011	04.08.2011	08.06.2011	-

Sumber : Dokumen Kontrak Projek Khas

7.5.2.2. Bayaran Tanpa Dokumen Sokongan Yang Sah

- Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 99(a) dan 107, bayaran bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan atau kerja hendaklah dibuat mengikut kadar atau harga kontrak yang dinyatakan mengikut perkataan yang digunakan dalam kontrak dan hendaklah mengikut susunan dalam jadual kepada kontrak tersebut.
- Berdasarkan tuntutan yuran Perunding penyeliaan projek, didapati bayaran yuran Perunding telah dibuat kepada 5 Perunding walaupun SST dan kontrak belum ditandatangani. Bayaran tersebut untuk yuran ikhtisas no.1 berjumlah RM1.15 juta telah dibuat berdasarkan kepada memo daripada Setiausaha Bahagian Pembangunan [SUB(P)], Kementerian seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.7
BAYARAN KEPADA PERUNDING TANPA SST/KONTRAK PERJANJIAN YANG SAH

PERUNDING	TARIKH		BAUCAR BAYARAN			CATATAN
	SST	KONTRAK DIMETERAI	NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM)	
Jasmin Architect	10.01.2012	24.02.2012	B2606	22.04.2011	313,789	Bayaran berdasarkan memo SUB (P) Ruj. SK(BP)S(P)/AM/25 Jld.3 (26) bertarikh 17.08.2010
MSJ Consulting Engineering	10.01.2012	07.03.2012	B2593	22.04.2011	176,664	
Haoyun Architect	10.08.2011	31.10.2011	B4080	22.06.2011	345,768	
Sistem Consult Sdn. Bhd.	10.08.2011	03.01.2013	B3246	26.05.2011	77,349	
P.T. Ong Cost Consultants	10.08.2011	25.11.2011	B3984	17.06.2011	235,001	
JUMLAH					1,148,571	

Sumber : Baucar Bayaran, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap SST dan kontrak perjanjian adalah tidak memuaskan kerana SST lewat dikeluarkan dan kontrak perjanjian lewat dimeterai yang mana bercanggah dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Selain itu, pembayaran tanpa dokumen sokongan yang lengkap adalah tidak sewajarnya dilakukan.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Mengikut Kementerian, SST lambat dikeluarkan kerana pihak Perunding lewat mengemukakan Preliminary Detailed Abstract (PDA) yang mana dijadikan asas menentukan jumlah yang perlu dibayar kepada Perunding dan ia dinyatakan dalam surat SST tersebut. Mengenai kelewatan kontrak perjanjian pula adalah disebabkan pihak Perunding lewat menyiapkan dokumen perjanjian sedangkan dokumen tersebut mempunyai template yang standard.

Menyedari amalan pada masa lepas bukanlah amalan yang baik, Bahagian Pembangunan membuat penambahbaikan kerja dan kini SST dikeluarkan 7 hari selepas Lembaga Perolehan (LP) bersidang dan Kontrak Perjanjian ditandatangani dalam masa 14 hari SST dikeluarkan.

Pembayaran kepada Perunding dibuat atas kepentingan Kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan menaik taraf kemudahan sekolah sekali gus menyumbang ke arah peningkatan kecemerlangan sekolah. Bagaimanapun, Kementerian ini telah membuat penyelarasan semula yuran Perunding selepas SST dikeluarkan dan dokumen kontrak ditandatangani.

7.5.3. Pengurusan Lanjutan Masa

Pelanjutan masa hanya diberikan sekiranya punca kelewatan projek adalah di luar kawalan Kontraktor serta memenuhi peraturan dan syarat-syarat yang termaktub di dalam kontrak kerja. Mengikut Borang JKR 203A para 43, apabila didapati dengan munasabahnya jelas bahawa kemajuan kerja terlambat, lanjutan masa hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelewatan kepada Pegawai Penguasa. Bagi kes lanjutan masa, Kontraktor hendaklah membuat permohonan awal sekiranya projek dijangka akan lewat disiapkan berdasarkan lawatan dan mesyuarat tapak.

7.5.3.1. Kelewatan Permohonan Lanjutan Masa

- a. Berdasarkan laporan kemajuan bulanan dan peratus siap kerja pada mesyuarat tapak terakhir sebelum tarikh projek sepatutnya disiapkan mengikut pakej masing-masing, didapati kemajuan kerja projek ialah di

antara 0% hingga 100% seperti dinyatakan di **Jadual 7.8**. Ini bermakna sebelum tarikh projek patut siap, Kontraktor telah menyedari bahawa projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan sepatutnya membuat permohonan lanjutan masa bagi mengelakkan denda dikenakan. Adalah didapati 8 Kontraktor bagi 25 projek lewat membuat permohonan lanjutan masa kepada Kementerian iaitu kelewatan di antara 34 hingga 138 hari (tidak termasuk kes kelewatan permohonan lanjutan masa kurang daripada sebulan).

- b. Kementerian mengambil masa antara 122 hingga 293 hari bagi meluluskan permohonan lanjutan masa seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.8
TEMPOH KELEWATAN PERMOHONAN LANJUTAN MASA

SEKOLAH/ JENIS PROJEK	KEMAJUAN KERJA		TARIKH		TEMPOH KELEWATAN KONTRAKTOR MEMOHON LANJUTAN MASA (d) [(c) - (a) = (d)] (Hari)	TARIKH LANJUTAN MASA DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN (e)	TEMPOH KPM MELULUSKAN LANJUTAN MASA (f) [(e) - (c) = (f)] (Hari)
	TARIKH (BERDASAR- KAN LAPORAN KEMAJUAN KERJA PERUNDING) (a)	(%)	PATUT SIAP (b)	PERMOHONAN LANJUTAN MASA (c)			
SYARIKAT ABDUL HAMID SUDIN SDN. BHD.							
SMK Syed Alwi/ Pejabat Guru	31.12.2011	95	19.01.2012	17.05.2012	138	07.11.2012	174
SMK Syed Alwi/ Tandas	31.12.2011	95	19.01.2012	17.05.2012	138	07.11.2012	174
SMK Raja Muda Tengku Fauziah/ Tandas	31.12.2011	85	19.01.2012	17.05.2012	138	07.11.2012	174
UPEN ENTERPRISE SDN. BHD.							
SMK Kuala Perlis/Pejabat Guru	31.12.2011	93.7	19.01.2012	19.01.2012	-	07.11.2012	293
SMK Kuala Perlis/Tandas	31.12.2011	89	19.01.2012	19.01.2012	-	07.11.2012	293
SK Sena/ Tandas	31.12.2011	95.6	19.01.2012	19.01.2012	-	07.11.2012	293
SK Kampong Serdang/Tandas	31.12.2011	90.7	19.01.2012	19.01.2012	-	07.11.2012	293
MOHAMAD OTHMAN (M) SDN. BHD.							
SMK Tengku Sulaiman/ Pejabat Guru	06.04.2012	95	07.04.2012	02.04.2012	-	07.11.2012	219
SMK Tengku Sulaiman/ Tandas	06.04.2012	96	07.04.2012	02.04.2012	-	07.11.2012	219
ARMADA PRIMA ENGINEERING							
SK Sendayan/ Pejabat Guru	17.02.2012	90	22.02.2012	20.02.2012	-	24.10.2012	247
SMK Dato' Klana Putra/ Pejabat Guru	17.02.2012	90	22.02.2012	20.02.2012	-	24.10.2012	247
SMK Dato' Sedia Raja/ Pejabat Guru	17.02.2012	90	22.02.2012	20.02.2012	-	24.10.2012	247

SEKOLAH/ JENIS PROJEK	KEMAJUAN KERJA		TARIKH		TEMPOH KELEWATAN KONTRAKTOR MEMOHON LANJUTAN MASA (d) [(c) - (a) = (d)] (Hari)	TARIKH LANJUTAN MASA DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN (e)	TEMPOH KPM MELULUSKAN LANJUTAN MASA (f) [(e) - (c) = (f)] (Hari)
	TARIKH (BERDASAR- KAN LAPORAN KEMAJUAN KERJA PERUNDING) (a)	(%)	PATUT SIAP (b)	PERMOHONAN LANJUTAN MASA (c)			
PEMBINAAN J.S. SEPADU SDN. BHD.							
SMK Palong 11/ Pejabat Guru	31.03.2012	28	19.06.2012	04.05.2012	34	24.10.2012	173
SK Kuala Pilah/ Pejabat Guru	31.03.2012	0	19.06.2012	04.05.2012	34	24.10.2012	173
HASRUL IZWAN CONSTRUCTION							
SMK Dato' Undang Abd Manap/Tandas	31.03.2012	38	15.05.2012	24.06.2012	85	24.10.2012	122
SK Tampin/ Tandas	31.03.2012	34	15.05.2012	24.06.2012	85	24.10.2012	122
SMK Undang Jelebu/Tandas	31.03.2012	30	15.05.2012	24.06.2012	85	24.10.2012	122
N.B.K. ENTERPRISE							
SMK Seri Ampangan/ Padang	13.01.2012	90	14.11.2011	13.01.2012	-	24.10.2012	285
SMK Dato' Undang Musa Al-Haj/Padang	13.01.2012	40	14.11.2011	13.01.2012	-	24.10.2012	285
EVOLUSI WAJA ENTERPRISE							
SMK Lajau/ Pejabat Guru	07.04.2012	100	07.04.2012	10.03.2012	-	24.10.2012	125
SMK Lajau/ Tandas	07.04.2012	100	07.04.2012	10.03.2012	-	24.10.2012	125
SK Lubok Temiang/Tandas	07.04.2012	99.5	07.04.2012	10.03.2012	-	24.10.2012	125
KAMIRU ENTERPRISE							
SMK Labuan/ Tandas	23.03.2012	95.6	22.02.2012	21.06.2012	-	24.10.2012	125
SK Bukit Kalam/ Pejabat Guru	23.03.2012	76.1	22.02.2012	21.06.2012	-	24.10.2012	125
SM Teknik Labuan/Tandas	23.03.2012	90.8	22.02.2012	21.06.2012	-	24.10.2012	125

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

- c. Kelewatan memohon lanjutan masa serta kelewatan meluluskan lanjutan masa telah menyebabkan Kontraktor terlibat dikenakan denda *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) yang dipotong daripada bayaran kemajuan kerja. Berdasarkan temu bual dengan pihak Kontraktor, akibat denda dipotong dalam amaun yang banyak pihaknya akan menghadapi masalah aliran tunai dan menyebabkan kos operasi terbeban dan seterusnya memberi kesan kepada kelancaran projek. Sehingga 31 Disember 2012 berdasarkan baucar bayaran interim bilangan 2 hingga 14 yang melibatkan 7 Kontraktor, LAD telah dikenakan berjumlah antara RM2,663 hingga RM66,555 seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.9
DENDA YANG DIKENAKAN BERIKUTAN LANJUTAN MASA LEWAT DIMOHON

KONTRAKTOR	BAUCAR BAYARAN				
	BIL. INTERIM	NO.	TARIKH	AMAUN TUNTUTAN (RM)	POTONGAN DENDA YANG DIKENAKAN SEHINGGA LANJUTAN MASA DIPEROLEHI (RM)
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd. (Pejabat Guru/Tandas)	10	B2287	24.04.2012	98,463	9,639
	11	B3706	29.06.2012	93,905	37,179
	12	05480	03.10.2012	540,103	66,555
JUMLAH					113,373
UPEN Enterprise Sdn. Bhd. (Pejabat Guru/Tandas/Naik Taraf Padang)	10	B2403	27.04.2012	151,456	8,844
	11	B3588	22.06.2012	335,933	22,512
	12	05483	03.10.2012	-	16,250
JUMLAH					47,606
Mohamad Othman (M) Sdn. Bhd. (Pejabat Guru/Tandas)	12	B3535	19.06.2012	283,434	20,502
	13	B6105 B6106	13.08.2012	302,020 102,010	39,195
	14	B6135	13.08.2012	222,753	54,270
JUMLAH					113,967
Armada Prima Engineering (Pejabat Guru)	7	B3211	04.06.2012	335,870	23,421
	8	B3733	02.07.2012	251,652	43,495
	9	B6110	13.08.2012	396,000	56,209
JUMLAH					123,125
N.B.K. Enterprise (Naik Taraf Padang)	2	B0598	17.02.2012	434,822	3,067
	3	B3474	18.06.2012	176,585	9,562
JUMLAH					12,629
Evolusi Waja Enterprise (Pejabat Guru/Tandas)	11	B3596	25.06.2012	168,231	2,663
Kamiru Enterprise (Pejabat Guru/Tandas)	10	B2706	11.05.2012	299,652	5,830
	11	B3222	05.06.2012	137,168	14,436
	12	B6258	17.08.2012	131,990	22,764
	13	B6268	17.08.2012	40,127	31,370
	14	B7999	12.11.2012	34,050	56,910
JUMLAH					133,973

Sumber : Baucar Bayaran, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan lanjutan masa penyiapan projek oleh Kontraktor dan kelulusan oleh Kementerian adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana Kontraktor mengambil masa 34 hingga 138 hari untuk membuat permohonan lanjutan masa selepas tarikh projek patut siap. Manakala Kementerian mengambil masa di antara 122 hingga 293 hari untuk meluluskan permohonan lanjutan masa.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Kementerian mengambil maklum atas kelewatan ini. Kelewatan disebabkan oleh pihak Kontraktor lewat dalam mengemukakan permohonan lanjutan masa. Mengikut amalan pengurusan projek, pihak Perunding dan Kontraktor dimohon supaya mengemukakan permohonan dengan segera mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, pihak Kontraktor mengemukakan permohonan tersebut mengikut keselesaan mereka. Di pihak Kementerian, peringatan sentiasa diberikan dalam mesyuarat Kick Off, mesyuarat tapak dan mesyuarat pengurusan projek.

Kelewatan Kementerian meluluskan lanjutan masa berpunca daripada permohonan yang tidak mengikut format dan dokumen sokongan yang tidak lengkap. Permohonan hanya diproses sekiranya mengikut format lengkap. Bagi projek-projek Kementerian, permohonan Tempoh Lanjutan Masa (EOT) daripada Kontraktor tidak diberi secara automatik tetapi melalui proses pertimbangan dan tapisan yang teliti. Ini bagi menjamin pihak Kerajaan tidak menanggung kerugian akibat kelewatan pelaksanaan projek. Setiap permohonan Lanjutan Masa perlu melalui tapisan awal Mesyuarat Jawatankuasa Pra-Lanjutan Masa dan seterusnya diperakukan di dalam Jawatankuasa Lanjutan Masa Kementerian. Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Masa (EOT) Kementerian ini dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa dan dianggotai oleh pegawai teknikal bertauliah seperti Jurutera Awam, Juru Ukur Bahan, Jurutera Mekanikal & Elektrikal dan Arkitek. Pihak Kementerian membuat pemantauan yang rapi dan akan memastikan semua permohonan lanjutan masa (EOT) dibuat sebelum tarikh projek patut disiapkan.

7.5.4. Projek Lewat Disiapkan/Diserahkan

7.5.4.1. Antara kriteria pemilihan tapak Projek Khas ialah sekolah bebas daripada masalah tapak dan memberi impak kepada kemudahan pelajaran, sosial serta boleh dilaksanakan dengan segera. Mengikut perjanjian, tempoh siap projek pembinaan bangunan pejabat guru adalah antara 24 hingga 52 minggu, tandas sekolah antara 34 hingga 52 minggu dan naik taraf padang perlu disiapkan dalam tempoh 24 hingga 52 minggu daripada tarikh pemilihan tapak.

7.5.4.2. Adalah didapati 25 daripada 26 projek telah gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan telah memohon pelanjutan masa di antara 53 hingga 413 hari (termasuk lanjutan masa yang diluluskan) seperti di **Jadual 7.10**. Sehingga bulan Disember 2012, hanya 19 daripada 25 projek telah siap dan diserahkan. Manakala baki 5 projek belum siap/serah dan 1 projek tandas telah siap pada 30 Mei 2012 tetapi tidak dapat diserahkan disebabkan

ada bantahan oleh pihak sekolah bersebelahan. UPEN Enterprise Sdn. Bhd. walaupun berjaya menyiapkan 1 projek naik taraf padang dalam tempoh yang ditetapkan tetapi masih dikategorikan gagal kerana tidak menyiapkan 4 projek yang lain dalam pakej projek yang sama.

7.5.4.3. Antara sebab projek lewat disiapkan ialah kerana Perunding lewat mengemukakan pelan masuk ke tapak kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), tambahan keperluan PBT, kelewatan Kontraktor masuk ke tapak, kelewatan Kementerian melantik Subkontraktor Dinamakan bagi membekal dan membina perabot dalam dan kelewatan Subkontraktor membekal dan memasang perabot serta Kontraktor menaik taraf padang gagal melaksanakan kerja. Kelewatan menyiapkan projek mengikut jadual telah menyebabkan kemudahan sekolah tidak dapat digunakan segera dan memenuhi objektif Projek Khas. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.10
SENARAI PROJEK LEWAT DISIAPKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

KONTRAKTOR	SEKOLAH	JENIS PROJEK	TEMPOH PROJEK	TARIKH PROJEK SIAP CPO/CPC	LANJUTAN MASA/HARI	TEMPOH KELEWATAN TERMASUK LANJUTAN MASA SEHINGGA SIAP/ 31 DISEMBER 2012 (Hari)
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd.	SMK Syed Alwi	Pejabat Guru	20.01.2011 - 19.01.2012	12.06.2012	20.01.2012 - 20.04.2012 (92)	145
		Tandas				
	SMK Datuk Jaafar Hassan	Pejabat Guru				
	SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah	Tandas				
UPEN Enterprise Sdn. Bhd.	SK Sena	Tandas	20.01.2011 - 19.01.2012	17.02.2012	20.01.2012 - 16.03.2012 (57)	-
	SK Kampong Serdang	Tandas		17.02.2012		
		Tandas		17.02.2012		
	SMK Kuala Perlis	Pejabat Guru	16.03.2012	57		
		Padang	20.01.2011 - 19.07.2012	19.07.2011	-	-
Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd.	SMK Tengku Sulaiman	Pejabat Guru Tandas	07.04.2011 - 07.04.2012	07.07.2012	08.04.2012 - 02.06.2012 (56)	91
Armada Prima Engineering	SK Sendayan	Pejabat Guru	23.02.2011 - 22.02.2012	21.11.2012	23.02.2012 - 21.04.2012 (29)	272
	SMK Dato' Klana Putra					272
	SMK Dato' Sedia Raja					272
Hasrul Izwan Construction	SK Tampin	Tandas	17.05.2011 - 15.05.2012	-	16.05.2012 - 20.08.2012 (97)	230
	SMK Undang Jelebu					230
	SMK Dato' Undang Manap					230

KONTRAKTOR	SEKOLAH	JENIS PROJEK	TEMPOH PROJEK	TARIKH PROJEK SIAP CPO/CPC	LANJUTAN MASA/HARI	TEMPOH KELEWATAN TERMASUK LANJUTAN MASA SEHINGGA SIAP/ 31 DISEMBER 2012 (Hari)
Pembinaan JS Sepadu Sdn. Bhd.	SMK Palong 11	Pejabat Guru	21.06.2011 - 19.06.2012	-	20.06.2012 - 03.06.2013 (349)	195
	SK Kuala Pilah					195
N.B.K. Enterprise	SMK Seri Ampangan	Padang	16.05.2011 - 14.11.2011	-	15.11.2011 - 12.03.2012 (119)	413
	SMK Undang Dato' Musa Al-Haj					413
Evolusi Waja Enterprise	SMK Lajau	Pejabat Guru Tandas	07.04.2011 - 07.04.2012	30.05.2012	08.04.2012 - 31.05.2012 (54)	53
	SK Lubok Temiang	Tandas				53
Kamiru Enterprise	SK Bukit Kalam	Pejabat Guru	23.02.2011 - 23.02.2012	30.05.2012	24.02.2012 - 31.05.2012 (98)	97
	SM Teknik Labuan	Tandas				97
	SMK Labuan					-

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

7.5.4.4. Kelewatan Pelantikan Subkontraktor Dinamakan Bagi Membekal Dan Memasang Perabot Bina Dalam

Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Lanjutan Masa Bil. 21 Tahun 2012 yang dikemukakan oleh Unit Projek Khas, Bahagian Pembangunan, di antara alasan permohonan lanjutan masa oleh Kontraktor adalah disebabkan kelewatan pihak Kementerian melantik Subkontraktor Dinamakan (NSC) untuk membekal dan memasang perabot di tapak yang mana juga telah menyebabkan pembekalan dan pemasangan perabot oleh Kontraktor lewat dilaksanakan.

- a. Kementerian telah melantik melalui tender Subkontraktor Dinamakan iaitu Widad Builders Sdn. Bhd. untuk kerja-kerja membekal dan memasang perabot pasang siap di pejabat guru bagi 3 sekolah iaitu di SMK Syed Alwi, SMK Kuala Perlis dan SMK Tengku Sulaiman di negeri Perlis. Nilai kontrak masing-masingnya adalah RM173,784, RM155,000 dan RM119,684. Pelantikan ini dibuat dengan menggunakan Wang Peruntukan Sementara (WPS) di bawah butiran *preliminaries*. Keputusan pelantikan dibuat pada 3 November 2011 melalui Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Arahan Perubahan Kerja, Kelulusan Kuantiti Sementara dan Wang Peruntukan Sementara Bil. 2 Tahun 2011. Apabila Perintah Rasmi dikeluarkan oleh Kementerian, Kontraktor yang telah dilantik hendaklah masuk ke tapak projek dan melaksanakan kerja-kerja pembekalan dan menyiapkan pemasangan perabot dalam tempoh seperti yang dinyatakan di dalam kontrak.

- b. Bagaimanapun, Kementerian hanya mengeluarkan Surat Perintah Rasmi masing-masing pada 27 Disember 2011 bagi SMK Syed Alwi dan SMK Kuala Perlis serta pada 10 Februari 2012 bagi SMK Tengku Sulaiman dengan tempoh penyiapan selama 6 minggu iaitu masing-masing pada 9 Januari 2012 bagi SMK Syed Alwi, SMK Kuala Perlis dan pada 30 Mac 2012 bagi SMK Tengku Sulaiman.
- c. Kementerian juga mengambil masa yang lama iaitu selama 54 hingga 99 hari untuk mengeluarkan Surat Arahan Setuju Terima Sebut Harga Kerja Subkontraktor kepada Kontraktor Utama Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd. dan UPEN Enterprise Sdn. Bhd. serta Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd. iaitu pada 27 Disember 2011 dan 10 Februari 2012 walaupun kelulusan jawatankuasa tender/sebut harga telah dikeluarkan pada 3 November 2011.
- d. Bagi projek pejabat guru di W.P. Labuan, Kontraktor perabot yang dilantik oleh Kementerian ialah Intisari Kontraktor dan JD Harapan Sdn. Bhd. bagi pembekalan dan pemasangan perabot bina dalam di SMK Lajau dan SK Bukit Kalam dengan nilai kontrak RM116,500 setiap satu. Kenyataan sebut harga bagi perolehan perabot dikeluarkan pada 18 Oktober 2011 dan diluluskan pada 6 Disember 2011 melalui Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Arahan Perubahan Kerja, Kelulusan Kuantiti Sementara dan Wang Peruntukan Sementara Bil. 22 Tahun 2011. Bagaimanapun, Kementerian mengeluarkan Surat Arahan Setuju Terima Sebut Harga Kerja Subkontraktor daripada Kerajaan kepada Kontraktor Utama pada 14 Mac 2012 iaitu mengambil masa selama 99 hari. Oleh itu, Subkontraktor yang dilantik sepatutnya menyiapkan kerja dalam tempoh siap 8 minggu pada 5 April 2012 telah memohon lanjutan masa selama 53 hari mulai 8 April 2012 hingga 31 Mei 2012 dengan alasan kelewatan daripada pihak Kementerian melantik Subkontraktor Dinamakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.11
KELEWATAN PELANTIKAN SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN**

KONTRAKTOR/ SEKOLAH	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN KELUAR SST [(b) - (a) = (c)] (Hari)	TARIKH		TEMPOH YANG DIAMBIL UNTUK MENGE- LUARKAN PERINTAH RASMI [(e) - (d) = (f)] (Hari)	TARIKH	
	KELULUSAN J/KUASA TENDER /SEBUT HARGA (a)	SURAT SETUJU TERIIMA TENDER/ SEBUT HARGA (b)		SEPATUTNYA PERINTAH RASMI DIKELUARKAN (d)	PENERIMAAN PERINTAH RASMI (e)		SEPATUT SIAP KERJA	SEBENAR SIAP KERJA
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd./ SMK Syed Alwi	03.11.2011	27.12.2011	54	25.11.2011	27.12.2011	32	09.01.2012	20.04.2012
UPEN Enterprise Sdn. Bhd./ SMK Kuala Perlis	03.11.2011	27.12.2011	54	25.11.2011	27.12.2011	32	09.01.2012	16.03.2012
Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd./ SMK Tengku Sulaiman	03.11.2011	10.02.2012	99	23.02.2012	10.02.2012	-	30.03.2012	02.06.2012

KONTRAKTOR/ SEKOLAH	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN KELUAR SST [(b) - (a) = (c)] (Hari)	TARIKH		TEMPOH YANG DIAMBIL UNTUK MENGE- LUARKAN PERINTAH RASMI [(e) - (d) = (f)] (Hari)	TARIKH	
	KELULUSAN J/KUASA TENDER /SEBUT HARGA (a)	SURAT SETUJU TERIIMA TENDER/ SEBUT HARGA (b)		SEPATUTNYA PERINTAH RASMI DIKELUARKAN (d)	PENERIMAAN PERINTAH RASMI (e)		SEPATUT SIAP KERJA	SEBENAR SIAP KERJA
Evolusi Waja Enterprise/ SMK Lajau	06.12.2011	14.03.2012	99	08.02.2012	09.01.2012	-	05.04.2012	31.05.2012
Kamiru Enterprise / SK Bukit Kalam	06.12.2011	14.03.2012	99	08.02.2012	29.03.2012	50	05.04.2012	31.02.2012

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

- e. Kementerian telah membahagikan pakej projek ini terdiri daripada pejabat guru, tandas, dewan atau naik taraf padang sekolah. Adalah didapati Kontraktor yang dilantik untuk pembekalan dan pemasangan perabot bagi pejabat guru di Perlis dan W.P. Labuan telah gagal mematuhi tempoh menyiapkan projek pembekalan dan pemasangan perabot di pejabat guru. Akibatnya sebanyak 6 projek tandas dalam pakej projek di Perlis yang melibatkan 3 Kontraktor dan 4 projek tandas dalam pakej projek yang melibatkan 2 Kontraktor di W.P. Labuan telah gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan lanjut pihak Audit mendapati kerja-kerja pembekalan dan pemasangan perabot hanya dapat disiapkan di antara 39 hingga 74 hari (tidak termasuk kes kelewatan permohonan lanjutan masa kurang daripada sebulan) daripada tarikh sepatutnya siap seperti di jadual berikut:

JADUAL 7.12
TEMPOH KELEWATAN PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN
PERABOT OLEH SUBKONTRAKTOR DINAMAKAN

KONTRAKTOR	SEKOLAH	TEMPOH KERJA SEPATUT SIAP (Minggu)	TARIKH PENERIMAAN PERINTAH RASMI	TARIKH PATUT SIAP (a)	TARIKH SEBENAR SIAP (b)	KELEWATAN (c) [(b) - (a) = (c)] (Hari)
Syarikat Abdul Hamid Sudin Sdn. Bhd.	SMK Syed Alwi	6	27.12.2011	06.02.2012	20.04.2012	74
UPEN Enterprise Sdn. Bhd.	SMK Kuala Perlis	6	27.12.2011	06.02.2012	16.03.2012	39
Mohamad Othman Construction (M) Sdn. Bhd.	SMK Tengku Sulaiman	6	10.02.2012	22.03.2012	02.06.2012	72
Evolusi Waja Enterprise	SMK Lajau	8	09.01.2012	07.04.2012	31.05.2012	54
Kamiru Enterprise	SK Bukit Kalam	8	29.03.2012	23.05.2012	31.05.2012	-

Sumber : Dokumen Kontrak Perjanjian Dan Sijil Perintah Rasmi

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Mengikut Kementerian, pelantikan Subkontraktor Dinamakan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kelulusan Arahkan Perubahan Kerja (KPK/APK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Wang Peruntukan

Sementara (WPS) Bil. 2/2011 pada 3 November 2011. Walau bagaimanapun, pihak Perunding memberi arahan secara berperingkat kepada Subkontraktor Dinamakan (NSC) bergantung kepada kemajuan semasa di tapak oleh Kontraktor utama. Kegagalan melaksanakan kerja-kerja di tapak mengikut jadual adalah kerana pihak NSC yang dilantik iaitu Widad Builders Sdn. Bhd. telah melantik sub-kontraktor untuk kerja-kerja perabot tersebut. Kementerian dimaklumkan bahawa pihak pembekal menghadapi masalah kewangan bagi melaksanakan kerja-kerja perabot tersebut tepat pada masanya.

Kementerian juga membuat pemantauan yang rapi terhadap permohonan kelulusan Arahan Perubahan Kerja (KPK/APK), Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) dan Wang Peruntukan Sementara (WPS) dibuat sebelum tarikh projek patut disiapkan. Kementerian juga mengambil langkah sentiasa memberi peringatan kepada Perunding mengemukakan permohonan dengan segera mengikut keperluan dalam Mesyuarat Kick Off, Mesyuarat Tapak dan Mesyuarat Pengurusan Projek.

7.5.4.5. Kelewatan Perunding Mengemukakan Permohonan Masuk Tapak Kepada PBT

- a. Kontraktor hendaklah memulakan kerja tidak lewat daripada 2 minggu selepas tarikh milik tapak seperti yang dinyatakan di dalam SST. Berdasarkan permohonan lanjutan masa, alasan ia dimohon adalah berikutan kelewatan PBT meluluskan kebenaran masuk ke tapak. Bagaimanapun, didapati masa yang diambil oleh Perunding untuk membuat permohonan ke PBT bagi 8 projek ialah di antara 14 hingga 103 hari manakala pihak PBT hanya mengambil masa di antara 4 hingga 19 hari (kecuali bagi SK Kuala Pilah dan SMK Dato' Undang Abd Manap) untuk meluluskan permohonan masuk ke tapak seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.13
KELEWATAN PERUNDING PENYELIAAN
MENGEMUKAKAN KEBENARAN MASUK KE TAPAK**

KONTRAKTOR	SEKOLAH	TARIKH		TEMPOH PERMOHONAN KE PBT (c) [(b) - a() = (c)] (Hari)	TARIKH KELULUSAN PBT (d)	TEMPOH KELULUSAN PBT (e) [(d) - (b = (e))] (Hari)
		KELULUSAN MASUK TAPAK KEMENTERIAN BERDASARKAN SST (a)	PERMOHONAN MASUK TAPAK KE PBT (b)			
Armada Prima Engineering	SK Sendayan	23.02.2011	06.06.2011	103	13.06.2011	7
	SMK Dato' Klana Putra	23.02.2011	06.06.2011	103	13.06.2011	7
	SMK Dato' Sedia Raja	23.02.2011	09.03.2011	14	23.03.2011	14
Pembinaan J.S. Sepadu Sdn. Bhd.	SMK Palong 11	21.06.2011	07.07.2011	16	26.07.2011	19
	SK Kuala Pilah	21.06.2011	07.07.2011	16	* 17.07.2012	376

KONTRAKTOR	SEKOLAH	TARIKH		TEMPOH PERMOHONAN KE PBT (c) [(b) - a() = (c)] (Hari)	TARIKH KELULUSAN PBT (d)	TEMPOH KELULUSAN PBT (e) [(d) - (b = (e))] (Hari)
		KELULUSAN MASUK TAPAK KEMENTERIAN BERDASARKAN SST (a)	PERMOHONAN MASUK TAPAK KE PBT (b)			
Hasrul Izwan Construction	SK Tampin	17.05.2011	07.07.2011	51	19.07.2011	12
	SMK Dato' Undang Abd Manap	17.05.2011	07.07.2011	51	* 17.07.2012	376
	SMK Undang Jelebu	17.05.2011	18.07.2011	62	22.07.2011	4

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Nota : (*) - Bagi Projek Khas Di SK Kuala Pilah Dan SMK Dato' Undang Abd Manap Memerlukan Tambahan Kelulusan Merancang Oleh Jururancang Bertauliah

- b. Bagi projek pejabat guru di SK Kuala Pilah, permohonan masuk tapak telah dikemukakan pada 7 Julai 2011 dengan permohonan pengecualian Kebenaran Merancang oleh Jururancang Bertauliah tetapi permohonan ditolak oleh Majlis Daerah Kuala Pilah pada 3 Ogos 2011 disebabkan keperluan tambahan Majlis Daerah yang mengkehendaki Perunding mengemukakan Kebenaran Merancang oleh Jururancang Bertauliah. Kelulusan masuk tapak hanya diluluskan pada 17 Julai 2012 setelah Jururancang Bertauliah menyediakan kebenaran merancang. Ekoran itu, lanjutan masa sebanyak 349 hari telah diluluskan. Sepatutnya Perunding penyeliaan yang dilantik membuat semakan awal terhadap keperluan PBT sebelum membuat permohonan masuk ke tapak bagi mengelakkan permohonan ditolak dan seterusnya melambatkan kerja-kerja pembinaan.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Mengikut Kementerian, bagi kelewatan Perunding mengemukakan permohonan masuk tapak kepada PBT, Perunding telah diberi teguran atas kelewatan mengemukakan permohonan masuk tapak kepada PBT. Kementerian akan memastikan pihak Perunding menyelesaikan isu-isu keperluan PBT sebelum projek ditawarkan kepada Kontraktor termasuk mengemukakan permohonan masuk tapak awal dengan kelulusan bersyarat.

7.5.4.6. Projek Naik Taraf Padang Lewat Disiapkan

Kementerian telah melantik N.B.K. Enterprise bagi projek naik taraf padang sekolah di dalam Pakej 5 (sub pakej 12) merangkumi padang di SMK Seri Ampangan dan SMK Dato' Undang Musa Al-Haj di Negeri Sembilan dan SK Melekek, SK Dato' Naning dan SK Taman Bukit Rambai di Melaka. Projek naik taraf padang telah dijadualkan siap dalam tempoh 26 minggu. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. projek naik taraf padang pakej 5 yang terdiri 5 projek telah gagal disiapkan. Berdasarkan sampel Audit yang melibatkan 2 projek di 2 sekolah iaitu SMK Seri Ampangan dan SMK Dato' Undang Musa Al-Haj di Negeri Sembilan kelewatan melaksanakan kerja menaik taraf padang adalah disebabkan padang telah digunakan bagi kejohanan tahunan sukan sekolah;
- b. pihak Kontraktor telah memohon lanjutan masa pertama pada 13 Januari 2012 dengan alasan padang digunakan untuk program sukan tahunan dan pihak sekolah telah memohon penangguhan masuk ke tapak daripada Kontraktor sehingga bulan Ogos 2011 berbanding dengan jadual asal tapak sepatutnya pada bulan Mei 2011. Kementerian telah meluluskan lanjutan masa pertama sebanyak 89 hari tetapi projek masih gagal disiapkan sehingga bulan Disember 2012 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 7.14
TEMPOH KELEWATAN PROJEK NAIK TARAF PADANG**

KONTRAKTOR	SEKOLAH	TARIKH				TEMPOH	
		SERAH TAPAK ASAL	PATUT SIAP	MASUK TAPAK SEBENAR	LANJUTAN MASA 1	LANJUTAN MASA (Hari)	KELEWATAN (Sehingga 31.12.2012) (Hari)
N.B.K. Enterprise	SMK Seri Ampangan	16.05.2011	14.11.2011	08.08.2011	15.11.2011	89	413
	SMK Dato' Undang Musa Al-Haj			05.08.2011	11.02.2012		

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

- c. lawatan Audit ke SMK Seri Ampangan dan SMK Dato' Undang Musa Al-Haj, Negeri Sembilan pada 10 Disember 2012 mendapati naik taraf padang gagal disiapkan walaupun telah diberikan lanjutan masa. Keadaan padang di SMK Dato' Undang Musa Al-Haj dan SMK Seri Ampangan yang masing-masing belum disiapkan dan tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui seperti bahagian penutup longkang lebih tinggi daripada aras siap padang, longkang saluran air telah ditutupi tanah dan lumpur, takungan air hujan di dalam longkang padang tidak mengalir ke longkang besar, sambungan longkang untuk mengalir air keluar belum siap, keadaan padang yang tidak rata dan belum disiapkan, kawasan persekitaran tidak dikemaskan dan rumput jenis *cow grass* tidak tumbuh dengan sempurna. Mengikut Perunding jenis rumput yang ditanam (*cow grass*) di kedua-dua padang adalah tidak sesuai dengan rumput asal. Keadaan padang adalah seperti di **Gambar 7.1** hingga **7.9**; dan

GAMBAR 7.1



GAMBAR 7.2



*Padang SMK Dato' Undang Musa Al-Haj, Negeri Sembilan
- Keadaan Padang Yang Belum Siap
(10.12.2012)*

GAMBAR 7.3



*Padang SMK Dato' Undang Musa Al-Haj, Negeri Sembilan
- Longkang Saliran Air Telah Ditutupi Tanah Dan Lumpur
(10.12.2012)*

GAMBAR 7.4



GAMBAR 7.5



*Padang SMK Dato' Undang Musa Al-Haj,
Negeri Sembilan
- Takungan Air Hujan Di Dalam Longkang Padang
Dan Tidak Mengalir Ke Longkang Besar
(10.12.2012)*

GAMBAR 7.6



*Padang SMK Dato' Undang Musa Al-Haj,
Negeri Sembilan
- Sambungan Longkang Untuk Mengalir
Keluar Air Belum Disiapkan
(10.12.2012)*

GAMBAR 7.7



*Padang SMK Seri Ampangan, Negeri Sembilan
- Keadaan Padang Yang Belum Disiapkan
(10.12.2012)*

GAMBAR 7.8



*Padang SMK Seri Ampangan, Negeri Sembilan
- Keadaan Padang Yang Tidak Rata
(10.12.2012)*



GAMBAR 7.9

*Padang SMK Seri Ampangan, Negeri Sembilan
- Keadaan Padang Yang Tidak Rata
(10.12.2012)*

- d. Perunding Penyeliaan Projek Padang iaitu MSJ Consulting Engineering telah mengemukakan dua surat amaran pada 22 Mei 2012 dan 25 Jun 2012 kepada N.B.K. Enterprise berkaitan kelemahan kerja-kerja penyenggaraan. Amaran yang diberi adalah mengenai kecacatan keadaan padang yang tidak

rata, rumput yang tidak tumbuh dengan sempurna dan bahan binaan belum dikeluarkan serta menyiapkan baki kerja *Silt Trenching*. Sehingga akhir bulan Disember 2012, projek padang tersebut masih belum disiapkan dengan sempurna. Akibatnya, pihak sekolah tidak dapat melaksanakan aktiviti sukan, ko-kurikulum dan kemudahan menggunakan padang sekolah hampir 2 tahun.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Mengikut Kementerian, bagi SMK Dato' Undang Musa Al-Haj, setelah disemak didapati longkang sedia ada di kawasan tepi sempadan telah dipenuhi pasir dan lumpur serta mengakibatkan aliran air beralih ke kawasan padang. Apabila aliran anak sungai telah masuk ke kawasan padang, mengakibatkan kawasan tersebut menjadi kawasan takungan air dan juga aliran tersebut membawa masuk segala lumpur dan pasir serta mengakibatkan sub-soil drain tersumbat. Sehubungan dengan itu, monsoon drain bagi menampung aliran air supaya air tidak bertakung di padang perlu dinaiktarafkan terlebih dahulu. Kementerian telah menerima anggaran kos daripada pihak Perunding pada 18 Julai 2013 untuk dibuat penilaian. Kementerian dalam proses melantik Kontraktor penyiap bagi menyempurnakan kerja-kerja menaiktaraf padang.

Bagi projek padang di SMK Seri Ampangan pula, ia telah siap dilaksanakan dan diserahkan kepada pihak sekolah pada 31 Julai 2013.

Pada pendapat Audit, Perunding memainkan peranan penting untuk memastikan projek berjalan dengan lancar dan siap pada masa yang telah ditetapkan. Kementerian perlu memastikan sebagai wakilnya, Perunding hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya secara berkesan.

7.5.5. Reka Bentuk Projek Khas

Reka bentuk yang sempurna bagi sesuatu projek dengan mengambil kira fungsi dan kegunaannya serta ciri-ciri keselamatan akan memberi nilai tambah kepada projek. Pada umumnya reka bentuk Projek Khas didapati memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kekurangan berkaitan reka bentuk projek yang boleh diperbaiki seperti berikut:

7.5.5.1. Reka Bentuk Tandas

Tandas di reka bentuk dalam 4 modul iaitu terdiri daripada modul A1 dan A2 masing-masing mempunyai 12 tandas. Manakala modul B1 dan B2 masing-masing mempunyai 25 tandas. Kesemua tandas dibina secara konsep berpusat dan serba guna yang mempunyai fungsi sebagai tandas, bilik persalinan, tempat mandi dan beberapa kemudahan lain seperti tempat mengambil wuduk termasuk tandas orang kurang upaya (OKU) dan *all gender*. Lokasi tandas

adalah berasingan daripada bangunan yang sedia ada dan biasanya ditempatkan di satu penjuru berhampiran dengan bangunan sekolah. Perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut:

a. Ruang Udara Bahagian Atas Dan Bawah Tandas

- i. Adalah didapati kesemua reka bentuk tandas di bahagian atas antara *beam* dan siling adalah terbuka. Ketinggian dinding daripada lantai adalah 2,450mm manakala jarak ruang terbuka antara bahagian atas dinding dengan siling adalah 650mm menyebabkan tandas dengan mudah dicerobohi seperti contoh di **Gambar 7.10** hingga **7.15**. Bagaimanapun, di SMK Tengku Sulaiman dan SMK Kuala Perlis, didapati pihak sekolah telah mengambil inisiatif memasang jeriji di bahagian atas antara *beam* dan siling bangunan tandas bagi tujuan keselamatan seperti di **Gambar 7.16** dan **7.17**.

GAMBAR 7.10



Tandas SK Kampong Serdang, Perlis
- Reka Bentuk Bangunan Tandas Mempunyai Ruang Terbuka Antara Beam Dan Siling
(27.11.2012)

GAMBAR 7.11



Tandas SK Sena, Perlis
- Reka Bentuk Bangunan Tandas Mempunyai Ruang Terbuka Antara Beam Dan Siling
(30.11.2012)

GAMBAR 7.12



Tandas SK Tampin, Negeri Sembilan
- Reka Bentuk Bangunan Tandas Mempunyai Ruang Terbuka Antara Beam Dan Siling
(20.11.2012)

GAMBAR 7.13



Tandas SMK Undang Jelebu, Negeri Sembilan
- Reka Bentuk Bangunan Tandas Mempunyai Ruang Terbuka Antara Beam Dan Siling
(10.12.2012)

GAMBAR 7.14



Tandas SMK Labuan, W.P. Labuan
- Reka Bentuk Bangunan Tandas
(19.12.2012)

GAMBAR 7.15



Tandas SK Lubok Temiang, W.P. Labuan
- Reka Bentuk Bangunan Tandas
(18.12.2012)

GAMBAR 7.16



*Tandas SMK Kuala Perlis, Perlis
- Bahagian Atas Antara Beam Dan Siling Bangunan
Tandas Sekolah Yang Telah Dipasang Jeriji
(28.11.2012)*


GAMBAR 7.17



*Tandas SMK Tengku Sulaiman, Perlis
- Bahagian Atas Antara Beam Dan Siling Bangunan
Tandas Sekolah Yang Telah Dipasang Jeriji
(29.11.2012)*

- ii. Lubang udara mengikut lukisan berukuran antara 200mm x 250mm di bahagian bawah dinding tandas adalah kurang sesuai kerana ukuran keluasan lubang agak besar dan perlu dipasang jaring atau penghalang. Selain itu, semasa lawatan Audit, diperhatikan hampir kesemua jaring yang dipasang telah dirosakkan dan sebahagiannya ditutup dengan batu bata seperti di **Gambar 7.18** hingga **7.23**. Bagaimanapun, lawatan Audit ke SMK Tengku Sulaiman, Perlis; SMK Undang Jelebu, Negeri Sembilan dan di SMK Labuan, W.P. Labuan mendapati ruang udara adalah lebih kecil dan sesuai seperti di **Gambar 7.24** hingga **7.27**.

GAMBAR 7.18



*Tandas SMK Syed Alwi, Perlis
- Jaring Lubang Udara Didapati Telah Koyak Dan Rosak
(26.11.2012)*

GAMBAR 7.19



GAMBAR 7.20



*Tandas SK Kampong Serdang, Perlis
- Jaring Lubang Udara Didapati
Telah Koyak Dan Rosak
(27.11.2012)*

GAMBAR 7.21



*Tandas SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah, Perlis
- Jaring Lubang Udara Didapati
Telah Koyak Dan Rosak
(27.11.2012)*

GAMBAR 7.22



Tandas SK Sena, Perlis
- *Jaring Lubang Udara Telah Koyak Dan Rosak*
(30.11.2012)

GAMBAR 7.23



Tandas SK Sena, Perlis
- *Lubang Udara Ditutup Dengan Batu Bata Bagi Menghalang Haiwan Dan Serangga Masuk*
(30.11.2012)

GAMBAR 7.24



Tandas SMK Tengku Sulaiman, Perlis
- *Ruang Udara Yang Kecil Dan Sesuai*
(29.11.2012)

GAMBAR 7.25



GAMBAR 7.26



Tandas SMK Undang Jelebu, Negeri Sembilan
- *Ruang Udara Bangunan Tandas Yang Kecil Dan Sesuai*
(10.12.2012)

GAMBAR 7.27



Tandas SMK Labuan, W.P. Labuan
- *Ruang Udara Bangunan Tandas Yang Kecil Dan Sesuai*
(19.12.2012)

b. Arahan Perubahan Kerja Bagi Tambahan Tangki Air Dan Pam

Pada umumnya reka bentuk tandas Projek Khas yang menggunakan *flush valve* memerlukan tekanan air yang banyak dan berterusan serta mencukupi bagi membolehkan tandas berfungsi dengan maksimum dan sempurna pada setiap masa. W.P. Labuan menghadapi masalah tekanan air yang rendah dan bekalan air yang tidak mencukupi. Ekoran itu, projek tandas di W.P. Labuan memerlukan *booster pump* dan tangki air bagi tujuan meningkatkan tekanan dan memastikan air sentiasa banyak dan mencukupi bagi keperluan tandas. Lawatan Audit di 3 sekolah iaitu SMK Lajau, SMK Labuan dan SMK Teknik Labuan W.P. Labuan mendapati tandas menghadapi masalah bekalan dan tekanan air. Sehubungan itu, Arahan

Perubahan Kerja telah dimohon bernilai RM48,475 bagi tujuan pemasangan *booster pump* dan tangki air adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 7.28



*Tandas SMK Lajau, W.P. Labuan
- Tangki Air Bagi Tujuan Mengumpul Air
Untuk Disedut Ke Tandas
(18.12.2012)*

GAMBAR 7.29



*Tandas SMK Lajau, W.P. Labuan
- Rumah Yang Menempatkan Booster Pump
Bagi Menyedut Dan Membekalkan Air Ke
Tandas Bila Tekanan Air Rendah
(18.12.2012)*

GAMBAR 7.30



*Tandas SMK Labuan, W.P. Labuan
- Rumah Booster Pump Dan Tangki Air
(19.12.2012)*

GAMBAR 7.31



*Tandas SMK Labuan, W.P. Labuan
- Booster Pump
(19.12.2012)*

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Mengikut Kementerian, projek pembinaan tandas ini merupakan reka bentuk standard yang digunakan untuk kesemua projek tandas di seluruh Malaysia. Ruang udara yang diwujudkan bertujuan untuk pengedaran udara. Manakala, saiz lubang udara berukuran antara 200mm x 250mm juga merupakan reka bentuk standard. Namun demikian, Kementerian telah membuat penambahbaikan saiz lubang udara memandangkan lubang udara yang besar dan berjaring adalah tidak praktikal dan mudah berlaku kerosakan akibat vandalisme. Perubahan saiz lubang udara tersebut tidak melibatkan sebarang pertambahan kos. Di masa akan datang, Kementerian akan membuat penambahbaikan terhadap reka bentuk lubang udara tersebut. Selain itu, Kementerian bersetuju agar flush-valve ditambah dengan booster pump untuk kesemua sub-pakej di W.P. Labuan.

Pada pendapat Audit, pada umumnya reka bentuk bangunan bagi Projek Khas adalah memuaskan dan sesuai mengikut keperluannya. Bagaimanapun, ia boleh dipertingkatkan lagi dengan mengambil kira dari segi kesesuaian dan keperluan setempat.

7.5.6. Pemantauan Projek

7.5.6.1. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif akan dapat memastikan Projek Khas diuruskan dengan cekap dan teratur siap dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mencapai objektifnya. Mesyuarat tapak secara berkala sekurang-kurangnya sebulan sekali di antara Unit Teknikal Bahagian Pembangunan, Kontraktor, Perunding yang dilantik, wakil JPN dan sekolah bagi membincangkan status projek, laporan, bayaran kemajuan kerja dan masalah berbangkit semasa pelaksanaan projek adalah perlu. Selain itu, penyelia tapak/wakil Kontraktor/Perunding Penyeliaan perlu mengadakan pemeriksaan tapak secara berkala bagi tujuan menyelia kerja dan pengesahan tuntutan bagi tujuan tuntutan bayaran kemajuan kerja.

7.5.6.2. Semakan Audit mendapati mesyuarat tapak telah diadakan sebanyak 4 hingga 12 kali pada tahun 2011 dan 2012 yang dihadiri oleh Unit Teknikal Bahagian Pembangunan, Kontraktor, Perunding yang dilantik, wakil JPN dan sekolah. Manakala bagi tahun 2010 tiada mesyuarat diadakan kerana Projek Khas belum bermula. Bilangan mesyuarat tapak yang diadakan bagi pakej yang melibatkan sampel Audit adalah seperti di **Jadual 7.15**. Pada umumnya, penyeliaan oleh Perunding bagi projek di negeri Perlis dan W.P. Labuan adalah memuaskan. Di Negeri Sembilan, walaupun Perunding telah menjalankan tanggungjawabnya, kesemua 9 projek yang diaudit masih gagal disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan telah diberi lanjutan masa sehingga 349 hari dan kelewatan sehingga 413 hari. Sehingga 31 Disember 2012, hanya 3 projek pejabat guru sahaja telah diserahkan kepada pihak sekolah pada 21 November 2012 dan 7 projek lain masih belum siap dan diserahkan kepada pihak sekolah khususnya projek naik taraf padang. Antara sebab berlakunya kelewatan ialah keperluan tambahan PBT dan prestasi Kontraktor yang kurang memuaskan.

JADUAL 7.15
MESYUARAT TAPAK YANG DIADAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2011 DAN 2012

PERUNDING	BIL. MESYUARAT TAPAK DIADAKAN		BIL. KEHADIRAN PERUNDING	
	TAHUN			
	2011	2012	2011	2012
Arkitek ATMA	9 - 12	5	12	5
Ilham Jurutera Sdn. Bhd.	9 - 12	5	12	5
GH Consultants Sdn. Bhd.	9 - 12	5	7 - 10	2
Perunding Quants Utara	9 - 12	5	12	5
Jasmin Architect	7	12	7	12
MSJ Consulting Engineering	7	12	7	12
Perunding Wangsa Sdn. Bhd.	7	12	7	12
Azatech Quantity Surveyors	7	12	7	12
Haoyun Architect	9 - 10	4	9 - 10	4
Perunding Teknovasi	9 - 10	4	9 - 10	4
Sistem Consult Sdn. Bhd.	9 - 10	4	9 - 10	4
P.T. Ong Cost Consultants	9 - 10	4	9 - 10	4

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pada pendapat Audit, pemantauan Projek Khas oleh Kementerian dan Perunding kurang berkesan dan perlu dipertingkatkan. Pihak Perunding hendaklah lebih proaktif dan mengambil tindakan segera dengan melaporkan kepada Kementerian sekiranya terdapat masalah berbangkit yang boleh menjejaskan prestasi projek.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Malaysia Yang Diterima Pada 22 Julai 2013 Dan 7 Oktober 2013

Kementerian akan memantau projek bersama-sama dengan pihak Perunding bagi memastikan segala masalah berbangkit yang boleh menjejaskan prestasi projek diatasi sebelum menjadi lebih buruk. Kementerian mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada kelewatan projek adalah seperti berikut:

- i. kehendak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu berbeza mengikut daerah, negeri dan ulasan yang berperingkat. Keperluan dokumentasi, Certificate of Fitness (CF) bangunan asas, as-built, geran dan sebagainya. Sokongan agensi teknikal luaran seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Air Melaka (SAM), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan lain-lain. Kebenaran masuk awal tapak memerlukan perbincangan untuk mematuhi keperluan selain daripada prosedur yang ditetapkan;*
- ii. kontraktor dari segi kompetensi, pengurusan projek, aliran kewangan dan kerja Variation Order (VO); dan*
- iii. klien iaitu penyediaan dokumen dan maklumat untuk submission plan serta pengeluaran kelulusan dan Sijil Extension of Time (EOT) supaya pembayaran kemajuan kerja tidak terganggu.*

7.5.7. Kajian Kepuasan Pelanggan

Untuk menilai tahap kepuasan sekolah terhadap Projek Khas yang dilaksanakan, pihak Audit telah mendapatkan maklum balas melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada guru dan pelajar/murid di setiap sekolah yang dilawati. Perkara yang disoal adalah berkenaan dengan lokasi tapak projek, reka bentuk projek, aduan kerosakan, kemudahan yang disediakan dan cadangan penambahbaikan Projek Khas. Daripada 26 projek yang diaudit dan diedarkan borang soal selidik, hanya 11 (42.3%) sekolah sahaja yang mengembalikan borang soal selidik kepada pihak Audit. Hasil daripada maklum balas yang diterima, analisis menunjukkan tahap kepuasan terhadap Projek Khas adalah memuaskan.

7.5.7.1. Didapati 90% pihak sekolah berpuas hati dengan lokasi tapak projek manakala 10% tidak berpuas hati kerana berpendapat bahawa lokasi projek perlu dibincangkan semula dengan pentadbir sekolah yang baru. Lima puluh lima peratus (55%) sekolah berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan manakala 45% tidak berpuas hati kerana berpendapat projek lambat siap, padang tidak rata dan sistem saliran air di padang tidak memuaskan serta peralatan yang dipasang/digunakan perlu lebih berkualiti.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan seterusnya meningkatkan mutu pengurusan Projek Khas, Kementerian perlu memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

7.6.1. mewujudkan prosedur atau proses kerja yang jelas bagi memastikan rundingan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan selepas surat niat dikeluarkan bagi kontrak Perunding;

7.6.2. memastikan kontrak perjanjian ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dan SST segera dikeluarkan selepas Kementerian melantik Perunding/Kontraktor bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Selain itu, semua pembayaran hendaklah disokong dengan dokumen yang lengkap;

7.6.3. Perunding/Kontraktor hendaklah membuat perancangan awal bagi permohonan lanjutan masa atas sebab yang munasabah jika projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Perunding juga perlu lebih proaktif melaporkan dengan lebih awal dan segera kepada Kementerian terhadap masalah berbangkit yang menjejaskan prestasi projek;

7.6.4. pelantikan Subkontraktor Dinamakan bagi pembekalan perabot bina dalam hendaklah dibuat dalam masa yang ditetapkan supaya projek dapat diduduki/ digunakan sebagaimana yang dirancang; dan

7.6.5. reka bentuk Projek Khas hendaklah mengambil kira ciri-ciri keselamatan bangunan dan keperluan setempat supaya projek dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kemudahannya dapat dinikmati sepenuhnya oleh pengguna.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 164-173 Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2012 Siri 3

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

8. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN SEKOLAH DI SARAWAK

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Projek Pembinaan Bangunan Sekolah (PBS) dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran serta memberi keselesaan kepada pelajar dan kakitangan sekolah. Di antara komponen utama projek PBS yang dilaksanakan adalah bilik darjah, makmal, asrama, rumah guru dan dewan makan.

8.1.2. Bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah melaksanakan 737 projek PBS di negeri Sarawak dengan nilai asal kontrak berjumlah RM1.825 bilion. Projek PBS dilaksanakan melalui kaedah perolehan tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus. Selain Kementerian sebagai pelaksana projek PBS, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak (JPNS) dan pihak perunding juga terlibat dalam pemantauan PBS.

8.1.3. Pengurusan projek PBS adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pembangunan Kementerian yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh pegawai pentadbiran dan pegawai teknikal yang terdiri daripada jurutera, arkitek dan juruukur bahan. Selain itu, Kementerian juga dibantu oleh pegawai dari JPNS dan perunding yang dilantik oleh Kementerian. Fungsi Bahagian Pembangunan Kementerian ialah merangka dasar dan strategi pelaksanaan projek PBS; menyediakan anggaran belanjawan tahunan; mengurus perolehan Kementerian; memantau pelaksanaan serta prestasi fizikal dan kewangan projek; membuat pengesahan dan mengesyorkan bayaran kepada kontraktor; mengadakan mesyuarat tapak setiap bulan termasuk menyelia kerja yang dibuat oleh perunding dan menyelaras masalah operasi pembinaan bangunan sekolah di peringkat negeri.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek PBS di negeri Sarawak telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek PBS di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2008 hingga 2012. Semakan Audit telah dijalankan di Bahagian Pembangunan Kementerian dan JPNS. Sebanyak 56 (7.6%) projek di bawah Program Sambungan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) daripada 737 projek PBS telah dipilih sebagai skop Audit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 projek bernilai RM323.94 juta telah dibuat pemeriksaan fizikal yang melibatkan 8 Bahagian di negeri Sarawak iaitu Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Mukah, Kapit, Bintulu dan Limbang. Projek yang dilawati adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 8.1
PROJEK YANG DILAWATI**

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TARIKH LAWATAN
1.	SK Sampadi, Lundu, Kuching	11.84	01.10.2012
2.	SK Tambirat, Samarahan	15.01	01.10.2012
3.	SK Telagus Jerok, Simunjan, Samarahan	21.52	02.10.2012
4.	SK Pantu, Sri Aman	11.40	02.10.2012
5.	SK Lela Pahlawan, Sri Aman	10.80	03.10.2012
6.	SK Nanga Ajau, Betong	19.99	04.10.2012
7.	SK Beladin, Betong	29.54	04.10.2012
8.	SK Dato' Pengiran Mohd. Oya, Mukah	20.60	08.10.2012
9.	SK Nanga Merit, Kapit	13.00	09.10.2012
10.	SMK Belaga, Kapit	25.00	10.10.2012
11.	SMK Sebauh, Bintulu	54.20	10.10.2012
12.	SK Sungai Poyan, Limbang	11.28	11.10.2012
13.	SK Menuang, Limbang	14.47	12.10.2012
14.	SK Limbang, Limbang	29.59	12.10.2012
15.	SK Long Sukang, Lawas	25.83	12.10.2012
16.	SK Pusat Lawas, Lawas	9.87	12.10.2012
JUMLAH		323.94	

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data, dokumen, laporan, minit mesyuarat dan fail berkaitan dengan projek PBS. Manakala lawatan ke tapak projek telah dijalankan untuk menilai prestasi kemajuan projek dan kualiti serta spesifikasi projek yang ditetapkan. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai daripada Kementerian, JPNS, perunding dan kontraktor juga telah diadakan.

8.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2012 hingga Mac 2013 mendapati secara umumnya berdasarkan sampel yang dipilih, pengurusan projek PBS di negeri Sarawak adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- i. 55 projek dilaksanakan lewat jadual antara 219 hingga 909 hari;
- ii. reka bentuk bangunan sekolah bagi 8 projek Pembinaan Bangunan Sekolah tidak mengambil kira aspek keselamatan, kesesuaian dan keselesaan pengguna;
- iii. kualiti pembinaan yang kurang memuaskan; dan
- iv. pemantauan pengurusan projek PBS yang kurang memuaskan.

Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui dan ulasan Kementerian adalah seperti di perenggan berikut:

8.5.1. Prestasi Pelaksanaan Projek PBS

Sesuatu projek yang dirancang perlu dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan untuk memastikan pelajar dan kakitangan sekolah dapat menggunakan kemudahan sekolah seperti yang dirancang dan pada masa yang ditetapkan.

8.5.1.1. Projek Lewat Jadual

- a. Semakan Audit mendapati 55 daripada 56 projek yang bernilai RM1,054.28 juta telah lewat disiapkan daripada tarikh asal yang ditetapkan dalam kontrak. Butiran lanjut mengenainya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.2
PRESTASI PELAKSANAAN 56 PROJEK PBS YANG DIPILIH
SEBAGAI SAMPEL AUDIT SETAKAT 31 DISEMBER 2012

PRESTASI PROJEK	BIL. PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BIL. PROJEK LEWAT JADUAL ASAL	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Siap Serah	18	433.34	17	389 - 870
Dalam Pembinaan Setakat 31.12. 2012	38	620.94	38	219 - 909
JUMLAH	56	1,054.28	55	219 - 909

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

- b. Daripada 16 projek yang dilawati, 1 projek adalah mengikut jadual, 8 projek lewat jadual dan 7 projek telah ditamatkan kontrak. Baki 8 projek yang lewat jadual, 7 projek telah ditamatkan kontrak atau dalam proses penamatan kontrak manakala satu projek iaitu SK Pusat Lawas, Lawas sedang dalam proses menyelesaikan kerja tertunggak iaitu pemasangan pili bomba yang merupakan Arahan Perubahan Kerja (APK) sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Sehingga kini, pihak Kementerian masih dalam proses melantik kontraktor penyiap bagi 7 kontrak yang telah ditamatkan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.3
PRESTASI PELAKSANAAN 16 PROJEK PBS YANG DILAWATI
SETAKAT 31 DISEMBER 2012

BIL.	NAMA PROJEK	TEMPOH ASAL KONTRAK	STATUS	CATATAN
1.	SK Sampadi, Lundu, Kuching	30.03.2009 - 29.09.2010	Siap/Serah	Dalam tempoh tanggungan kecacatan.
2.	SK Tambirat, Samarahan	30.03.2009 - 29.03.2011	Siap/Serah	Dalam tempoh tanggungan kecacatan.
3.	SK Telagus Jerok, Simunjan, Samarahan	25.09.2008 - 24.09.2010	Siap/Serah	Dalam tempoh tanggungan kecacatan.
4.	SK Pantu, Sri Aman	21.11.2008 - 20.05.2010	Siap/Serah	Dalam tempoh tanggungan kecacatan.
5.	SK Lela Pahlawan, Sri Aman	25.09.2008 - 24.07.2011	Siap/Serah	Dalam tempoh tanggungan kecacatan.
6.	SK Nanga Ajau, Betong	03.08.2009 - 02.08.2010	Siap/Serah	Projek ini disiapkan dalam tempoh kontrak asal. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan pada 11.10.2011 bagi kerja yang telah siap pada 02.08.2010 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 03.08.2010 dan tamat pada 02.08.2011.
7.	SK Beladin, Betong	17.05.2010 - 16.05.2012	Belum Siap	Projek terbengkalai dan kontrak telah ditamatkan pada 28.06.2012. Baki wang pendahuluan telah dikutip balik. Kementerian masih dalam proses melantik kontraktor penyiap. Keadaan di tapak projek adalah seperti di Gambar 8.1 dan 8.2 .
8.	SK Dato' Pengiran Mohd. Oya, Mukah	16.09.2008 - 15.11.2011	Belum Siap	<i>Soil Investigation</i> dijalankan dua kali antara sebab projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal selain masalah dalaman kontraktor. Kementerian dalam proses tindakan penamatan kerja kontraktor.
9.	SK Nanga Merit, Kapit	07.07.2008 - 06.07.2010	Belum Siap	Dalam proses mengemukakan kertas perakuan kontraktor penyiap ke Jawatankuasa Projek Sakit. Bagaimanapun, tempoh sah laku senarai kontraktor penyiap hanya sah sehingga 06.06.2013. Urus setia akan membuat permohonan kepada Cawangan Ukur Bahan dan Kontrak JKR untuk melanjutkan tempoh sah laku berkenaan.
10.	SMK Belaga, Kapit	07.07.2008 - 06.01.2011	Belum Siap	Dalam proses mengemukakan kertas perakuan kontraktor penyiap ke Jawatankuasa Projek Sakit. Bagaimanapun, tempoh sah laku senarai kontraktor penyiap hanya sah sehingga 06.06.2013. Urus setia akan membuat permohonan kepada Cawangan Ukur Bahan dan Kontrak JKR untuk melanjutkan tempoh sah laku berkenaan.
11.	SMK Sebauh, Bintulu	19.11.2007 - 16.11.2009	Siap/Serah	<ul style="list-style-type: none"> i. Berlaku kejadian tanah mendap berterusan (long term soil settlement) mengakibatkan apron rosak dan lantai bangunan tergantung. ii. Pihak perunding masih belum mengemukakan senarai kerosakan dan kos berkaitan pembaikan bekalan elektrik kepada Kementerian untuk tindakan seterusnya selaras dengan keputusan mesyuarat di tapak pada 31.10.2012. Bagi isu bekalan air, perunding <i>Civil and Structure</i> dan Jabatan Bekalan Air Bintulu telah mengemukakan laporan kajian berkaitan dengan anggaran kos yang terlibat. Pelaksanaan bagi pembaikan sistem bekalan air ini akan dilaksanakan sekali dengan kos pembaikan pemendapan tanah.

BIL.	NAMA PROJEK	TEMPOH ASAL KONTRAK	STATUS	CATATAN
				iii. Kerja siasatan tanah telah selesai dibuat oleh pihak JKR Cawangan Geoteknik dan Forensik bersama-sama IKRAM. Walaupun laporan telah diterima, pihak IKRAM akan mengemukakan reka bentuk terperinci kepada Kementerian bersekali dengan dokumen tender untuk kerja pembaikan pemendapan tanah.
12.	SK Sungai Poyan, Limbang	08.12.2009 - 07.10.2011	Siap/Serah	Dalam tempoh tanggungan kecacatan.
13.	SK Menuang, Limbang	04.02.2009 - 03.02.2011	Belum Siap	Dalam proses tindakan penamatan kerja kontraktor. Keadaan di tapak projek adalah seperti di Gambar 8.3 .
14.	SK Limbang, Limbang	04.02.2009 - 03.02.2011	Belum Siap	Dalam proses tindakan penamatan kerja kontraktor. Keadaan di tapak projek adalah seperti di Gambar 8.4 .
15.	SK Long Sukang, Lawas	04.02.2009 - 03.02.2012	Belum Siap	Pembinaan dihentikan akibat lereng bukit berhampiran runtuh. Kementerian telah melawat tapak bagi mendapat gambaran sebenar di tapak dan kos serta kaedah yang sesuai bagi melaksanakan kerja penahanan cerun. Pada 23.10.2012 Kementerian telah mengeluarkan surat arahan memulakan kerja di tapak kecuali kawasan blok pentadbiran dan kantin. Kementerian dalam proses tindakan penamatan kerja kontraktor.
16.	SK Pusat Lawas, Lawas	17.06.2009 - 16.09.2010	Belum Siap	Kerja tertunggak adalah pemasangan pili bomba yang merupakan Arahan Perubahan Kerja. Masih dalam tindakan kontraktor.

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

GAMBAR 8.1



SK Beladin, Betong

- Bangunan Sekolah Yang Belum Siap Dengan Kemajuan Kerja 40.4% (04.10.2012)

GAMBAR 8.2



GAMBAR 8.3



SK Menuang, Limbang
- Projek Yang Sepatutnya Siap Pada 03.02.2011 Dengan Kemajuan Kerja 70.3% (12.10.2012)

GAMBAR 8.4



SK Limbang, Limbang
- Projek Yang Sepatutnya Siap Pada 03.02.2011 Dengan Kemajuan Kerja 82.3% (12.10.2012)

- c. Projek yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual telah menjejaskan perancangan Kementerian untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang kondusif bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, ada di antara pelajar dan kakitangan sekolah terpaksa menggunakan kemudahan sekolah yang daif dan kurang sesuai untuk didiami seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:

GAMBAR 8.5



SMK Belaga, Kapit
- Keadaan Di Dalam Bangunan Asrama
Lama Yang Daif Dan Uzur
(10.10.2012)

GAMBAR 8.6



SK Nanga Merit, Kapit
- Keadaan Di Dalam Bangunan Asrama
Lama Yang Daif Dan Uzur
(09.10.2012)

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara sebab pelaksanaan projek PBS lewat jadual adalah akibat *soil investigation* (SI) tidak dijalankan dengan sempurna/menyeluruh; masalah dalaman kontraktor seperti kewangan; kelewatan memulakan kerja dan kemajuan kerja tidak mengikut jadual yang ditetapkan; dan kesukaran mendapat bahan binaan dan tenaga kerja. Contoh sebab pelaksanaan projek lewat jadual adalah seperti berikut:

- i. di SK Long Sukang, Lawas berlaku kejadian tanah runtuh dari lereng bukit berdekatan yang merosakkan struktur bangunan yang dalam pembinaan (**Gambar 8.7**). Mengikut Kementerian, SI yang dilaksanakan oleh pihak IKRAM hanya dibuat di tapak bangunan sekolah tidak termasuk kawasan cerun berdekatan. Juga terdapat pergerakan tanah yang berlaku di bahagian cerun berdekatan kompleks sekolah semasa kerja pembinaan sedang dijalankan. Melalui laporan yang dikemukakan oleh perunding semasa Mesyuarat Penyelaras Projek Sakit di Kuching, Sarawak pada 23 Februari 2012 mengenai masalah tersebut, Kementerian telah mengeluarkan surat arahan berhenti kerja pada 29 Mac 2012 bagi keseluruhan projek sehingga kerja cerucuk penahan cerun yang dilaksanakan oleh kontraktor pakar siap sepenuhnya. Namun demikian, pada 23 Oktober 2012 Kementerian telah mengeluarkan surat arahan memulakan kerja di tapak kecuali kawasan blok pentadbiran dan kantin.
- ii. di SK Dato' Pengiran Mohd. Oya, Mukah kerja penanaman cerucuk terpaksa ditangguhkan kerana kegagalan menemui *setting* yang betul akibat kerja SI yang tidak sempurna (**Gambar 8.8**). Mengikut Kementerian, IKRAM telah melaksanakan SI sebanyak 2 kali di mana reka bentuk cerucuk berdasarkan SI pertama yang dilaksanakan didapati

tidak menepati keadaan sebenar di tapak. Oleh itu, pihak perunding mengarahkan kerja penanaman cerucuk diberhentikan dan mengesyorkan agar SI kedua dilaksanakan untuk mengkaji semula reka bentuk asas bangunan demi menjaga keselamatan bangunan.

- iii. di SMK Sebauh, Bintulu berlaku kejadian tanah mendap berterusan (long term soil settlement) yang mengakibatkan apron rosak dan lantai bangunan tergantung (**Gambar 8.9** dan **8.10**). Kementerian telah melantik pihak IKRAM Sarawak pada bulan Oktober 2012 untuk mengkaji isu pemendapan dan seterusnya menyediakan anggaran kos bagi kerja pembaikan bangunan dan pemendapan tanah. Pihak IKRAM Sarawak telah mula melaksanakan kerja khidmat pakar geoteknikal pada bulan Januari 2013 dan laporan penyiasatan tanah serta cadangan pemulihan bagi kerosakan lantai/apron bangunan akan dikemukakan kepada Kementerian. Di samping itu, Kementerian telah memohon kerjasama daripada pihak Unit Geoteknik dan Forensik JKR untuk melaksanakan pemeriksaan tanah dan bangunan pada 21 Disember 2012. Pihak JKR akan meneliti laporan penyiasatan tanah oleh pihak IKRAM dan bekerjasama dengan pihak IKRAM untuk memutuskan kaedah penyelesaian jangka masa panjang yang terbaik. Mengikut Kementerian, pihak IKRAM masih dalam proses menyediakan laporan penyiasatan tanah serta cadangan pemulihan bagi kerosakan lantai/apron bangunan.

GAMBAR 8.7



SK Long Sukang, Lawas
- Tanah Runtuh Merosakkan Bangunan Sekolah Yang Dalam Proses Pembinaan
(12.10.2012)

GAMBAR 8.8



SK Dato' Pengiran Mohd. Oya, Mukah
- Soil Investigation Dijalankan Dua Kali Dan Menyebabkan Projek Tidak Dapat Disiapkan Mengikut Jadual Asal
(08.10.2012)

GAMBAR 8.9



SMK Sebauh, Bintulu
- Berlaku Pemendapan Tanah Berterusan
(10.10.2012)

GAMBAR 8.10



Maklum Balas Kementerian Pelajaran Yang Diterima Pada 7 Mei 2013

Dalam rancangan RMKe-9, pelbagai projek pembangunan institusi pendidikan bagi menampung keperluan rakyat luar bandar telah dirancang bagi merapatkan jurang perbezaan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Bagaimanapun, terdapat beberapa projek di bawah RMKe-9 telah lewat disiapkan disebabkan oleh beberapa faktor khususnya di peringkat kontraktor dan perunding. Keadaan ini telah menyebabkan projek yang telah dirancang mengganggu perancangan Kementerian dan JPNS dalam memastikan semua sekolah di kawasan luar bandar menikmati kemudahan yang sama seperti sekolah di bandar. Kementerian bersetuju bahawa projek yang dilaksanakan lewat jadual. Namun begitu, Kementerian amat komited dalam memastikan setiap pelajar, guru dan kakitangan sekolah dapat menikmati pembelajaran dan pengajaran yang kondusif. Sehubungan itu, Kementerian akan memastikan setiap projek yang dilaksanakan mengikut jadual yang telah dirancang.

8.5.1.2. Prestasi Kewangan Projek

Mengikut maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian setakat 31 Disember 2012, prestasi perbelanjaan 56 projek bernilai RM1,054.28 juta yang diaudit adalah berjumlah RM944.28 juta (89.6%) manakala bagi 16 projek yang dilawati, prestasi perbelanjaan adalah berjumlah RM290.12 juta (89.6%) seperti ditunjukkan di **Jadual 8.4**. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati maklumat prestasi perbelanjaan yang dikemukakan oleh Kementerian khususnya berkaitan dengan 16 projek yang dilawati adalah diragui seperti berikut:

- a. prestasi perbelanjaan projek SK Telagus Jerok, Simunjan, Samarahan hanya mencapai 62.6% walaupun projek ini telah siap dibina oleh kontraktor dan telah diserahkan kepada Kementerian;
- b. prestasi fizikal projek SK Beladin, Betong adalah 40.4% semasa lawatan Audit pada 4 Oktober 2012. Bagaimanapun prestasi perbelanjaan untuk projek ini telah mencapai sehingga 96.6% pada akhir tahun 2012 sedangkan kontrak telah ditamatkan pada 28 Jun 2012; dan
- c. bagi projek SK Menuang, Limbang dan SK Limbang, Limbang yang dalam proses penamatan kerja kontrak dan dengan keadaan fizikal projek 70.3% dan 82.3% semasa lawatan Audit pada 12 Oktober 2012, prestasi perbelanjaan projek tidak mungkin mencapai 100% pada akhir tahun 2012.

JADUAL 8.4
PRESTASI PERBELANJAAN 16 PROJEK PBS YANG DILAWATI
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 31 DISEMBER 2012

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR	
			(RM Juta)	(%)
1.	SK Sampadi, Lundu, Kuching	11.84	10.83	91.5
2.	SK Tambirat, Samarahan	15.01	13.93	92.8
3.	SK Telagus Jerok, Simunjan, Samarahan	21.52	13.48	62.6
4.	SK Pantu, Sri Aman	11.40	10.17	89.2
5.	SK Lela Pahlawan, Sri Aman	10.80	10.78	99.8
6.	SK Nanga Ajau, Betong	19.99	19.48	97.5
7.	SK Beladin, Betong	29.54	28.54	96.6
8.	SK Dato' Pengiran Mohd. Oya, Mukah	20.60	14.31	69.5
9.	SK Nanga Merit, Kapit	13.00	9.19	70.7
10.	SMK Belaga, Belaga, Kapit	25.00	24.93	99.7
11.	SMK Sebauh, Bintulu	54.20	47.90	88.4
12.	SK Sungai Poyan, Limbang	11.28	8.52	75.5
13.	SK Menuang, Limbang	14.47	14.47	100
14.	SK Limbang, Limbang	29.59	29.59	100
15.	SK Long Sukang, Lawas	25.83	24.99	96.7
16.	SK Pusat Lawas, Lawas	9.87	9.01	91.3
JUMLAH		323.94	290.12	89.6

Sumber : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pelajaran Malaysia

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi fizikal projek PBS adalah kurang memuaskan kerana hanya satu daripada 56 projek dapat disiapkan mengikut jadual asal. Manakala perbelanjaan projek PBS yang menunjukkan pencapaian yang memuaskan adalah diragui kerana maklumat perbelanjaan yang dikemukakan adalah tidak selari dengan pencapaian fizikal.

8.5.2. Reka Bentuk Bangunan Sekolah

Reka bentuk bangunan sekolah perlu disediakan mengikut piawaian dalam aspek keselamatan, kesesuaian dan keselesaan. Lawatan Audit mendapati 8 projek PBS mempunyai beberapa ketidaksubaian reka bentuk antaranya reka bentuk tingkap yang tidak sesuai; pemasangan kipas angin terlalu rendah; paip air dan saluran air keluar tidak disediakan. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 8.5
KEKURANGAN REKA BENTUK PROJEK PBS

PERKARA	NAMA SEKOLAH	LOKASI	CATATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN PADA 7 MEI 2013
Reka Bentuk Tingkap Yang Tidak Sesuai	SK Pusat Lawas, Lawas	Bilik Makmal Komputer	Tingkap tidak ditutup sepenuhnya dan tidak sesuai untuk bilik berhawa dingin. (Gambar 8.11)	Pihak perunding akan mengambil tindakan untuk menutup tingkap tersebut dengan menggunakan <i>gypsum board</i> dan dicat kerana ianya adalah kesilapan mereka dalam membuat reka bentuk.

PERKARA	NAMA SEKOLAH	LOKASI	CATATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN PADA 7 MEI 2013
	SK Tambirat, Samarahan	Bilik Air Lelaki Dan Wanita	Jeriji tingkap tandas murid lelaki dan perempuan terlalu jarang di bahagian atas. Oleh yang demikian, murid perempuan yang menggunakan bilik air akan merasa kurang selesa. (Gambar 8.12)	Pihak kontraktor telah mengambil tindakan dengan memasang penutup pada tingkap tersebut selepas lawatan Audit ke sekolah tersebut.
	SK Lela Pahlawan, Sri Aman	Bilik Perpustakaan Sekolah	Daun tingkap yang tidak dapat ditutup rapat tidak sesuai untuk bilik berhawa dingin. (Gambar 8.13)	Asal reka bentuk adalah untuk memaksimumkan peredaran udara di ruang pembelajaran. Pihak perunding memaklumkan bahawa tingkap ini tidak mengambil kira ruang yang berhawa dingin yang perlu ditutup rapat. Keadaan ini perlu diperbetulkan dengan menutup <i>fixed louvres</i> di bilik yang berhawa dingin.
Keadaan Longkang Sekolah Yang Tidak Dilengkapi Dengan Penutup	SK Nanga Ajau, Betong	Kawasan Asrama Pelajar	Berbahaya kepada para pelajar di sekitar bangunan asrama perempuan dan lelaki. (Gambar 8.14)	Penutup longkang tiada dalam lukisan asal projek. Sehubungan itu, Kementerian akan mengambil tindakan ke atas perkara tersebut tertakluk kepada peruntukan kewangan Kementerian.
Saluran Air Keluar Dibuat Di Luar Siling Bilik Darjah	SK Tambirat, Samarahan	Bilik Darjah Di Tingkat Bawah	Saluran air keluar dari singki makmal sains di tingkat atas terdedah di siling bilik darjah di tingkat bawah. Keadaan ini berbahaya terutama jika bahan kimia beracun disalurkan keluar dan berlaku kebocoran. (Gambar 8.15 dan 8.16)	Dalam projek RMKe-9, reka bentuk saluran air keluar tersebut bukan sahaja terdapat di sekolah ini malah sekolah lain. Pemasangan siling juga tidak terdapat dalam lukisan reka bentuk. Oleh itu, pihak Kementerian akan menyemak semula lukisan tersebut untuk projek baru.
Tiada Saiz Seragam Untuk Koridor Di Luar Bilik Darjah	SK Sg. Poyan, Limbang	Koridor Di Luar Bilik Darjah	Ruang koridor sempit (1.2 meter) dan hampir tertutup sepenuhnya apabila jeriji pintu dibuka. Keadaan ini adalah tidak sesuai terutama apabila berlaku kecemasan. (Gambar 8.17)	Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh perunding, pada asalnya reka bentuk koridor yang diperuntukkan kelebaran sebagai 1.8 meter tetapi kerana terikat dengan panduan EPU yang membenarkan 20% keluasan untuk laluan/sirkulasi bagi sekolah rendah, perunding telah mengurangkan kelebaran koridor kepada 1.2 meter. Pihak perunding memaklumkan bahawa ruang 3 meter untuk reka bentuk saiz koridor adalah dengan mengambil kira kesesuaian kepada pergerakan pelajar, guru dan kakitangan sekolah di dalam kawasan bangunan sekolah. Perunding juga memaklumkan bahawa tiada spesifikasi standard yang diberikan bagi menentukan keluasan koridor.
	SK Pusat Lawas, Lawas		Ruang koridor (3 meter) di luar bilik darjah tiga kali lebih besar. (Gambar 8.18)	
Kipas Angin Dipasang Terlalu Rendah	SK Pantu, Sri Aman dan SK Nanga Merit, Kapit	Asrama/ Bilik Darjah	Kipas angin dipasang terlalu rendah dan dipasang di <i>beam</i> bangunan yang sepatutnya dipasang di siling bilik. Keadaan ini membahayakan murid sekolah. (Gambar 8.19)	Di SK Nanga Merit, reka bentuk kedudukan kipas ini perlu dilihat semula. Bagaimanapun, sehingga kini Kementerian masih belum menerima laporan bergambar daripada perunding. Bagi SK Pantu, Sri Aman kipas angin tersebut telah dialihkan. (Gambar 8.21)
Lokasi Suis Penghawa Dingin Yang Tidak Sesuai	SK Pusat Lawas, Lawas	Bilik Mesyuarat Utama	Suis penghawa dingin terlindung di sebalik papan putih. (Gambar 8.20)	Pihak perunding mekanikal dan elektrik akan mengambil tindakan untuk mengalihkan kedudukan suis tersebut.

PERKARA	NAMA SEKOLAH	LOKASI	CATATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN PADA 7 MEI 2013
Jeriji Tidak Dipasang	SK Sg. Poyan, Limbang	Bumbung Sekolah	Bumbung jejantas antara dua bangunan sekolah tidak dipasang dengan jeriji bagi mengelakkan bumbung bangunan dicerobohi. (Gambar 8.21)	Pihak perunding memaklumkan bahawa mereka terlepas pandang akan perkara tersebut. Jeriji ini boleh dibuat sebagai kerja tambahan sekiranya ada peruntukan. Oleh itu, mesyuarat pada 27.02.2013 telah memutuskan supaya jeriji tersebut perlu dipasang dan dimaklumkan pihak kontraktor dalam proses pemasangan.
	SMK Belaga, Kapit	Bilik Tangki Air	Jeriji tidak dipasang bagi mengelak tangki air dicerobohi. (Gambar 8.22)	Pihak kontraktor masih belum mengambil tindakan ke atas teguran tersebut. Kontrak telah ditamatkan pada 22.02.2013.
Paip Air Dan Saluran Air Keluar Tidak Disediakan	SK Pantu, Sri Aman	Makmal	Singki dalam bilik makmal tidak dilengkapi dengan paip air dan saluran air keluar. (Gambar 8.23 dan 8.24)	Pihak perunding memaklumkan bahawa semasa penyediaan reka bentuk projek, maklumat mengenai perabot bina dalam masih belum disediakan oleh pihak Kementerian. Reka bentuk bangunan hanya menyediakan ruang yang perlu mengikut brif projek. Dalam satu taklimat penyelarasan <i>built-in furniture</i> yang diadakan di Kementerian pada 20.02.2009 perunding telah dibekalkan dengan lukisan piawai yang perlu disediakan untuk tawaran kepada pembekal terpilih. Lukisan itu menyatakan bahawa segala peralatan pembekal elektrik dan air akan disediakan berasingan. Pihak perunding mengakui tidak mengambil tindakan yang perlu untuk membawa perkara ini kepada Kementerian kerana hanya memfokuskan projek dapat disiapkan mengikut kontrak.
Pagar Koridor Yang Dipasang Tidak Sesuai	SK Tambirat, Samarahan	Koridor Sekolah	Pagar koridor dipasang renggang dari lantai koridor dan membahayakan pelajar. (Gambar 8.25)	Kontraktor telah mengambil tindakan ke atas teguran tersebut dengan menambah 50 mm <i>Angle Bar</i> untuk mengurangkan jarak lantai koridor tersebut.

GAMBAR 8.11



SK Pusat Lawas, Lawas
- Reka Bentuk Tingkap Bilik Makmal Komputer
Yang Berhawa Dingin Tidak Sesuai Untuk
Bilik Berhawa Dingin
(12.10.2012)

GAMBAR 8.12



SK Tambirat, Samarahan
- Jeriji Tingkap Tandas Terlalu Jarak
Di Bahagian Atas
(01.10.2012)

GAMBAR 8.13



*SK Lela Pahlawan, Sri Aman
- Daun Tingkap Di Bilik Perpustakaan
Sekolah Tidak Dapat Ditutup Rapat
(03.10.2012)*

GAMBAR 8.14



*SK Nanga Ajau, Betong
- Longkang Tidak Dilengkapkan Dengan
Penutup Di Kawasan Asrama Pelajar
(04.10.2012)*

GAMBAR 8.15



*SK Tambirat, Samarahan
- Saluran Paip Air Terdedah Di Siling Bilik Darjah
(01.10.2012)*

GAMBAR 8.16




GAMBAR 8.17



*SK Sg. Poyan, Limbang
- Ruang Koridor Yang Terlalu Sempit
(11.10.2012)*

GAMBAR 8.18




*SK Pusat Lawas, Lawas
- Ruang Koridor Yang Lebih Besar
(12.10.2012)*

GAMBAR 8.19



*SK Nanga Merit, Kapit
- Kipas Angin Di Pasang Terlalu
Rendah Di Bilik Darjah
(09.10.2012)*

GAMBAR 8.20



*SK Pusat Lawas, Lawas
- Suis Penghawa Dingin Bilik Mesyuarat
Utama Terlindung Di Sebalik Papan Putih
(12.10.2012)*

GAMBAR 8.21



SK Sg. Poyan, Limbang
- Jeriji Tidak Dipasang Bagi Mengelak
Bumbung Bangunan Dicerobohi
(11.10.2012)

GAMBAR 8.22



SMK Belaga, Kapit
- Jeriji Tidak Dipasang Bagi Mengelak
Tangki Air Dicerobohi
(10.10.2012)

GAMBAR 8.23




SK Pantu, Sri Aman
- Singki Dalam Bilik Makmal Tidak Dilengkapkan Dengan Paip Air Dan Saluran Air Keluar
(02.10.2012)

GAMBAR 8.24



GAMBAR 8.25



SK Tambirat, Samarahan
- Pagar Koridor Dipasang Renggang
Daripada Lantai Koridor
(01.10.2012)

Pada pendapat Audit, kelemahan reka bentuk bangunan sekolah disebabkan oleh lukisan reka bentuk tidak dikaji secara terperinci.

8.5.3. Kualiti Pembinaan Kurang Memuaskan

Mengikut klausa 6 perjanjian kontrak, kontraktor dikehendaki membina dan menyiapkan projek menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi mengikut piawaian yang ditetapkan. Di samping itu, perjanjian Kementerian dengan pihak perunding (perkara 4.4 dalam *Terms of Reference*) menetapkan bahawa perunding perlu menjaga dan melindungi kepentingan Kerajaan sepanjang masa dengan perbelanjaan sendiri. Pemeriksaan Audit terhadap projek sekolah mendapati kualiti pembinaan projek PBS adalah seperti berikut:

JADUAL 8.6
KUALITI PEMBINAAN KURANG MEMUASKAN

PERKARA	NAMA SEKOLAH	LOKASI	CATATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN PADA 7 MEI 2013
Keretakan Pada Dinding/Struktur Rangka Bangunan Sekolah	SK Nanga Ajau, Betong	Dinding/Struktur Bangunan Sekolah	Berlaku keretakan pada sambungan di antara linkway dan bangunan sekolah/struktur rasuk bangunan. (Gambar 8.26 hingga 8.31)	Pihak kontraktor telah memperbaiki keretakan tersebut.
	SK Lela Pahlawan, Sri Aman			Pihak kontraktor telah memperbaiki keretakan tersebut.
	SK Sampadi, Lundu			Pihak kontraktor belum mengambil tindakan ke atas teguran tersebut. Bagaimanapun, pihak Kementerian akan memastikan kontraktor memperbaiki keretakan tersebut kerana pada masa ini kontrak masih dalam <i>Defects Liability Period</i> (DLP). Sekiranya kontraktor masih gagal mengambil tindakan memperbaiki keretakan tersebut, Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas kontraktor.
	SK Tambirat, Samarahan			Pihak kontraktor telah mengambil tindakan ke atas keretakan bangunan sekolah.
	SMK Sebauh, Bintulu			Pihak perunding telah mengeluarkan arahan kepada pihak kontraktor untuk membaiki keretakan dinding di Blok Pentadbiran pada 12.11.2012 tetapi tiada tindakan susulan daripada pihak kontraktor.
	SK Sg. Poyan, Limbang			Pihak kontraktor telah mengenal pasti bahawa keretakan tersebut berlaku di <i>Joint Linkway</i> .
Penggunaan Cat Yang Tidak Berkualiti	SK Sampadi, Lundu dan SK Tambirat, Samarahan	Susur Tangan Tangga Berkarat Dan Cat Dinding Mengelupas	Susur tangan tangga berkarat dan cat dinding mengelupas walaupun bangunan sekolah tersebut baru disiapkan. (Gambar 8.32 dan 8.33)	Kedua-dua kontraktor telah memperbaiki cat dinding yang mengelupas susur tangan tangga yang telah berkarat.
Lantai Simen Sekolah Yang Berlubang Dan Berpasir	SK Nanga Ajau, Betong dan SK Sampadi, Lundu	Dewan Makan Dan Bilik Darjah	Lantai berlubang di merata tempat. Pasir juga kelihatan terkeluar dari lubang berkenaan yang jelas menunjukkan kualiti pembinaan yang sangat rendah. (Gambar 8.34 dan 8.35)	Bagi SK Nanga Ajau, pihak kontraktor telah mengambil maklum perkara ini dan telah memperbaiki kecacatan. Bagi SK Sampadi, kontrak masih dalam DLP dan Kementerian akan memastikan kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor. Selain itu, Kementerian juga akan mengeluarkan peringatan kepada perunding dan kontraktor supaya ia diperbaiki sebelum DLP tamat.
Pemasangan Jubin Yang Tidak Berkualiti	SK Pantu, Sri Aman	Tandas Murid Lelaki	Jubin di dinding tandas murid lelaki telah tertanggal dan setakat lawatan Audit tindakan untuk membaiki belum diambil oleh pihak kontraktor. (Gambar 8.36 dan 8.37)	Keadaan ini adalah mungkin disebabkan oleh penggunaan bahan binaan yang tidak berkualiti oleh kontraktor. Bagaimanapun, pihak perunding perlu memantau penggunaan bahan binaan yang memenuhi standard kualiti pembinaan. Dimaklumkan bahawa pihak kontraktor telah mengambil tindakan memperbaiki kerosakan tersebut. Untuk makluman, sekolah ini masih di dalam tempoh tanggungan kecacatan dan sebelum <i>Certificate of Making Good Defects</i> dikeluarkan, Kementerian akan membuat pemantauan bagi memastikan segala kecacatan telah diperbaiki.

PERKARA	NAMA SEKOLAH	LOKASI	CATATAN	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN PADA 7 MEI 2013
Sistem Pendawaian Tidak Sempurna	SMK Sebauh, Bintulu	Blok Guru F10 dan F12, Blok Warden dan Blok Akademik	Sistem pendawaian elektrik tidak di pasang dengan sempurna di blok guru F10 dan F12, blok warden dan blok akademik dengan jumlah 517 suis, lampu dan soket elektrik yang tidak berfungsi. (Gambar 8.38)	Pihak perunding mekanikal dan elektrik telah mengenal pasti kerosakan yang terlibat dalam sistem pendawaian elektrik di blok Kuarters, Asrama Lelaki dan Asrama Perempuan serta Dewan Makan. Memandangkan item tersebut merupakan kerosakan <i>wear and tear</i> dan dikenal pasti selepas DLP, pihak kontraktor tidak bertanggungjawab untuk pembaikan tersebut. Lantikan pihak ketiga akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
	SMK Belaga, Kapit, SK Pantu, Sri Aman dan SK Sampadi, Lundu	Bangunan Asrama Lama/Baru Dan Bilik Server	Wayar pada litar elektrik berselirat di asrama lelaki baru dan penyambungan elektrik secara haram dari bangunan asrama lama perempuan. Wayar elektrik dibiarkan terdedah di tepi longkang bangunan asrama perempuan dan di bilik server. (Gambar 8.39 hingga 8.42)	Di SMK Belaga, pihak kontraktor telah memohon kepada SESCO untuk membuat penyambungan elektrik dari <i>grid line</i> dan tiada lagi berlaku penyambungan dari bangunan sementara secara haram. Manakala di SK Sampadi, pihak perunding masih belum mengambil tindakan ke atas perkara tersebut. Kementerian akan mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor supaya mengambil tindakan segera.
Air Melimpah Dari Tangki Menyebabkan Pintu Tandas Rosak Dan Resapan Air Pada Siling Asrama	SK Nanga Ajau, Betong	Asrama Lelaki, Asrama Perempuan Dan Dewan Makan	Air melimpah dari tangki air menyebabkan resapan air pada siling asrama dan dewan makan serta pintu tandas dewan makan telah mereput dan tertanggal. (Gambar 8.43 dan 8.44)	Perunding memaklumkan bahawa tindakan telah diambil oleh kontraktor di mana pintu tandas yang tertanggal telah diganti dan resapan air pada siling juga telah siap dicat semula. Sekiranya kejadian ini berulang, maka Kementerian akan mengambil tindakan bergantung kepada peruntukan Kementerian dan dimasukkan di bawah kerja penyenggaraan bangunan.

GAMBAR 8.26



SK Nanga Ajau, Betong
- Keretakan Pada Dinding Bangunan Sekolah Di Bilik Setiausaha Peperiksaan (04.10.2012)

GAMBAR 8.27



SK Lela Pahlawan, Sri Aman
- Keretakan Pada Dinding Bangunan Sekolah Di Pejabat Pentadbiran (03.10.2012)

GAMBAR 8.28



SK Sampadi, Lundu
- Keretakan Pada Dinding Bangunan Sekolah
Di Bilik Penolong Kanan
(01.10.2012)

GAMBAR 8.29




SK Tambirat, Samarahan
- Keretakan Dan Kesan Resapan Air Pada Dinding
Bangunan Sekolah Di Tandas Murid Lelaki
(01.10.2012)

GAMBAR 8.30




SMK Sebauh, Bintulu
- Keretakan Pada Dinding Bangunan
Sekolah Di Blok Pentadbiran
(10.10.2012)

GAMBAR 8.31




SK Sg. Poyan, Limbang
- Keretakan Pada Sambungan Di Antara Linkway Dan
Struktur Rasuk Bangunan Sekolah Di Ruang Legar
(11.10.2012)

GAMBAR 8.32



SK Sampadi, Lundu
- Susur Tangan Tangga Yang Berkarat Kerana
Cat Yang Digunakan Tidak Berkualiti
Di Bangunan Asrama Lelaki
(01.10.2012)

GAMBAR 8.33



SK Tambirat, Samarahan
- Cat Dinding Mengelupas Kerana Cat
Yang Digunakan Tidak Berkualiti Di
Dinding Tangga
(01.10.2012)

GAMBAR 8.34



SK Nanga Ajau, Betong
- Keadaan Lantai Simen Yang Berlubang
Di Dewan Makan
(04.10.2012)

GAMBAR 8.35



SK Sampadi, Lundu
- Keadaan Lantai Simen Yang Berlubang
Di Bilik Darjah
(01.10.2012)

GAMBAR 8.36



SK Pantu, Sri Aman
- Jubin Dinding Tertanggal Di Tandas Murid Lelaki
(02.10.2012)

GAMBAR 8.37




GAMBAR 8.38



SMK Sebauh, Bintulu
- Sistem Pendawaian Elektrik Tidak Sempurna Dan Banyak Suis Yang Tidak Berfungsi Di Dewan Makan
(10.10.2012)

GAMBAR 8.39



SMK Belaga, Kapit
- Wayar Pada Litar Elektrik Berselirat Dan Merbahaya Kepada Pengguna Di Asrama Lelaki Baru
(10.10.2012)

GAMBAR 8.40




SMK Belaga, Kapit
- Penyambungan Elektrik Secara Haram Dari Bangunan Asrama Lama Perempuan
(10.10.2012)

GAMBAR 8.41



SK Pantu, Sri Aman
- Wayar Elektrik Dibiarkan Terdedah Di Tepi Longkang Bangunan Asrama Perempuan
(02.10.2012)

GAMBAR 8.42



SK Sampadi, Lundu
- Wayar Elektrik Dibiarkan Terdedah Di Bilik Server
(01.10.2012)

GAMBAR 8.43



SK Nanga Ajau, Betong
- Kesan Resapan Air Di Siling Asrama Lelaki A1
(04.10.2012)



GAMBAR 8.44

*SK Nanga Ajau, Betong
- Pintu Tandas Dewan Makan Telah
Mereput Dan Tertanggal
(04.10.2012)*

Pada pendapat Audit, kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor dan penyeliaan oleh pihak perunding adalah kurang memuaskan kerana terdapat kualiti pembinaan yang tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Pelajaran Yang Diterima Pada 7 Mei 2013

Kementerian mengakui bahawa kualiti pembinaan tidak memuaskan. Kontraktor yang dilantik hanya mengejar keuntungan dengan membeli bahan binaan yang murah dan tidak berkualiti. Kerja pembinaan yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Kesan daripada kualiti pembinaan tersebut menyebabkan berlakunya keretakan bangunan, lantai berlubang dan berpasir.

8.5.4. Pemantauan

Pemantauan yang cekap dan berkesan adalah amat penting dalam pengurusan projek pembinaan bangunan sekolah untuk memastikan ianya dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang telah ditetapkan dalam perjanjian kontrak.

8.5.4.1. Pemantauan Oleh Bahagian Pembangunan Kementerian Dan Perunding

- a. Bahagian Pembangunan Kementerian bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan serta prestasi kewangan dan prestasi fizikal projek; membuat pengesahan dan mengesyorkan bayaran kepada kontraktor; mengadakan mesyuarat tapak setiap bulan termasuk menyelia kerja yang dilaksanakan oleh perunding dan menyelaras masalah operasi pembinaan bangunan sekolah di peringkat negeri. Kementerian telah melantik sebanyak 30 perunding untuk membantu Kementerian memantau 16 projek PBS yang dilawati oleh pasukan Audit. Tanggungjawab atau peranan perunding adalah untuk memantau pelaksanaan projek melalui mesyuarat tapak, mengawal kemajuan kerja pembinaan serta memastikan kualiti pembinaan projek PBS yang telah dijalankan oleh kontraktor menepati piawaian yang ditetapkan. Selain itu, perunding juga melaporkan kemajuan kerja mengikut projek. Kementerian hanya menerima laporan yang dikemukakan oleh perunding dan akan memantau projek yang lewat jadual dan bermasalah berdasarkan laporan yang diterima daripada perunding.

- b. Semakan Audit terhadap pemantauan di peringkat Kementerian dan perunding mendapati kerja pemantauan terhadap projek PBS ada dilaksanakan. Bagaimanapun, ia masih kurang berkesan kerana reka bentuk tidak dikaji secara terperinci dan kualiti pembinaan kurang memuaskan. Selain itu, beberapa perunding yang dilantik kurang komited terhadap penyeliaan projek seperti gagal menghadiri lawatan fizikal bersama pasukan Audit dan Kementerian serta ketidakhadiran dalam *Exit Conference* di Kementerian.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan terhadap projek PBS negeri Sarawak oleh pihak Kementerian dan perunding adalah kurang memuaskan kerana reka bentuk tidak dikaji secara terperinci dan kerja pembinaan kurang berkualiti.

8.5.4.2. Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS)

Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) Kementerian dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan keahlian tetap terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (Jabatan Perdana Menteri), Jabatan Kerja Raya Malaysia dan wakil Pusat Khidmat Kontraktor. Selain itu, JKPS ini juga turut dihadiri oleh Setiausaha Bahagian (SUB), Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB), Penasihat Undang-undang, pengurus projek dan pegawai teknikal. JKPS bertanggungjawab membincangkan dan memutuskan status bagi setiap projek Kementerian yang bermasalah. Di samping itu, JKPS juga perlu mengenal pasti punca masalah dan kaedah penyelesaiannya. JKPS telah bermesyuarat sebanyak 12 kali pada tahun 2012 dan 6 kali sehingga bulan Jun 2013. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat JKPS mendapati projek PBS yang bermasalah telah dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat dan antara keputusan/tindakan adalah seperti berikut:

- a. mengesyorkan peningkatan usaha pemantauan dan penyeliaan terhadap projek sakit;
- b. mengambil tindakan meminta perunding menyelesaikan masalah berbangkit dengan pihak berkuasa tempatan;
- c. mengesyorkan pembatalan kontrak yang bermasalah; dan
- d. mengesyorkan pelantikan kontraktor penyiap.

Pada pendapat Audit, JKPS telah diuruskan dengan teratur berdasarkan kepada keputusan dan tindakan yang telah diambil di dalam minit mesyuarat JKPS.

8.6. SYOR AUDIT

Sebagai usaha untuk memastikan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*) bagi projek pembinaan bangunan sekolah serta pelaksanaan projek yang lebih teratur dan berhemat pada masa akan datang, adalah disyorkan Kementerian melaksanakan tindakan seperti berikut:

8.6.1. memastikan projek dilaksana dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan supaya pelajar dan kakitangan sekolah dapat menggunakan kemudahan sekolah yang telah dirancang dan pada masa yang ditetapkan serta mengelakkan imej Kementerian terjejas;

8.6.2. memastikan reka bentuk bangunan sekolah mengikut piawaian yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek keselamatan, kesesuaian dan keselesaan supaya projek PBS memberi manfaat sepenuhnya kepada pengguna serta mendapat *best value for money*;

8.6.3. memastikan kerja pembinaan PBS dipantau dan diselia dengan berkesan supaya projek dilaksanakan menepati piawaian dan kualiti yang ditetapkan dalam kontrak; dan

8.6.4. mempercepatkan tindakan penamatan kontrak terhadap projek sakit dan pelantikan kontraktor penyiap serta menyenaraihitamkan kontraktor dan perunding yang gagal menyempurnakan kerja/tanggungjawab selaras dengan kehendak kontrak/perjanjian.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 174-177
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

KEMENTERIAN PERTAHANAN

9. PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS BANGUNAN KOLEJ TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA DI PANGKALAN TLDM LUMUT, PERAK

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia (Kolej TLDM) merangkumi 2 pusat latihan iaitu Kapal Diraja Sultan Idris 1 (KDSI-1) adalah pusat latihan bagi pegawai dan KD Pelandok untuk anggota Lain-lain Pangkat (LLP). KDSI-1 dahulunya dikenali sebagai Fakulti Pegawai dan mula beroperasi pada tahun 1995. KDSI-1 ini mampu menampung seramai 300 orang pelatih pada satu-satu masa. Pembangunan semula KDSI-1 adalah membina bangunan kediaman bagi menampung jumlah pelatih yang dijangka meningkat sehingga 1,000 orang. Manakala, pembangunan KD Pelandok adalah bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang lebih efektif dan menyediakan kemudahan pembelajaran terkini bagi membantu melatih LLP dan meningkatkan kemahiran mereka.

9.1.2. Projek dibahagikan kepada 2 pakej berasingan. Pakej A meliputi pembinaan semula KDSI-1 dilaksanakan oleh HS Development Sdn. Bhd. (Syarikat HSD) mulai 12 April 2010 dengan kos bernilai RM48.93 juta dan tarikh patut siap pada 2 November 2012. Bagaimanapun, Pakej A hanya disiapkan pada 29 April 2013. Manakala, kontrak Pakej B bagi pembinaan KD Pelandok yang terdiri dari pelbagai bangunan seperti bangunan bilik kuliah, bangunan pengurusan hospitaliti dan kulinari, *small arm simulator* dan bengkel ujian jentera, *propulsion* dan *simulator*. Pada asalnya kerja pembinaan berkenaan telah ditawarkan kepada Syarikat Ijhraa (M) Sdn. Bhd. (Syarikat Ijhraa) pada 16 Disember 2009 dengan kos projek berjumlah RM41.46 juta tetapi telah gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan dikategorikan sebagai projek sakit. Bagi mengatasinya, Kementerian telah melantik kontraktor penyelamat iaitu JJM Integrated Sdn. Bhd. (Syarikat JJM) pada 3 Oktober 2012 dan tarikh dijangka siap pada 2 Oktober 2013 dengan kos berjumlah RM42.93 juta.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembangunan semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM telah dirancang dengan teliti, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif pembangunannya.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan serta pengurusannya. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Rancang dan Operasi (RANOP) dan Cawangan Prasarana Markas Tentera Laut (MTL); Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) dan Unit Laut Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan (Kementerian). Lawatan fizikal ke tapak projek juga telah diadakan.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013. Lawatan fizikal telah dijalankan terhadap komponen Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM serta temu bual dengan pegawai dan anggota yang terlibat telah diadakan.

9.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Mac 2013 mendapati projek ini secara keseluruhannya adalah kurang memuaskan di mana projek Pakej A disiapkan selepas 2 tempoh lanjutan masa diluluskan. Manakala, projek Pakej B melibatkan kelemahan seperti berikut:

- i. kontraktor asal gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan telah ditamatkan kontraknya serta ganti rugi denda lewat belum dikutip; kos projek yang dirancang dan ditetapkan pada awalnya berjumlah RM41.46 juta tetapi telah ditawarkan semula kepada kontraktor penyelamat dengan kos sejumlah RM42.93 juta;
- ii. kemajuan kerja kontraktor penyelamat bagi projek Pakej B pada Februari 2013 hanya mencapai 11.9% sejak ditawarkan pada 3 Oktober 2012. Tarikh patut siap projek ini adalah pada 20 Oktober 2013 (selama 12 bulan). Walau bagaimanapun pada bulan September 2013, kemajuan kerja meningkat kepada 72.48% berbanding jadual sepatutnya 88.28% iaitu lewat 15.80%;
- iii. projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit dan tindakan bagi mengatasinya telah menyebabkan kerugian berjumlah RM10.2 juta (19.74%) iaitu RM8.73 juta bayaran yang telah dibayar kepada kontraktor asal dan perbezaan antara kedua kontrak berjumlah RM1.47 juta; dan
- iv. syarat dan peraturan perolehan kontrak tidak dipatuhi sepenuhnya.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan dan ulasan Kementerian Pertahanan Malaysia adalah seperti di perenggan berikut:

9.5.1. Prestasi Projek Pembinaan

9.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Secara keseluruhannya prestasi projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM yang dilaksanakan secara pakej adalah kurang memuaskan seperti di **Jadual 9.1** dan penjelasan lanjut di perenggan berikutnya:

JADUAL 9.1
PRESTASI PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS
BANGUNAN KOLEJ TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)

PAKEJ	KONTRAKTOR	KOS PROJEK (RM Juta)	PERATUSAN SIAP KERJA DI TAPAK SEHINGGA BULAN SEPTEMBER 2013
PAKEJ A	HS Development Sdn. Bhd.	48.93	100% (Selepas EOT Kedua)
PAKEJ B	Ijhraa (Malaysia) Sdn. Bhd.	41.46	55% (Kemajuan kerja terakhir di tapak sebelum ditamatkan)
	JJM Integrated Sdn. Bhd.	42.93	72.5%

Sumber : Kontrak Dan Kemajuan Kerja, Bahagian Pembangunan

a. Pakej A

- i. Kementerian telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Syarikat HSD pada 12 April 2010 dan tarikh milik tapak bina pada 3 Mei 2010 dan kontrak ditandatangani pada 16 Ogos 2010 serta kerja sepatutnya siap pada 2 November 2012. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan pada 9 April 2013 selepas dua lanjutan masa selama 160 hari diluluskan. Perakuan Kerja Siap (CPC) telah dikeluarkan pada 29 April 2013 dengan tempoh tanggungan kecacatan ditetapkan sehingga 28 April 2014 iaitu selama 12 bulan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 23 Julai 2013

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) mengesahkan Projek Pakej A telah siap sepenuhnya pada 9 April 2013 dan Certificate of Practical Completion (CPC) telah dikeluarkan pada 29 April 2013. Proses serah tapak di antara pihak syarikat dan Kementerian telah dilakukan dan diserahkan kepada pasukan pada 29 April 2013 untuk diduduki. BPKP masih bertanggungjawab memantau kerja pembaikan oleh kontraktor sehingga tamat tempoh tanggungan kecacatan.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan segala kecacatan dan kerosakan dibaiki sepenuhnya oleh kontraktor dalam tempoh tanggungan kecacatan.

b. Pakej B

- i. Projek pembangunan semula di bawah Pakej B pada asalnya ditawarkan kepada Syarikat Ijhraa. Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 16 Disember 2009 dan tarikh milik tapak pada 28 Disember 2009 dengan tempoh siap dijangka selama 26 bulan iaitu pada 27 Februari 2012. Bagaimanapun, semasa projek ditamatkan, kemajuan kerja hanya mencapai 55% sahaja. Kementerian telah mengeluarkan notis amaran pertama pada 23 Februari 2011 dan notis amaran kedua pada 6 Januari 2012. Walaupun Syarikat telah diluluskan tempoh Lanjutan Masa No. 1 mulai 28 Februari 2012 sehingga 16 April 2012 tetapi masih gagal menyiapkan projek tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati, Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) telah dikeluarkan sebanyak dua (2) kali kepada Syarikat Ijhraa iaitu pada 1 Mac 2012 dan 17 April 2012 kerana gagal menyiapkan kerja seperti yang dikehendaki oleh kontrak. Sehubungan itu Pakej B diklasifikasikan sebagai projek sakit oleh Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit, Kementerian. Berdasarkan Laporan Projek Sakit pada bulan Februari 2012 peratusan kerja yang belum siap adalah sebanyak 47% dengan baki nilai kerja belum siap berjumlah RM33.31 juta. Sehubungan itu projek telah ditamatkan pada 24 April 2012. Ganti rugi perlu dikenakan dan dikutip sejumlah RM6,303 sehari bagi tempoh antara 17 April 2012 iaitu tarikh perakuan kerja tidak siap dikeluarkan sehingga kontrak ditamatkan bersamaan 8 hari.
- iii. Kementerian telah melantik kontraktor penyelamat iaitu JJM Integrated Sdn. Bhd. melalui tender terhad bagi melaksanakan Pakej B tersebut pada 3 Oktober 2012 dan tarikh patut siap pada 20 Oktober 2013 (12 bulan) dengan kos berjumlah RM42.93 juta.
- iv. Merujuk kepada Mesyuarat Tapak Bil. 3, pada bulan Januari 2013 menunjukkan kemajuan kerja di tapak sebanyak 11.9%. Lawatan Audit pada bulan Februari 2013 mendapati kemajuan kerja di tapak kurang memuaskan melibatkan 2 komponen projek iaitu Bengkel Ujian Jentera, Propulsion dan Simulator serta Bangunan Bilik Kuliah. Semenjak pelantikan kontraktor penyelamat, sebanyak 3 mesyuarat tapak dan 3 mesyuarat teknikal telah diadakan tetapi masalah bumbung masih belum selesai. Bumbung bangunan berkaitan telah dipasang setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (JK APK) BPKP pada bulan Mei 2013. Bagaimanapun, merujuk kepada Laporan Kemajuan ke 11, pada bulan Ogos 2013 kemajuan kerja di tapak telah mencapai 64.9% berbanding jadual kemajuan (termasuk Prime Cost) sepatutnya berjumlah 79.4%, lewat sebanyak 14.6%. Manakala sehingga

bulan September 2013, kemajuan kerja hanya meningkat kepada 72.5% berbanding jadual sepatutnya 88.3% iaitu lewat sebanyak 15.8%. Komponen projek yang terlibat iaitu Bengkel Ujian Jentera, Propulsion dan Simulator serta Bangunan Bilik Kuliah. Bumbung bangunan berkaitan telah dipasang setelah kelulusan mengenainya diperolehi pada bulan Mei 2013. Keadaan bangunan yang berkaitan seperti di **Gambar 9.1** hingga **9.6**.

GAMBAR 9.1



*Pakej B - Bengkel Ujian Jentera,
Propulsion Dan Simulator
(05.02.2013)*

GAMBAR 9.2



*Pakej B - Bengkel Ujian Jentera,
Propulsion Dan Simulator
(Sumber : Kementerian Pertahanan - 15.08.2013)*

GAMBAR 9.3



*Pakej B - Bangunan Pengurusan
Hospitaliti Dan Kulinari
(05.02.2013)*

GAMBAR 9.4



*Pakej B - Bangunan Pengurusan
Hospitaliti Dan Kulinari
(Sumber : Kementerian Pertahanan - 15.08.2013)*

GAMBAR 9.5



*Pakej B - Small Arm Simulator
(05.02.2013)*

GAMBAR 9.6



*Pakej B - Small Arm Simulator
(Sumber : Kementerian Pertahanan - 15.08.2013)*

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 18 September 2013 dan 23 Julai 2013

Sehingga bulan September 2013, kemajuan projek bagi Pakej B adalah sebanyak 72.5% berbanding jadual 88.28% iaitu lewat sebanyak 15.80%. Kontraktor memaklumkan kelewatan tersebut disebabkan proses memuktamadkan reka bentuk kekuda bumbung oleh pembekal yang dilantik oleh kontraktor lewat dilaksanakan. Selain itu pihak kilang juga menghadapi masalah kerosakan mesin dan tidak dapat menghantar bahan ke tapak mengikut tarikh yang dirancang. Manakala, bagi urusan tuntutan ganti rugi projek sakit, Pihak Perunding Ukur Bahan sedang mengemas kini maklumat berkaitan tuntutan ganti rugi kepada Syarikat Ijhraa meliputi kos-kos yang terlibat dalam penyiapn projek.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memantau dengan lebih menyeluruh prestasi kerja kontraktor penyelamat supaya projek dapat disiapkan sepenuhnya mengikut masa yang ditetapkan. Selain itu memastikan denda ganti rugi dikutip daripada Syarikat Ijhraa kerana gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

9.5.1.2. Pencapaian Kewangan Projek

Secara keseluruhannya prestasi pencapaian kewangan projek Pakej A dan B adalah kurang memuaskan disebabkan pertambahan kos. Kedudukan kewangan projek sehingga bulan Jun 2013 adalah seperti di **Jadual 9.2** dan penjelasan lanjut mengenainya seperti di perenggan berikut:

**JADUAL 9.2
KEDUDUKAN KEWANGAN PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS
BANGUNAN KOLEJ TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)**

PAKEJ	KONTRAKTOR	KOS PROJEK ASAL (RM Juta)	PELARASAN HARGA KONTRK [TAMBAHAN/ (KURANGAN)] (RM)	KOS KONTRAK TERKINI (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	WANG TAHANAN TERKUMPUL (RM Juta)	BAKI KOS PROJEK MENGIKUT UNIT AKAUN, BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN (f) = (c) - (d) - (e)
		(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	
PAKEJ A	HS Development Sdn. Bhd.	48.93	PHK 1: (RM546,282) PHK 2: RM1,310,346 PHK 3: RM3,513	49.70	46.61 (Sehingga Bayaran Interim Ke-54)	2.45	0.64
PAKEJ B	Ijhraa (Malaysia) Sdn. Bhd.	41.46	-	41.46	8.73 (Sehingga Bayaran Interim Ke-18)	0.97	31.76
	JJM Integrated Sdn. Bhd.	42.93	-	42.93	7.00 (sehingga bayaran Interim Ke-8 pada 30 Jun 2013)	0.36	39.35

Sumber : Unit Pengurusan Kewangan, Bahagian Pembangunan

- a. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek Pakej A yang telah siap pada bulan April 2013 mengalami pertambahan kos sejumlah RM767,577 (1.5%) disebabkan Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Sehingga akhir bulan April 2013 baki akaun projek adalah berjumlah RM639,648. Akaun hanya akan dimuktamadkan selepas selesai semua pelarasan dan semua kecacatan siap dibaiki dalam tempoh tanggungan kecacatan.
- b. Projek Pakej B bernilai RM41.46 juta telah gagal disiapkan oleh kontraktor asal dan telah ditawarkan semula kepada kontraktor penyelamat dengan kos RM42.93 juta. Projek ini telah dikategorikan sebagai projek sakit dan tindakan bagi mengatasinya telah menyebabkan kerugian berjumlah RM10.20 juta iaitu RM8.73 juta bayaran kepada kontraktor asal dan perbezaan antara kedua kontrak berjumlah RM1.47 juta.
- c. Sebanyak 18 bayaran interim berjumlah RM8.73 juta telah dibayar kepada kontraktor asal. Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM2.07 juta sepatutnya dikutip daripada bayaran interim tetapi hanya RM0.97 juta sahaja berjaya ditahan kerana kontrak berkenaan telah ditamatkan. Bagaimanapun, Kementerian belum menyediakan akaun muktamad kontrak asal yang ditamatkan yang sepatutnya disediakan sebaik sahaja kontraktor baru dilantik.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi pencapaian kewangan projek Pakej A dan B adalah kurang memuaskan disebabkan pertambahan kos. Kementerian perlu memastikan akaun muktamad bagi kontrak yang ditamatkan disediakan sebaik sahaja kontraktor baru dilantik.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 23 Julai 2013

Pihak perunding ukur bahan sedang mengemas kini dokumen berkaitan Perakuan Muktamad bagi kontrak yang telah ditamatkan. Pelarasan yang dibuat mengambil kira semua APK yang terlibat di dalam kontrak asal atau kontraktor penyelamat, jumlah denda lewat (LAD) kepada kontraktor asal dan lain-lain kos yang terlibat termasuk kos penyediaan semula dokumen tender terbengkalai. Jumlah muktamad hanya boleh ditentukan selepas projek siap sepenuhnya.

9.5.2. Pengurusan Pembinaan

9.5.2.1. Pelantikan Kontraktor

a. Pakej A

Pelaksanaan projek Pakej A dilaksanakan secara tender terbuka dari kalangan 20 petender dari kelas A di Negeri Perak sahaja sama ada secara konvensional/*Industrial Building System* (IBS). Pemilihan Syarikat HSD telah dibuat berdasarkan lulus semua peringkat penilaian dan merupakan salah satu daripada 4 petender yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender untuk pertimbangan Lembaga Tender, Kementerian. Syarikat HSD menawarkan harga terendah/harga yang sama bagi pembinaan secara konvensional/IBS berjumlah RM48.93 juta berbanding dengan anggaran jabatan berjumlah RM50.39 juta dan *cut off* yang ditetapkan sejumlah RM48.49 juta. Surat setuju terima dikeluarkan pada 12 April 2010 dan tarikh milik tapak bermula pada 3 Mei 2010.

b. Pakej B

- i. Syarikat Ijhraa merupakan syarikat yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dengan kelayakan kelas B yang mendapat kebenaran khas pada 22 Mei 2009 bagi memasuki tawaran kelas A. Syarikat Ijhraa adalah syarikat yang dilantik daripada jumlah keseluruhan 43 petender dan 9 petender yang di senarai pendek oleh Jawatankuasa Penilaian tender, Kementerian Pertahanan. Syarikat Ijhraa menawarkan harga kedua terendah daripada kalangan 43 petender iaitu sebanyak RM41.46 juta. Anggaran jabatan sejumlah RM44.09 juta dan *cut off* yang ditetapkan sebanyak RM41.24 juta. Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 16 Disember 2009 dan tarikh milik tapak pada 28 Disember 2009. Kontrak telah ditandatangani pada 27 Disember 2010.
- ii. Salah satu pra syarat penilaian tender ialah kecukupan dokumen wajib di mana petender perlu mengemukakan maklumat dan dokumen sokongan yang secukupnya semasa mengemukakan tender untuk membolehkan penilaian keupayaannya. Dokumen sokongan diperlukan untuk menentukan sama ada petender menepati pra-syarat untuk melayakkan tendernya dipertimbangkan. Semakan Audit mendapati berdasarkan laporan penilaian tender mengenai analisis kecukupan dokumen (wajib), Syarikat Ijhraa hanya mengemukakan 2 daripada 4 dokumen sokongan yang ditetapkan. Dokumen yang tidak disertakan adalah lembaran imbalan yang telah diaudit dan laporan penyelia projek. Lembaran imbalan beraudit adalah penting bagi menganalisa kecukupan modal petender. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan Tender A telah memilih Syarikat Ijhraa kerana jawatankuasa tender memutuskan dengan

ketiadaan 2 dokumen wajib berkenaan sebagai mencukupi untuk pertimbangan selanjutnya. Semakan selanjutnya mendapati Syarikat Ijhraa gagal menyiapkan projek tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dan Kementerian terpaksa melantik kontraktor penyelamat.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 18 September 2013

Proses penilaian yang dilakukan mengguna pakai sistem penilaian berkomputer yang dibangunkan sendiri pihak JKR dalam menilai kemampuan pihak syarikat melaksanakan projek. Melalui sistem ini, pihak syarikat yang mengambil bahagian hanya diwajibkan mengemukakan salah satu daripada 4 dokumen sokongan yang disyaratkan.

Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor yang tepat dan berwibawa perlu bagi mengelakkan kelewatan penyediaan projek, peningkatan kos dan memastikan kepentingan Kerajaan terjamin.

c. Kontraktor Penyelamat

Syarikat JJM telah ditawarkan untuk menyiapkan projek sakit iaitu Pakej B melalui tender terhad dengan kos projek berjumlah RM42.93 juta. Pemilihan dibuat berdasarkan harga terendah daripada kalangan 5 petender dengan perbezaan 6.9% dari anggaran jabatan sejumlah RM40.14 juta. Berdasarkan prestasi kerja semasa pemilihan, Syarikat JJM masih menjalankan projek pembinaan jalan baru di Negeri Perak. Semakan selanjutnya terhadap laporan Penilaian Peringkat Kedua dari segi keupayaan pembiayaan, keupayaan teknikal dan markah keseluruhan mendapati, Syarikat JJM memperoleh markah kedua tertinggi iaitu sebanyak 67.39 berbanding petender tertinggi sebanyak 90.98. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 25 September 2012 dan tarikh milik tapak bermula dari 3 Oktober 2012 dengan tarikh siap keseluruhan kerja-kerja terbengkalai ialah pada 2 Oktober 2013 iaitu selama 12 bulan sahaja.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menyelia dengan lebih tegas supaya kontraktor penyelamat yang dilantik dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 23 Julai 2013

Bagi Pakej B, pelantikan kontraktor penyelamat dilaksanakan secara tender terhad di kalangan syarikat yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) daripada senarai daftar kontraktor yang disediakan

oleh JKR berdasarkan kepada pengalaman, keupayaan, dan prestasi kontraktor tersebut. Oleh yang demikian, Kementerian yakin Syarikat JJM berkeupayaan menyiapkan projek tersebut berdasarkan rekod kerja yang baik.

9.5.2.2. Pelantikan Perunding Projek

- a. Projek ini dilaksanakan secara konvensional di mana Kerajaan melantik perunding bagi menyediakan reka bentuk dan lukisan serta memantau pelaksanaan kerja semasa tempoh pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan perunding secara rundingan terus pada 28 Februari 2007. Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan surat niat kepada semua perunding pada 20 Mac 2007. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.3
SENARAI PERUNDING YANG DILANTIK

BIL.	BIDANG	PERUNDING	PAKEJ	SURAT SETUJU TERIMA	Memorandum of Agreement (MOA)		
					NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM Juta)
1.	Arkitek	Zailani Architect	A	13.04.2009	KP/PEMB/KON (L)41/2009	21.04.2009	2.48
		Arkitek Azman Zainonabidin	B	13.04.2009	KP/PEMB/KON (L)42/2009	22.04.2009	2.30
2.	Kejuruteraan Sivil & Struktur (C&S)	ZATH Perunding Sdn. Bhd.	A B	TM	KP/PEMB/KON (L)229/2008	19.09.2008	1.78 1.51
		Mokhtar Consult & Associates	A	TM	KP/PEMB/KON (L)230/2008	26.09.2008	0.73
3.	Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal (M&E)	Seri Jurutera Perunding	B	TM	KP/PEMB/KON (L)228/2009	22.09.2008	0.98
		Juruukur Bahan PSZ Sdn. Bhd	A	13.04.2009	KP/PEMB/KON (L)53/2009	30.04.2009	0.93
4.	Ukur Bahan	Mokhnar & Associates	B	13.04.2009	KP/PEMB/KON (L)54/2009	22.04.2009	0.70
		JUMLAH KESELURUHAN					

Sumber : Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP)

Nota : TM - Rekod/Dokumen Tiada Dalam Fail Yang Disemak

- b. Semakan Audit mendapati, kos tambahan bagi pengawasan perunding di tapak pembinaan kerana kelewatan menyiapkan projek Pakej A tidak dapat ditentukan kerana Kementerian belum memuktamadkan perbelanjaan mengenainya.
- c. Manakala bagi projek Pakej B, Kementerian telah memohon sejumlah RM252,629 kos tambahan pengawasan perunding Arkitek, Mekanikal dan Elektrikal (M&E) serta Sivil dan Struktur (C&S) di tapak pembinaan pada 15 Oktober 2012. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan A hanya meluluskan sejumlah RM58,299 bagi ketiga-tiga perunding tersebut pada 18 Oktober 2012. Kelulusan tersebut adalah bagi pengawasan Lanjutan Masa (EOT) No. 1 selama 49 hari. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.4
PERMOHONAN KOS TAMBAHAN PENGAWASAN PERUNDING
BAGI PAKEJ B SEHINGGA BULAN APRIL 2013

PERUNDING	KETERANGAN	PERMOHONAN KOS TAMBAHAN PERUNDING	KELULUSAN
		AMAUN (RM)	AMAUN (RM)
Arkitek Azman Zainonabidin	Seorang Kerani Tapak	38,168	58,229
ZATH Perunding Sdn. Bhd. (C&S)	Seorang Jurutera Tempatan (RE) Seorang Kerani Tapak	82,550 49,361	
Seri Jurutera Perunding (M&E)	Seorang Jurutera Tempatan (RE)	82,550	
JUMLAH		252,629	58,229

Sumber : Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP)

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan perunding melaksanakan tugas yang diamanahkan untuk memastikan projek dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan menyiapkan projek menyebabkan kos pengawasan perunding di tapak pembinaan meningkat dan Kementerian terpaksa menanggung kos tambahan tersebut.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 18 September 2013

Pihak Kementerian juga sentiasa memantau prestasi juruperunding bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar. Melalui rekod Kementerian, ada segelintir perunding yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan reka bentuk, memantau serta menyelia tapak. Dalam kes tersebut, surat amaran dan peringatan telah dikeluarkan kepada perunding terbabit dalam memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar. Ini memandangkan sehingga hari ini tiada sebarang klausa atau peraturan yang membenarkan tindakan menahan atau memotong bayaran boleh dikenakan kepada perunding akibat penamatan kontrak.

9.5.2.3. Perjanjian Kontrak

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati, Kementerian telah lewat menandatangani kontrak sehingga 8 bulan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 9.5
SENARAI KONTRAK BAGI PAKEJ A DAN PAKEJ B**

BIL.	PROJEK	KONTRAKTOR/ NO. KONTRAK	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK	AMAUN (RM Juta)	LEWAT (Hari)
2	PAKEJ B	Ijhraa (M) Sdn. Bhd. (KP/PEMB/KON(L) 141/2009)	16.12.2009	27.12.2010	41.46	253
		JJM Integrated Sdn. Bhd. (TM)	25.09.2012	18.04.2013	42.93	82

Sumber : Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP)

Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah menandatangani dokumen kontrak dalam masa yang ditetapkan bagi memastikan suatu kontrak formal diwujudkan dan syarat kontrak seperti bayaran interim kepada kontraktor dapat dikuatkuasakan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 23 Julai 2013

Kelewatan menandatangani kontrak tersebut adalah disebabkan oleh kelewatan pihak kontraktor mempersetujui pelarasan harga kontrak yang dicadangkan oleh perunding.

9.5.3. Pematuhan Spesifikasi Kontrak

9.5.3.1. Bekalan Perabot

Mengikut kontrak yang ditandatangani, syarikat yang dilantik untuk melaksanakan projek Pembinaan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM perlu membekalkan *built in* dan perabot terlerai. Pelaksanaan bekalan tersebut diperuntukkan di bawah *provisional sum* masing-masing berjumlah RM2.3 juta bagi Pakej A dan sejumlah RM1.89 juta bagi Pakej B. Bekalan perabot bagi Pakej A telah selesai dilaksanakan. Bagaimanapun, sehingga bulan Julai 2013 Kementerian masih belum menamakan kontraktor bagi bekalan perabot di bawah *provisional sum* untuk pemasangan *built in* dan *loose furniture* berjumlah RM1.89 juta bagi Pakej B.

Pada pendapat Audit, Kementerian perlu menjalankan kajian pasaran sebelum menentukan peruntukan *loose furniture* di bawah *provisional sum* di dalam kontrak. Bekalan perabot perlu lebih realistik dan mengambil kira keperluan dan pengesahan pengguna mengenai kualiti perabot yang dibekalkan bagi mengelakkan pertikaian mengenai kualiti yang tidak selari dengan keperluan.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 18 September 2013

Kementerian masih di dalam proses pelantikan pembekal bagi pembekalan perabot bagi Pakej B. Cadangan perabot yang dikemukakan sebahagiannya telah dipersetujui pengguna. Perunding Ukur Bahan sedang mengambil kira perubahan yang telah dibuat agar kos sebenar tidak melebihi peruntukan yang telah disediakan.

9.5.3.2. Bekalan Peralatan Di Bawah *Prime Cost Sum*

Mengikut kontrak, peralatan dapur dan gimnasium dibekalkan melalui peruntukan *Prime Cost Sum* kerana memerlukan kepakaran khas daripada kontraktor berkaitan. Bagi melaksanakannya Kementerian perlu melantik kontraktor/pembekal dan kontraktor utama akan diperuntukkan *profit and attendance* dengan jumlah tertentu daripada bekalan tersebut mengikut kadar yang dipersetujui dalam kontrak.

- a. Sejumlah RM1.06 juta telah diperuntukkan di bawah *prime cost sum* bagi pembekalan peralatan *gymnasium* (RM300,000 *plus 3% profit to main contractor*) dan dapur (RM700,000 *plus 3% profit to main contractor*) bagi bangunan KDSI-1 setinggi 11 tingkat (Pakej A). Pembekalan ini dibuat melalui subkontraktor yang dinamakan oleh kontraktor utama di dalam kontrak. Lawatan Audit pada bulan Februari 2013 ke bangunan projek KDSI-1 di bawah Pakej A mendapati kedua-dua jenis peralatan ini telah pun dibekalkan oleh subkontraktor yang dilantik pada bulan Januari 2013. Bagaimanapun, pengujian dan pentauliahan terhadap peralatan tersebut tidak dijalankan pada masa tersebut kerana tiada sambungan bekalan elektrik yang memadai. Kerja pengujian dan pentauliahan peralatan berkenaan hanya selesai dilaksanakan pada 4 dan 9 April 2013 bagi lif penumpang dan peralatan dapur selepas penyambungan elektrik kekal pada 24 Februari 2013. Kelewatan pengujian dan pentauliahan selama 62 dan 67 hari dari tarikh peralatan dibekalkan. Keadaan fizikal peralatan yang dibekalkan semasa pemeriksaan Audit adalah seperti di **Gambar 9.7** hingga **9.10**.

GAMBAR 9.7



GAMBAR 9.8



*Pakej A - Bangunan KDSI-1
- Peralatan Dapur Dan Peti Sejuk Yang Telah Dibekalkan
(07.02.2013)*

GAMBAR 9.9



GAMBAR 9.10



*Pakej A - Bangunan KDSI-1
- Peralatan Dapur Yang Telah Dibekalkan
(07.02.2013)*

- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan April 2013 Kementerian masih belum memuktamadkan kontraktor yang akan membekalkan peralatan dapur dan sistem yang berkaitan untuk hospitaliti; peralatan khas untuk *Small Arm Simulator*; peralatan untuk *propulsion and simulator*; hiasan dalaman untuk Sekolah Hospitaliti dan Kulinari dan 5 ton *overhead for crane track* selaras dengan Seksyen B *Part 2 Bill 5* kepada kontrak.

Pada pendapat Audit, Pegawai Pelaksana perlu memuktamadkan nama kontraktor/pembekal bagi Pakej B supaya peralatan berkaitan dapat dibekal, dipasang dan pengujian serta pentauliahan dapat dilaksanakan sebelum tamat tempoh kontrak. Selain itu, Kementerian dan perunding perlu memastikan peralatan yang dibekalkan menepati spesifikasi dan kualiti yang diterima oleh pengguna; melaksanakan pengujian dan pentauliahan serta mengemukakan manual penggunaan/kaedah berkaitan kepada pengguna.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 23 Julai 2013

Kementerian melalui BPKP telah melaksanakan Pengurusan Peruntukan Wang Kos Prima (prime cost sum) kontrak berpandukan kepada Surat Arahan KPKR Bil.11/2013 di mana semua perolehan peralatan dilaksanakan secara tender terbuka. Status terkini pelantikan nominated subcontractor (NSC) bagi peruntukan wang kos prima seperti berikut:

- i. Small Arm Simulator - pembekal yang dilantik ialah Ficantech Sdn. Bhd. dan tarikh serah tapak pada 15 Mei 2013;*
- ii. Peralatan Dapur - pembekal yang dilantik ialah Era Integrasi Sdn. Bhd. dan tarikh serah tapak pada 8 Julai 2013;*
- iii. Overhead Crane - pembekal yang dilantik ialah KURSK Electric Sdn. Bhd. dan tarikh serah tapak pada 8 Julai 2013;*
- iv. Peralatan bagi Bengkel Ujian Jentera dan Bangunan Propulsion Simulator - Lembaga Perolehan 'B' telah memuktamadkan nama syarikat bagi pembekalan Medium Speed Engine Room Simulator Package iaitu Syarikat New Core Sdn. Bhd. telah dilantik untuk membekalkan Marine Engineering Lab Equipment; dan*
- v. Hiasan Dalaman - taklimat tapak telah dilaksanakan pada 8 Julai 2013 dan kini dalam proses tender. Tender tutup pada 29 Julai 2013.*

9.5.3.3. Pengesahan Dan Tempoh Masa Bayaran Kemajuan Kerja Kontrak

Mengikut Surat Pekeliling Bil. 10 Tahun 1995 menyatakan bayaran kemajuan kepada kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja, kontraktor boleh dibayar hingga tiga (3) bayaran kemajuan kerja dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak perjanjian ditandatangani secara rasmi. Bayaran keempat (4) atau seterusnya hanya boleh dibuat selepas kontrak rasmi ditandatangani. Semakan Audit mendapati, bagi projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM - Pakej B, Kementerian telah membuat bayaran berjumlah RM743,580 kepada Syarikat Ijhraa selepas 3 bayaran yang diluluskan mengikut syarat SST. Kebenaran bayaran tersebut telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Pertahanan melalui memo bertarikh 23 Julai 2009. Bagaimanapun, peraturan yang membenarkan bayaran kemajuan ke 4 dan ke 5 dibuat sebelum kontrak rasmi ditandatangani tidak dikemukakan untuk semakan. Butiran lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.6
BAYARAN KEMAJUAN SEBELUM KONTRAK DITANDATANGANI

BIL	KONTRAKTOR	BAYARAN KEMAJUAN	TARIKH INVOIS	SURAT KEBENARAN KHAS	AMAUN (RM)
1.	Syarikat Ijhraa	Interim No. 1	23.03.2010	-	419,249
		Interim No. 2	30.06.2010	-	220,500
		Interim No. 3	04.10.2010	-	1,634,580
		Interim No. 4	10.11.2010	Memo bertarikh 23.07.09	510,750
		Interim No. 5	08.12.2010	Memo bertarikh 23.07.09	232,830

Sumber :Unit Pengurusan Kewangan, Bahagian Pembangunan

Pada pendapat Audit, peraturan mengenai pentadbiran kontrak yang berkuat kuasa perlu dipatuhi sewajarnya.

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 23 Julai 2013

Kementerian mengambil maklum perkara berkenaan dan bersetuju dengan teguran Audit serta akan cuba memastikan perkara ini tidak berulang di masa akan datang.

9.5.3.4. Kelewatan Bayaran Interim

Arahan Perbendaharaan 103(a) menghendaki Ketua Jabatan atau Ketua Pejabat memastikan semua tuntutan dibayar dengan segera tidak lewat dari 14 hari dari tarikh perakuan bayaran yang lengkap dan sempurna diperakukan. Semakan Audit terhadap kesemua baucar bayaran interim kepada kontraktor Pakej A dan B mendapati sebanyak 17 bayaran interim telah dilakukan melebihi 14 hari iaitu 20 hingga 58 hari dari tarikh diperakukan dengan sempurna dalam Perakuan Bayaran [JKR 66 (Pin. 3/1999)]. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 9.7
KELEWATAN BAYARAN INTERIM KEPADA KONTRAKTOR

BAYARAN INTERIM PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS BANGUNAN KOLEJ TLDM LUMUT PERAK - PAKEJ A SYARIKAT HS DEVELOPEMENT SDN. BHD.							
BIL.	BAYARAN INTERIM	TARIKH PENILAIAN (a)	TARIKH PERAKUAN BAYARAN [JKR 66(PIN. 3/1999)] (b)	NO.BAUCAR/ TARIKH (c)	AMAUN (RM Juta) (d)	TEPOH MASA BAYARAN (Hari) (e) = (c) - (b)	KELEWATAN (Hari) (e) - 14 HARI
1.	6	08.12.2010	15.12.2010	B0021/25.01.2011	377,460	40	26
2.	7	07.01.2011	11.01.2011	B0141/17.02.2011	620,010	36	22
3.	53	28.02.2013	12.03.2013	B0289/28.03.2013	109,400	46	32
4.	54	29.03.2013	09.04.2013	B0371/25.04.2013	287,900	46	32
5.	1	23.03.2010	01.04.2010	B1825/06.05.2010	419,249	34	20
6.	2	30.06.2010	07.07.2010	B2842/30.08.2010	220,500	53	39
7.	4	10.11.2010	12.11.2010	B0012/24.01.2011	510,750	72	58
8.	5	08.12.2010	03.01.2011	B0089/08.02.2011	232,830	35	21
9.	6	12.01.2011	19.01.2011	B0303/16.03.2011	380,070	55	41
10.	7	09.02.2011	12.02.2011	B0327/21.03.2011	399,060	36	22
11.	10	11.05.2011	16.05.2011	B0987/30.06.2011	517,500	44	30
12.	11	15.06.2011	22.06.2011	B1183/28.07.2011	404,280	35	21
13.	14	08.10.2011	14.10.2011	B2004/22.11.2011	511,110	38	24
14.	15	14.11.2011	18.11.2011	B2457/29.12.2011	496,800	40	26
15.	16	30.11.2011	08.12.2011	B0011/13.01.2012	399,060	35	21
16.	1	29.11.2012	30.11.2012	B0041/22.01.2013	307,170	52	38
17.	3	28.02.2013	01.03.2013	B0334/18.04.2013	616,590	47	33

Sumber : Unit Pengurusan Kewangan, Bahagian Pembangunan

Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103(a).

Maklum Balas Kementerian Pertahanan Malaysia Yang Diterima Pada 18 September 2013

Pihak Kementerian mengambil maklum teguran pihak Audit. Bagi menambah baik proses sedia ada, Kementerian telah mensyaratkan setiap pindaan terhadap dokumen pembayaran direkodkan secara rasmi sebagai bukti. Ini membolehkan tempoh 14 hari dikira berdasarkan tarikh sebenar dokumen pembayaran disahkan lengkap dan boleh dibayar tanpa sebarang pembetulan.

9.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan Kerajaan mendapat *best value for money* adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil langkah seperti berikut:

9.6.1. Agensi Pelaksana perlu memantau perunding bagi memastikan pemantauan yang berterusan terhadap pelaksanaan projek terutamanya prestasi kerja kontraktor penyelamat supaya kerja pembinaan menepati spesifikasi dan kualiti serta dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;

9.6.2. Kementerian perlu memastikan bahawa peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran kontrak perlu diberi perhatian dan dipatuhi sepenuhnya; dan

9.6.3. Kementerian perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan bagi memastikan syarat kontrak dikuatkuasakan.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 178-187
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

10. KEMENTERIAN KERJA RAYA


Jabatan Kerja Raya

- **Kenaikan Kos Projek Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) Serta Perbandingan Kos Pembinaan Antara Jabatan Kerja Raya Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia**

10.1. Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) merupakan salah satu projek mega dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9). Ianya merupakan lebuhraya yang bertaraf tinggi dengan 4 lorong 2 hala serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti 10 persimpangan bertingkat, 3 kawasan Rehat dan Rawat, 2 hentian sebelah dan 3 stesen timbang JPJ. Pembinaan LPT2 bermula dari Jabur, Kemaman hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu sepanjang 184 km dibahagikan kepada dua skop kerja iaitu skop kerja oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan skop kerja oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Tempoh pembinaan asal LPT2 bermula pada bulan September 2006 dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2009.

10.2. Skop kerja oleh LLM bermula daripada Bukit Besi sehingga Telemung merangkumi jarak pembinaan sepanjang 64 km dan Bukit Payung Spur Road (BPSR) sepanjang 16 km yang melibatkan kos berjumlah RM1.4 bilion serta dilaksanakan secara rundingan terus *design and build* dengan Syarikat MTD Capital Berhad. Skop kerja oleh JKR pula adalah dari Jabur sehingga Bukit Besi dan dari Telemung hingga ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu dengan jarak 120 km serta pembinaan *Spur Road* sepanjang 19.4 km yang melibatkan peruntukan asal keseluruhan berjumlah RM2.090 bilion dan dilaksanakan secara tender terbuka. Jajaran LPT2 dengan lebih terperinci seperti di gambar rajah berikut:

GAMBAR RAJAH 10.1
LEBUHRAYA PANTAI TIMUR (FASA 2)
SEMPADAN PAHANG/TERENGGANU KE KUALA TERENGGANU (KG. GEMURUH)



Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

10.3. Pengauditan ini dijalankan bagi menentukan jumlah kenaikan dan perbandingan kos pembinaan LPT2 yang diuruskan oleh JKR dan LLM.

10.4. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Jun hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya projek pembinaan LPT2 yang diuruskan JKR adalah kurang memuaskan kerana projek ini tidak dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan. Kerajaan terpaksa menambah peruntukan sejumlah RM800 juta iaitu daripada RM2.090 bilion kepada RM2.900 bilion dalam usaha untuk menyiapkannya. Pertambahan kos ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan bahan binaan yang mengakibatkan harga tender semula beberapa pakej telah naik dengan mendadak. Faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan kos adalah pertambahan bayaran pengambilan tanah, pertambahan kos reka bentuk dan pengawasan, pembinaan plaza tol dan komponen tambahan yang lain. Dari segi perbandingan kos antara JKR dengan LLM berdasarkan harga tender pada awalnya, kos bagi pakej yang diuruskan oleh JKR adalah lebih murah iaitu berjumlah RM11.33 juta berbanding LLM berjumlah RM18.68 juta per kilometer. Namun begitu setakat bulan April 2013, akibat daripada kenaikan harga bahan binaan serta kelewatan JKR menyiapkan projek, kos per kilometer dijangkakan akan meningkat kepada RM17.68 juta berbanding RM17.64 juta oleh LLM. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

10.4.1. Kemajuan Fizikal Setakat April 2013

10.4.1.1. Projek pembinaan LPT2 yang dikelolakan oleh JKR pada asalnya dibahagikan kepada 12 pakej. Bagaimanapun ianya telah menjadi 16 pakej kerana pertambahan jarak pembinaan akibat penjajaran semula. Berdasarkan surat Kementerian Kewangan S/K.KEW/PK/KS/701/810209/156/1699-3(4) bertarikh 15 Ogos 2006, Kementerian Kewangan telah mengarahkan supaya pembinaan LPT2 seperti berikut:

- a. Projek LPT2 dipecahkan kepada 16 Pakej dan setiap pakej hendaklah ditawarkan melalui tender terbuka;
- b. sebelas pakej (1A, 1B, 1C, 4, 5A, 5B, 6, 8, 9B, 9C dan 11) yang mewakili 52% jumlah kos projek ditawarkan melalui tender kepada kontraktor Bumiputera daripada Negeri Terengganu; dan
- c. lima pakej (2, 3, 7, 9A, dan 12) yang mewakili 48% daripada jumlah kos projek ditawarkan kepada semua kontraktor bumiputera.

Untuk membina jalan sejauh 120 km ini, JKR telah membahagikan kepada 16 pakej di mana jarak setiap satu pakej antara 2.95 km hingga 13.94 km tidak termasuk *Spur Road* seperti jadual berikut:

JADUAL 10.1
SENARAI KONTRAKTOR YANG DILANTIK
BERSERTA HARGA KONTRAK ASAL UNTUK MEMBINA PROJEK LPT2

PAKEJ	JARAK (KM)	SPUR ROAD (KM)	NAMA KONTRAKTOR	KAEDAH PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANA	HARGA KONTRAK (RM)	KOS PEMBINAAN PER KM (RM)
1A	3.75	-	Essenvest Sdn. Bhd.	Tender	JKR	47,577,424.80	12,687,313.28
1B	2.95	-	Zainal@Sharif Ibrahim Sdn. Bhd.	Tender		40,763,080.60	13,817,993.42
1C	6.14	-	GPQ - Bukit Putri JV	Tender		94,720,583.22	15,426,805.08
2	11	3	Koperasi Belia Nasional Bhd.	Tender		191,063,040.50	13,647,360.04
3	13.94	4	Tidal Marine Engineering Sdn. Bhd.	Tender		169,232,896.95	9,433,271.85
4	7.30	-	Babena Corporation Sdn. Bhd.	Tender		64,200,000.00	8,794,520.55
5A	12.7	2	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	Tender		148,202,638.59	10,081,812.15
5B	7	-	Yuta Maju Sdn. Bhd.	Tender		68,223,000.00	9,746,142.86
6	4.30	3	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	Tender		85,591,161.00	11,724,816.58
7	13.70	2	Pembinaan Bukit Timah Sdn. Bhd. - TSR Bina JV	Tender		144,509,432.95	9,204,422.48
8	6.80	-	Arah Jitu Sdn. Bhd.	Tender		50,823,220.00	7,474,002.94
9A	11.44	3	Cergas Murni Sdn. Bhd.	Tender		168,125,886.72	11,643,066.95
9B	5.2	-	Arah Jitu Sdn. Bhd.	Tender		59,215,000.00	11,387,500.00
9C	5.2	-	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	Tender	90,340,347.00	17,373,143.65	
11	5.9	-	GPQ - Bukit Putri JV	Tender	57,961,710.50	9,824,018.73	
12	3.28	2.4	TSR Bina Sdn. Bhd.	Tender	97,780,000.00	17,214,788.73	
	120.6	19.4	JUMLAH			1,578,329,422.83	11,273,781.59
10	64		MTD Construction Sdn. Bhd.	Rundangan Terus	LLM	1,195,723,016.78	18,683,172.14
JUMLAH KESELURUHAN KOS KONTRAK ASAL						2,774,052,439.61	

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

Semakan Audit terhadap Pembinaan Projek LPT2 di bawah kelolaan JKR sehingga bulan April 2013 mendapati, hanya 9 daripada 16 pakej telah disiapkan. Pakej yang telah siap adalah **Pakej 1A** (diseiapkan pada 27.02.2013), **Pakej 1B** (23.12.2012), **Pakej 5A** (22.12.2012), **Pakej 5B** (31.08.2010), **Pakej 6** (29.03.2012), **Pakej 9A** (26.08.2011), **Pakej 9C** (16.07.2012), **Pakej 11** (07.02.2011) dan **Pakej 12** (16.06.2011). Maklumat berkenaan pakej pembinaan LPT2 yang telah disiapkan seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.2
SENARAI PAKEJ PEMBINAAN LPT2 YANG TELAH DISIAPKAN SEHINGGA BULAN APRIL 2013

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR ASAL	TEMPOH KONTRAK	TARIKH MANSUH (KONTRAK LAMA)	JARAK (KM)	CATATAN
1A	Essenvest Sdn. Bhd.	01.01.2008 - 28.09.2009	30.04.2010	3.75	Diseiapkan oleh Q-Bena Resources Sdn. Bhd. (Tempoh Kontrak 04.04.2011 - 30.09.2012) Siap pada 27.02.2013 (EOT No.1 sehingga 01.03.2013 dan DLP tamat pada 27.02.2014)

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR ASAL	TEMPOH KONTRAK	TARIKH MANSUH (KONTRAK LAMA)	JARAK (KM)	CATATAN
1B	Zainal@Sharif Ibrahim Sdn. Bhd.	03.02.2008 - 30.01.2010	31.03.2010	2.95	Disiapkan oleh Marimas Sdn. Bhd. (Tempoh Kontrak 04.04.2011 - 30.09.2012) Siap pada 23.12.2012 (EOT No.1 sehingga 03.12.2012 dan DLP tamat pada 23.12.2013)
5A	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	23.06.2007 - 09.10.2009	Asal	12.7	Telah disiapkan pada 22.12.2012
5B	Yuta Maju Sdn. Bhd.	01.01.2007 - 31.08.2010	Asal	7	Siap pada 31.08.2010 dan DLP tamat pada 31.08.2011
6	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	01.06.2007 - 30.03.2012	Asal	4.30	Siap pada 29.03.2012 dan DLP tamat pada 29.03.2012
9A	Cergas Murni Sdn. Bhd.	01.01.2007 - 29.08.2011	-	11.44	Siap pada 25.08.2011 (EOT4) dan DLP tamat pada 25.08.2012
9C	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	23.06.2007 - 16.07.2012	Asal	5.2	Siap pada 16.07.2012 (EOT5) dan DLP tamat pada 16.07.2013
11	GPQ - Bukit Putri JV	15.03.2006 - 31.08.2008	17.10.2008	5.9	Disiapkan oleh Duta Alam Const. Sdn. Bhd. (Tempoh Kontrak : 01.09.2009 - 30.08.2010) Siap pada 07.02.2011 (EOT 2) dan DLP tamat pada 07.02.2012 - telah dibuka kepada awam
12	TSR Bina Sdn. Bhd.	15.05.2006 - 16.06.2011	Asal	3.28	Siap pada 16.06.2011 (EOT 4) dan DLP tamat pada 16.06.2012

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

Sebanyak 9 pakej telah gagal disiapkan oleh kontraktor asal dalam tempoh kontrak walaupun telah diberikan kemudahan Lanjutan Masa (EOT) dan *Variation Of Price* (VOP) di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 3 Tahun 2008 kecuali pakej 1C. Tempoh lanjutan masa yang diberi adalah antara 8 hingga 18 bulan dari tarikh tamat kontrak asal dan jumlah bayaran VOP sejumlah RM31.87 juta. Butiran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.3
MAKLUMAT BERKENAAN TEMPOH EOT DAN JUMLAH VOP YANG PERLU
DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR YANG GAGAL MENYIAPKAN PROJEK LPT2

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR	TEMPOH EOT (Bulan)	VOP DIBAWAH KONTRAK ASAL (RM)	VOP TAMBAHAN DIBAWAH SPP 3/2008 (RM)
1A	Essenvest Sdn. Bhd.	12	902,456.54	1,549,363.72
1B	Zainal@Sharif Ibrahim Sdn. Bhd.	11	832,793.36	1,167,464.52
1C	GPQ - Bukit Putri JV	17	310,466.86	-
2	Koperasi Belia Nasional Bhd.	8	7,721,215.29	938,320.26
3	Tidal Marine Engineering Sdn. Bhd.	15	2,340,646.11	525,902.59
4	Babena Corporation Sdn. Bhd.	18	2,522,545.10	975,468.08
7	Pembinaan Bukit Timah Sdn. Bhd. - TSR Bina JV	17	6,029,925.84	1,636,765.76
8	Arah Jitu Sdn. Bhd.	12	1,778,884.58	1,103,678.11
9B	Arah Jitu Sdn. Bhd.	10	1,401,422.71	139,697.77
JUMLAH			23,840,356.39	8,036,660.81
JUMLAH KESELURUHAN VOP			31,877,017.20	

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

Oleh kerana kontraktor asal masih gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa yang dibenarkan, maka pihak JKR telah menamatkan kontrak 8 daripadanya secara Persetujuan Bersama dan satu secara biasa untuk ditender semula kesemua 9 pakej yang belum siap ini. Setakat bulan Disember 2012, semua pakej ditender semula dalam proses pembinaan. Butiran lanjut berkenaan pakej pembinaan LPT2 yang ditender seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.4
SENARAI PAKEJ PEMBINAAN LPT2 DI BAWAH KELOLAAN JKR YANG DITENDER SEMULA

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR ASAL	TEMPOH KONTRAK	TARIKH MANSUH (KONTRAK LAMA)	JARAK (KM)	NAMA KONTRAKTOR BARU	TEMPOH KONTRAK	CATATAN
1A	Essenvest Sdn. Bhd.	01.01.2008 - 28.09.2009	30.04.2010	3.75	Q- Bena Resources Sdn. Bhd.	04.04.2011 - 30.09.2012	EOT1 sehingga 01.03.2013
1B	Zainal@Sharif Ibrahim Sdn. Bhd.	03.02.2008 - 30.01.2010	31.03.2010	2.95	Marimas Sdn. Bhd.	04.04.2011 - 30.09.2012	EOT1 sehingga 03.12.2012
1C	GPQ - Bukit Putri JV	27.04.2008 - 24.07.2010	03.06.2011	6.14	Farlin Holding Sdn. Bhd.	25.03.2012 - 25.11.2013	
2	Koperasi Belia Nasional Bhd. (KOBENA)	01.09.2006 - 26.02.2009	16.09.2009	11	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	11.04.2011 - 26.08.2012	EOT1 sehingga 23.06.2013
3	Tidal Marine Engineering Sdn. Bhd.	16.06.2007 - 11.12.2009	11.05.2010	13.94	Cergas Murni Sdn. Bhd.	11.05.2011 - 07.05.2013	EOT1 sehingga 07.03.2014
4	Babena Corporation Sdn. Bhd.	01.01.2008 - 28.12.2009	03.06.2011	7.30	Marimas Sdn. Bhd.	12.11.2012 - 09.02.2014	Baru Keluar SST pada 01.10.2012
7	Pembinaan Bukit Timah Sdn. Bhd. - TSR Bina JV	23.06.2007 - 14.08.2009	03.06.2011	13.70	Yuta Maju Sdn. Bhd.	01.01.2013 - 31.08.2014	Baru Keluar SST pada 28.11.2012
8	Arah Jitu Sdn. Bhd.	16.06.2007 - 12.06.2009	26.11.2009	6.80	Arah Jitu Sdn. Bhd.	04.07.2011 - 30.12.2012	Selepas mansuh, kontraktor sama dapat kontrak
9B	Arah Jitu Sdn. Bhd.	01.09.2007 - 28.08.2009	16.09.2009	5.2	Cergas Murni Sdn. Bhd.	11.04.2011 - 07.10.2012	EOT1 sehingga 30.07.2013

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

Nota :



Pakej yang ditawarkan secara Tender Terbuka Khas kepada kontraktor bumiputera daripada Negeri Terengganu
Pakej yang ditawarkan secara tender terbuka kepada semua kontraktor bumiputera

10.4.1.2. Semua pakej yang ditamatkan kontrak telah ditender semula oleh JKR dan dalam proses pembinaan. Bagaimanapun pemeriksaan Audit mendapati kelewatan melaksanakan proses tender semula yang mengambil masa antara 11 hingga 19 bulan dari tarikh kontrak dimansuhkan sehingga tarikh milik tapak telah menyumbang kepada kelewatan menyiapkan projek ini dan mengakibatkan tapak pembinaan rosak serta memerlukan kos kerja tambahan yang tinggi bagi membaik pulih tapak. Kronologi proses tender semula seperti ditunjukkan di jadual berikut:

JADUAL 10.5
KRONOLOGI PROSES TENDER SEMULA SEMUA PAKEJ
YANG DITAMATKAN SECARA *MUTUAL TERMINATION*

PAKEJ	TARIKH MANSUH	TARIKH MOHON TENDER SEMULA	TARIKH LULUS TENDER SEMULA	TARIKH TENDER SEMULA	TARIKH LAPORAN TENDER DIHANTAR	TARIKH KELULUSAN UNTUK KELUARKAN SST	TARIKH MILIK TAPAK	TEMPOH TENDER SEMULA (Bulan)
	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)	(g) - (a)
1A	30.04.2010	03.06.2010	30.07.2010	02.08.2010	06.09.2010	18.02.2011	04.04.2011	11
1B	31.03.2010	03.06.2010	30.07.2010	02.08.2010	06.09.2010	18.02.2011	04.04.2011	12
1C	03.06.2011	20.06.2011	11.08.2011	28.08.2011	19.10.2011	03.02.2012	25.03.2012	11
2	16.09.2009	07.12.2009	30.07.2010	02.08.2010	06.09.2010	28.02.2011	11.04.2011	18
3	11.05.2010	03.06.2010	27.08.2010	18.08.2010	29.09.2010	28.02.2011	11.05.2011	12
4	03.06.2011	20.06.2011	26.07.2012	31.07.2012	13.09.2012	24.09.2012	12.11.2012	17
7	03.06.2011	20.06.2011	16.08.2012	27.08.2012	01.10.2012	22.11.2012	01.01.2013	18
8	26.11.2009	07.12.2009	30.07.2010	02.08.2010	06.09.2010	25.05.2011	04.07.2011	19
9B	16.09.2009	07.12.2009	30.07.2010	02.08.2010	06.09.2010	28.02.2011	11.04.2011	19


Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 14 Jun 2013

Pihak JKR menyatakan bahawa beberapa pakej di bawah kelolaannya menghadapi kelewatan untuk mendapatkan kelulusan tender semula dan kelewatan untuk mendapatkan kebenaran bagi mengeluarkan Surat Setuju Terima Tender (SST) daripada pihak Kementerian Kerja Raya (KKR). Selain itu juga masalah kekangan peruntukan yang dihadapi oleh pihak KKR di mana perlu mendapatkan pengesahan peruntukan dari Kementerian Kewangan sebelum melaksanakan proses tender semula mengakibatkan kelewatan antara 11 hingga 19 bulan.

10.4.1.3. Bagi menyiapkan projek ini, dengan mengambil kira peraturan baru SPP Bil. 3 Tahun 2008, pihak JKR telah menganggarkan kos projek secara keseluruhan adalah sejumlah RM2.90 bilion iaitu peningkatan sejumlah **RM800 juta (27.6%)** berbanding dengan anggaran asal. Anggaran peningkatan kos ini meliputi tambahan bayaran VOP, tambahan bayaran pengambilan balik tanah, kos tender semula, pembinaan plaza tol dan sebagainya. Carta berikut menunjukkan pecahan peningkatan kos yang terlibat:

**CARTA 10.1
ANGGARAN PENINGKATAN KOS PROJEK (RM' JUTA)**



Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

10.4.1.4. Jarak pembinaan lebuh raya yang dikelolakan oleh LLM adalah sepanjang 63.4 km (34.5%) dan Bukit Payung *Spur Road* sepanjang 16.3 km dilaksanakan secara Rundingan Terus *Design And Build* oleh MTD Capital Berhad yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 15 Julai 2004. Tarikh milik tapak bagi pembinaan Pakej 10 ini adalah pada 18 September 2006 dan dijadualkan siap pada 17 Mac 2009. Pembinaan lebuh raya yang dibina oleh kontraktor utama sepanjang 63.4 km dan *Spur Road* sepanjang 16.3 km terbahagi kepada 6 pakej termasuk pembinaan item di bawah peruntukan sementara (*provisional sum item*) seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.6
STATUS KEMAJUAN MENGIKUT PAKEJ SETAKAT 24 JULAI 2012**

BIL.	PAKEJ	JARAK (KM)	KOS PEMBINAAN (RM)	KOS PEMBINAAN PER KM (RM)	KEMAJUAN (%)	
					JADUAL	SEBENAR
1.	Pakej 10A	15.09	177,149,620.25	11,739,537.46	100	100
2.	Pakej 10B	15.43	182,601,227.10	11,834,168.96	100	100
3.	Pakej 10C	18.32	245,443,884.85	13,397,591.97	100	100
4.	Pakej 10D	14.52	286,589,736.19	19,737,585.14	100	100
5.	Spur Road	16.3	255,729,158.75	15,688,905.44	100	100
6.	<i>Provisional Sum Item</i>	-	80,900,000.00	-	100	89.4
7.	<i>Preliminaries & General Items</i>	-	91,801,090.17	-	100	-
8.	<i>Pre Construction Works For Route Identification</i>	-	6,339,637.83	-	100	-
9.	<i>Design & Supervision Fees</i>	-	70,885,415.91	-	100	-
10.	<i>Environmental Protection</i>	-	4,222,775.00	-	100	-
11.	<i>Routine Maintenance During Defect Liability Works</i>	-	3,221,568.00	-	100	-
JUMLAH		79.66	1,404,884,114.05			

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Lembaga Lebuhraya Malaysia)

Pihak kontraktor telah diberikan Lanjutan Masa pertama dari 18 Mac 2009 hingga 30 Mei 2011. Sijil Pendudukan Separa Pertama yang berkuat kuasa pada 22 Ogos 2011 telah dikeluarkan bagi jajaran dari Bukit Besi hingga Ajil (42.4 km), Persimpangan Bertingkat Telemung dan Bukit Payung Spur Road (16.3 km), manakala Sijil Pendudukan Separa Kedua bagi jajaran dari Ajil hingga Telemung (21.0 km) dikeluarkan pada 18 Mei 2012. Semasa lawatan Audit pada 5 hingga 9 November 2012, mendapati pembinaan jalan raya telah siap dan telah dibuka sepenuhnya untuk kegunaan awam mulai **18 Mei 2012**.

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 1 Oktober 2013

Secara keseluruhannya, projek yang diuruskan oleh LLM telah siap sepenuhnya 100% pada 30 November 2012 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan kepada pihak MTD pada 5 Disember 2012.

Manakala, sehingga Julai 2013, status projek yang diuruskan oleh JKR adalah 73.21%, di mana 9 daripada 16 pakej sahaja siap. Kos keseluruhan pembinaan untuk komponen kerja oleh JKR adalah berjumlah RM2.48 bilion (berdasarkan harga kontrak dan anggaran kos untuk Variation Order (VO) dan Variation of Price (VOP) dan meliputi kos untuk perkara-perkara berikut:

- *pembinaan Lebuhraya sepanjang 120.6km dan spur road sepanjang 19.4km;*
- *pembinaan sebanyak tujuh (7) Plaza Tol yang dilengkapi dengan Surau, Tandas Awam, kerja seni taman dan tempat letak kereta awam yang mana kerja-kerja ini tidak terdapat di dalam skop kerja tiga (3) Plaza Tol di bawah LLM;*
- *pembinaan sebanyak dua (2) kawasan rehat yang mempunyai kemudahan awam yang lebih lengkap berbanding dengan satu kawasan rehat di bawah skop kerja LLM; dan*
- *pembinaan satu (1) hentian sebelah yang dilengkapi dengan Surau dan kerja seni taman yang mana tidak terdapat dalam skop kerja hentian sebelah LLM.*

Maklum Balas Lembaga Lebuhraya Malaysia Yang Diterima Pada 29 Julai 2013

Pihak LLM menyatakan bahawa EOT kedua telah diluluskan selama 353 hari oleh Jawatankuasa Lanjutan Masa LLM pada 29 Mac 2013. Berdasarkan rayuan pihak kontraktor, EOT kedua bermula 31 Mei 2011 hingga 17 Mei 2012 dimohon disebabkan kerja-kerja penaikan aras lebuhraya akibat banjir yang melanda pada tahun 2009 dan pembinaan sebuah jambatan baru merentasi Sg. Chepoh di Pakej 10D.

Pada pendapat Audit, prestasi pembinaan LPT2 setakat bulan Oktober 2012 yang dikelolakan oleh JKR adalah kurang memuaskan berbanding projek yang dikelolakan oleh LLM. Status pembinaan LPT2 di bawah kelolaan JKR secara keseluruhan hanya 72.46% berbanding jadual yang dirancang iaitu 80.70% manakala bagi projek yang dikelolakan oleh LLM adalah 99.30%.

10.4.1.5. Tempoh Tanggungan Kecacatan - Ada sebahagian pakej lebuhraya yang telah siap tetapi tidak boleh dibuka kepada awam kerana pakej yang bersebelahan masih dalam pembinaan. Pihak JKR mungkin tidak dapat mengesan kecacatan yang berlaku ke atas jalan raya semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) berjalan terutamanya turapan jalan kerana segala kecacatan hanya boleh dikesan/dikenal pasti sekiranya laluan trafik dapat dibuka untuk kegunaan awam. Setakat bulan Oktober 2012, jarak pembinaan lebuhraya yang telah siap adalah sejauh 37.08 km, namun begitu hanya 11.58 km (31.22%) sahaja yang boleh dibuka kepada awam dan selebihnya tidak dapat dibuka serta terbiar akibat pembinaan pakej bersebelahan masih belum/lambat disiapkan. Maklumat berkenaan pakej yang telah disiapkan tetapi tidak boleh dibuka kepada umum adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 10.7
PAKEJ YANG TELAH DISIAPKAN TETAPI TIDAK BOLEH DIBUKA KEPADA UMUM

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR ASAL	TEMPOH KONTRAK	TARIKH MANSUH (KONTRAK LAMA)	CATATAN
5B	Yuta Maju Sdn. Bhd.	01.01.2007 - 31.08.2010	Asal	Siap pada 31.08.2010 dan DLP tamat pada 31.08.2011 **Tidak boleh dibuka kerana Pakej 5A siap pada 22.12.2012
6	Ahmad Zaki Sdn. Bhd.	01.06.2007 - 30.03.2012	Asal	Siap pada 29.03.2012 dan DLP tamat pada 29.03.2012 **Tidak boleh dibuka kerana Pakej 5A siap 22.12.2012 dan Pakej 7 masih belum siap
9A	Cergas Murni Sdn. Bhd.	01.01.2007 - 29.08.2011	-	Siap pada 25.08.2011 (EOT4) dan DLP tamat pada 25.08.2012 **Tidak boleh dibuka kerana Pakej 8 dan 9B belum siap

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya)

Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Yang Diterima Pada 1 Oktober 2013

Semua kecacatan komponen kerja lebuhraya, bagi pakej yang telah siap telah pun dapat dikenal pasti dan dibaiki oleh kontraktor semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan. Sehingga bulan Julai 2013, jarak pembinaan yang telah siap adalah 66.92 km (termasuk spur road), namun begitu hanya jarak sepanjang 11.58 km (termasuk spur road) sahaja yang boleh dibuka kepada umum dan selebihnya tidak dapat dibuka kerana pembinaan pakej bersebelahan masih dalam peringkat pembinaan.

Pada 31 Disember 2013 adalah dijangka sepanjang 14 km lagi akan dapat disiapkan. Ini menjadikan jumlah yang dapat disiapkan sehingga 31 Disember 2013 adalah sepanjang 80.92 km. Pada 31 Disember 2013 juga adalah dijangka projek di bawah JKR dapat dibuka kepada laluan umum adalah sepanjang 45.22 km. dengan ini, laluan untuk kegunaan umum akan bermula daripada Kg. Gemuruh Kuala Terengganu sehingga ke persimpangan Jalan Persekutuan Paka/Santung.

10.4.2. Sehingga bulan Julai 2013, sejumlah RM2.798 bilion telah dilulus dan sejumlah RM2.028 bilion (72.5%) telah dibelanjakan oleh JKR. Manakala LLM pula, sehingga bulan Jun 2013 sejumlah RM1.382 bilion atau 98.4% dari peruntukkan asal telah dibelanjakan.

10.4.3. **Perbandingan Kos Pembinaan Antara JKR Dan LLM** - Secara keseluruhan, dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak JKR dan LLM, perbandingan kos Pembinaan LPT2 antara pakej-pakej yang dikelolakan oleh JKR dan LLM sehingga bulan Jun 2013 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 10.8
PERBANDINGAN PELAKSANAAN PEMBINAAN LPT2 ANTARA JKR DAN LLM
(SEHINGGA BULAN JUN 2013)**

BIL.	PERIHAL	AGENSI PELAKSANA						CATATAN	
		JKR			%	LLM			%
		ASAL	SEBENAR	ASAL		SEBENAR			
1.	Jarak Pembinaan	120 + 19.4 <i>spurs road</i>			-	64 + 16 <i>spurs road</i>		-	Pembinaan <i>Spur Road</i> tanpa tambahan peruntukan
2.	Peruntukan (RM)	2.09 bilion	2.65 bilion	26.79	1.61 bilion	1.61 bilion	0	Kenaikan kos pembinaan oleh JKR selepas VOP diperkenalkan	
3.	Perbelanjaan (RM)	-	1.92 bilion	72.57	-	1.382 bilion	94.31	-	
4.	Kos Pembinaan Asal (RM)	1.58 bilion	2.48 bilion	56.96	1.41 bilion	1.42 bilion	1.25	Kos oleh JKR meningkat sebanyak 56.96% manakala LLM meningkat sebanyak 1.25%	
	Kos Pembinaan Per Kilometer (RM/KM)	11.33 juta	17.68 juta	56.04	18.68 juta	17.64 juta	-4.38		
5.	Sumber Peruntukan	50% Kerajaan Persekutuan & 50% Kerajaan Negeri			-	Kerajaan Persekutuan		-	-
6.	Perolehan Kontraktor	Tender Terbuka Khas Bumiputera / Tender Terhad			-	Rundingan Terus		-	-
7.	Pelaksanaan Projek Taraf Kontraktor	50% Kontraktor Tempatan & 50% Kontraktor Luar			-	MTD Constructions Kelas A (Unlimited)		-	-
8.	Mula Projek	September 2006			-	September 2006		-	-
9.	Tarikh Siap Projek	Mac 2009	Belum Siap	-	Mac 2009	Siap Sepenuhnya	-	-	

Sumber : Pasukan Projek LPT2 (Jabatan Kerja Raya) Dan Pasukan Projek (Lembaga Lebuhraya Malaysia)

Berdasarkan semakan yang telah dijalankan oleh pihak Audit mendapati pada awal perancangan, kos pembinaan per kilometer bagi lebuh raya yang diurus oleh JKR iaitu **RM11.33 juta (berdasarkan harga tender)** adalah jauh lebih rendah berbanding dengan LLM iaitu **RM18.68 juta**. Bagaimanapun sehingga bulan Jun 2013, dengan mengambil kira kenaikan kos bagi pakej yang diuruskan oleh JKR, kos per kilometer adalah berjumlah **RM17.68 juta** manakala kos oleh LLM adalah berjumlah **RM17.64 juta** seperti yang ditunjukkan di **Jadual 10.8** di atas.

Maklum Balas Jabatan Kerja Raya Yang Diterima Pada 14 Jun 2013

Pihak JKR menyatakan bahawa anggaran kos keseluruhan pembinaan untuk komponen kerja JKR adalah berjumlah RM2.48 bilion (berdasarkan harga kontrak dan anggaran kos VO dan VOP) dan meliputi kos untuk perkara-perkara berikut:

- a) pembinaan Lebuhraya sepanjang 120.6 km dan spur road sepanjang 19.4 km.*
- b) pembinaan sebanyak 7 Plaza Tol yang dilengkapi dengan surau, tandas awam, kerja seni taman dan tempat letak kereta awam yang mana kerja-kerja ini tidak terdapat di dalam skop kerja tiga (3) Plaza Tol di bawah LLM.*
- c) pembinaan sebanyak 2 kawasan rehat yang mempunyai kemudahan awam yang lebih lengkap berbanding dengan satu kawasan rehat di bawah skop kerja LLM.*
- d) pembinaan satu hentian sebelah yang dilengkapi dengan surau dan kerja seni taman yang mana tidak terdapat dalam skop kerja hentian sebelah LLM.*

10.5. Bagi memperbaiki kelemahan yang dinyatakan di dalam laporan ini, serta untuk menjaga kepentingan Kerajaan di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak Kerajaan terutama yang terlibat dengan pembinaan lebuhraya seperti ini mengambil tindakan seperti berikut:

10.5.1. melantik kontraktor yang benar-benar berkelayakan dari segi pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kedudukan kewangan yang kukuh untuk memastikan supaya projek dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa, kos dan kualiti yang ditetapkan;

10.5.2. mengkaji semula syarat/peraturan yang terkandung di dalam pekeliling sedia ada supaya ianya lebih menjamin kepentingan Kerajaan; dan

10.5.3. mengkaji semula konsep pembinaan projek lebuhraya yang dilaksanakan di dalam beberapa pakej yang kecil dan pendek untuk memastikan pelaksanaan projek lebuhraya seperti ini dapat disiapkan mengikut jadual, kos yang telah ditetapkan dan memudahkan pentadbiran dan pemantauan projek.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 188 - 192
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

11. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan. Satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat serta pengawasan syarikat oleh Kementerian Kewangan, pengauditan turut dilakukan terhadap pengurusan sebuah syarikat iaitu Pengurusan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Hasil daripada pengauditan yang dilakukan adalah seperti di perenggan 12.

KEMENTERIAN KEWANGAN

12. PENGURUSAN BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD. (BPMB)

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 November 1973 dan mula beroperasi pada Jun 1974. Modal dibenarkan adalah berjumlah RM10 bilion dan modal berbayar berjumlah RM3.100 bilion. Manakala dana pemegang saham BPMB setakat 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM7.200 bilion. BPMB berperanan untuk membantu usahawan yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana melalui penyediaan pelbagai kemudahan pembiayaan, latihan dan khidmat nasihat terutamanya kepada usahawan Bumiputera. Objektif BPMB adalah untuk meningkatkan penyertaan dan penglibatan Bumiputera dalam industri infrastruktur, maritim, industri berteknologi tinggi serta minyak dan gas.

12.1.2. BPMB mempunyai 10 ahli Lembaga Pengarah. Pengurusan Syarikat pula diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan dibantu oleh seorang Pegawai Ketua Operasi beserta 5 Pegawai Kanan Tertinggi Kumpulan dan 309 Pegawai Eksekutif dan Bukan Eksekutif.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

12.2.1. prestasi kewangan BPMB adalah baik atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut;

12.2.2. pengurusan aktiviti BPMB telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan

12.2.3. pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat BPMB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan, kewangan dan aktiviti utama BPMB dari tahun 2010 hingga 2012. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2009, 2010, 2011 dan 2012 yang diaudit. Aktiviti utama BPMB adalah menyediakan kemudahan kredit sederhana dan jangka panjang untuk membiayai projek infrastruktur, maritim, industri berteknologi tinggi dan modal insentif dalam pembuatan serta sektor lain yang dikenal pasti selaras dengan dasar pembangunan Negara. Semakan terhadap dokumen telah dibuat di pejabat BPMB, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pengurusan BPMB kepada pihak Audit. Metodologi pengauditan meliputi semakan secara sampel terhadap dokumen; fail serta rekod; analisis data syarikat; testimoni melalui temu bual dan pemeriksaan fizikal terhadap aset dan syarikat peminjam.

12.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2012 mendapati pada umumnya, BPMB telah menjalankan perkhidmatan selaras dengan mandat yang diberikan. Secara keseluruhannya prestasi kewangan BPMB adalah baik di mana BPMB berjaya mencatat keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012 yang berjumlah di antara RM376 juta hingga RM462.13 juta setahun. Namun terdapat beberapa aspek pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat yang perlu ditambah baik seperti berikut:

- i. sebahagian kriteria penilaian *Key Performance Indicator* tidak tercapai;
- ii. kedudukan *Non Performance Loan* tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- iii. kos dana pembiayaan yang lebih tinggi berbanding bank tempatan yang lain;
- iv. komposisi pinjaman tidak mengikut had yang disasarkan;
- v. kesan terhadap sekuriti bagi pinjaman yang terjejas;
- vi. projek biodiesel yang berasaskan kelapa sawit menghadapi masalah untuk beroperasi disebabkan oleh peningkatan harga sawit mentah di pasaran yang menyebabkan kos operasi meningkat;
- vii. dokumen yang tidak lengkap dan kelewatan penyerahan dokumen oleh peminjam; dan
- viii. pinjaman yang telah di jadual semula masih gagal dibayar oleh peminjam.

Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui dan maklum balas yang diterima daripada BPMB pada 6 Jun 2013 adalah seperti di perenggan berikut:

12.5.1. Prestasi Kewangan

12.5.1.1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi

Pada tahun 2009 hingga 2012, BPMB telah mencatat keuntungan kasar masing-masingnya berjumlah RM767.80 juta, RM641.14 juta, RM664.19 juta dan RM579.45 juta. Kedudukan prestasi kewangan BPMB bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.1
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN BPMB
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012

BUTIRAN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan	1,427.30	1,318.03	1,394.75	1,331.48
Kos Jualan	(659.50)	(676.89)	(730.56)	(752.03)
Keuntungan Kasar	767.80	641.14	664.19	579.45
Margin Keuntungan (%)	53.80	48.6	47.6	43.5
Pendapatan Operasi Lain	117.58	434.98	363.56	254.03
Perbelanjaan Pentadbiran	(67.44)	(82.90)	(70.33)	(78.06)
Peruntukan Pinjaman Terjejas	(434.33)	(489.73)	(339.23)	(324.24)
Keuntungan Sebelum Cukai Dan Zakat	383.61	503.49	618.19	431.18
Cukai Dan Zakat	(7.61)	(118.14)	(156.06)	(81.42)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai Dan Zakat	376.00	385.35	462.13	349.76

Sumber : Penyata Kewangan 2009, 2010, 2011 Dan 2012 Yang Diaudit

Analisis Audit mendapati berlaku penurunan pendapatan yang ketara pada tahun 2010 iaitu berjumlah RM109.27 juta (7.7%) berbanding dengan tahun 2009. Secara keseluruhannya margin keuntungan kasar bagi keempat-empat tahun adalah pada kadar 43.5% sehingga 53.8%.

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

Pengurangan dalam pendapatan faedah adalah disebabkan oleh pelaksanaan FRS 139 yang mengakibatkan peruntukan yang lebih tinggi ke atas pinjaman terjejas.

Peningkatan dalam perbelanjaan faedah pula disebabkan oleh kos pinjaman baru yang lebih tinggi. BPMB telah menerbitkan MTN RM2.500 bilion pada bulan April 2010 untuk memenuhi pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi. Di samping itu, BPMB telah membuat pinjaman jangka panjang daripada KWSP berjumlah RM1.000 bilion pada Julai dan Disember 2010 dengan menanggung kadar faedah 3.9% dan 3.8%. Seterusnya, kadar pinjaman purata meningkat daripada 2.4% pada Disember 2009 hingga 3.1% pada bulan Disember 2010 akibat daripada peningkatan Overnight Procedure Rate (OPR).

Pada tahun 2009 dan 2010 keuntungan yang tinggi selepas cukai adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan seperti keuntungan pertukaran mata wang asing akibat kelemahan mata wang EURO. Di samping itu, terdapat peningkatan dalam penggunaan Dana Sokongan Infrastruktur (ISF) berjumlah RM189.50 juta.

Pada tahun 2011 keuntungan yang tinggi selepas cukai disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan faedah di samping perbelanjaan overhead yang lebih rendah disebabkan oleh penurunan kos kakitangan dan perbelanjaan pentadbiran.

12.5.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan BPMB, analisis nisbah semasa, margin keuntungan bersih, *average lending rate*, *average cost of fund*, dan *gross impaired loans* telah dijalankan berdasarkan butiran yang ditunjukkan pada lembaran imbangan serta penyata pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012. Hasil analisis adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.2
ANALISIS NISBAH BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
	2009	TB*	TB*	TB*
2010	5,522.70	5,592.00	0.99	
2011	8,073.50	7,435.70	1.09	
2012	5,460.24	6,804.99	0.80	

**Tidak Berkenaan - adalah disebabkan oleh klasifikasi akaun yang berbeza.*
Nisbah Semasa syarikat adalah 0.99 kali pada tahun 2010. Nisbah Semasa meningkat kepada 1.09 kali pada tahun 2011 tetapi telah menurun semula kepada 0.80 kali pada tahun 2012.

MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH	TAHUN	UNTUNG SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BERSIH BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
	2009	375.90	1,548.00	0.24
2010	385.40	1,609.80	0.24	
2011	462.10	1,597.30	0.29	
2012	349.76	1,394.15	0.25	

BPMB menunjukkan peningkatan margin keuntungan bersih dari RM0.24 pada tahun 2009 dan 2010 kepada RM0.29 pada tahun 2011. Bagaimanapun, ia menurun kepada RM0.25 pada tahun 2012. Mulai tahun 2010 berlaku peningkatan dalam perbelanjaan cukai disebabkan pengecualian cukai ke atas projek-projek infrastruktur Kerajaan telah tamat tempoh. BPMB telah dikecualikan daripada membayar cukai ke atas pendapatan berkanun daripada projek-projek infrastruktur yang diluluskan oleh Kerajaan dari tahun taksiran 2000 hingga tahun taksiran 2009.

AVERAGE LENDING RATE	TAHUN	PENDAPATAN FAEDAH (RM Juta) (a)	AVERAGE LOAN ASSETS (RM Juta) (b)	AVERAGE LENDING RATE (%)
	2009	1,289.30	18,539.25	7.0
2010	1,198.40	20,607.95	5.8	
2011	1,267.60	22,000.65	5.8	
2012	1,210.88	22,725.90	5.3	

Average Lending Rate pada tahun 2012 menurun dengan ketara kepada 5.3% berbanding 7.0% pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan pendapatan faedah.

AVERAGE COST OF FUND	TAHUN	PERBELANJAAN FAEDAH (RM Juta) (a)	AVERAGE LIABILITIES (RM Juta) (b)	AVERAGE COST OF FUND (a/b) (%)
	2009	659.50	18,663.20	3.5
2010	676.90	20,919.85	3.2	
2011	730.50	22,480.15	3.2	
2012	752.03	21,248.47	3.5	

Average Cost of Fund pada tahun 2010 dan 2011 menurun kepada 3.2% berbanding 3.5% pada tahun 2009. Bagaimanapun, meningkat semula kepada 3.5% pada tahun 2012. Penentuan semula harga pinjaman KWSP pada awal tahun 2010 menyebabkan peningkatan dalam kepentingan perbelanjaan berbanding dengan kenaikan purata jumlah liabiliti. Ini telah membawa kepada penurunan kos purata dana daripada 3.5% pada tahun 2009 kepada 3.2% pada tahun 2010 dan dikekalkan pada kadar yang sama pada tahun 2011. *Average Cost of Fund* kembali meningkat pada tahun 2012 disebabkan oleh kenaikan purata jumlah liabiliti.

GROSS IMPAIRED LOANS	TAHUN	GROSS IMPAIRED LOANS (RM Juta) (a)	GROSS LOAN PORTFOLIO (RM Juta) (b)	GROSS IMPAIRED LOANS (a/b) (%)
	2009	878.90	21,155.70	4.2
	2010	2,617.10	23,660.00	11.1
	2011	2,846.30	25,005.40	11.4
	2012	2,622.74	25,365.20	10.3

Gross Impaired Loans meningkat dari tahun ke setahun. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pemakaian FRS 139 pada tahun 2010. Mulai tahun 2010 *Gross Impaired Loans* berada pada paras melebihi 10%.

Sumber : *Penyata Kewangan 2009, 2010, 2011 Dan 2012 Yang Diaudit*

12.5.1.3. Aliran Tunai

Prestasi aliran tunai BPMB bagi tempoh tahun kewangan 2009 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.3
PENYATA ALIRAN TUNAI BPMB BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2009 HINGGA 2012**

BUTIRAN	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Aliran Tunai Masuk/(Keluar) Bersih Daripada Aktiviti Operasi	135.70	(2,335.55)	(2,306.61)	84.93
Aliran Tunai Masuk Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	105.44	311.93	781.86	(337.84)
Aliran Tunai (Keluar)/Masuk Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	(1,163.44)	4,040.51	874.11	(1,105.21)
Tambahan/(Kurangan) Bersih Tunai Dan Bersamaan Tunai	(922.30)	2,061.89	(650.64)	(1,358.12)
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Awal Tahun Kewangan	1,991.98	1,069.68	3,086.57	2,435.93
Tunai Dan Bersamaan Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan	1,069.68	3,086.57	2,435.93	1,077.84

Sumber : *Penyata Kewangan 2009, 2010, 2011 Dan 2012 Yang Diaudit*

Secara keseluruhannya, didapati aliran tunai BPMB adalah baik bagi tempoh 4 tahun berturut-turut. Pada tahun 2010 dan 2011, berlaku defisit dalam aktiviti operasi berjumlah RM2.335 bilion dan RM2.307 bilion masing-masing. Bagaimanapun, defisit ini ditampung oleh aktiviti pembiayaan melalui pinjaman jangka panjang, penjualan bon, pampasan dari Kerajaan dan penjualan kertas komersial. Pada akhir tahun kewangan 2012, BPMB mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM1.078 bilion yang terdiri daripada baki tunai di tangan dan di bank, *money at call* serta deposit.

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 6 Jun 2013

Defisit aliran tunai pada tahun 2010 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran bagi pinjaman, pendahuluan, pembiayaan dan pembayaran balik deposit pelanggan. Bagi tahun 2011 pula, defisit aliran tunai telah dipadankan dengan pengeluaran berjadual bagi pinjaman berjangka dan hasil daripada pelupusan serta tempoh matang pelaburan kewangan.


Pada pendapat Audit, prestasi kewangan BPMB adalah pada tahap yang baik.

12.5.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

12.5.2.1. BPMB diberi mandat untuk menyediakan pinjaman sederhana hingga jangka panjang kepada industri berintensif modal termasuk projek infrastruktur, maritim dan sektor teknologi tinggi. Pelbagai skim juga diperkenalkan oleh BPMB bagi membiayai projek Kerajaan. Produk utama BPMB dikategorikan sebagai pinjaman, pajakan dan jaminan yang diklasifikasikan sebagai pinjaman bercirikan konvensional dan Islam.

- a. Sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, keseluruhan pinjaman yang diluluskan adalah berjumlah RM91.630 bilion. Pinjaman diagihkan kepada 4 sektor iaitu sektor infrastruktur, maritim, teknologi tinggi serta minyak dan gas. Sektor infrastruktur merupakan penerima pinjaman tertinggi iaitu berjumlah RM73.932 bilion (80.7%) manakala sektor minyak dan gas memperoleh pinjaman terendah iaitu RM1.772 bilion. Pinjaman yang diluluskan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 mengikut sektor adalah seperti di carta berikut:

CARTA 12.1
PINJAMAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012



Sumber: Laporan Prestasi Kelulusan Pinjaman BPMB

- b. Prestasi pinjaman mengikut sektor bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

JADUAL 12.4
PRESTASI PINJAMAN BERDASARKAN SEKTOR


SEKTOR	2010			2011			2012		
	PL (RM Juta)	NPL (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PL (RM Juta)	NPL (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	PL (RM Juta)	NPL (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Infrastruktur	19,004	1,162	20,166	20,193	956	21,149	20,668	983	21,651
Maritim	1,240	568	1,808	1,495	674	2,169	384	418	802
Minyak dan Gas	-	-	-	-	-	-	1,059	187	1,246
Teknologi	511	1,019	1,530	255	1,180	1,435	539	1,105	1,644
JUMLAH	20,755	2,749	23,504	21,943	2,810	24,753	22,650	2,693	25,343

Sumber : Laporan Prestasi Pinjaman BPMB


Nota : PL- Performing Loan

NPL- Non Performing Loan

CARTA 12.2



CARTA 12.3



Sumber : Laporan Prestasi Pinjaman BPMB

12.5.2.2. Perancangan Strategik Dan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- a. Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan BPMB telah mewujudkan KPI berdasarkan kepada beberapa objektif strategik antaranya aspek kewangan, pelanggan/pasaran, proses dalaman dan pembelajaran serta pembangunan yang masing-masingnya mengandungi beberapa kriteria penilaian. Antara kriteria penilaian adalah *increase shareholder value, achieve stability of funding at competitive cost, maintain quality of loans at acceptable level, grow business in mandated roles and ensure productive loan assets, adequate and robust risk management for efficient risk mitigation, ensure operational service excellence and human capital development and to promote superior knowledge and skill sets.*
- b. Sebanyak 4 objektif pelan strategik yang melibatkan 36 kriteria KPI telah ditetapkan sebagai pengukur prestasi. Bagi tahun 2010, sebanyak 17 daripada 23 kriteria (73.9%) berkaitan kewangan, *customer/market, internal process* dan *Learning & growth* telah mencapai KPI yang disasarkan. Bagaimanapun, sebanyak 6 kriteria (26.1%) yang lain tidak mencapai KPI. Bagi tahun 2011 sebanyak 13 (65%) daripada 20 kriteria telah mencapai sasaran KPI dan 7 kriteria (35%) tidak mencapai KPI yang ditetapkan. Bagi tahun 2012, daripada 22 kriteria yang ditetapkan 15 kriteria (68.1%) utama telah mencapai sasaran KPI dan 7 kriteria (31.8%) tidak mencapai sasaran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.5
PENCAPAIAN SEBENAR BERBANDING SASARAN KPI
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012**

KRITERIA	2010			2011			2012		
	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)	S	P	CAPAI (Ya/Tidak/TB)
KEWANGAN 30%									
<i>Profit Before Tax (RM Juta)</i>	507.00	526.00	Ya	600.00	603.10	Ya	600.00	425.51	Tidak
<i>Cash-Back Profit Before Tax (RM Juta)</i>	-	-	TB	-	-	TB	135.00	123.68	Tidak
<i>Achieve stability of funding at competitive cost: Net Interest Margin</i>	2.7%	3.1%	Ya	2.8%	2.9%	Ya	3.0%	2.9%	Tidak
<i>Maintain quality of loans at acceptable level: Gross Impaired Loans Ratio</i>	-	-	TB	<12.0%	11.35%	Ya	<10.0%	10.4%	Ya
CUSTOMER / MARKET 30%									
<i>Financing to strategic sectors Loan approval (RM Juta)</i>	5,750.00	3,350.00	Tidak	3,350.00	1,651.10	Tidak	3,000.00	4,844.61	Ya
<i>-Government Initiated Project (RM Juta)</i>	3,500.00	-	Tidak	-	-	TB	-	-	TB
<i>Gross Loan Portfolio Growth (%)</i>	10.0%	13.0%	Ya	7.5%	9.26%	Ya	1.0%	1.8%	Ya
<i>Management of government assistant funds Loan Approval (RM Juta) -PFI Scheme</i>	1,000.00	1,293.90	Ya	780.00	260.10	Tidak	500.00	1,624.17	Ya
<i>-Tourism Infrastructure Fund (RM Juta)</i>	600.00	192.00	Tidak	500.00	379.50	Tidak	300.00	231.00	Tidak
<i>-Maritime Fund (RM Juta)</i>	1,000.00	845.00	Tidak	800.00	400.50	Tidak	500.00	190.90	Tidak
<i>-Green Technology Financing Scheme (RM Juta)</i>	200.00	56.30	Tidak	150.00	159.00	Ya	150.00	72.79	Tidak
<i>-SME Sectorial Growth (Factoring approval by PLC) (RM Juta)</i>	490.00	297.70	Tidak	470.00	257.20	Tidak	250.00	305.31	Ya
<i>Compliance to Operational Risk-Service Parameters</i>	-	-	TB	Compliance	1 Non-Compliance Occurrences	Tidak	Full Compliance	Full Compliance	Ya
INTERNAL PROCESS 30%									
<i>Ensure Operational Service Excellence -Business Intelligence +Dashboard</i>	-	-	TB	-	-	TB	Disember 2012	Completed	Ya
LEARNING & GROWTH 10%									
<i>Human Capital Development and to promote superior knowledge and skill sets Employee Satisfaction Index</i>	-	-	TB	-	-	TB	70.0%	74.0%	Ya

Sumber : Laporan KPI BPMB

Nota : S - Sasaran

P - Pencapaian

TB - Tidak Berkenaan

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 6 Jun 2013

Ketidakcapaian KPI bagi kriteria kewangan adalah disebabkan oleh kenaikan pinjaman terjejas daripada yang dijangkakan. Ini menyebabkan pendapatan terakru yang lebih rendah seterusnya mengurangkan pendapatan syarikat. Bagi kriteria pelanggan dan pasaran pula, risiko projek yang lebih tinggi yang tertakluk kepada turun naik pasaran juga menyebabkan KPI tidak tercapai. BPMB telah meluluskan pinjaman maritim dan teknologi dengan menggunakan analisis yang lebih ketat dan konservatif. Bagaimanapun, pencapaian KPI secara keseluruhan adalah melebihi 75% daripada sasaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

12.5.2.3. Prestasi Pinjaman

- a. Prestasi kewangan bagi bank adalah diukur berdasarkan prestasi pinjaman. BPMB telah menetapkan sasaran bagi pinjaman tahunan mengikut sektor infrastruktur, maritim, teknologi dan minyak serta gas. Analisis Audit terhadap sasaran dan pencapaian pinjaman BPMB mendapati pencapaian sasaran pinjaman adalah antara 40.1% hingga 718% bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.6
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN SEBENAR PINJAMAN BPMB
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

SEKTOR	2010 (RM Juta)			2011 (RM Juta)			2012 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)
Infrastruktur	4,400	1,951	44.3	2,250	902	40.1	2,200	2,513	114.2
Maritim	1,000	1,114	111.4	800	421	52.6	500	703	141.0
Teknologi	350	285	81.4	300	329	109.7	100	193	193.0
Minyak dan Gas	-	-	-	-	-	-	200	1,436	718.0
JUMLAH	5,750	3,350	58.3	3,350	1,652	49.3	3,000	4,845	162.0

Sumber : Laporan Pencapaian Sasaran

Nota : S - Sasaran P - Pencapaian

- b. Jumlah pinjaman BPMB adalah mengikut 4 sektor utama pinjaman. Bagi tahun 2010 pinjaman yang diluluskan adalah berjumlah RM3.350 bilion berbanding RM5.750 bilion yang ditetapkan. Manakala pada tahun 2011 jumlah pinjaman telah menurun kepada RM1.652 bilion dan meningkat kepada RM4.845 bilion pada tahun 2012. Pencapaian pinjaman bagi kategori infrastruktur adalah 44.3% dan 40.1% bagi tahun 2010 dan 2011. Seterusnya meningkat kepada 114.2% pada tahun 2012.

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

Pinjaman bagi beberapa projek yang dikenal pasti berpotensi tidak dapat diluluskan disebabkan menunggu struktur projek dimuktamadkan dengan pihak yang berkaitan. Bagaimanapun, satu projek infrastruktur yang disasarkan untuk kelulusan bagi tahun 2010 dengan kos berjumlah RM3.500 bilion masih di peringkat rundingan dengan Kerajaan mengenai struktur pembiayaan projek. Bagi tahun 2011, empat projek Private Finance Initiative berjumlah RM1.200 bilion masih belum dimuktamadkan. Pada akhir tahun 2012, satu daripada 4 projek Private Finance Initiative tersebut telah ditolak dan dua lagi masih dalam proses peringkat akhir dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

- c. *Non Performing Loan* adalah jumlah pinjaman wang di mana penghutang tidak membuat bayaran dijadualkan untuk tempoh sekurang-kurangnya 90 hari. Ini bermakna pinjaman tersebut tiada peningkatan pembayaran dan dikategorikan sebagai ingkar atau hampir berada dalam ingkar. Sesuatu pinjaman yang tiada peningkatan pembayaran berkemungkinan berisiko tinggi untuk tidak dibayar balik sepenuhnya. Oleh itu, pinjaman tidak berbayar mengakibatkan implikasi kewangan serta untung/rugi syarikat. Analisis terhadap sasaran dan pencapaian *Non Performing Loan* mendapati berlaku peningkatan yang tinggi pada tahun 2010 hingga 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.7
PERBANDINGAN SASARAN DENGAN PENCAPAIAN NON PERFORMING LOAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

SEKTOR	2010 (RM Juta)			2011 (RM Juta)			2012 (RM Juta)		
	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)	S	P	CAPAI (%)
Infrastruktur	1,061.00	1,092.56	103.0	1,249.00	992.46	79.5	897.00	986.84	110.0
Maritim	24.00	536.46	2,235.3	483.00	673.54	139.4	489.00	521.71	106.7
Teknologi*	94.00	988.08	1,051.1	1,103.00	1,180.29	107.0	801.00	1,114.20	139.1
JUMLAH	1,179.00	2,617.10	222.0	2,835.00	2,846.29	100.4	2,187.00	2,622.75	119.9

Sumber : Laporan Pencapaian Sasaran

Nota : (*) - Sektor Minyak & Gas termasuk Di Dalam Sektor Teknologi
S - Sasaran P - Pencapaian

- d. Secara keseluruhannya, BPMB didapati tidak berjaya mencapai tahap sasaran NPL yang ditetapkan. Jumlah NPL mengikut 4 sektor utama (Sektor Minyak dan Gas termasuk di dalam Sektor Teknologi) pinjaman bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 secara amnya telah meningkat. Peningkatan NPL bagi semua kategori adalah melebihi 100% daripada jumlah maksimum yang ditetapkan. Kegagalan BPMB mematuhi jumlah maksimum NPL yang disasarkan adalah disebabkan pelaksanaan FRS 139 untuk klasifikasi

kemerosotan seperti yang disarankan oleh Bank Negara Malaysia. Seterusnya, pelaksanaan polisi Kerajaan terhadap biodiesel telah memberi kesan kepada prestasi peminjam akaun biodiesel. Selain daripada itu, peminjam juga dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global seperti kemerosotan dalam industri maritim.

12.5.3. Pengurusan Aktiviti

12.5.3.1. Pengurusan Dana Pembiayaan

- a. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sumber pemberi pinjaman terbesar BPMB iaitu berjumlah RM7.150 bilion (53.6%) daripada komposisi pembiayaan keseluruhan pada tahun 2010. Jumlah ini didapati meningkat kepada RM8.300 bilion pada tahun 2011 dan 2012. Tempoh matang pembiayaan KWSP adalah di antara 5 hingga 15 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.8
KOMPOSISI SUMBER PEMBIAYAAN BPMB
PADA AKHIR TAHUN 2010, 2011 DAN 2012

PEMBIAYAAN	JENIS PEMBIAYAAN	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
KWSP	Am	6,800.00	7,800.00	7,800.00
KWSP	Khusus	350.00	500.00	500.00
Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP)	Khusus	500.00	500.00	500.00
Japan Bank for International Cooperation (JBIC)	Khusus	974.11	797.12	647.86
Export Credit Agency (ECA) Lenders	Khusus	132.91	44.38	0.00
Pinjaman Kerajaan	Khusus	764.94	776.09	0.00
Lain-lain (Bank Negara Malaysia & PTM)	Khusus	14.34	4.12	4.12
<i>Infrastructur Notes</i>	<i>Notes</i>	1,000.00	900.00	800.00
<i>Medium Terms Notes</i>	<i>Notes</i>	3,500.00	3,300.00	3,300.00
<i>Commercial Paper</i>	<i>Credit Line</i>	0.00	100.00	0.00
<i>RC Facility</i>	<i>Credit Line</i>	0.00	100.00	0.00
JUMLAH PINJAMAN		14,036.30	14,821.71	13,551.98

Sumber : Laporan Sumber Pembiayaan Bulanan

- b. Kos pembiayaan dana adalah kadar faedah yang dibayar oleh BPMB bagi dana pembiayaan. Manakala perbezaan antara kos dana dan kadar faedah yang dikenakan kepada peminjam merupakan asas keuntungan bagi pihak BPMB. Pembiayaan dana BPMB diperoleh dari sumber seperti pinjaman, deposit dan pengeluaran bon. *Credit Operating Guidelines* (COG) menetapkan risiko projek dan daya saing bank perlu dipertimbangkan apabila mencadangkan kemudahan kredit pembiayaan kepada *Group Credit Committee B* (GCCB). Bagi memastikan risiko terhadap sumber pembiayaan dana dapat diminimumkan seterusnya dapat mengurangkan kadar pembiayaan dana, komposisi pinjaman hendaklah seimbang dan menyeluruh bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

- c. Semakan Audit mendapati kos pembiayaan dana BPMB bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah pada kadar yang lebih tinggi berbanding bank tempatan yang lain iaitu pada kadar 3.8% hingga 3.9%. BPMB menggunakan kaedah *Weighted Average Cost* (WAC) dalam penentuan kos pembiayaannya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.9
PENGIRAAN *WEIGHTED AVERAGE COST* (WAC)
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012**

PERKARA	KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2010 (RM Juta)	KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2011 (RM Juta)	KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2012 (RM Juta)
Dana pembiayaan yang diterima oleh BPMB	24,597.74	24,968.34	24,358.95
Faedah yang dibayar oleh BPMB	933.29	976.17	940.01
WAC (%)	3.8	3.9	3.9

Sumber : Pengiraan WAC Bulanan BPMB

- d. Antara punca kos pembiayaan dana yang tinggi adalah disebabkan komposisi pembiayaan yang tinggi di bawah kategori jangkaan sederhana dan panjang iaitu antara 18.6% hingga 45.9%. Ringkasan semakan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.10
POSISI JENIS PEMBIAYAAN MENGIKUT TEMPOH PEMBIAYAAN**

JENIS PEMBIAYAAN	2010		2011		2012	
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
Jangka Masa Pendek (< 1 tahun)	8,032.33	37.4	7,210.94	33.5	6,775.59	35.5
Jangka Masa Sederhana (1 - 5 tahun)	9,132.54	42.5	9,847.86	45.7	8,748.60	45.9
Jangka Masa Panjang (> 5 tahun)	4,329.06	20.1	4,476.09	20.8	3,550.00	18.6
JUMLAH	21,493.93	100	21,534.89	100	19,074.19	100

Sumber : Laporan Sumber Pembiayaan Bulanan

Peningkatan dalam WAC pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh kenaikan kos deposit dari 3.2% pada tahun 2010 kepada 3.6% pada tahun berikutnya serta kematangan pinjaman kos yang rendah. Pada tahun 2012, pengurangan dalam WAC adalah disebabkan oleh kos yang lebih rendah daripada deposit iaitu 3.4% manakala kematangan separa kos yang tinggi (7.0%).

- e. Antara sumber dana pembiayaan jangka pendek yang diterima oleh BPMB adalah deposit. Analisis selanjutnya mendapati pendeposit yang menampung dana BPMB adalah dari sumber yang terhad dengan jumlah amaun yang besar. Sejumlah RM5.599 bilion (75.1%) deposit yang diterima pada tahun 2010 adalah disumbangkan oleh syarikat Kerajaan dan Badan Berkanun. Jumlah ini menurun kepada RM4.241 bilion pada tahun 2011 dan seterusnya kepada RM2.202 bilion pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.11
PENDEPOSIT BPMB SETAKAT 31 DISEMBER 2010, 2011 DAN 2012**

PENDEPOSIT	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Kerajaan Persekutuan	908.00	1,036.32	137.90
Kerajaan Negeri	886.19	1,307.22	1,396.45
Kerajaan Tempatan	-	-	200.00
Korporat	64.50	328.54	-
Syarikat Besar	-	-	751.12
<i>Government Link Companies/MKDs</i>	3,493.92	2,782.95	-
Pihak Berkuasa Badan Berkanun	2,105.02	1,458.15	2,202.53
Lain-lain Bukan Bank/Institusi Kewangan	-	-	834.21
JUMLAH	7,457.63	6,913.18	5,522.21

Sumber : Laporan Sumber Pembiayaan Bulanan

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

Kos Dana (COF) BPMB ini (5.1%) dan Kadar Asas Pinjaman (BLR) (6.3%) adalah lebih rendah daripada BLR bank perdagangan (6.6%). Namun begitu, pengiraan kos dana sebenar iaitu berdasarkan Weighted Average Cost (WAC) adalah lebih tinggi dari kos dana bank-bank komersial. Bagi menyelaraskan peranannya dalam menyediakan pembiayaan jangka panjang untuk projek, pembiayaan yang ideal memerlukan pembiayaan jangka panjang dan ia melibatkan kos yang tinggi. Ini dibuat melalui penerbitan bon dan pinjaman berjangka. Deposit jangka pendek juga digunakan untuk membiayai jurang kecairan jangka pendek tetapi terhad kepada deposit daripada badan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan sahaja (seperti yang ditetapkan oleh DFIA). Seterusnya, BPMB tidak menikmati kos pembiayaan runcit yang rendah melalui akaun semasa dan akaun simpanan seperti bank perdagangan. Oleh itu, BPMB mengguna pakai campuran pembiayaan yang optimum bagi pembiayaan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk mengimbangi antara kos yang lebih rendah daripada dana jangka pendek dan mengurangkan risiko pembiayaan.

Pada pendapat Audit, pembiayaan jangka panjang boleh memberi kesan terhadap kos pembiayaan dana seterusnya memberi kesan terhadap faedah dikenakan dan kemampuan daya saing dengan bank tempatan yang lain. Jumlah deposit yang besar dari sumber yang sama juga boleh memberi kesan terhadap dana sekiranya pendeposit tersebut mengeluarkan simpanan sekali gus.

12.5.3.2. Pengurusan Pinjaman

- a. Keutamaan pemilihan sektor untuk diberikan pinjaman adalah berdasarkan sektor yang mempunyai nilai strategik kepada negara. Kriteria pemilihan projek juga menekankan sumbangan terhadap produktiviti sosioekonomi,

kestabilan ekonomi negara, pembangunan infrastruktur dan pemuliharaan alam sekitar. Di samping itu, keutamaan juga diberikan kepada teknologi baru yang dibangunkan di dalam negara ataupun teknologi luar Negara yang baru diperkenalkan. Bagi pembayaran balik pinjaman pula, perenggan 1.10 *Credit Operating Guidelines* menyatakan tempoh pembayaran balik hendaklah ditentukan berdasarkan aliran tunai projek, jangka hayat ekonomi aset yang dibiayai atau terma pembayaran balik yang ditetapkan oleh pembekal dana. Had peratusan kelulusan pinjaman bagi setiap sektor bagi tahun 2011 dan 2012 ditetapkan berdasarkan jumlah keseluruhan pinjaman. Secara dasarnya tempoh pembayaran dan had peratusan pinjaman mengikut kelulusan projek adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.12
TEMPOH PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN**

SEKTOR	HAD PINJAMAN (%)	TEMPOH MAKSIMUM BAYARAN BALIK (TAHUN)
Infrastruktur	30 - 35	25
Maritim	40 - 45	15 - 18
Teknologi, Minyak dan Gas	20 - 25	15 - 18

Sumber : Credit Operating Guideline (COG) BPMB

- b. Semakan Audit terhadap portfolio pelanggan BPMB mendapati lebih 40% pelanggan BPMB diluluskan dengan tempoh pembiayaan melebihi 10 tahun seterusnya mengakibatkan tempoh matang pinjaman yang panjang. Pinjaman jangka masa panjang akan mendedahkan BPMB kepada risiko pinjaman menjadi terjejas. Tempoh pinjaman pelanggan BPMB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.13
TEMPOH PINJAMAN PELANGGAN**

TEMPOH PINJAMAN	2010		2011		2012	
	BILANGAN PEMINJAM	PERATUS (%)	BILANGAN PEMINJAM	PERATUS (%)	BILANGAN PEMINJAM	PERATUS (%)
1 - 3 Tahun	27	10.3	30	9.6	37	10.7
4 - 9 Tahun	112	42.8	140	44.6	160	46.4
10 Tahun Ke Atas	123	46.9	144	45.8	148	42.9
JUMLAH	262	100	314	100	345	100

Sumber : Data Peminjam BPMB

- c. Berdasarkan pecahan sektor pula, analisis Audit mendapati lebih 80% pinjaman yang diluluskan adalah bagi sektor infrastruktur di mana tempoh pinjaman adalah panjang iaitu sehingga 25 tahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 12.14**.
- d. Pemilihan portfolio pinjaman berjangka panjang mengakibatkan penurunan bayaran balik pinjaman di sektor infrastruktur pada tahun 2012. Semakan Audit mendapati bayaran balik pinjaman Sektor Infrastruktur telah menurun sejumlah RM1.337 bilion (50.2%) kepada RM1.326 bilion pada tahun 2012

berbanding dengan tahun 2011 yang berjumlah RM2.663 bilion. Pemilihan portfolio pinjaman berjangka masa panjang ini akan memberi kesan terhadap peningkatan NPL bagi syarikat. Walaupun pinjaman jangka panjang menyumbang kepada pendapatan faedah yang lebih tinggi berbanding pinjaman jangka pendek, tetapi risiko peminjam menanggung bayaran adalah lebih tinggi. Bayaran balik pinjaman mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.14
PECAHAN BAYARAN BALIK MENGIKUT SEKTOR**

SEKTOR	2010			2011			2012		
	PINJAMAN		BAYARAN	PINJAMAN		BAYARAN	PINJAMAN		BAYARAN
	(RM Juta)	(%)	2010 (Nov) (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	2012 (Nov) (RM Juta)
Infrastruktur	20,166	85.8	879.34	21,149	85.4	2,663.37	21,608	84.6	1,325.90
Maritim	1,808	7.7	497.95	2,169	8.8	441.19	951	3.7	272.60
Minyak dan Gas	-	-	-	-	-	-	1,260	4.9	236.90
Teknologi	1,530	6.5	70.78	1,435	5.8	108.14	1,728	6.8	153.40
JUMLAH	23,504	100	1,448.07	24,753	100	3,212.70	25,547	100	1,988.80

Sumber : Data Peminjam BPMB

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

BPMB memberi keutamaan pinjaman mengikut mandat yang diberikan oleh Kerajaan, yang melibatkan projek-projek kepentingan strategik negara dalam infrastruktur, teknologi, maritim dan sektor minyak serta gas. Projek ini secara amnya berisiko tinggi kepada alam semula jadi serta tempoh matang pinjaman yang panjang dan menyumbang kepada risiko kredit yang besar. BPMB akan terus mengimbangi portfolio dengan meningkatkan kualiti aset yang baik dan melaksanakan penambahbaikan proses perniagaan yang berterusan.

Pada pendapat Audit BPMB berhadapan risiko tinggi terhadap peningkatan pinjaman tidak dibayar disebabkan tempoh pembayaran yang panjang dan projek berteknologi tinggi serta baru.

12.5.3.3. Pengurusan Cagaran Pinjaman

- Cagaran adalah satu kaedah keselamatan yang diguna pakai oleh BPMB sebagai jaminan atas pinjaman yang diberikan. Cagaran yang diterima oleh BPMB adalah seperti tanah, debentur atas aset tetap atau terapung, jaminan bank, bon pelaksanaan, jaminan korporat, gadai janji atas aset dibiayai dan caj tetap undang-undang ke atas aset lain kepunyaan pelanggan. Berdasarkan *Credit Operating Guidelines*, penentuan nilai cagaran untuk tujuan penilaian kemudahan adalah berdasarkan cagaran terhadap pengiraan nilai untuk aset disusut nilai dan bukan disusut nilai. Contohnya,

margin bagi pembiayaan kapal ditentukan semasa nilai pasaran kapal berada di bawah jumlah pembiayaan yang berjaya. Sekiranya nilai cagaran adalah tidak mencukupi untuk menjamin jumlah pembiayaan yang berjaya, peminjam hendaklah menyediakan cagaran tambahan lain untuk memenuhi syarat jaminan yang diperlukan atau membayar sebahagian pendahuluan bagi jumlah kemudahan yang berjaya untuk mencapai syarat jaminan yang diperlukan.

- b. Analisis Audit mendapati sejumlah RM25.844 bilion pinjaman melibatkan 201 syarikat telah diluluskan pada tahun 2010 dengan kadar cagaran 7.5%. Pada tahun 2011 dan 2012, peratus jumlah cagaran didapati menurun kepada 4.9% dan 3.4% masing-masing. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.15
PERBANDINGAN JUMLAH DILULUS DAN JUMLAH CAGARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

TAHUN	2010	2011	2012
Bilangan syarikat	201	168	214
Jumlah diluluskan (RM Juta)	25,844.73	23,485.80	24,728.85
Jumlah cagaran (RM Juta)	1,943.75	1,148.77	842.02
PERATUS JUMLAH CAGARAN (%)	7.5	4.9	3.4

Sumber : Data Peminjam BPMB

- c. Semakan Audit terhadap 6 sampel pinjaman dalam sektor maritim berjumlah RM282.11 juta mendapati cagaran bagi pinjaman tersebut adalah kapal yang dibiayai melalui pinjaman yang diperolehi yang dikategorikan sebagai NPL.
- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap 2 fail iaitu MRT:2008(61102)/4 dan MRT:2008(61102)/8 mendapati perkara berikut:
- i. pada 16 Oktober 2007, BPMB telah meluluskan Kemudahan Pinjaman Bai' Istisna berjumlah RM40 juta kepada peminjam (MRT:2008(61102)/8) untuk membiayai sebahagian kos pembinaan dan pembelian 1 unit kapal tangki minyak baru 7,000 *Dead Weight Tone* (DWT) berharga USD14.80 juta yang terlibat dalam pengangkutan petroleum bersih bagi syarikat minyak. Kapal pertama telah diterima pada 22 Disember 2008;
 - ii. pada 2 Julai 2008, BPMB meluluskan kemudahan pinjaman kedua Bai' Istisna berjumlah RM39 juta kepada sebuah syarikat berkaitan dengan MRT:2008(61102)/8 iaitu MRT:2008(61102)/4. Perolehan kapal kedua adalah sebahagian daripada rancangan pengembangan syarikat untuk memiliki lebih banyak kapal pada masa hadapan. Kapal telah diterima pada bulan Disember 2009. BPMB pada 18 Ogos 2009 telah menjadualkan semula kedua-dua kemudahan pinjaman dan meluluskan modal kerja tambahan berjumlah RM5 juta dan RM3 juta masing-masing.

Modal kerja tambahan adalah untuk mengurangkan defisit aliran tunai yang berpunca daripada kerja naik taraf kapal pertama; dan

- iii. krisis ekonomi global pada tahun 2009 telah mempengaruhi kadar caj pengangkutan pelayaran dan jumlah pergerakan kargo di rantau ini. Oleh itu, hasil yang diperoleh dari pelayaran pada tahun 2009 hanya cukup untuk menampung kos krew dan operasi harian kapal. Hal ini menyebabkan kedua-dua syarikat gagal membuat bayaran balik pinjamannya dan kini BPMB telah mengambil alih pemilikan kapal yang dicagarkan dan menunggu proses lelong.
- e. Semakan Audit juga mendapati berlaku kelemahan dalam pengurusan pengambilalihan kapal seperti berikut:
- i. pinjaman terkumpul kedua-dua syarikat kapal pada 31 Disember 2012 adalah masing-masingnya RM47.65 juta (Prinsipal: RM41.82 juta; faedah: RM5.83 juta) dan RM47.94 juta (Prinsipal: RM42.58 juta; faedah:RM5.36 juta);
 - ii. di samping kos pinjaman yang gagal dibayar oleh kedua-dua syarikat, BPMB juga terpaksa menanggung kos pengambilalihan berjumlah RM3.43 juta bagi kedua-dua kapal tersebut. Oleh itu, kos keseluruhan yang perlu ditanggung oleh BPMB bagi pinjaman ini adalah berjumlah RM99.02 juta yang melibatkan kos mendapatkan semula kapal dan baki hutang yang tidak dijelaskan. BPMB juga dikhuatiri menanggung risiko kerugian jika harga pasaran kapal yang dijual adalah rendah berbanding jumlah kos yang perlu ditanggung; dan
 - iii. pihak Audit telah membuat pemeriksaan fizikal terhadap kedua-dua kapal berkenaan pada 16 Disember 2012 dan mendapati keadaan fizikal kapal ini adalah kurang memuaskan di mana enjin utama kapal Menara Satu yang rosak, tidak beroperasi dan sedang dalam pembaikan. Keadaan kapal ketika lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.1



GAMBAR 12.2



*Kapal Menara Satu
- Enjin Kapal Mengalami Kerosakan
(16.12.2012)*

GAMBAR 12.3



GAMBAR 12.4



Kapal Menara Satu
- Peralatan Radar Yang Tidak Berfungsi Sepenuhnya
(16.12.2012)

GAMBAR 12.5



GAMBAR 12.6



Kapal Menara Satu
- Sistem Compressor Hawa Dingin Tidak Berfungsi Dengan Baik
(16.12.2012)

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

BPMB menyedari sepenuhnya keadaan kapal yang diambil alih berdasarkan khidmat nasihat yang diberikan oleh Ship Manager. Pemilik kapal/peminjam adalah bertanggungjawab terhadap kos pembaikan. Bagaimanapun mereka menghadapi masalah kewangan dan tidak membaiki kerosakan yang berlaku. Perkara ini adalah salah satu sebab mengapa kapal tersebut tidak dapat beroperasi dan menyebabkan pinjaman terjejas.

Berikutan dengan pasaran perkapalan yang kurang memberangsangkan, pemilik memutuskan untuk memberhentikan perniagaan. Sebagaimana nasihat Ship Manager dan penasihat undang-undang BPMB, untuk mengelakkan kos yang ditanggung bertambah, BPMB tidak meneruskan untuk membaiki kapal tersebut dan mengambil keputusan untuk pihak mahkamah membuat keputusan dan menjual atas dasar 'as is where is'.

Mahkamah telah membenarkan kedua-dua kapal dijual.

Pada pendapat Audit, cagaran yang mencukupi adalah penting bagi melindungi kepentingan BPMB dan jika didapati nilai cagaran merosot atau di bawah nilai baki hutang, maka cagaran luaran atau tambahan boleh diambil sebagai langkah keselamatan.

12.5.3.4. Projek Biodiesel

a. Pada tahun 2006, Kerajaan telah mengumumkan rancangan untuk menggalakkan penggunaan biodiesel berasaskan kelapa sawit. Semasa proses penilaian, Dasar Biofuel Negara sedang digubal, yang memperuntukkan campuran biodiesel kelapa sawit sebagai mandatori menjelang tahun 2007. Campuran biodiesel kelapa sawit di Malaysia akan terdiri daripada 5% (dikenali sebagai B5) yang mana minyak sawit diproses dicampurkan dengan diesel petroleum. Pinjaman kepada industri biodiesel adalah di bawah sektor teknologi bagi pemuliharaan alam sekitar. Industri biodiesel adalah industri tenaga hijau berasaskan penggunaan kelapa sawit yang diproses. Penilaian terhadap projek industri baru perlu dilakukan secara teliti kerana ini melibatkan risiko kegagalan yang tinggi. Sehingga akhir tahun 2012 daripada RM467.80 juta pinjaman yang diluluskan sejumlah RM318.31 juta (68%) telah diberikan kepada 7 peminjam dalam industri biodiesel. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.16
PINJAMAN PROJEK BIODIESEL**

NO. RUJUKAN FAIL	TARIKH DILULUSKAN	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN YANG DIBERI (RM Juta)	JUMLAH BAKI PINJAMAN TERTUNGGAK (RM Juta)	STATUS SYARIKAT NPL (Ya/Tidak)	CATATAN
HTEC/GCRE:2006 (23200)/1	01.12.2006	100.00	64.19	64.19	Ya	-
HTEC:2006(23200)/5	01.12.2006	68.00	45.24	-	Ya	Pinjaman telah dihapus kira
HITEC:2006(23200)/6	01.12.2006	70.00	56.65	56.65	Ya	-
HTEC:2006(23200)/3	18.12.2007	17.30	13.57	13.57	Ya	-
HTEC:2006(23200)/3	28.02.2007	69.00	58.74	58.74	Ya	-
HTEC:2007(23200)/1	28.02.2007	67.50	42.87	42.87	Tidak	Bayaran mengikut jadual
HTECH:2006(23200)/8	28.02.2007	76.00	37.05	37.05	Ya	-
JUMLAH		467.80	318.31	273.07	-	-

- b. Semakan Audit mendapati 6 daripada 7 syarikat berkenaan menghadapi masalah operasi dan seterusnya menjejaskan pembayaran balik pinjaman berjumlah RM273.07 juta. Kesemua 6 syarikat ini didapati gagal menjelaskan keseluruhan jumlah pinjaman yang diterima dari BPMB. Syarikat biodiesel menghadapi masalah untuk beroperasi kerana peningkatan harga kelapa sawit mentah di pasaran yang menyebabkan kos operasi meningkat.
- c. Pihak Audit telah membuat lawatan fizikal ke Kemaman, Kuantan serta Johor Bahru dan mendapati loji biodiesel tidak beroperasi dan kemudahan yang disediakan juga tidak digunakan. Terdapat peralatan loji telah rosak akibat vandalisme. Kedudukannya ketika lawatan pasukan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 12.7



*Salah Satu Syarikat Biodiesel, Kemaman
- Loji Biodiesel Tidak Beroperasi
(21.12.2012)*

GAMBAR 12.8



GAMBAR 12.9



*Salah Satu Syarikat Biodiesel Gebeng, Kuantan
- Bilik Operasi Loji Biodiesel, Tidak Beroperasi
(20.12.2012)*

GAMBAR 12.10



*Salah Satu Syarikat Biodiesel Gebeng, Kuantan
- Loji Biodiesel (Kerosakan Akibat Vandalisme)
(20.12.2012)*

GAMBAR 12.11



*Salah Satu Syarikat Biodiesel, Kemaman
- Loji Biodiesel Tidak Beroperasi
(21.12.2012)*

GAMBAR 12.12



*Salah Satu Syarikat Biodiesel, Johor Bahru
- Loji Biodiesel Tidak Beroperasi
(23.12.2012)*

- d. Semakan Audit terhadap 5 sampel syarikat yang dikategorikan sebagai NPL mendapati cagaran bagi pinjaman berkenaan adalah tanah, bangunan dan loji. Memandangkan loji adalah direka khusus untuk industri biodiesel maka harga pasaran aset terkini adalah rendah. Semakan Audit selanjutnya mendapati risiko industri yang dikenal pasti ketika proses kelulusan awal ialah dengan unjuran bahawa industri biodiesel di Malaysia akan jatuh mendadak disebabkan permintaan telah berkurangan. Ini disebabkan oleh kelembapan ekonomi dan harga minyak sawit mentah yang lebih tinggi berbanding harga minyak mentah. Ia juga menyatakan bahawa banyak pengeluar akan berhenti menghasilkan biodiesel apabila mencecah RM2,000 bagi setiap tan. Bagaimanapun, permohonan diluluskan dengan berpandangan projek ini akan berjaya kelak.

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

Pada tahun 2006, Kerajaan telah mengumumkan pelan tindakan untuk memperkasakan kegunaan biodiesel berasaskan kelapa sawit. Pada masa yang sama, Dasar Biodiesel Negara sedang dirangka ketika itu. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), telah mengeluarkan sebanyak 98 lesen kepada Pengeluar biodiesel berpotensi di Malaysia bagi memenuhi program B5. Walaupun projek itu dianggap baru di Malaysia, kajian yang menyeluruh telah dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan sebelum memperkenalkan Dasar Biodiesel Negara.

Dalam menyediakan cadangan itu, maklumat yang diperlukan telah dikumpul daripada sumber-sumber yang berkaitan seperti Lembaga Biodiesel Eropah, Lembaga Biodiesel Kebangsaan (AS), Lembaga Minyak Sawit Malaysia, MIDA dan lain-lain sebagai sebahagian daripada proses penilaian BPMB.

Berdasarkan laporan badan bebas yang disediakan oleh Frost & Sullivan dan Goldman Sach, mereka berpendapat bahawa industri biodiesel akan menjadi kenyataan dan mencapai kejayaan.

Berdasarkan penilaian tersebut, BPMB berpendapat bahawa maklumat yang ada untuk menilai projek ini adalah mencukupi untuk mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan projek itu pada masa itu.

Harga biodiesel berubah-ubah tertakluk kepada harga minyak sawit mentah (MSM) atau bahan mentah yang lain. Oleh kerana semua projek biodiesel yang dibiayai oleh BPMB akan menggunakan MSM sebagai bahan mentah, projek tersebut telah terjejas dengan teruk akibat peningkatan harga minyak sawit mentah. Harga minyak sawit mentah mencecah rekod tertinggi pada tahun 2009 kepada harga RM4,486 setiap

tan metrik, berbanding dengan harga biodiesel sejumlah RM4,700. Akibatnya, ini telah merencatkan rancangan untuk memulakan operasi komersial. Sehingga kini, program B5 masih belum dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan yang telah menyebabkan projek-projek yang sedia ada tidak dapat diteruskan.

Pada pendapat Audit bagi setiap projek ataupun pembiayaan, pihak BPMB perlulah menilai daya maju projek secara komprehensif.

12.5.3.5. Non-Compliance Covenants

- a. Pengeluaran pinjaman hanya boleh dibuat apabila *Notice Complete Security Documentation* (NCSD) dikeluarkan oleh pihak undang-undang; memenuhi syarat terdahulu (CP) dan syarat pembayaran; mematuhi perjanjian yang diguna pakai; semakan kredit yang memuaskan; pengeluaran Sijil Pematuhan dalam tempoh *Availability Period* (AP) atau apa-apa perubahan mengenainya dan disokong oleh Laporan Teknikal yang mana berkenaan. AP adalah tempoh yang diberikan kepada peminjam bagi melengkapkan dokumentasi setelah surat tawaran dikeluarkan sebelum sesuatu pembayaran pinjaman dibuat. Dalam tempoh ini pihak peminjam hendaklah melengkapkan dokumen yang diperlukan. Surat tawaran pinjaman akan luput dalam tempoh 3 bulan jika maklumat dan dokumen gagal diserahkan dengan lengkap.
- b. Analisis terhadap kedudukan akaun pinjaman pada akhir tahun 2010 hingga 2012 mendapati 55, 31 dan 45 daripada 315, 324 dan 344 bilangan akaun pinjaman tidak dilengkapkan dengan dokumen yang diperlukan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.17
AKAUN PINJAMAN TIDAK LENGKAP**

PERKARA	2010	2011	2012
Lengkap	260	293	299
Tidak Lengkap	55	31	45
BILANGAN AKAUN	315	324	344

Sumber : Akaun Pinjaman Peminjam BPMB

- c. Analisis lanjut terhadap pinjaman yang tidak lengkap mendapati berpunca daripada beberapa faktor antaranya akibat kelewatan serahan akaun pengurusan, akaun diaudit, insurans dan lain-lain. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.18
BUTIRAN AKAUN YANG TIDAK LENGKAP**

PERKARA	2010	2011	2012
Serahan Akaun Pengurusan	24	15	17
Serahan Akaun Diaudit	24	15	18
DSRA/FSRA	6	3	1
Insurans	13	5	1
Nisbah Kewangan	11	12	16
Serahan Penilaian/ Kaji Selidik/Laporan Kemajuan	14	5	21
Serah masuk wang ke dalam Akaun <i>Sinking Fund</i>	5	0	1
Lain-lain	8	3	4
JUMLAH	105	58	79

Sumber : *Akaun Pinjaman Peminjam BPMB*

Nota : *DSRA - Debt Service Reserve Account*

FSRA - Financing Service Reserve Account

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati BPMB tidak mengambil tindakan untuk membatalkan tawaran selepas 3 bulan seperti yang ditetapkan. Sebaliknya telah mengambil ketetapan bagi melanjutkan masa bagi membolehkan dokumentasi dapat dilengkapkan. Adalah didapati tempoh kelewatan penyerahan dokumen oleh 17 peminjam bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah di antara 3 hingga 13 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.19
AVAILABILITY PERIOD (AP)**

NO. RUJUKAN FAIL	AMAUN PINJAMAN (RM Juta)	TARIKH SURAT TAWARAN	TARIKH DOKUMEN DILENGKAPKAN	TEMPOH KELEWATAN (selepas tempoh 3 bulan)
2010				
HTEC:2009(40100)/1	62.50	12.01.2010	18.10.2010	6 Bulan 6 Hari
INF:2009(55101)/12	92.50	03.03.2010	15.10.2010	4 Bulan 12 Hari
INF:2010(55101)/1	4.50	03.03.2010	28.09.2010	3 Bulan 25 Hari
MRT:2010(61102)/2	110.00	10.03.2010	06.05.2011	1 Tahun 1 Bulan 26 Hari
MRT:2006(61102)/15-3	110.00	10.03.2010	06.05.2011	1 Tahun 1 Bulan 26 Hari
INF:2009(55101)/10	42.00	23.03.2010	07.01.2011	6 Bulan 15 Hari
MRT:2010(61102)/1	20.80	19.04.2010	29.11.2010	4 Bulan 10 Hari
HTEC:2006(27100)/1-2	55.48	21.06.2010	24.02.2011	5 Bulan 3 Hari
MRT:2010(61101)/2	42.24	17.06.2010	29.12.2010	3 Bulan 12 Hari
INF:2010(45202)/3	334.98	16.08.2010	06.05.2011	5 Bulan 21 Hari
INF:2010(45202)/7	179.09	27.10.2010	06.06.2011	4 Bulan 10 Hari
INF:2010(45202)/4	269.58	27.10.2010	05.07.2011	5 Bulan 8 Hari
2011				
TECHNO:2010(28292)/1	42.71	09.05.2011	19.01.2012	5 Bulan 10 Hari
INF:2011(55101)/4	8.00	24.06.2011	03.02.2012	4 Bulan 10 Hari
INF:2010(55101)/1	54.00	12.01.2012	25.10.2012	6 Bulan 13 Hari

NO. RUJUKAN FAIL	AMAUN PINJAMAN (RM Juta)	TARIKH SURAT TAWARAN	TARIKH DOKUMEN DILENGKAPKAN	TEMPOH KELEWATAN (selepas tempoh 3 bulan)
INF:2011(55101)/7	14.00	09.11.2011	14.11.2012	9 Bulan 5 Hari
2012				
INF:2012(55101)/2	50.00	14.03.2012	28.09.2012	3 Bulan 15 Hari

Sumber : Fail Peribadi Peminjam BPMB

Kelewatan ini berlaku akibat penyerahan dokumen yang tidak lengkap seperti tidak disertakan kelulusan arahan pembangunan dan lesen daripada pihak berkuasa yang berkaitan, tanah dicaj kepada perkara tertentu dan dokumen yang diperlukan melibatkan pihak luar negara. Bagi mengatasi masalah ini, BPMB telah membuat ketetapan bagi melanjutkan masa untuk membolehkan dokumentasi dapat dilengkapkan.

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

Pinjaman yang tidak mematuhi perjanjian dipantau melalui langkah-langkah seperti pengeluaran peringatan berkala, pendahuluan oleh Bank bagi melunaskan bayaran premium Insurans, cukai tanah dan laporan penilaian untuk melindungi kepentingan Bank, menangguhkan pengeluaran pinjaman sehingga semua perjanjian dipatuhi, lawatan ke premis peminjam dan mendapatkan pengecualian sementara daripada pihak berkuasa yang meluluskan perkara belum dipatuhi.

Pada pendapat Audit, peraturan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi untuk memastikan kepentingan BPMB terjamin sekiranya berlaku sesuatu perkara yang melibatkan perundangan. Selanjutnya BPMB hendaklah mewujudkan satu mekanisme bagi memastikan peminjam mengemukakan dokumen yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan seperti mengenakan caj tambahan kepada peminjam yang lewat menyerahkan dokumen penilaian.

12.5.3.6. Penjadualan Semula Pinjaman

- Penjadualan semula pinjaman adalah salah satu proses ubah suai pembayaran balik tanpa mengubah terma dan syarat utama kontrak dengan ketara. Antaranya adalah melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman, pembiayaan atau permodalan faedah sebagai prinsipal dan penangguhan atau tempoh moratorium. Ini dapat membantu peminjam mengatasi masalah pinjaman kewangan jangka pendek terutamanya prospek jangka panjang perniagaan atau projek dianggap berdaya maju. *Revision of Restructured and Rescheduled Guideline* (RRG) menyatakan penjadualan semula

pinjaman adalah tertakluk kepada maksimum 3 kali dalam tempoh 5 tahun di mana permohonan ketiga tersebut memerlukan kelulusan *Credit Committee Board* (CCB).

- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 26 pinjaman yang telah di jadual dan distrukturkan semula masih gagal dalam pembayaran balik pinjaman dan dikategorikan sebagai terjejas. Butirannya adalah seperti di **Jadual 12.20**. Selain terdapat 14 peminjam tidak mengemukakan tarikh cadangan bagi penstrukturan dan penjadualan semula untuk semakan Audit.

JADUAL 12.20
SYARIKAT YANG GAGAL MEMBAYAR PINJAMAN
SETELAH PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA

NO. RUJUKAN FAIL	TARIKH DILULUSKAN	TARIKH PEMINDAHAN	TARIKH PENYEDIAAN CADANGAN PEMULIHAN	STATUS
2010				
S-PINF:2000(70101)/2	27.05.2010	01.06.2010	-	Terjejas
HITECH:2006(23200)/6	01.09.2010	28.09.2010	C/R - 08.07.2010	Terjejas
BIT/MTLD/HXI/(2005)003	26.10.2010	03.11.2010	-	<i>Foreclosed</i>
HTEC/GCRE:2006(23200)/1	26.10.2010	22.10.2010	<i>Legal action to be initiated</i>	Terjejas
MRT:2008(61102)/8	-	24.06.2010	-	Terjejas
MRT:2008(61102)/4	-	24.06.2010	-	Terjejas
MRT:2005(35110)/1	27.05.2010	28.06.2010	-	Terjejas
HTEC:2007(40100)/1-2	01.09.2010	12.10.2010	C/R - 01.09.2010	Terjejas
HTEC:2006(23200)/3	10.11.2010	06.01.2010	C/R - 10.11.2010	Terjejas
SK-PINF:2005(F45203)/3	26.10.2010	19.11.2010	C/R - 26.10.2010	<i>Foreclosed</i>
INF:2007(45203)/1	-	03.12.2010	<i>Foreclosed</i>	<i>Foreclosed</i>
HTEC:2007(17299)/1	16.12.2010	23.12.2010	C/R - 16.12.2010	<i>Foreclosed</i>
2011				
HTEC:2006(23200)/3	01.09.2010	18.01.2011	C/R - 10.05.2010	Terjejas
SK-PINF:2006(55101)/3	18.11.2011	05.12.2011	C/R - 18.11.2011	Terjejas
SK-PINF:2005(45309)/1	28.04.2011	24.05.2011	20.05.2011	Terjejas
MRT/SK-PINF-2005 (61102) /1-2	-	19.07.2011	<i>Foreclosed</i>	<i>Foreclosed</i>
CRRE/RE/LFC911/2	06.04.2011	20.05.2011	C/R - 06.04.2011	Terjejas
S-PINF:99(7116)/07	26.03.2012	19.04.2012	26.03.2012	Terjejas
HTEC;2005(21010)1/2	10.11.2010	14.01.2011	10.11.2010	Terjejas
PINF:2005(92499)/1	10.08.2011	18.08.2011	08.05.2011	Terjejas
MRT:2006(61103)/2	-	19.07.2011	-	<i>Foreclosed</i>
2012				
TECHNO:2010(28292)/1	07.06.2012	18.06.2012	-	<i>Foreclosed</i>
BITMB/MTLD/MTT/2005/002 MRT:2009(61109)/11	23.07.2012	25.07.2012	Ijarah - 01.02.2008, 04.02.2012 <i>Leasing</i> - 14.05.2012	Terjejas
MRT:2001(61102)/4-2	05.11.2012	08.11.2012	C/R - 30.07.2012	Terjejas
HTEC:2005(33110)/1	11.09.2012	24.09.2012	C/R - 22.12.2012	Terjejas

Sumber : Fail Peribadi Peminjam BPMB

- c. Analisis terhadap 104 syarikat peminjam untuk mengenal pasti kekerapan Penjadualan Dan Penstrukturan Semula (R&R) dilaksanakan mendapati 10 syarikat telah diberikan R&R melebihi 3 kali dalam tempoh 5 tahun.

**JADUAL 12.21
KEKERAPAN PENJADUALAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA (R&R)**

KEKERAPAN R & R	BILANGAN SYARIKAT
1	68
2	17
3	9
4	7
5	2
6	1

Sumber : Fail Peribadi Peminjam BPMB

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 30 September 2013

Pinjaman di jadual semula kekal sebagai status terjejas walaupun selepas penjadualan semula diluluskan sehingga kelulusan diperoleh untuk mengklasifikasikan semula akaun tersebut. Pinjaman di jadual semula yang masih terjejas sebahagian besarnya dipengaruhi oleh ketidaktentuan dasar Kerajaan mengenai biodiesel, kemerosotan industri perkapalan yang menjejaskan kadar sewa, projek teknologi tinggi yang menggunakan teknologi baru yang memerlukan masa untuk beroperasi sepenuhnya atau untuk menembusi pasaran dan situasi projek infrastruktur seperti lebuh raya yang belum mencapai bilangan pengguna seperti disasarkan dan seterusnya memerlukan lanjutan masa bagi mencapai sasaran. BPMB memainkan peranan pembangunannya dengan memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat melalui Penjadualan Dan Penstrukturan Semula (R&R) sehingga projek stabil. Tindakan undang-undang hanya akan diambil setelah tiada jalan lain bagi mendapat balik bayaran pinjaman. Garis panduan BPMB mengenai penstrukturan semula perlu memenuhi garis panduan BNM. Memandangkan BPMB dikawal selia oleh BNM, kesemua akaun termasuk akaun di jadual semula BPMB diaudit oleh BNM.

Pada pendapat Audit, keberkesanan pengurusan R&R adalah penting bagi memastikan pinjaman dapat di struktur dan pembayaran balik pinjaman dapat dilakukan. Ini bagi mengelakkan pinjaman menjadi terjejas seterusnya memberi kesan terhadap aliran tunai BPMB. BPMB hendaklah memastikan R&R dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

12.5.3.7. Group Credit Recovery (GCR)

- a. GCR secara dasarnya berfungsi untuk mengurus segala aktiviti pemulihan pinjaman secara berkesan bagi mengurangkan NPL. Ini dilakukan dengan mengambil usaha yang berterusan mengutip baki tunggakan bayaran balik

pinjaman. Berdasarkan polisi yang ditetapkan, pinjaman yang terjejas boleh dihapus kira jika memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu akaun terjejas melebihi tempoh 2 tahun, akaun yang telah diklasifikasikan sebagai *foreclosed* (terminated) dan akaun telah diperuntukkan akan terjejas.

- b. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012 terdapat 5 kes pinjaman di bawah penyelesaian penuh dan terakhir. Bagaimanapun terdapat 2 syarikat masih mempunyai baki tertunggak berjumlah RM30.62 juta dan gagal diselesaikan sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.22
AKTIVITI PEMULIHAN (PENYELESAIAN PINJAMAN PENUH DAN TERAKHIR)

TAHUN	NO. RUJUKAN FAIL	JUMLAH BAKI (RM Juta)	STATUS
2011	MRT:2006(61102/14)	18.11	- Penyelesaian berjumlah RM5.43 juta. - Masih menunggu kelulusan permohonan pinjaman dengan Bank SME.
2012	MRT:2001(61102)/4-2	12.51	Menunggu pengesahan oleh CCB setelah GCCA meluluskan jumlah penyelesaian penuh dan muktamad pada 26.11.2012.
JUMLAH		30.62	-

Sumber : Fail Peribadi Peminjam BPMB

Nota : CCB - Credit Committee B

GCCA - Group Credit Committee A

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi baki yang tidak dapat diselesaikan, aktiviti pemulihan akan dilakukan secara perundangan. Sejumlah RM129.36 juta telah dihapus kira sehingga kini dan terdapat baki yang masih tertanggung kerana kes perundangan. Bagi aktiviti pemulihan di bawah perundangan pula, sejumlah RM47.99 juta (6.6%) baki pinjaman berjaya diselesaikan berbanding RM724.71 juta keseluruhan baki pinjaman. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.23
AKTIVITI PEMULIHAN (DI BAWAH KES PERUNDANGAN)

NO. RUJUKAN FAIL	BAKI PINJAMAN (RM Juta)	JUMLAH YANG BERJAYA DISELESAIKAN (RM Juta)	CATATAN	STATUS TERKINI
S-PINF:2000(70101)/2	329.06	6.0	Masih dalam tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang masih diteruskan terutama pada kenyataan saksi.
HTEC:2007(31900)/2	13.72 (Written Off)	6.22	-	Semua tindakan undang-undang selesai.
HTEC:2006(23200)/5	57.89	0	Masih dalam tindakan undang-undang dan caj dikenakan bagi tanah yang dirampas	Tindakan undang-undang dan pelupusan aset masih diteruskan.
HTEC:2007(17299)/1	1.08 (Written Off)	0.16	-	Semua tindakan undang-undang selesai.
HTEC:2007(18200)/1	13.21 (Written Off)	0.06	Berterusan mengutip dari akaun yang ditetapkan	Semua tindakan undang-undang selesai.
MRT:2005(35110)/1	33.26	7.16	Masih dalam tindakan undang-undang dan caj dikenakan bagi tanah yang dirampas	Mendengar permohonan Pengesahan Perintah Mahkamah Untuk Jual: 2/7/2013. Tiada penglibatan saksi.
MRT:2006(61102)16	35.86 (Written Off)	9.36	Masih dalam penguatkuasaan Pertimbangan Prosiding	Semua tindakan undang-undang selesai.

NO. RUJUKAN FAIL	BAKI PINJAMAN (RM Juta)	JUMLAH YANG BERJAYA DISELESAIKAN (RM Juta)	CATATAN	STATUS TERKINI
BIT/MTLD/HXI/(2005)003	42.85 (Written Off)	3.15	Masih dalam tindakan rampasan kapal	Semua tindakan undang-undang selesai.
SK-PINF:2005(80301)/1	20.00	0	Masih dalam tindakan undang-undang	Peminjam telah menerima tawaran dan sedang melengkapkan dokumen.
MRT/SK-PINF-2005(61102)/1-2	0.88 (Written Off)	5.13	-	Semua tindakan undang-undang selesai.
INF:2007(45203)/1	7.69	0	Masih dalam tindakan undang-undang	Prosiding kebangkrapan terhadap penjamin.
INF:2006(55101)/5	21.76 (Written Off)	0	Masih dalam tindakan undang-undang	Tindakan perampasan atas tanah yang dikenakan di Sabah.
MRT:2006(61103)/2	TM	6.75	-	Semua tindakan undang-undang selesai.
SK-PINF:2006(55101)/3	52.35	0	Masih dalam tindakan undang-undang	Menunggu jawapan dari peminjam.
TECHNO:2010(28292)/1	40.69	0	Masih dalam tindakan undang-undang	Prosiding kebangkrapan dan penggulungan terhadap peminjam dan penjamin. Lelongan harta yang dikenakan pada 24 Jun 2013.
INF:2007(55101)/1	54.42	4.00	Terima 10% deposit daripada hutang yang berjumlah RM40 juta.	-
JUMLAH	724.71	47.99		

Sumber : Fail Peribadi Peminjam BPMB

Maklum Balas BPMB Yang Diterima Pada 6 Jun 2013

Berdasarkan semakan dasar Hapus Kira Pinjaman Terjejas/Pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah BPMB pada 27 Ogos 2012, semua pinjaman terjejas/pembiayaan tanpa mengira apa-apa tindakan pemulihan berterusan atau perkiraan pembayaran yang memenuhi semua kriteria berikut boleh dihapuskan sepenuhnya atau sebahagiannya iaitu sekiranya akaun terjejas berumur 2 tahun dan ke atas, akaun diklasifikasikan sebagai foreclosed (fully recalled/ditamatkan) dan akaun sepenuhnya diperuntukkan.

Pada pendapat Audit, peningkatan terhadap kes yang dihantar bagi tujuan pemulihan akan menambah kegagalan bayaran pinjaman secara tidak langsung di samping meningkatkan kos perundangan. BPMB hendaklah memastikan proses dibuat dengan teliti dengan mengambil kira kemampuan peminjam.

12.5.4. Pengurusan Kewangan Dan Tadbir Urus Korporat

12.5.4.1. Tadbir Urus Korporat

a. Ahli Lembaga Pengarah

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan tanggungjawab Lembaga Pengarah Syarikat Induk antaranya adalah menentukan dasar dan

operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Pengarah juga perlu membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat dengan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Secara puratanya, Ahli Lembaga Pengarah digalakkan bertemu untuk mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 6 hingga 8 kali setahun. Ahli Lembaga Pengarah di syarikat berkaitan Kerajaan mestilah tidak melebihi daripada 10 orang dan ahlinya mestilah tidak lebih dari 2 orang pengarah eksekutif dan sekurang-kurangnya satu per tiga ahli adalah bebas. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. Mesyuarat Lembaga Pengarah BPMB bagi tahun 2010 dan 2011 telah diadakan sebanyak 12 kali. Manakala bagi tahun 2012, Mesyuarat Lembaga Pengarah BPMB telah diadakan sebanyak 14 kali setahun. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah prestasi kewangan, aktiviti pinjaman dan pelaburan, aktiviti pembiayaan dana, pengurusan risiko dan khidmat sokongan;
- ii. bilangan keahlian Lembaga Pengarah BPMB adalah 10 orang bagi tahun 2010 dan 2011. Manakala pada tahun 2012 adalah 9 orang. Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah ke mesyuarat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah antara 77.8% hingga 100%;
- iii. berdasarkan senarai pembayaran elaun kepada Ahli Lembaga Pengarah pula, terdapat elaun tetap bulanan diterima oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Manakala elaun mesyuarat Lembaga Pengarah dan elaun mesyuarat Jawatankuasa diberikan berdasarkan kehadiran. Pembayaran elaun dibuat oleh Bahagian Kewangan berdasarkan senarai kehadiran mesyuarat yang ditandatangani oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang hadir. Tiada bayaran dibuat bagi Ahli Lembaga Pengarah yang tidak hadir ke mesyuarat tersebut. Kadar elaun mesyuarat Lembaga Pengarah, elaun mesyuarat Jawatankuasa dan elaun tetap bulanan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.24
KADAR ELAUN PENGARAH BAGI TAHUN 2010**

JAWATAN	ELAUN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH (RM)	ELAUN MESYUARAT JAWATANKUASA (RM)	ELAUN TETAP BULANAN (RM)
Pengerusi	1,000	1,000	10,000
Ahli	1,000	750	1,000

Sumber : Surat Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah BPMB

- iv. semakan Audit selanjutnya mendapati kadar elaun yang diterima bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah telah dinaikkan pada tahun 2011 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.25
KADAR ELAUN PENGARAH BAGI TAHUN 2011 DAN 2012**

JAWATAN	ELAUN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH (RM)	ELAUN MESYUARAT JAWATANKUASA (RM)	ELAUN TETAP BULANAN (RM)
Pengerusi	3,000	2,000	10,000
Ahli	2,000	2,000	3,000

Sumber : Surat Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah BPMB

b. Latihan Ahli Lembaga Pengarah

BPMB mengguna pakai amalan terbaik yang dinyatakan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2007 dengan menekankan setiap Ahli Lembaga Pengarah perlu mempunyai skil dan pengalaman bagi membantu dalam pengurusan strategik syarikat, pengurusan prestasi serta pengurusan sumber. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 Ahli Lembaga Pengarah BPMB telah menghadiri 1 hingga 5 kursus berkaitan tugas. Manakala bagi tempoh yang sama antara 2 hingga 3 pengarah tidak menghadiri sebarang kursus.

c. Mesyuarat Dan Jawatankuasa

Setiap tahun BPMB mengadakan 9 jenis mesyuarat utama iaitu Mesyuarat Lembaga Pengarah, Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, *Remuneration Committee*, *Nominating Committee*, *Credit Committee*, *Group Credit Committee A*, *Group Credit Committee B* dan *Syariah Committee*.

- i. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, BPMB telah mengadakan mesyuarat 6 hingga 57 kali daripada kekerapan yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 12.26
KEKERAPAN MESYUARAT YANG DIADAKAN DI BPMB**

NAMA JAWATANKUASA	BIL. AHLI		KEKERAPAN BERSIDANG SETAHUN	
	DITETAPKAN	SEBENAR	DITETAPKAN	SEBENAR
Lembaga Pengarah (Board Of Director)	Sekurang-kurangnya 7 tetapi tidak melebihi 12 <i>non - executive</i>	9 BOD <i>Non - executive</i>	12	14
<i>Audit and Examination Committee</i>	3 BOD <i>Non - executive</i>	5 BOD <i>Non - executive</i>	4	11
<i>Risk Management Committee</i>	3 BOD <i>Non - executive</i>	3 BOD <i>Non - executive</i>	6	6
<i>Remuneration Committee</i>	3 BOD <i>Non - executive</i>		1	6
<i>Nominating Committee</i>	Sekurang-kurang 5 Ahli (4 BOD <i>Non - executive</i>)	5 BOD <i>Non - executive</i>	1	8
<i>Credit Committee Board</i>	Sekurang-kurang 5 BOD	5 BOD	24 (dua kali sebulan atau perlu)	21

NAMA JAWATANKUASA	BIL. AHLI		KEKERAPAN BERSIDANG SETAHUN	
	DITETAPKAN	SEBENAR	DITETAPKAN	SEBENAR
<i>Group Credit Committee 'A'</i>	Ahli merupakan Ketua - ketua Bahagian yang ditetapkan oleh GMD	Ahli merupakan Ketua - ketua Bahagian yang ditetapkan oleh GMD	48 (mingguan atau perlu)	57
<i>Group Credit Committee 'B'</i>	Ahli merupakan Ketua - ketua Bahagian yang ditetapkan oleh GMD	Ahli merupakan Ketua - ketua Bahagian yang ditetapkan oleh GMD	24 (dua kali sebulan atau perlu)	15
<i>Syariah Committee</i>	Sekurang-kurangnya 5 Ahli dan 2/3 keahlian mesti mempunyai latar belakang syarikat	5 Ahli merupakan pakar-pakar syariah yang dilantik oleh BOD	6	6
JUMLAH			126	144

Sumber : Fail Minit Mesyuarat BPMB

Nota : TM - Tiada Maklumat

GMD - Group Managing Director

BOD - Board of Director

ii. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Ahli Jawatankuasa Risiko adalah dilantik di kalangan ahli Lembaga Pengarah tidak kurang dari 3 orang dan bermesyuarat 2 bulan sekali. Objektif penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah untuk memantau aktiviti Pengurusan Tertinggi dalam menguruskan aktiviti dan menentukan proses pengurusan risiko dilaksanakan sewajarnya dan berkesan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 kehadiran ahli Jawatankuasa Risiko dalam mesyuarat adalah antara 80% hingga 100%.

iii. Jawatankuasa Pencalonan

Ahli Jawatankuasa Pencalonan dilantik oleh Lembaga Pengarah mengandungi sekurang-kurangnya 5 orang di kalangan Lembaga Pengarah dan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Objektif penubuhan Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mengawasi kedudukan ahli Lembaga Pengarah dalam sesuatu penggal berdasarkan kemahiran, keseimbangan pengisian antara ahli Lembaga Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan bebas serta berkemahiran dan lain-lain kebolehan yang diperlukan melalui *review* tahunan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 17 mesyuarat telah diadakan dan kehadiran ahli ke mesyuarat adalah di antara 75% hingga 100%.

d. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan terhadap syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa Audit Dalam ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun serta salah seorang

anggotanya perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam urusan audit dan perakaunan. Para 5.2 pekeliling berkenaan menetapkan keahlian minimum adalah seramai 3 orang dan 2 orang ahli mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif manakala seorang lagi ahli terdiri daripada orang luar iaitu bukan pengarah serta bukan dari pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. sepanjang tempoh tahun 2010 hingga 2012, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat mengikut kekerapan ditetapkan dan peratus kehadiran adalah antara 50% hingga 100%. Antara perkara yang dibincangkan adalah penemuan Juruaudit Luar, penemuan Juruaudit Dalam, menyemak dan meluluskan rancangan tahunan Audit Dalam, menyemak dan menilai keberkesanan prosedur, kewangan serta pengurusan maklumat dan sistem pelaporan BPMB; dan
- ii. Bahagian *Group Audit & Examination* (Unit Audit Dalam BPMB) berperanan menyediakan jaminan secara bebas terhadap kecekapan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pemantauan terhadap pematuhan polisi dan peraturan serta membangkitkan penemuan terhadap sebarang ketidakpatuhan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 sebanyak 119 (68.8%) kajian telah di keluarkan daripada 173 kajian audit yang dirancang oleh Bahagian *Group Audit & Examination*.

12.5.4.2. Pengurusan Kewangan Syarikat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan syarikat perlu mengawal dengan rapi kos operasi dan peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit terhadap aspek utama Kawalan Perbelanjaan seperti Had Kuasa Berbelanja, Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Bayaran mendapati aspek had kuasa dan pengurusan baucar bayaran adalah pada tahap yang baik.

Pada pendapat Audit, peraturan dan prosedur yang ditetapkan hendaklah dipatuhi secara konsisten.

12.5.4.3. Pengurusan Sumber Manusia

a. Pembayaran Bonus

Mengikut perkara 5, terma dan syarat perkhidmatan, pemberian bonus adalah berasaskan prestasi dan rekod tatatertib eksekutif. BPMB menggunakan pakai skala prestasi staf sebagai asas pemberian bonus. Setelah *rating*

diberikan, perkadaran bonus mengikut bulan ditentukan berdasarkan perkiraan seperti di jadual berikut:

JADUAL 12.27
SKALA PEMARKAHAN PRESTASI
UNTUK BONUS DAN KENAIKAN GAJI TAHUNAN

SKALA	MARKAH	RATING	KADAR BONUS DITERIMA (Bil. Bulan)		
			2009	2010	2011
Cemerlang	90% & ke atas	5	TB	4	6
Sangat Memuaskan	75% - 89%	4	3.5	3.75	5.5
Memuaskan (tinggi)	60% - 74%	3H	3	3.5	4.5
Memuaskan		3	2.5	3	3.5
Kurang memuaskan	45% - 59%	2	1.5	0.5	0
Lemah	kurang 45%	1	0	0	0

Sumber : Penilaian Prestasi Tahunan BPMB

Nota : TB- Tidak Berkaitan

Semakan Audit terhadap *payroll* BPMB mendapati sepanjang tempoh tahun 2009 hingga 2011, kelulusan bayaran bonus dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan kelulusan tersebut telah memenuhi kriteria kelulusan dari Kementerian Kewangan. Semakan Audit selanjutnya terhadap 60 sampel bayaran bonus mendapati pembayaran bonus adalah mengikut perkadaran yang ditetapkan.

b. Latihan

Unit Latihan dan Pembangunan BPMB antara lain berfungsi sebagai pelaksana, pemudah cara dan pentadbir bagi latihan dan pembangunan kakitangan BPMB. Berdasarkan Garis Panduan Latihan dan Pembangunan Staf, kakitangan BPMB digalakkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya 2 hari latihan dalam tempoh setahun bagi staf eksekutif dan satu hari latihan dalam tempoh setahun bagi staf bukan eksekutif berkaitan program pembangunan diri. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 seramai 2 hingga 28 orang kakitangan BPMB menghadiri kursus kurang daripada hari yang sepatutnya.

Pada pendapat Audit, perancangan latihan yang disediakan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan latihan yang berterusan terhadap kakitangan dapat dicapai. Ini bagi memastikan kompetensi kakitangan adalah pada tahap yang maksimum.

12.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

12.6.1. bagi memastikan risiko terhadap sumber pembiayaan dana dapat diminimumkan sebaik mungkin, komposisi pinjaman hendaklah seimbang dan menyeluruh. Kebergantungan terhadap satu pembiaya dana akan memberi risiko pembiayaan yang tinggi sekiranya terdapat ketidakstabilan kewangan pada pembiaya tersebut;

12.6.2. penilaian terhadap projek dijalankan dengan mengambil kira semua faktor agar pinjaman yang diberikan dapat diselesaikan dengan berkesan;

12.6.3. untuk memastikan nilai cagaran mencukupi bagi menampung baki yang terhutang, sekiranya perlu cagaran luaran hendaklah diambil sebagai keselamatan tambahan dan sebagai perlindungan keselamatan daripada kegagalan projek;

12.6.4. pihak BPMB perlulah menilai daya maju projek secara komprehensif bagi memastikan pembiayaan yang berterusan dari aspek kualitatif serta kuantitatif syarikat tersebut;

12.6.5. BPMB perlu mematuhi peraturan penyerahan dokumen mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan BPMB terjamin sekiranya berlaku sesuatu perkara yang melibatkan perundangan;

12.6.6. penilaian dan pemantauan terhadap Penjadualan Dan Penstrukturan Semula (R&R) pinjaman dipertingkatkan supaya bayaran balik pinjaman lebih berkesan; dan

12.6.7. mengambil langkah proaktif untuk memastikan pinjaman dapat diselesaikan dalam proses pemulihan tanpa melalui kes perundangan yang akan meningkatkan kos kepada BPMB.

Maklum Balas Terkini Berkaitan Dengan Perenggan Ini Boleh Dirujuk Di Muka Surat 195 - 207
Laporan Maklum Balas Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Dan Aktiviti
Kementerian/Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dan
Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari
Bagi Tahun 2012 Siri 3

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih terdapat kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

- a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembedahan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta menjalankan pengauditan perolehan dan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan;
- b. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya:
 - i. pelaksanaan projek Kerajaan secara *design and build* dikaji semula memandangkan pelaksanaan projek seumpama ini melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding dengan projek secara konvensional. Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya hanya projek yang kompleks dan memerlukan kepakaran tertentu sahaja dibenar menggunakan kaedah ini. Perbendaharaan Malaysia dikehendaki mengeluarkan garis panduan pelaksanaan projek secara *design and build*. Selain itu, bagi menjamin

kepentingan Kerajaan, perunding bagi projek secara *design and build* perlu dilantik oleh Kerajaan. Di samping itu, Kementerian Kewangan perlu mengeluarkan peraturan dan arahan Kewangan bagi memasukkan klausa dalam dokumen tender bagi membolehkan Kerajaan mengeluarkan item-item yang terlalu mahal daripada harga pasaran dan dibuat perolehan melalui kaedah berasingan;

- ii. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknik. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*);
- iii. *integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;
- iv. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan;
- v. bagi membendung masalah program/aktiviti/projek Kerajaan gagal dilaksanakan akibat daripada ketidakupayaan kontraktor sama ada dari segi kewangan atau kepakaran, adalah disyorkan supaya syarikat yang ingin menyertai sesuatu perolehan Kerajaan diminta mengemukakan maklumat mengenai modal berbayar dan kedudukan kewangannya untuk tempoh 3 tahun serta senarai kontrak Kerajaan dan swasta yang sedang dan akan dilaksanakannya. Syarikat juga diminta untuk memaklumkan pengalamannya dalam bidang yang ingin ditawarkannya. Semua maklumat yang dikemukakan ini hendaklah disokong dengan perakuan bersumpah oleh syarikat berkenaan. Maklumat ini perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan kontraktor;
- vi. berhubung dengan masalah peralatan yang diperolehi tidak digunakan sama ada kerana bangunan belum disiapkan/peralatan tidak sesuai/peralatan dibeli berlebihan/tidak diperlukan, adalah disyorkan perkara berikut:

- pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan perolehan peralatan; dan
 - perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan yang tidak dapat digunakan terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.
- vii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius terhadap tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlulah sentiasa dikemaskini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan *accrual accounting* menjelang tahun 2015;
- viii. tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian;
- ix. tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau/menyelia sesuatu program/aktiviti/projek seperti mengenakan penalti/menyenaraihitamkan perunding tersebut daripada terlibat dengan projek Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, perjanjian dengan perunding hendaklah memasukkan peruntukan berhubung dengan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan; dan
- x. Syarikat Kerajaan hendaklah memastikan prestasi kewangannya sentiasa dalam keadaan yang baik; pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur; berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporatnya selaras dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.
- c. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan integriti. Secara tidak langsung, ia akan menyumbang ke arah pencapaian **Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah.**

**Jabatan Audit Negara
Putrajaya**

8 Oktober 2013



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2013
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

www.audit.gov.my